LAPORAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

2007

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

ISSN 0128-7524
JULAI 2008
Hak Milik Terpelihara

Untuk naskah jualan dan penerangan teknikal, sila rujuk kepada:

Pengarah Kanan,
Bahagian Perancangan Strategik,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia
Tingkat 12, Blok 10,
Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur.
Tel: 603-6203 4571 Faks: 603-6201 2573
Laman web MITI : www.miti.gov.my
e-mail: mitiweb@miti.gov.my

Perkhidmatan reka bentuk kulit dan penerbitan oleh:

OriGenius (M) Sdn. Bhd. (711997-V)
Suite 192-4A Wisma Sri Khrisna,
Jalan Tun Sambanthan, 50470 Brickfields,
Kuala Lumpur. Malaysia.
Tel: 603-2272 3443 Faks: 603-2272 4411
http://www.origenius.com.my

Dicetak oleh:

Straits Digital Sdn. Bhd. (457451-V)
Lot 10, Jalan SS 13/3F,
Kawasan Perindustrian Subang Jaya,
47500 Subang Jaya, Selangor.
Tel: 603-5634 4949, 603-5621 4948 Fax: 03-5621 6649

Harga: RM60.00

KATA PENDAHULUAN

Tahun 2007 menandakan 50 tahun kemerdekaan Malaysia. Sepanjang tempoh ini, Malaysia telah berjaya membangun menjadi sebuah ekonomi perindustrian, diterajui oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan dasar perdagangan dan pelaburan yang dinamik, serta penggubalan dasar perindustrian yang berkesan sejajar dengan cabaran perdagangan antarabangsa dan suasana pelaburan yang sentiasa berubah.

Walaupun persekitaran luaran adalah tidak menentu, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia terus meningkat dan berkembang 6.3 peratus pada tahun 2007, berbanding 5.9 peratus pada 2006. Sektor perkilangan dan perkhidmatan terus menjadi enjin pertumbuhan yang utama, dengan masing-masing menyumbang 30.1 peratus dan 53.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2007 meningkat 3.8 peratus kepada RM1.11 trilion, dengan lebihan dagangan sebanyak RM100.3 bilion. Lebihan dagangan ini merupakan lebihan yang kedua tertinggi pernah dicapai dan merupakan lebihan dagangan bagi tempoh 10 tahun berturut-turut.

Malaysia terus menarik pelaburan dalam semua bidang ekonomi yang penting, khususnya sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kejayaan ini sebahagian besar disokong oleh faktor-faktor seperti infrastruktur yang baik, dasar mesra perniagaan dan tenaga kerja mahir sedia ada. Pada tahun 2007, jumlah pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan melebihi sasaran pelaburan tahunan yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan bernilai RM59.9 bilion, bertambah dua kali ganda daripada sasaran pelaburan, manakala pelaburan dalam sektor perkhidmatan sebanyak RM65.4 bilion telah melebihi 40 peratus sasaran.

ASEAN telah menerima pakai Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN dan Piagam ASEAN pada November 2007. Adalah dijangkakan bahawa Komuniti Ekonomi ASEAN akan direalisasikan menjelang tahun 2015. Malaysia adalah komited dengan ASEAN yang kekal relevan bagi menangani cabaran politik dan ekonomi di rantau ini.

Prospek ekonomi dunia pada tahun 2008 adalah tidak menentu akibat ketidakpastian perkembangan ekonomi global. Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kelemahan dalam pertumbuhan permintaan di Eropah dan Jepun, serta peningkatan inflasi disebabkan lonjakan harga bahan tenaga dan makanan, telah memberi cabaran kepada sektor awam dan swasta.

Pihak Kerajaan dan industri perlu bekerjasama bagi memastikan Malaysia terus kekal di kalangan negara-negara perdagangan utama global pada masa hadapan.

TAN SRI DATO' MUHYIDDIN MOHD YASSIN
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Malaysia

3 Julai 2008

KANDUNGAN

BAB 1
PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA 1

Tinjauan 1
Perkembangan Ekonomi Mengikut Rantau 1
Perkembangan Perdagangan 4
Perkembangan Pelaburan 9
Prospek 11

BAB 2
PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA 13

Tinjauan 13
Eksport 14
Import 17
Arah Perdagangan 19
ASEAN 22
Amalan Perdagangan yang Diperkenalkan oleh Rakan Perdagangan Malaysia 28
Prospek 31

BAB 3
LANGKAH-LANGKAH DAN INISIATIF DASAR SEKTOR PERKILANGAN 33

Tinjauan 33
Inisiatif bagi Meningkatkan Pelaburan 33
Inisiatif Sektor Swasta 35
Membangunkan Malaysia sebagai Hab Serantau bagi Produk dan Perkhidmatan Halal 36
Inisiatif bagi Menggalakkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi 37
Pembangunan Standard 38
Alam Sekitar 40
Pembangunan dan Penyelidikan, Inovasi, Automasi dan Modenisasi 41
Pembangunan Kemahiran Dan Sumber Manusia 42
Penjenamaan 43
Prospek 44

BAB 4
PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN 55

Tinjauan 55
Projek Diluluskan mengikut Hak Milik 59
Pelaburan Asing 61
Projek Diluluskan mengikut Lokasi 64
Projek Diluluskan mengikut Insentif 66
Pelaksanaan Projek Perkilangan yang Diluluskan 66
Prospek 68

BAB 5
PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN 69

Tinjauan 69
Industri Elektrik dan Elektronik..... 73
Industri Kelengkapan Pengangkutan 80
Industri Petrokimia dan Kimia..... 86
Industri Farmaseutikal 95
Industri Logam..... 97
Industri Jentera dan Kelengkapan..... 101
Industri Galian Bukan Logam..... 106
Industri Tekstil dan Pakaian..... 110
Industri Peralatan Perubatan 113
Industri Kayu dan Produk Kayu 115
Industri Produk Getah..... 120
Industri Minyak Sawit..... 124
Industri Pemprosesan Makanan dan Minuman..... 127
Prospek..... 132

BAB 6
PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN 135

Tinjauan 135
Pelaburan dalam Sektor Perkhidmatan 135
Prestasi Subsektor Perkhidmatan Terpilih 135
Perdagangan dalam Sektor Perkhidmatan 144
Perkembangan Lain 146
Prospek..... 147

BAB 7
PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA 151

Tinjauan 151
Inisiatif Dasar dalam Pembangunan EKS 152
Program-Program Pembangunan EKS 153
Kerjasama Serantau 156
Prestasi Skim Bantuan Kewangan 158
Prospek..... 160

Bab 8
PRODUKTIVITI DALAM SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN..... 167

Tinjauan 167
Perbandingan Prestasi Produktiviti Antarabangsa 168
Prestasi Produktiviti Sektor Perkilangan 170
Produktiviti Faktor Menyeluruh Sektor Perkilangan..... 172
Prestasi Produktiviti Sektor Perkhidmatan 173
Produktiviti Faktor Menyeluruh Sektor Perkhidmatan..... 174
Prospek..... 175

BAB 9
PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA 179

Tinjauan 179
Pertanian 179
Akses Pasaran Barangan Bukan Pertanian 181
Perkhidmatan 182
Fasilitasi Perdagangan 184
Layanan Istimewa dan Berbeza 186
Aspek-aspek Perdagangan Berkaitan Hak Intelek 186
Perdagangan dan Alam Sekitar 188
Peraturan 188
Pemahaman Penyelesaian Pertikaian 189
Kemasukan ke Pertubuhan Perdagangan Dunia 190
Semakan Semula Dasar Perdagangan 190
Bantuan Teknikal 190
Prospek 191

BAB 10
KERJASAMA EKONOMI ASEAN 193

Tinjauan 193
Perdagangan 194
Pelaburan 197
Perkhidmatan 199
Kerjasama Sektoral 200
Langkah Pemudahan 204
Kerjasama Dalam Rantau ASEAN 205
Hubungan Serantau dengan Rakan-rakan Dialog 208
Prospek 213

BAB 11
PERKEMBANGAN DALAM KUMPULAN SERANTAU 217

Tinjauan 217
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 217
Pertubuhan Persidangan Negara Islam 223
Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun 224
Kumpulan Serantau yang Lain 225
Prospek 227

Artikel Kotak

BAB 3
Kotak 3.1: Koridor Serantau di Malaysia 45
Kotak 3.2: Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020 49

BAB 6
Kotak 6.1: Liberalisasi Perkhidmatan 148

BAB 7
Kotak 7.1: SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE) 161
Kotak 7.2: Pusat Rujukan Inovasi EKS Kebangsaan 164

BAB 8
Kotak 8.1: Pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh yang Lebih Tinggi ke Arah Daya Saing 176

BAB 10
Kotak 10.1: Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 213
Kotak 10.2: Pelan Tindakan EKS ASEAN 215

Jadual

BAB 1
Jadual 1.1: Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia 2
Jadual 1.2: Prestasi Perdagangan Barangan 4
Jadual 1.3: Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Barangan Dunia, 2007 5
Jadual 1.4: Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Perkhidmatan Komersil Dunia. 2007 7
Jadual 1.5: Aliran Masuk FDI Dunia 9

BAB 2
Jadual 2.1: Perdagangan Luar 13
Jadual 2.2: 20 Rakan Perdagangan Utama 14
Jadual 2.3: Eksport mcngikut Sektor 15
Jadual 2.4: 20 Destinasi Utama Eksport 16
Jadual 2.5: Import Barang Akhir 18

Jadual 2.6: 20 Sumber Import Utama 19
Jadual 2.7: Perdagangan Malaysia dengan ASEAN 22
Jadual 2.8: Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT 23
Jadual 2.9: Eksport Utama Malaysia di bawah Skim CEPT, 2007 23
Jadual 2.10: Perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah 29

BAB 3
Jadual 3.1: Permohonan dan Kelulusan bagi Pensijilan Halal, 2007 37
Jadual 3.2: Standard Malaysia sehingga Disember 2007 39
Jadual 3.3: Senarai Standard Mandatori yang Diterima Pakai pada 2007 40
Jadual 3.4: Projek-projek yang Diluluskan dibawah Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Mekanisma Pembangunan Bersih, 2007 40
Jadual 3.5: Petunjuk Sains, Teknologi dan Inovasi, 2000-2005 41
Jadual 3.6: Kelulusan di bawah SLSAM (Sehingga 31 Disember 2007) 42
Jadual 3.7: Bilangan Pelatih, 2006-2007 43
Jadual 3.8: Kelulusan Geran Promosi Penjenamaan, 2004-2007 44

BAB 4
Jadual 4.1: Projek Perkilangan Diluluskan 56
Jadual 4.2: Purata sasaran Pelaburan Tahunan dibawah IMP3 bagi 12 Sektor Perindustrian yang Disasar 56
Jadual 4.3: Projek Perkilangan yang Diluluskan mengikut Industri 58
Jadual 4.4: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Hak Milik Majoriti Rakyat Malaysia mengikut Industri 60
Jadual 4.5: Projek Perkilangan Diluluskan dengan Penyertaan Asing mengikut Sumber Utama 63
Jadual 4.6: Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri 65
Jadual 4.7: Projek Diluluskan dengan Insentif, 2007 66

BAB 5
Jadual 5.1: Prestasi Sektor Perkilangan 69
Jadual 5.2: Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan Terpilih 69
Jadual 5.3: Jualan Industri Perkilangan Terpilih 70
Jadual 5.4: Guna Tenaga dalam Industri Perkilangan Terpilih 71
Jadual 5.5: Pelaburan dalam Sektor Perkilangan 71
Jadual 5.6: Eksport Produk Perkilangan 72
Jadual 5.7: Import Produk Perkilangan 72
Jadual 5.8: Indeks Pengeluaran Subsektor E&E Terpilih Industri E&E 73
Jadual 5.9: Jualan bagi Produk E&E Terpilih 73
Jadual 5.10: Guna Tenaga bagi Subsektor E&E Terpilih 74
Jadual 5.11: Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor E&E Terpilih 75
Jadual 5.12: Pelaburan bagi Industri E&E 75
Jadual 5.13: Eksport Produk E&E Terpilih 76
Jadual 5.14: Import Produk E&E Terpilih 77
Jadual 5.15: Pengeluaran Kenderaan Bermotor 80
Jadual 5.16: Penggunaan Kapasiti bagi Kenderaan Bermotor 81
Jadual 5.17: Jualan Kenderaan Bermotor 81
Jadual 5.18: Pelaburan bagi Kenderaan Bermotor 82
Jadual 5.19: Eksport dan Import Kenderaan Bermotor 82
Jadual 5.20: Jualan Motosikal 82
Jadual 5.21: Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor Automotif 84

Jadual 5.22: Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih bagi Subsektor 87
Jadual 5.23: Jualan Produk Petroleum Terpilih termasuk Petrokimia dan Produk Plastik termasuk Petrokimia dan Produk Plastik 87
Jadual 5.24: Guna Tenaga dalam Segmen Terpilih bagi Subsektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik 88
Jadual 5.25: Petunjuk Produktiviti Segmen Terpilih bagi Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik 88
Jadual 5.26: Pelaburan dalam Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik 89
Jadual 5.27: Eksport Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik.... 89
Jadual 5.28: Import Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik 90
Jadual 5.29: Indeks Pengeluaran bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 91
Jadual 5.30: Jualan bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 92
Jadual 5.31: Guna Tenaga dalam Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 92
Jadual 5.32: Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 93
Jadual 5.33: Pelaburan bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 93
Jadual 5.34: Eksport bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 93
Jadual 5.35: Import bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 94
Jadual 5.36: Indeks Pengeluaran Industri Farmaseutikal 95
Jadual 5.37: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Farmaseutikal 95
Jadual 5.38: Pelaburan bagi Industri Farmaseutikal 96
Jadual 5.39: Eksport bagi Produk Farmaseutikal 96
Jadual 5.40: Import bagi Produk Farmaseutikal 96
Jadual 5.41: Pengeluaran bagi Produk Besi dan Keluli Terpilih 98
Jadual 5.42: Petunjuk Produktiviti bagi Segmen Besi dan Keluli 98
Jadual 5.43: Pelaburan dalam Segmen Besi dan Keluli 99
Jadual 5.44: Eksport Produk Besi dan Keluli Terpilih 99
Jadual 5.45: Import Produk Besi dan Keluli Terpilih 99
Jadual 5.46: Pelaburan dalam Subsektor Logam Bukan Ferus 100
Jadual 5.47: Indeks Pengeluaran Produk Terpilih bagi Industri Jentera dan Kelengkapan 102
Jadual 5.48: Jualan Produk terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan Terpilih 102
Jadual 5.49: Guna Tenaga dalam Produk Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan 102
Jadual 5.50: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Jentera dan Kelengkapan 103
Jadual 5.51: Pelaburan dalam Industri Jentera dan Kelengkapan 103
Jadual 5.52: Pelaburan dalam Subsektor Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan 103
Jadual 5.53: Indeks Pengeluaran Subsektor Terpilih dalam Industri Galian Bukan Logam 106
Jadual 5.54: Kapasiti Terpasang dan Kadar Penggunaan bagi Simen dan Klinker 106
Jadual 5.55: Jualan bagi Produk Galian Bukan Logam Terpilih 107
Jadual 5.56: Guna Tenaga dalam Industri Galian Bukan Logam 107
Jadual 5.57: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Galian Bukan Logam Terpilih 108
Jadual 5.58: Pelaburan dalam Industri Galian Bukan Logam 108
Jadual 5.59: Indeks Pengeluaran bagi Industri Tekstil dan Pakaian 110
Jadual 5.60: Jualan Produk Tekstil dan Pakaian 111
Jadual 5.61: Guna Tenaga dalam Industri Tekstil dan Pakaian 111
Jadual 5.62: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Tekstil dan Pakaian 111
Jadual 5.63: Pelaburan dalam Industri Tekstil dan Pakaian 112
Jadual 5.64: Eksport Produk Tekstil dan Pakaian 112
Jadual 5.65: Import Produk Tekstil dan Pakaian 112
Jadual 5.66: Petunjuk Produktiviti Industri Peralatan Perubatan 113
Jadual 5.67: Pelaburan dalam Industri Peralatan Perubatan 113
Jadual 5.68: Eksport Produk Peralatan Perubatan Terpilih 114

Jadual 5.69: Import Produk Peralatan Perubatan Terpilih 114
Jadual 5.70: Indeks Pengeluaran Industri Kayu dan Produk Kayu 116
Jadual 5.71: Jualan Produk Berasaskan Kayu 116
Jadual 5.72: Guna Tenaga dalam Industri Kayu dan Produk Kayu 117
Jadual 5.73: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Kayu dan Produk Kayu 117
Jadual 5.74: Pelaburan dalam Industri Kayu dan Produk Kayu 119
Jadual 5.75: Eksport Kayu dan Produk Kayu 119
Jadual 5.76: Import Kayu dan Produk Kayu 119
Jadual 5.77: Indeks Pengeluaran Industri Produk Getah 121
Jadual 5.78: Jualan Produk Getah 121
Jadual 5.79: Guna Tenaga dalam Industri Produk Getah 121
Jadual 5.80: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Produk Getah 122
Jadual 5.81: Pelaburan dalam Industri Produk Getah 122
Jadual 5.82: Eksport Produk Getah 123
Jadual 5.83: Import Produk Getah 123
Jadual 5.84: Pengeluaran Industri Minyak Sawit 124
Jadual 5.85: Pelaburan dalam Industri Minyak Sawit 125
Jadual 5.86: Eksport Produk Minyak Sawit 125
Jadual 5.87: Import Produk Minyak Sawit 126
Jadual 5.88: Indeks Pengeluaran Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih 127
Jadual 5.89: Jualan Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih 128
Jadual 5.90: Guna Tenaga dalam Industri Makanan Diproses dan Minuman 128
Jadual 5.91: Petunjuk Produktiviti bagi Industri Makanan Diproses dan Minuman Terpihlih 129
Jadual 5.92: Pelaburan dalam Industri Makanan Diproses dan Minuman 130
Jadual 5.93: Eksport Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih 130
Jadual 5.94: Import Makanan Diproses dan Minuman Terpilih 131

BAB 6
Jadual 6.1: Petunjuk Utama Sektor Perkhidmatan 135
Jadual 6.2: Pelaburan Diluluskan dalam Subsektor Perkhidmatan 136
Jadual 6.3: Pelaburan Diluluskan dalam Perkhidmatan Sokongan 139
Jadual 6.4: Pelaburan Diluluskan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan 142
Jadual 6.5: Pelaburan Diluluskan bagi Projek Hotel dan Pelancongan 143
Jadual 6.6: Eksport dan Import Perkhidmatan Bukan Kerajaan 144

BAB 7
Jadual 7.1: Sumbangan EKS Terhadap Sektor Perkilangan 151

BAB 8
Jadual 8.1: Tahap Produktiviti dan Pertumbuhan Relatif Negara Terpilih, 2007 169

BAB 10
Jadual 10.1: Pekej CEPT 2008 untuk CLMV 194
Jadual 10.2: Kadar Purata CEPT 195
Jadual 10.3: Bilangan Garis Tarif bagi Pekej CEPT 2007 195
Jadual 10.4: Perdagangan Intra-ASEAN 197
Jadual 10.5: Aliran Pelaburan Intra-ASEAN, 2006 198

Carta

BAB 2
Carta 2.1: Prestasi Perdagangan Malaysia, 1998-2007 13
Carta 2.2: Perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut, 1998-2007 20
Carta 2.3: Perdagangan Malaysia dengan ASEAN, 1998-2007 24
Carta 2.4: Perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara, 1998-2007..... 25
Carta 2.5: Perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah, 1998-2007..... 27

BAB 4
Carta 4.1: Pelaburan dalam Projek Diluluskan, 2002-2007 55
Carta 4.2: Projek Diluluskan mengikut Nisbah CIPE, 2001-2007 57
Carta 4.3: Pelaburan Asing dalam Projek yang Diluluskan mengikut Industri Utama, 2007 . 61
Carta 4.4: Sumber Utama Pelaburan Asing dalam Projek yang Diluluskan mengikut Negara, 2007 62
Carta 4.5: Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2007 66
Carta 4.6: Status Pelaksanaan Projek Perkilangan Diluluskan bagi tempoh 2002-2007..... 67

BAB 5
Carta 5.1: Destinasi Eksport Utama bagi Produk Besi dan Keluli 99
Carta 5.2: Sumber Import Utama bagi Produk Besi dan Keluli 100
Carta 5.3: Eksport Produk Jentera dan Kelengkapan 104
Carta 5.4: Import Produk Jentera dan Kelengkapan..... 104
Carta 5.5: Eksport Produk Galian Bukan Logam Terpilih..... 109
Carta 5.6: Import Produk Galian Bukan Logam Terpilih 110

BAB 6
Carta 6.1: Bilangan Pertubuhan Serantau Diluluskan (Sehingga 31 Disember 2007) 136
Carta 6.2: Perbelanjaan Perniagaan Tahunan mengikut Pertubuhan Serantau, 2006 -2007.. 137
Carta 6.3: Kelulusan Syarikat Berstatus MSC mengikut Kelompok Teknologi (Sehingga 31 Disember 2007) 141

BAB 7
Carta 7.1: Kelulusan Skim Pinjaman Mudah mengikut Negeri, 2007 158
Carta 7.2: Kelulusan Skim Pinjaman Mudah mengikut Subsektor, 2007 158
Carta 7.3: Kelulusan Skim Pinjaman Mudah 2006-2007 159
Carta 7.4: Kelulusan Skim Geran mengikut Negeri, 2007 160
Carta 7.5: Kelulusan Geran mengikut Sektor, 2007 160
Carta 7.6: Kelulusan Skim Geran, 2006-2007..... 161

BAB 8
Carta 8.1: Pertumbuhan Produktiviti Malaysia, 2006-2007 167
Carta 8.2: Pertumbuhan Produktiviti mengikut Sektor Ekonomi, 2007..... 167
Carta 8.3: Tahap Produktiviti mengikut Sektor Ekonomi, 2007 168
Carta 8.4: Pertumbuhan Produktiviti bagi Malaysia dan Negara OECD Terpilih, 2007..... 169

Carta 8.5: Pertumbuhan Produktiviti bagi Malaysia dan Negara Asia Terpilih, 2007 170
Carta 8.6: Pertumbuhan Produktiviti bagi Subsektor Perkilangan, 2007 170
Carta 8.7: Perubahan dalam Unit Kos Buruh bagi Subsektor Perkilangan, 2007 171
Carta 8.8: Pertumbuhan Kos Buruh Setiap Pekerja bagi Subsektor Perkilangan, 2007 171
Carta 8.9: Sumber Pertumbuhan TFP dalam Sektor Perkilangan, 2002-2007 172
Carta 8.10 Pertumbuhan TFP Subsektor Perkilangan, 2002-2007 173
Carta 8.11: Pertumbuhan Produktiviti bagi Subsektor Perkhidmatan, 2007 174
Carta 8.12: Tahap Produktiviti bagi Subsektor Perkhidmatan, 2007 174
Carta 8.13: Pertumbuhan TFP bagi Subsektor Perkhidmatan, 2003-2007 175

Lampiran

Lampiran 1: Pertubuhan dan Kumpulan Keahlian 231
Lampiran 2: Data Perdagangan Malaysia 233
Lampiran 3: Projek Perkilangan yang Diluluskan dengan Penyertaan Negara Asing 261
Lampiran 4: Perjanjian-perjanjian Dua Hala Perdagangan dan Pelaburan 263
Lampiran 5: Pelesenan Import 267
Lampiran 6: Senarai Sensitif dan Pengecualian Sementara bagi Pelaburan di Negara-Negara ASEAN di Bawah Perjanjian Kawasan Pelaburan ASEAN 273
Lampiran 7: MITI dan Agensi - Carta Organisasi dan Alamat 293
Lampiran 8: Singkatan Dan Akronim 317

Bab 1 PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA

TINJAUAN

Secara keseluruhannya, ekonomi dunia berkembang dengan kadar 4.9 peratus pada 2007 berbanding 5 peratus tahun 2006. Ekonomi baru muncul seperti Republik Rakyat China dan India terus berkembang pada kadar yang menggalakkan. Pertumbuhan pesat di kalangan ekonomi baru muncul dan negara membangun adalah disumbang oleh peningkatan produktiviti hasil daripada integrasi global yang berterusan dan terma perdagangan yang lebih baik kepada pengeksport komoditi susulan daripada kenaikan mendadak harga komoditi, seperti minyak dan bahan mentah serta pengukuhan dasar makroekonomi.

Pada 2007, perdagangan barangan dunia telah berkembang sebanyak 5.5 peratus. Jumlah eksport barangan dunia telah meningkat sebanyak 14.8 peratus kepada AS$13.9 trilion, manakala import barangan berkembang sebanyak 14.4 peratus kepada AS$14.2 trilion. Perkembangan dalam perdagangan barangan dunia disumbang terutamanya oleh negara-negara membangun di mana syer jumlah perdagangan dunia meningkat 34 peratus pada 2007. Bagi tempoh yang sama, jumlah eksport perkhidmatan komersil dunia meningkat 17.8 peratus kepada US$3.3 trilion, manakala import meningkat 16.4 peratus kepada US$3.1 trilion. Peningkatan tersebut, antara lainnya terus diterajui oleh perkhidmatan telekomunikasi, pembinaan, kewangan dan insuran, kebudayaan dan rekreasi serta perkhidmatan profesional dan teknikal.

Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) dunia meningkat 17.8 peratus kepada AS$1.5 trilion pada 2007. Negara maju merupakan penerima utama FDI melebihi AS$1 trilion atau 65.1 peratus syer FDI dunia. Aliran FDI ke negara membangun dan negara dalam peralihan masing-masing berkembang 15.7 peratus dan 40.8 peratus. Peningkatan dalam FDI dunia disumbang oleh pertumbuhan pesat yang dicapai syarikat multinasional serta prestasi ekonomi negara-negara membangun yang memberangsangkan.

PERKEMBANGAN EKONOMI MENGIKUT RANTAU

Asia

Asia sebagai satu rantau, tidak termasuk Jepun, merekodkan perkembangan sebanyak 9.1 peratus pada 2007 berbanding 8.9 peratus pada 2006. Ini disumbang pertumbuhan yang lebih pesat pada setengah tahun kedua 2007, biarpun terdapat beberapa petanda yang menggambarkan kemerosotan. Secara keseluruhannya, pertumbuhan di Asia terus diterajui oleh Republik Rakyat China dan India. Output **Republik Rakyat China** berkembang sebanyak 11.4 peratus (2006: 11.1 peratus), perkembangan ini dipacu terutamanya oleh peningkatan yang kukuh dalam pelaburan dan eksport bersih. Pertumbuhan ekonomi **India** menunjukkan sedikit penurunan kepada 9.2 peratus (2006: 9.7 peratus), kesan daripada peningkatan kadar inflasi dan amalan dasar kewangan yang lebih ketat yang mengakibatkan pengurangan dalam perbelanjaan pengguna.

Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) mencatatkan pertumbuhan ekonomi 6.5 peratus pada 2007 berbanding 6 peratus pada 2006. Perkembangan ini secara amnya disumbang oleh perbelanjaan domestik yang memberangsangkan. Di **Filipina**, pertumbuhan ekonomi telah mencatatkan perkembangan 7.3 peratus (2006: 5.4 peratus) dengan disokong oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan domestik, eksport bersih dan pelaburan. Di **Indonesia**, ekonominya berkembang pada kadar 6.3 peratus pada 2007 (2006: 5.5 peratus) kesan daripada peningkatan dalam perbelanjaan dan pelaburan swasta serta eksport bersih. Namun begitu, Singapura dan Thailand mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Pertumbuhan ekonomi **Singapura** berkurang sedikit kepada 7.7 peratus (2006: 8.2 peratus) disebabkan

oleh pertumbuhan barangan elektronik yang lemah dan penurunan dalam pengeluaran produk farmaseutikal. Pertumbuhan ekonomi **Thailand** menurun kepada 4.8 peratus (2006: 5.1 peratus) kesan daripada penurunan perbelanjaan dan pelaburan yang berpunca daripada ketidaktentuan politik.

Ekonomi **Malaysia** terus mencatatkan perkembangan yang baik dengan pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus pada 2007 berbanding 5.9 peratus pada 2006. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan permintaan domestik meskipun terdapat persekitaran luar yang lemah. Ketahanan ekonomi Malaysia dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global adalah disebabkan oleh kekukuhan sektor isirumah dan korporat, sistem perbankan domestik, pengurusan fiskal yang berhemah, lebihan akaun perdagangan yang besar serta rizab antarabangsa negara yang tinggi.

Walaupun **Jepun** mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan iaitu pada kadar 2.1 peratus pada 2007 berbanding 2.4 peratus pada 2006, keadaan ekonominya masih kekal berdaya tahan dalam situasi ekonomi global yang lembap pada suku tahun terakhir 2007. Pertumbuhan Jepun terus diterajui oleh eksport bersih yang pesat, terutamanya ke negara-negara Asia baru muncul serta pelaburan dalam perniagaan. Namun demikian, harga makanan dan minyak yang semakin tinggi serta kenaikan gaji yang perlahan terus memberi tekanan ke atas perbelanjaan di Jepun. Pelaburan ke Jepun mungkin akan turut terjejas sekiranya keadaan ekonomi global terus lembap dan syarat-syarat kredit diperketatkan.

Pada 2007, **Asia Barat** mengekalkan tahap pencapaian pertumbuhan ekonominya seperti tahun sebelumnya pada 5.8 peratus. Negara-negara pengeksport minyak di rantau ini terus mendapat manfaat daripada kenaikan harga minyak dan kejatuhan dalam nilai mata wang Amerika Syarikat (AS) seterusnya meningkatkan hasil pendapatan eksportnya. Pertumbuhan di rantau ini juga didorong oleh limpahan perdagangan dan kewangan daripada negara-negara mengeksport minyak. Bagaimanapun, peningkatan kadar inflasi akan terus mendapat perhatian rantau ini.

Jadual 1.1 :
Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia

Negara	2007		2006
	Perubahan (%)	Nilai KDNK [1] (US$ Bilion)	Perubahan (%)
Dunia	**4.9**		**5.0**
AS	**2.2**	**13,843.8**	**2.9**
ASEAN			
Singapura	7.7	161.3	8.2
Filipina	7.3	144.1	5.4
Indonesia	6.3	432.9	5.5
Malaysia	**6.3**	**156.1**	**5.9**
Thailand	4.8	245.7	5.1
Asia Timur			
Republik Rakyat China	11.4	3,250.8	11.1
Taiwan	5.7	383.3	4.9
Republik Korea	5.0	957.1	5.1
Jepun	2.1	4,383.8	2.4
Asia Selatan			
India	9.2	1,098.9	9.7
Pakistan	6.4	143.8	6.9
Bangladesh	5.6	72.4	6.4
Asia Barat			
Mesir	7.1	127.9	6.8
Iran	5.8	294.1	5.8
Arab Saudi	4.1	376.0	4.3
Afrika			
Angola	21.1	61.4	18.6
Kenya	7.0	29.3	6.1
Nigeria	6.4	166.8	6.2
Afrika Selatan	5.1	282.6	5.4
Kanada	**2.7**	**1,432.1**	**2.8**
Australia	**3.9**	**908.8**	**2.8**
New Zealand	**3.0**	**128.1**	**1.5**
Kesatuan Eropah			
Belanda	3.5	768.7	3.0
Jerman	2.5	3,322.1	2.9
UK	3.1	2,772.6	2.9
Perancis	1.9	2,560.3	2.0
Itali	1.5	2,104.7	1.8
Amerika Latin			
Peru	9.0	109.1	7.6
Argentina	8.7	260.0	8.5
Venezuela	8.4	236.4	10.3
Colombia	7.0	171.6	6.8
Brazil	5.4	1,313.6	3.8
Chile	5.0	163.8	4.0
Mexico	3.3	893.4	4.8

Sumber: International Monetary Fund, World Economic Outlook, April 2008
Nota: [1] Nilai KDNK pada harga semasa

Amerika Utara

Pertumbuhan ekonomi **AS** menguncup 2.2 peratus pada 2007 berbanding pertumbuhan sebanyak 2.9 peratus pada 2006. Ini disebabkan oleh penurunan ketara dalam perbelanjaan dan pelaburan perniagaan. Pelaksanaan syarat-syarat pinjaman yang lebih ketat susulan masalah di sektor perumahan turut menyumbang kepada krisis kewangan di AS dalam suku tahun terakhir 2007. Namun demikian, AS masih dapat mengekalkan eksport bersih kerana penyusutan nilai mata wang AS telah menjadikan produk keluarannya lebih berdaya saing dan terdapat peningkatan permintaan daripada rakan-rakan perdagangannya.

Ekonomi **Kanada** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus pada 2007 berbanding 2.8 peratus pada 2006. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh permintaan luar yang lemah dan syarat-syarat kredit yang semakin ketat.

Eropah

Eropah terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada 2007 meskipun mengalami kemerosotan dalam sentimen pengguna dan perniagaan dalam suku tahun terakhir 2007. Kemerosotan ini disebabkan perkembangan ekonomi AS yang lembap dan kesan daripada kenaikan harga minyak ke atas pendapatan boleh guna sebenar. Secara keseluruhannya, ekonomi Eropah berkembang sebanyak 2.6 peratus pada 2007, rendah sedikit berbanding pertumbuhan 2.8 peratus yang dicapai pada 2006. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan yang kukuh, pertumbuhan peluang pekerjaan yang mantap serta permintaan global yang kukuh. Pada 2007, pertumbuhan ekonomi di **United Kingdom** (UK) berkembang sebanyak 3.1 peratus (2006: 2.9 peratus) meskipun mengalami kemelesetan dalam sektor perbankannya, manakala pertumbuhan yang lebih perlahan dicatatkan untuk **Jerman** pada 2.5 peratus (2006 : 2.9 peratus). **Perancis** dan **Itali** turut mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan masing-masing pada 1.9 peratus (2006: 2 peratus) dan 1.5 peratus (2006: 1.8 peratus).

Australia dan New Zealand

Pada 2007, Australia dan New Zealand merekodkan pertumbuhan yang lebih menggalakkan berbanding 2006. Ekonomi **Australia** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya, manakala ekonomi **New Zealand** berkembang 3 peratus berbanding 1.5 peratus pada 2006. Penerimaan dasar fiskal yang berhemah serta kadar pertukaran yang fleksibel telah memberi perlindungan yang mencukupi kepada kedua-dua negara ini untuk menghadapi sebarang kemungkinan kemerosotan dalam persekitaran luaran.

Afrika

Ekonomi **Afrika** terus berkembang pada 2007 mencatatkan 6.2 peratus berbanding 5.9 peratus pada 2006. Pertumbuhan ekonomi rantau ini didorong pertumbuhan negara-negara pengeksport minyak yang lebih kukuh, penambahbaikan dalam kestabilan makroekonomi di peringkat rantau, peningkatan dalam aliran masuk modal serta peningkatan pengeluaran minyak. Pertumbuhan paling ketara dicatatkan oleh **Angola** pada 21.1 peratus (2006: 18.6 peratus) hasil dari kenaikan dalam pengeluaran minyak serta galian berharga. Pertumbuhan ekonomi **Nigeria** pada 6.4 peratus (2006: 6.2 peratus) adalah hasil daripada pertumbuhan pesat dalam sektor pertanian. Ekonomi **Afrika Selatan** menguncup kepada 5.1 peratus daripada 5.4 peratus pada 2006. Ini adalah berikutan pelaksanaan dasar kewangan yang lebih ketat bagi mengawal tekanan inflasi akibat kenaikan harga makanan dan minyak.

Amerika Latin

Pada 2007, ekonomi **Amerika Latin** merekodkan pertumbuhan pesat 5.6 peratus berbanding 5.5 peratus pada 2006. Negara-negara pengeksport komoditi utama di rantau ini terus mencatatkan kadar pertumbuhan mantap pada 2007, misalnya ekonomi **Argentina** berkembang pada kadar 8.7 peratus, **Colombia** (7 peratus), **Peru** (9 peratus) dan **Venezuela** (8.4 peratus). Di **Brazil**, pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.4 peratus didorong oleh penurunan dalam kadar faedah sebenar dan peningkatan guna tenaga. Ekonomi **Mexico** telah merosot kepada 3.3 peratus berbanding pertumbuhan sebanyak 4.8 peratus pada 2006 disebabkan keadaan ekonomi AS yang lembap. Secara keseluruhannya, peningkatan dalam aliran masuk modal asing telah menyumbang

kepada pertumbuhan pesat ke rantau ini pada 2007. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar inflasi akibat kenaikan harga makanan dan tenaga telah menjejaskan pertumbuhan tersebut.

PERKEMBANGAN PERDAGANGAN

Menurut Pertubuhan Perdagangan Dunia, kadar peningkatan perdagangan dunia pada tahun 2007 adalah lebih perlahan seiring dengan kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia. Pada 2007, perdagangan barangan dunia berkembang 5.5 peratus berbanding 8.5 peratus pada 2006. Ini disebabkan oleh penurunan dalam permintaan daripada negara-negara maju seperti AS, Eropah dan Jepun. Penurunan dalam kadar pertumbuhan import AS telah menjejaskan pertumbuhan eksport negara-negara yang bergantung kepada pasaran AS.

Nilai eksport barangan dunia meningkat sebanyak 14.8 peratus kepada AS$13.9 trilion pada 2007 berbanding AS$12.1 trilion pada 2006. Ini didorong oleh kenaikan harga[1] dan susut nilai mata wang AS yang seterusnya menaikkan nilai transaksi perdagangan antarabangsa dalam dolar. Peningkatan eksport Eropah berasaskan transaksi dalam nilai mata wang AS pada 2007 turut menggambarkan kenaikan nilai mata wang Eropah berbanding dolar AS. Republik Rakyat China telah mengatasi AS sebagai pengeksport barangan kedua terbesar dunia pada 2007.

Dalam tempoh yang sama, eksport perkhidmatan komersil dunia turut meningkat 17.8 peratus kepada AS$3.3 trilion berbanding AS$2.8 trilion pada 2006. Peningkatan eksport perkhidmatan komersil didahului oleh perkhidmatan telekomunikasi, pembinaan,

Jadual 1.2 :
Prestasi Perdagangan Barangan

Negara Terpilih	Eksport			Import		
	2007 (AS$ bilion)	Perubahan (%)	2006 (AS$ bilion)	2007 (AS$ bilion)	Perubahan (%)	2006 (AS$ bilion)
Dunia	**13,898.0**	**14.8**	**12,108.0**	**14,211.0**	**14.4**	**12,427.0**
Asia	**4,129.0**	**15.5**	**3,576.2**	**3,802.9**	**14.1**	**3,332.7**
Republik Rakyat China	1,217.9	25.7	968.9	955.8	20.8	791.5
Jepun	712.8	10.2	647.0	621.0	7.1	579.6
ASEAN	**862.7**	**11.9**	**770.9**	**773.3**	**12.1**	**689.8**
Singapura	299.3	10.1	271.8	263.2	10.2	238.7
Malaysia	**176.2**	**9.7**	**160.7**	**147.0**	**12.1**	**131.2**
Thailand	152.5	16.6	130.8	141.3	8.2	130.6
Indonesia	118.0	14.2	103.5	91.7	14.2	80.3
Filipina	50.3	6.0	47.4	57.2	5.7	54.1
Asia Barat	**721.0**	**9.6**	**657.9**	**461.8**	**22.5**	**376.9**
AS	**1,163.2**	**12.2**	**1,036.7**	**2,017.0**	**5.2**	**1,921.0**
Mexico	**272.0**	**8.6**	**250.4**	**296.6**	**10.6**	**267.6**
Eropah	**5,768.8**	**15.9**	**4,975.5**	**6,054.5**	**15.6**	**5,237.9**
Kesatuan Eropah-27	5,314.0	15.7	4,591.0	5,568.5	15.3	4,830.0
Amerika Latin	**495.6**	**14.9**	**431.3**	**454.6**	**25.6**	**361.8**
MERCOSUR	224.4	18.0	190.2	184.1	30.9	140.6
Afrika	**421.9**	**15.2**	**366.1**	**355.1**	**22.4**	**290.1**

Sumber : Pertubuhan Perdagangan Dunia

[1] *Menurut International Monetary Fund pada 2007, peningkatan ketara dalam harga eksport telah dicatatkan bagi produk logam (18 peratus), makanan dan minuman (15 peratus) dan bahan api (10 peratus) sementara harga eksport untuk bahan mentah pertanian meningkat 5 peratus.*

kewangan dan insuran, kebudayaan dan rekreasi, serta profesional dan teknikal. Secara keseluruhannya, eksport perkhidmatan meningkat 19.4 peratus kepada AS$1.7 trilion (2006: AS$1.4 trilion) dan menyumbang 50.7 peratus jumlah eksport perkhidmatan komersil dunia.

Pada 2007, pertumbuhan import barangan dunia mencatat penurunan kepada 5.5 peratus daripada 8 peratus pada 2006. Jumlah import barangan dunia meningkat 14.4 peratus kepada AS$14.2 trilion berbanding peningkatan sebanyak 15 peratus kepada AS$12.4 trilion yang dicatat pada 2006. Pertumbuhan import global yang lebih perlahan disebabkan penurunan dalam pertumbuhan import AS, Eropah, Jepun dan negara-negara membangun dari Asia yang menjadi pengimport minyak.

Dalam tempoh yang sama, jumlah import perkhidmatan komersil dunia meningkat 16.4 peratus kepada AS$3.1 trilion berbanding AS$2.6 trilion pada 2006. Ini didorong oleh peningkatan dalam import perkhidmatan komersil di Eropah yang mencatatkan kenaikan sebanyak 17.4 peratus kepada AS$1.4 trilion.

Jadual 1.3 :
Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Barangan Dunia, 2007

Kedudukan	Pengeksport	Nilai (AS$ bil.)	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	Pengimport	Nilai (AS$ bil.)	Syer (%)	Perubahan (%)
1	Jerman	1,326.5	9.5	19.7	1	AS	2,017.0	14.2	5.2
2	Republik Rakyat China	1,217.9	8.8	25.7	2	Jerman	1,059.4	7.5	16.8
3	AS	1,163.2	8.4	12.2	3	Republik Rakyat China	955.8	6.7	20.8
4	Jepun	712.8	5.1	10.2	4	Jepun	621.0	4.4	7.1
5	Perancis	552.2	4.0	11.4	5	UK	617.2	4.3	2.7
6	Belanda	550.6	4.0	18.8	6	Perancis	613.2	4.3	13.2
7	Itali	491.5	3.5	17.9	7	Itali	504.6	3.6	14.0
8	UK	435.6	3.1	-2.9	8	Belanda	490.6	3.5	17.7
9	Belgium	432.3	3.1	17.8	9	Belgium	415.8	2.9	18.1
10	Kanada	418.5	3.0	7.8	10	Kanada	389.7	2.7	9.0
11	Republik Korea	371.6	2.7	14.2	11	Sepanyol	373.6	2.6	13.7
12	Rusia	355.2	2.6	16.9	12	Hong Kong SAR	370.7	2.6	10.4
13	Hong Kong SAR	349.7	2.5	8.4	13	Republik Korea	356.6	2.5	15.3
14	Singapura	299.3	2.2	10.1	14	Mexico	296.6	2.1	10.6
15	Mexico	272.0	2.0	8.6	15	Singapura	263.2	1.9	10.2
16	Taiwan	246.4	1.8	10.2	16	Rusia	223.1	1.6	35.4
17	Sepanyol	242.0	1.7	13.2	17	Taiwan	219.6	1.5	8.2
18	Arab Saudi	228.6	1.6	8.2	18	India	216.7	1.5	23.6
19	**Malaysia**	**176.2**	**1.3**	**9.7**	19	Turki	170.0	1.2	21.8
20	Switzerland	171.6	1.2	16.2	20	Australia	165.3	1.2	18.7
21	Sweden	168.2	1.2	13.8	21	Austria	161.8	1.1	17.9
22	Austria	162.2	1.2	18.6	22	Poland	160.8	1.1	26.6
23	Brazil	160.6	1.2	16.6	23	Switzerland	160.8	1.1	13.8
24	Emiriyah Arab Bersatu	154.0	1.1	8.1	24	Sweden	150.0	1.1	17.6
25	Thailand	152.5	1.1	16.6	**25**	**Malaysia**	**147.0**	**1.0**	**12.1**
26	India	145.2	1.0	20.2	26	Thailand	141.3	1.0	8.2
27	Australia	141.1	1.0	14.3	27	Brazil	126.6	0.9	32.1
28	Norway	139.4	1.0	14.2	28	Emiriyah Arab Bersatu	121.1	0.9	23.7
29	Poland	137.6	1.0	24.2	29	Republik Czech	118.0	0.8	26.6
30	Republik Czech	122.4	0.9	29.0	30	Denmark	99.4	0.7	16.2

Sumber : Pertubuhan Perdagangan Dunia

Perkembangan Perdagangan Mengikut Rantau

Asia

Pada 2007, jumlah eksport barangan Asia meningkat 15.5 peratus kepada AS$4.1 trilion (2006: pertumbuhan 16.9 peratus, AS$3.6 trilion), manakala jumlah import meningkat sebanyak 14.1 peratus kepada AS$3.8 trilion (2006: pertumbuhan 15.4 peratus, AS$3.3 trilion). Di kalangan negara Asia, **Republik Rakyat China** merupakan pengeksport terbesar di rantau ini dengan jumlah eksport meningkat sebanyak 25.7 peratus kepada AS$1.2 trilion (2006: pertumbuhan 27.2 peratus, AS$968.9 trilion). Republik Rakyat China turut menyumbang 8.8 peratus jumlah eksport barangan dunia pada 2007 dan mengatasi AS sebagai pengeksport kedua terbesar dunia. Pada 2007, jumlah import Republik Rakyat China meningkat 20.8 peratus kepada AS$955.8 bilion (2006: pertumbuhan 19.9 peratus, AS$791.5 bilion) dan kekal sebagai pengimport ketiga terbesar dunia yang meyumbang 6.7 peratus import barangan dunia.

Jepun mencatat peningkatan sebanyak 10.2 peratus dalam eksport barangan kepada AS$712.8 bilion pada 2007 (2006: pertumbuhan 8.8 peratus, AS$647 bilion), manakala import barangan meningkat sebanyak 7.1 peratus kepada AS$621 bilion (2006: pertumbuhan 12.6 peratus, AS$579.6 billion). Jepun merupakan pengeksport dan pengimport barangan keempat terbesar dunia pada 2007 masing-masing menyumbang 5.1 peratus eksport barangan dan 4.4 peratus import barangan dunia.

Pada 2007, jumlah eksport barangan **ASEAN** meningkat 11.9 peratus kepada AS$862.7 bilion (2006: pertumbuhan 17.6 peratus, AS$770.9 bilion), manakala jumlah import barangan meningkat 12.1 peratus kepada AS$773.3 bilion (2006: pertumbuhan 14.4 peratus, AS$689.8 bilion). Pada keseluruhannya, ASEAN menyumbang 6.2 peratus jumlah eksport barangan dan 5.4 peratus jumlah import barangan dunia pada 2007. Di kalangan negara ASEAN, **Singapura** merupakan pengeksport barangan ke-14 terbesar dunia dengan syer sebanyak 2.2 peratus berjumlah AS$299.3 bilion. Ia juga merupakan pengimport barangan ke-15 terbesar dunia dengan import berjumlah AS$263.3 bilion atau 1.9 peratus syer. **Malaysia** mengekalkan kedudukannya sebagai pengeksport barangan ke-19 terbesar dunia dengan 1.3 peratus syer berjumlah AS$176.2 bilion. Malaysia juga merupakan pengimport barangan ke-25 terbesar dunia.

Perdagangan barangan **Asia Barat** pada 2007 mendapat faedah daripada kenaikan harga minyak mentah dunia. Eksport barangan daripada Asia Barat meningkat 9.6 peratus kepada AS$721 bilion (2006: pertumbuhan 21.4 peratus, US$657.9 bilion) dan menyumbang 5.2 peratus syer eksport barangan dunia. Import barangan ke Asia Barat turut meningkat 22.5 peratus kepada AS$461.8 bilion (2006: pertumbuhan 12.5 peratus, AS$376.9 billion) dan meyumbang 3.2 peratus syer import barangan dunia.

Pada 2007, perdagangan perkhidmatan komersil Asia terus berkembang. Jumlah eksport perkhidmatan komersil daripada Asia meningkat 19.1 peratus kepada AS$745 bilion (2006: pertumbuhan 16.7 peratus, AS$625.5 bilion), manakala import meningkat sebanyak 17.1 peratus kepada AS$777.6 bilion (2006: pertumbuhan 14 peratus, AS$664.3 bilion). Asia secara keseluruhannya menyumbang 22.9 peratus jumlah eksport dan 25.4 peratus jumlah import perkhidmatan komersil dunia.

Pada 2007, **Jepun** kekal menerajui Asia dalam perdagangan perkhidmatan komersil dan merupakan pengeksport dan pengimport perkhidmatan komersil keempat terbesar dunia. Eksport perkhidmatan komersil Jepun meningkat 10.6 peratus kepada AS$135.6 bilion (2006: pertumbuhan 13.6 peratus, AS$122.5 bilion) atau 4.2 peratus syer eksport perkhidmatan komersil dunia, manakala importnya meningkat 9.3 peratus kepada AS$157.4 bilion (2006: pertumbuhan 8.6 peratus, US$144 bilion) atau 5.1 peratus import perkhidmatan komersil dunia.

Republik Rakyat China merupakan pengeksport ketujuh dan pengimport kelima terbesar perkhidmatan komersil dunia pada 2007. Ia menyumbang 3.9 peratus syer eksport

Jadual 1.4 :

Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Perkhidmatan Komersil Dunia, 2007

Kedudukan	Pengeksport	Nilai (AS$ bil.)	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	Pengimport	Nilai (AS$ bil.)	Syer (%)	Perubahan (%)
1	AS	454.4	13.9	14.2	1	AS	335.6	11.0	8.8
2	UK	263.4	8.1	16.6	2	Jerman	245.4	8.0	15.0
3	Jerman	197.3	6.1	18.2	3	UK	193.3	6.3	13.1
4	Jepun	135.6	4.2	10.6	4	Jepun	157.4	5.1	9.3
5	Perancis	130.4	4.0	10.9	5	Republik Rakyat China	128.9	4.2	28.5
6	Sepanyol	127.5	3.9	20.9	6	Perancis	120.1	3.9	12.3
7	Republik Rakyat China	126.7	3.9	38.6	7	Itali	116.7	3.8	19.0
8	Itali	108.9	3.3	12.1	8	Sepanyol	96.8	3.2	24.3
9	Belanda	90.9	2.8	13.4	9	Ireland	92.5	3.0	17.9
10	Ireland	87.1	2.7	26.8	10	Belanda	89.0	2.9	13.0
11	India	86.4	2.7	15.1	11	Republik Korea	84.8	2.8	21.5
12	Hong Kong SAR	81.8	2.5	13.2	12	Kanada	80.0	2.6	11.5
13	Belgium	72.9	2.2	27.3	13	India	78.1	2.6	23.8
14	Singapura	66.4	2.0	12.6	14	Singapura	70.1	2.3	13.6
15	Republik Korea	64.3	2.0	27.6	15	Belgium	66.3	2.2	26.8
16	Sweden	62.7	1.9	25.6	16	Rusia	56.9	1.9	30.2
17	Denmark	61.5	1.9	16.7	17	Denmark	55.6	1.8	20.6
18	Kanada	61.2	1.9	5.9	18	Sweden	48.0	1.6	21.1
19	Switzerland	61.1	1.9	20.5	19	Hong Kong SAR	40.0	1.3	9.4
20	Luxembourg	60.0	1.8	18.3	20	Australia	38.1	1.2	20.6
21	Austria	53.8	1.7	17.8	21	Thailand	37.9	1.2	17.7
22	Greece	43.1	1.3	20.8	22	Austria	37.3	1.2	12.3
23	Australia	39.7	1.2	22.3	23	Norway	37.1	1.2	18.9
24	Norway	39.0	1.2	17.7	24	Luxembourg	35.5	1.2	17.6
25	Rusia	38.3	1.2	24.8	25	Taiwan	35.2	1.2	8.1
26	Taiwan	30.4	0.9	5.2	26	Brazil	33.6	1.1	23.9
27	Thailand	28.0	0.9	16.9	27	Switzerland	32.6	1.1	13.9
28	Poland	28.0	0.9	36.3	28	Indonesia	32.0	1.0	-
29	**Malaysia**	**28.0**	**0.9**	**28.7**	29	Emiriyah Arab Bersatu	28.0	0.9	16.4
30	Turki	27.2	0.8	12.4	**30**	**Malaysia**	**27.1**	**0.9**	**15.4**

Sumber : Pertubuhan Perdagangan Dunia

dan 4.2 peratus import dunia. **India** menduduki tangga ke-11 pengeksport perkhidmatan komersil terbesar dunia dan menyumbang 2.7 peratus syer eksport dunia. Ia juga merupakan pengimport ke-13 terbesar dunia dan menyumbang 2.6 peratus import perkhidmatan komersil dunia.

Amerika Utara

Pada 2007, eksport barangan **Amerika Utara** meningkat 10.7 peratus kepada AS$1.9 trilion (2006: pertumbuhan 13.3 peratus, AS$1.7 trilion) dan import meningkat 6.3 peratus kepada AS$2.7 trilion (2006: pertumbuhan 11.2 peratus, AS$2.5 trilion). Eksport perkhidmatan komersil meningkat 12.9 peratus kepada AS$533 bilion (2006: pertumbuhan 9.4 peratus, AS$472 bilion), manakala import meningkat 9.3 peratus kepada AS$439.9 bilion pada 2007 (2006: pertumbuhan 9.5 peratus, AS$402.4 bilion).

Di **AS**, eksport kedua-dua barangan dan perkhidmatan komersil melebihi import pada 2007. Eksport barangan meningkat 12.2 peratus kepada AS$1.2 trilion (2006: pertumbuhan 14.6 peratus, AS$1 trilion), manakala eksport perkhidmatan komersil berkembang 14.2 peratus kepada AS$454.4 bilion (2006: pertumbuhan 10 peratus, AS$397.8 bilion). Import barangan pula berkembang 5.2 peratus kepada AS$2 trilion (2006: pertumbuhan

10.7 peratus, AS$1.9 trilion), manakala import perkhidmatan komersil berkembang 8.8 peratus kepada AS$335.6 bilion (2006: pertumbuhan 9.3 peratus, AS$308.3 bilion). Kelembapan dalam pertumbuhan import AS mempengaruhi pertumbuhan eksport sesetengah negara yang bergantung kepada pasaran AS. Pengimportan barangan ke AS daripada Republik Rakyat China meningkat 12 peratus, manakala import daripada Jepun dan lain-lain negara Asia mencatat penurunan. Import daripada Republik Rakyat China terdiri daripada barangan elektronik dan pakaian. Pada 2007, AS merupakan pengeksport ketiga terbesar dunia bagi barangan dan perkhidmatan komersil dengan 13.9 peratus syer. AS juga merupakan pengimport terbesar barangan dan perkhidmatan komersil, masing-masing menyumbang 14.2 peratus dan 11 peratus import dunia.

Pada 2007, eksport barangan **Kanada** tumbuh 7.8 peratus kepada AS$418.5 bilion (2006: AS$388.1 bilion), manakala eksport perkhidmatan komersil berkembang 5.9 peratus kepada AS$61.2 bilion (2006: AS$57.8 bilion). Import barangan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 9 peratus kepada AS$389.7 bilion (2006: AS$357.7 bilion), manakala import perkhidmatan komersil meningkat 11.5 peratus kepada AS$80 bilion (2006: AS$71.7 bilion). Kanada masing-masing menyumbang 3 peratus eksport barangan dan 1.9 peratus eksport perkhidmatan komersil dunia, 2.7 peratus import barangan dan 2.6 peratus import perkhidmatan komersil dunia.

Kesatuan Eropah

Eropah terus menikmati perkembangan dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan komersil pada 2007. **Eropah** mencatatkan peningkatan sebanyak 15.9 peratus dalam eksport barangan kepada AS$5.8 trilion (2006: pertumbuhan 13 peratus, AS$5 trilion), manakala eksport perkhidmatan komersil meningkat 18.9 peratus kepada AS$1.7 trilion (2006: pertumbuhan 10 peratus, AS$1.4 trilion). Import barangan pula tumbuh 15.6 peratus kepada AS$6 trilion (2006: pertumbuhan 14.5 peratus, AS$5.2 trilion), manakala import perkhidmatan komersil meningkat 17.4 peratus kepada AS$1.4 trilion (2006: pertumbuhan 9.1 peratus, AS$1.2 trilion). Perkembangan perdagangan ini adalah hasil daripada kenaikan nilai mata wang Eropah berbanding dolar AS yang telah meningkatkan eksport Eropah dalam nilai dolar serta aliran masuk FDI.

Pada 2007, eksport barangan **Kesatuan Eropah** tumbuh 15.7 peratus kepada AS$5.3 trilion (2006: AS$4.6 trilion), manakala eksport perkhidmatan komersil berkembang sebanyak 18.6 peratus kepada AS$1.5 trilion (2006: AS$1.3 trilion). Import barangan Kesatuan Eropah mencatatkan peningkatan sebanyak 15.6 peratus kepada AS$5.6 trilion (2006: AS$4.8 trilion), manakala import perkhidmatan komersil meningkat 17.3 peratus kepada AS$1.3 trilion (2006: AS$1.1 trilion). **Jerman** kekal sebagai pengeksport barangan terbesar Eropah dengan eksport berkembang sebanyak 19.7 peratus kepada AS$1.3 trilion (2006: 14.1 peratus, AS$1.1 trilion) dan import meningkat 16.8 peratus kepada AS$1.1 trilion (2006: pertumbuhan 16.7 peratus, AS$906.7 bilion).

Di Eropah, **UK** mengekalkan kedudukan sebagai pengeksport terbesar perkhidmatan komersil pada 2007 dengan eksport meningkat 16.6 peratus kepada AS$263.4 bilion (2006: pertumbuhan 9.7 peratus, AS$225.9 bilion). **Jerman** kekal sebagai pengimport perkhidmatan komersil terbesar di Eropah dengan import mencatat pertumbuhan sebanyak 15 peratus kepada AS$245.4 bilion (2006: pertumbuhan 6.2 peratus, AS$213.3 bilion).

Afrika

Eksport barangan **Afrika** tumbuh sebanyak 15.2 peratus kepada AS$421.9 bilion (2006: AS$366.1 bilion), manakala import meningkat 22.4 peratus kepada AS$355.1 bilion pada 2007 (2006: AS$290.1 bilion). Sementara kebanyakan negara di Afrika mengalami penurunan dalam pertumbuhan eksport dan import pada 2007, **Afrika Selatan** mencatatkan peningkatan sebanyak 20 peratus dalam pertumbuhan eksport dan merekodkan kemerosotan sebanyak 17.7 peratus bagi import.

Amerika Latin

Pada 2007, **Amerika Latin** menyumbang 3.6 peratus syer eksport barangan dunia dan menampung 3.2 peratus import barangan dunia. Rantau ini mencatat pertumbuhan dalam eksport sebanyak 14.9 peratus kepada AS$495.6 bilion (2006: AS$431.3 bilion), manakala import meningkat 25.6 peratus kepada AS$495.6 bilion pada 2007 (2006: AS$361.8 bilion). Perkembangan perdagangan ini didorong oleh harga komoditi utama yang lebih tinggi terutamanya minyak dan logam.

PERKEMBANGAN PELABURAN

Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing

Pada 2007, aliran masuk FDI dunia meningkat

Jadual 1.5 :
Aliran Masuk FDI Dunia

Rantau/Negara	2007[1]			2006[2]	
	AS$ bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	AS$ bilion	Perubahan (%)
Dunia	**1,537.9**	**100.0**	**17.8**	**1,305.9**	**42.5**
Negara Maju	**1,001.9**	**65.1**	**16.8**	**857.5**	**58.1**
Kesatuan Eropah (25)	**610.0**	**39.7**	**14.9**	**531.0**	**25.9**
EU-15	572.0	37.2	16.2	492.1	26.9
UK	171.1	11.1	22.6	139.5	-15.2
Perancis	123.3	8.0	52.1	81.1	27.5
Belanda	104.2	6.8	...	4.4	-89.4
Itali	28.1	1.8	-28.1	39.2	96.0
Jerman	44.8	2.9	4.4	42.9	31.2
10 buah Negara baru EU	38.0	2.5	-2.3	38.9	14.4
Poland	18.1	1.2	30.3	13.9	80.5
Hungary	-0.3	0.0	…	6.1	-9.0
Republik Czech	7.6	0.5	27.3	6.0	-45.5
AS	**192.9**	**12.5**	**10.0**	**175.4**	**76.5**
Jepun	**28.8**	**1.9**	**…**	**-6.5**	**…**
Negara-negara Membangun	**438.4**	**28.5**	**15.7**	**379.1**	**13.4**
Afrika	**35.6**	**2.3**	**0.1**	**35.5**	**15.6**
Sudan	2.2	0.1	-37.9	3.5	52.2
Mesir	10.2	0.7	1.6	10.0	85.2
Afrika Selatan	5.0	0.3	…	-0.3	…
Maghribi	5.2	0.3	78.6	2.9	0.0
Amerika Latin dan Caribbean	**125.8**	**8.2**	**50.2**	**83.8**	**-19.2**
Mexico	36.7	2.4	92.9	19.0	0.5
Brazil	37.4	2.4	99.3	18.8	24.5
Chile	15.3	1.0	92.2	8.0	19.4
Colombia	8.2	0.5	30.5	6.3	-38.2
Argentina	2.9	0.2	-39.6	4.8	2.1
Asia dan Pasifik	**277.0**	**18.0**	**6.6**	**259.8**	**29.9**
Asia Barat	52.8	3.4	-11.9	59.9	73.6
Turki	*19.4*	*1.3*	*-3.7*	*20.1*	*107.2*
Asia Selatan, Timur dan Tenggara	224.0	14.6	12.3	199.5	20.8
Republik Rakyat China	*67.3*	*4.4*	*-3.1*	*69.5*	*-4.0*
Hong Kong SAR	*54.4*	*3.5*	*26.9*	*42.9*	*19.5*
Singapura	*36.9*	*2.4*	*52.6*	*24.2*	*20.4*
India	*15.3*	*1.0*	*-9.4*	*16.9*	*156.1*
Thailand	*10.0*	*0.7*	*2.3*	*9.8*	*164.9*
Malaysia	**9.4**	**0.6**	**54.4**	**6.1**	**52.5**
Indonesia	*5.9*	*0.4*	*6.3*	*5.6*	*5.7*
Eropah Tenggara dan Negara-negara Bebas Komanwel	**97.6**	**6.3**	**40.8**	**69.3**	**74.6**

Sumber : United Nations Conference on Trade and Development
Nota : [1] Anggaran awal
[2] Data yang disemak semula

sebanyak 17.8 peratus kepada AS$1.5 trilion daripada AS$1.3 trilion pada 2006. Ini menggambarkan bahawa kelembapan ekonomi global pada setengah tahun terakhir 2007 tidak memberi kesan yang serius ke atas volum aliran FDI. Aliran masuk FDI ke negara maju berkembang sebanyak 16.8 peratus, manakala aliran FDI ke negara membangun pula tumbuh 15.7 peratus pada 2007. Negara Eropah Tenggara dan Negara Bebas Komanwel (CIS) menunjukkan peningkatan ketara dalam aliran masuk FDI dan mencatatkan peningkatan sebanyak 40.8 peratus berbanding tahun 2006. Peningkatan dalam aliran FDI dunia adalah hasil daripada pulangan pelaburan yang tinggi oleh syarikat multinasional dan juga peningkatan dalam prestasi ekonomi negara membangun. Sebahagian besar aliran FDI adalah daripada aktiviti penggabungan dan pengambilan alih (M&A) merentasi sempadan bernilai tinggi.

Negara-negara maju terus menjadi penerima utama FDI pada 2007 telah menarik lebih dari AS$1 trilion, iaitu 65.1 peratus daripada nilai FDI dunia. Sebaliknya, negara-negara membangun dan Negara-negara dalam peralihan seperti Eropah Tenggara dan CIS, masing-masing memperolehi 28.5 peratus dan 6.3 peratus jumlah FDI dunia bagi tempoh yang sama.

Pelaburan Langsung Asing Di Negara Maju

Pada 2007, **EU** kekal sebagai penerima terbesar FDI dan berjaya menarik pelaburan berjumlah AS$610 bilion atau 39.7 peratus jumlah FDI dunia. **Belanda** mencatatkan peningkatan yang amat ketara dalam aliran masuk FDI berjumlah AS$104.2 bilion berbanding dengan AS$4.4 bilion pada 2006. Diikuti oleh **Perancis** yang mencatatkan peningkatan FDI sebanyak 52.1 peratus, menjadi AS$123.3 bilion (2006: AS$81.1 bilion) dan **UK** 22.6 peratus kepada AS$171.1 bilion (2006: AS$139.5 bilion).

AS kekal sebagai penerima utama FDI memperolehi 12.5 peratus FDI dunia berjumlah AS$192.9 bilion pada 2007. Aliran masuk FDI ke AS meningkat sebanyak 10 peratus berbanding 76.5 peratus pada 2006. Ini adalah hasil daripada suntikan modal baru daripada pelbagai sumber dana, termasuk dana *sovereign wealth* dan pelaburan berterusan daripada negara-negara yang mempunyai peningkatan nilai mata wang, seperti Eropah dan negara membangun di Asia.

Pelaburan Langsung Asing Di Negara Membangun

Pada 2007, **Asia** kekal sebagai penerima terbesar FDI di kalangan negera-negara membangun, menarik pelaburan berjumlah AS$277 bilion dan memperolehi 18 peratus dari jumlah FDI dunia atau 63.2 peratus dari jumlah aliran masuk FDI ke negara membangun. Aliran masuk FDI ke rantau Asia terutamanya tertumpu ke Asia Selatan, Asia Timur dan Asia Tenggara, dengan peningkatan sebanyak 12.3 peratus kepada AS$224 bilion pada 2007 berbanding US$199.5 bilion pada 2006. Penerima utama aliran FDI dalam rantau ini termasuk **Republik Rakyat China** dengan pelaburan berjumlah AS$67.3 bilion, **Hong Kong SAR** (AS$54.4 bilion) dan **Singapura** (US$36.9 billion). Secara keseluruhan, negara-negara ini memperolehi 70.8 peratus dari aliran masuk FDI ke rantau ini. Pada 2007, aliran masuk ke **Malaysia** meningkat 54.4 peratus kepada AS$9.4 bilion daripada US$6.1 bilion pada 2006, di mana kebanyakan dari pelaburan adalah dalam sektor perkilangan terutamanya industri E&E.

Di **Asia Barat**, jumlah aliran masuk FDI bagi tahun 2007 merosot sebanyak 11.9 peratus kepada AS$52.8 bilion (2006: US$59.9 bilion). Ini disebabkan oleh ketidaktentuan geo-politik di negara-negara tertentu rantau ini. **Turki** dan negara Gulf yang kaya dengan sumber minyak kekal memperolehi sebahagian besar aliran masuk FDI ke Asia Barat.

Aliran masuk FDI ke **Amerika Latin** dan **Carribean** meningkat dengan ketara sebanyak 50.2 peratus kepada AS$125.8 bilion pada 2007 (2006: US$83.8 billion). Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan baru, ekonomi serantau yang kukuh dan keuntungan korporat yang lebih tinggi hasil daripada kenaikan harga komoditi. Di dalam rantau ini, peningkatan signifikan dalam FDI direkodkan

oleh Brazil dengan aliran masuk pelaburan meningkat sebanyak 99.3 peratus kepada AS$37.4 bilion pada 2007 daripada AS$18.8 bilion pada 2006. Kebanyakan aliran masuk FDI tertumpu kepada perkilangan berasaskan sumber. Aliran masuk FDI ke **Mexico** pula meningkat sebanyak 92.9 peratus kepada AS$36.7 bilion (2006: AS$19 bilion), manakala aliran masuk pelaburan ke **Chile** meningkat sebanyak 92.2 peratus kepada US$15.3 bilion (2006: US$8 bilion).

Pada 2007, aliran masuk FDI ke **Afrika** berjumlah AS$35.6 bilion (2006: US$35.5 bilion). Peningkatan ini didorong oleh perkembangan pesat pasaran komoditi global, aktiviti M&A merentasi sempadan yang bernilai tinggi dalam industri carigali dan perkhidmatan yang berkaitan, dan M&A baru dalam industri perbankan. Penerima utama FDI rantau ini adalah **Mesir** (AS$10.2 bilion), **Maghribi** (AS$5.2 bilion) dan **Afrika Selatan** (AS$5 bilion).

Pelaburan Langsung Asing Di Eropah Tenggara dan CIS

Aliran masuk FDI ke negara **Eropah Tenggara** dan **CIS** mencapai rekod dengan aliran masuk pelaburan ke rantau ini meningkat sebanyak 40.8 peratus kepada AS$97.6 billion pada 2007 (2006: AS$69.3 billion). Proses penswastaan perniagaan milik kerajaan juga menarik kemasukan FDI ke rantau berkenaan. **Rusia** merupakan penerima terbesar FDI di kalangan negara dalam peralihan dengan peningkatan dalam pelaburan sebanyak 70.3 peratus kepada AS$48.9 bilion (2006: US$28.7 billion). Bagaimanapun, peraturan yang ketat ke atas sumber-sumber asli, pertikaian isu-isu mengenai perlindungan alam sekitar serta kenaikan dalam kos carigali bakal mendatangkan impak ke atas aliran masuk FDI.

PROSPEK

Prospek ekonomi dunia pada 2008 telah menjadi lebih sukar untuk ditentukan kerana senario pembangunan semasa ekonomi global, seperti kelembapan ekonomi di AS, pertumbuhan permintaan yang lebih lemah di Eropah dan Jepun serta peningkatan kadar inflasi hasil daripada kenaikan harga bahan tenaga dan makanan. Mengikut ramalan *International Monetary Fund*, pertumbuhan output global dijangka akan menurun kepada 3.7 peratus pada 2008. Pertumbuhan ekonomi di AS dijangka pada 0.5 peratus pada 2008, manakala pertumbuhan ekonomi di kedua-dua Eropah Barat dan Jepun diunjurkan pada kadar 1.4 peratus. Pertumbuhan di rantau Asia, tidak termasuk Jepun, dijangka akan kekal pesat pada kadar 7.5 peratus pada 2008.

Menurut WTO, kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia mungkin akan memberi kesan ke atas pertumbuhan perdagangan global. Untuk tahun 2008, dijangkakan perdagangan global akan berkembang pada kadar 4.5 peratus.

Harga makanan dijangka akan kekal tinggi pada 2008. Memandangkan peratusan perbelanjaan pengguna ke atas makanan adalah lebih tinggi berbanding dengan minyak di rantau Asia dan Pasifik, ia akan menyebabkan peningkatan kadar inflasi. Pada 2008, kadar inflasi di rantau ini diunjurkan akan berada pada 4.6 peratus untuk negara membangun dan 0.6 peratus untuk negara maju.

Pertumbuhan FDI global mungkin akan terjejas pada 2008 kesan daripada ketidak-stabilan keadaan luaran global. Mengikut UNCTAD, ini termasuk kelembapan ekonomi di AS, Eropah Barat serta Jepun, perubahan ketara dalam kadar pertukaran mata wang, peningkatan kadar faedah, tekanan dari peningkatan kadar inflasi dan juga harga komoditi yang tinggi dan tidak menentu. Bagaimanapun, peningkatan permintaan global ke atas sumber asli boleh mewujudkan peluang-peluang baru dalam sektor utama dan seterusnya akan menggalakan FDI dalam industri-industri ekstraktif. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan mempunyai potensi yang baik memandangkan pertumbuhan eksport perkhidmatan komersil dunia adalah menggalakkan.

Bab 2 PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

TINJAUAN

Jumlah perdagangan Malaysia pada 2007 mencecah RM1.11 trilion, peningkatan sebanyak 3.8 peratus daripada RM1.07 trilion pada 2006. Peningkatan ini adalah menyeluruh dengan pertumbuhan disumbangkan oleh sektor perkilangan, pertanian dan perlombongan. Malaysia mencatatkan lebihan dagangan bagi 10 tahun berturut-turut. Lebihan dagangan bernilai RM100.3 bilion pada 2007 merupakan yang kedua tertinggi pernah dicatatkan setakat ini.

Jadual 2.1:
Perdagangan Luar

Keterangan	2007		2006
	RM bilion	Perubahan (%)	RM bilion
Jumlah Perdagangan	**1,110.0**	**3.8**	**1,069.7**
Eksport	605.2	2.7	589.0
Import	504.8	5.0	480.8
Imbangan Perdagangan	100.3	-7.3	108.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Hasil daripada kepelbagaian dalam produk dan pasaran, serta permintaan luar yang berterusan dari pasaran utama yang terpilih, eksport meningkat 2.7 peratus kepada RM605.2 bilion, berbanding RM589 bilion pada 2006. Import berkembang 5 peratus kepada RM504.8 bilion pada 2007, berbanding RM480.8 bilion pada 2006.

Amerika Syarikat (AS), Singapura, Jepun, Republik Rakyat China dan Thailand kekal sebagai lima rakan perdagangan utama Malaysia pada 2007. Secara kolektif, kesemua negara ini menyumbang 53.2 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia. Syer jumlah perdagangan Malaysia ke Jepun meningkat kepada 10.9 peratus, manakala syer ke Republik Rakyat China meningkat kepada 10.6 peratus.

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) melaporkan bahawa pada 2007, Malaysia merupakan pengeksport ke-19 terbesar dan pengimport ke-25 terbesar dalam perdagangan barangan dunia. Malaysia juga disenaraikan sebagai pengeksport ke-30 terbesar dan pengimport ke-29 terbesar dalam perdagangan perkhidmatan komersil dunia.

Carta 2.1:
Prestasi Perdagangan Malaysia, 1998-2007



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 2.2:
20 Rakan Perdagangan Utama

Negara	2007				2006		
	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)
Jumlah Perdagangan		**1,110.0**	**100.0**	**3.8**		**1,069.7**	**100.0**
AS	1	149.2	13.4	-12.6	1	170.8	16.0
Singapura	2	146.5	13.2	-0.3	2	146.9	13.7
Jepun	3	120.8	10.9	4.3	3	115.8	10.8
Republik Rakyat China	4	117.9	10.6	16.9	4	100.9	9.4
Thailand	5	57.0	5.1	-0.8	5	57.5	5.4
Republik Korea	6	48.0	4.3	1.7	6	47.2	4.4
Taiwan	7	45.2	4.1	6.9	7	42.3	4.0
Hong Kong SAR	8	42.6	3.8	2.0	8	41.8	3.9
Indonesia	9	39.1	3.5	18.3	10	33.1	3.1
Jerman	10	38.3	3.4	13.1	9	33.8	3.2
Australia	11	30.6	2.8	19.6	11	25.6	2.4
India	12	27.3	2.5	15.2	13	23.7	2.2
Belanda	13	26.9	2.4	8.4	12	24.8	2.3
Filipina	14	18.5	1.7	-0.5	14	18.6	1.7
UK	15	17.2	1.6	-2.0	15	17.5	1.6
Perancis	16	15.1	1.4	-3.6	16	15.6	1.5
UAE	17	14.6	1.3	22.8	17	11.9	1.1
Viet Nam	18	14.3	1.3	22.8	18	11.6	1.1
Arab Saudi	19	9.2	0.8	-11.9	19	10.5	1.0
Itali	20	8.3	0.8	6.1	20	7.8	0.7

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Mengikut rantau, tiga rakan perdagangan utama Malaysia pada 2007 adalah Asia Timur Laut, Pertubuhan Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Amerika Utara. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut dan ASEAN masing-masing meningkat 7.6 peratus dan 2.9 peratus. Jumlah perdagangan dengan kesemua rantau tersebut menyumbang 58.9 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2007.

Perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara pada 2007 merosot 12.4 peratus kepada RM155.1 bilion. AS yang menyumbang 96.6 peratus kepada eksport Malaysia ke Amerika Utara menurun 14.5 peratus. Penyebab utama kepada penurunan ini adalah kemerosotan ekonomi AS dan penyumberan luar oleh AS ke negara berkos rendah.

Malaysia berjaya menembusi perdagangan dengan rantau lain di mana pertumbuhan dua angka telah direkodkan. Perdagangan dengan Afrika berkembang 34.8 peratus kepada RM16.5 bilion, diikuti Eropah Timur (26.7 peratus kepada RM4.7 bilion), Oceania (18.4 peratus kepada RM35.6 bilion), Amerika Latin (14.7 peratus kepada RM18.3 bilion) dan Asia Selatan (13.8 peratus kepada RM35.2 bilion).

Peningkatan penggunaan akses keutamaan di bawah Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) dua hala dan serantau telah menyumbang kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2007.

EKSPORT

Profil eksport pada 2007 secara relatif tidak berubah, dengan kesemua sektor eksport mencatatkan pertumbuhan. Sektor perkilangan terus mendominasi eksport Malaysia dengan syer 74.8 peratus. Eksport perkilangan berjumlah RM452.5 bilion, peningkatan

Jadual 2.3:
Eksport mengikut Sektor

Keterangan	2007			2006	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer(%)
Jumlah Eksport	**605,153.2**	**100.0**	**2.7**	**588,965.5**	**100.0**
Eksport Perkilangan	**452,531.3**	**74.8**	**0.2**	**451,748.4**	**76.7**
Produk elektrik dan elektronik	266,454.4	44.0	-5.2	281,017.3	47.7
Kimia dan produk kimia	33,242.0	5.5	14.3	29,080.0	4.9
Jentera, perkakasan dan alat ganti	21,871.1	3.6	10.2	19,842.9	3.4
Pengilangan logam	16,626.9	2.7	17.4	14,157.0	2.4
Produk kayu	16,294.1	2.7	-2.4	16,687.5	2.8
Kelengkapan optik dan saintifik	13,611.9	2.2	0.4	13,558.0	2.3
Produk getah	10,583.1	1.7	13.4	9,332.7	1.6
Produk besi dan keluli	10,523.0	1.7	12.4	9,358.5	1.6
Tekstil dan pakaian	10,263.0	1.7	-3.2	10,601.9	1.8
Makanan diproses	8,670.4	1.4	19.5	7,255.7	1.2
Kelengkapan pengangkutan	8,397.1	1.4	-3.4	8,691.0	1.5
Pengilangan plastik	8,380.4	1.4	6.7	7,852.7	1.3
Barang perhiasan diri	5,006.8	0.8	29.3	3,873.4	0.7
Produk galian bukan logam	3,936.2	0.7	12.6	3,495.9	0.6
Produk petroleum	2,895.2	0.5	16.4	2,487.8	0.4
Produk kertas dan pulpa	2,540.9	0.4	17.2	2,168.2	0.4
Minuman dan tembakau	2,195.0	0.4	14.2	1,922.2	0.3
Eksport Galian	**84,818.2**	**14.0**	**7.0**	**79,299.2**	**13.5**
Petroleum mentah	33,524.3	5.5	2.9	32,572.0	5.5
Gas asli	26,157.3	4.3	12.3	23,285.3	4.0
Produk petroleum bertapis	23,193.9	3.8	5.2	22,057.8	3.7
Timah	1,064.5	0.2	43.8	740.4	0.1
Baja mentah dan galian mentah	511.3	0.1	57.3	325.1	0.1
Bijih logam dan serpihan logam	341.5	0.1	14.4	298.4	0.1
Eksport Pertanian	**57,728.8**	**9.5**	**24.4**	**46,411.4**	**7.9**
Minyak sawit	37,535.5	6.2	45.5	25,800.7	4.4
Getah mentah	7,335.3	1.2	-10.9	8,234.9	1.4
Balak dan kayu bergergaji	6,208.5	1.0	-5.8	6,593.6	1.1
Lemak sayuran/binatang dan minyak	1,966.7	0.3	17.0	1,681.2	0.3
Makanan laut, segar, dingin beku atau sejukbeku	1,938.0	0.3	16.7	1,661.1	0.3
Binatang hidup dan daging	534.6	0.1	17.9	453.5	0.1
Sayuran, tumbuhan akar dan umbi	380.1	0.1	-1.6	386.2	0.1

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

0.2 peratus daripada RM451.7 bilion pada 2006. Eksport perlombongan menyumbang syer 14 peratus, meningkat 7 peratus kepada RM84.8 bilion, manakala eksport pertanian dengan syer 9.5 peratus, meningkat 24.4 peratus kepada RM57.7 bilion.

Peningkatan yang ketara dicatatkan oleh kimia dan produk kimia, yang berkembang 14.3 peratus kepada RM33.2 bilion. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti dengan 10.2 peratus kepada RM21.9 bilion, pengilangan logam (17.4 peratus kepada RM16.6 bilion), produk getah (13.4 peratus kepada RM10.6 bilion), serta produk besi dan keluli (12.4 peratus kepada RM10.5 bilion).

Pada 2007, eksport produk elektrik dan elektronik (E&E), subsektor utama eksport Malaysia, menurun 5.2 peratus kepada RM266.4 bilion, daripada RM281 bilion pada 2006. Kemerosotan dalam eksport produk

E&E adalah berikutan daripada pengurangan eksport terutama ke AS, Singapura, Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas (Hong Kong SAR) dan Jepun. Eksport E&E ke AS, yang merupakan pasaran terbesar Malaysia, menunjukkan kemerosotan 18 peratus kepada RM70.4 bilion pada 2007, daripada RM85.9 bilion pada 2006.

Kategori eksport utama produk E&E adalah jentera elektrik, perkakasan, peralatan dan alat ganti, yang merekodkan pertumbuhan 1.8 peratus kepada RM128 bilion pada 2007. Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, *microassemblies*, transistor dan injap menyumbang 75.3 peratus daripada kategori produk, meningkat 3.2 peratus kepada RM96.5 bilion. Produk yang menunjukkan pertumbuhan dua angka bagi kategori ini adalah kelengkapan isi rumah elektrik dan bukan elektrik, yang bertambah 11.4 peratus kepada RM3.5 bilion dan perkakasan elektro-diagnostik, perubatan dan perkakasan radiologi (17.6 peratus kepada RM355 juta).

Eksport produk E&E yang mencatatkan penurunan adalah mesin pemprosesan data automatik, yang merosot kepada RM55.5 bilion. Ini diikuti oleh alat ganti untuk mesin pejabat dan mesin pemprosesan data automatik (RM36.7 bilion), kelengkapan telekomunikasi dan alat ganti (RM28.8 bilion) serta perakam suara (RM5.5 bilion).

Bagi kimia dan produk kimia, kategori utama yang menunjukkan peningkatan dalam eksport adalah kimia organik, berkembang 18.3 peratus kepada RM11.9 bilion. Ini diikuti oleh bahan plastik dalam bentuk utama (11.1 peratus kepada RM9.5 bilion), bahan dan produk kimia (15.4 peratus kepada RM4.9 bilion) dan minyak pati dan bahan pewangi, sediaan dan pembersihan tandas (12.4 peratus kepada RM2.3 bilion).

Jadual 2.4:
20 Destinasi Utama Eksport

Negara	2007				2006		
	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)
Jumlah Eksport		**605.2**	**100.0**	**2.7**		**589.0**	**100.0**
AS	1	94.5	15.6	-14.5	1	110.6	18.8
Singapura	2	88.5	14.6	-2.5	2	90.8	15.4
Jepun	3	55.2	9.1	5.8	3	52.2	8.9
Republik Rakyat China	4	53.0	8.8	24.3	4	42.7	7.2
Thailand	5	30.0	5.0	-3.8	5	31.2	5.3
Hong Kong SAR	6	28.0	4.6	-4.0	6	29.1	4.9
Belanda	7	23.6	3.9	10.1	7	21.4	3.6
Republik Korea	8	23.0	3.8	8.2	8	21.3	3.6
Australia	9	20.4	3.4	22.1	10	16.7	2.8
India	10	20.2	3.3	7.6	9	18.8	3.2
Indonesia	11	17.7	2.9	19.0	12	14.9	2.5
Taiwan	12	16.5	2.7	2.6	11	16.0	2.7
Jerman	13	14.8	2.5	16.1	13	12.8	2.2
UAE	14	10.1	1.7	21.8	15	8.3	1.4
UK	15	9.9	1.6	-7.6	14	10.7	1.8
Filipina	16	8.7	1.4	9.6	16	8.0	1.4
Viet Nam	17	8.0	1.3	23.8	18	6.5	1.1
Perancis	18	7.4	1.2	-7.4	17	7.9	1.3
Pakistan	19	4.3	0.7	39.6	22	3.1	0.5
Mexico	20	4.0	0.7	19.8	21	3.4	0.6

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Pada 2007, permintaan yang lebih tinggi dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Singapura, melonjakkan eksport barang perhiasan diri 29.3 peratus kepada RM5 bilion daripada RM3.9 bilion pada 2006. Barang perhiasan emas, perak dan platinum adalah eksport utama pada 2007, bernilai RM4.9 bilion, berbanding RM3.8 bilion pada 2006. Eksport ke UAE berjumlah RM3.4 bilion, menyumbang 67.6 peratus kepada jumlah eksport barang perhiasan diri. Singapura merupakan pasaran eksport kedua terbesar untuk barang perhiasan diri dengan 21.3 peratus syer, bernilai RM1.1 bilion.

Petroleum mentah, gas asli cecair (LNG) dan produk petroleum bertapis adalah eksport utama sektor perlombongan dengan nilai RM82.9 bilion. Secara kolektif, produk ini menyumbang 97.7 peratus kepada eksport perlombongan dan 13.7 peratus kepada jumlah eksport Malaysia. Harga purata unit eksport petroleum mentah pada 2007 meningkat 2.2 peratus kepada RM1,935 per tan metrik, manakala LNG meningkat 6.7 peratus kepada RM1,153 per tan metrik. Jumlah eksport petroleum mentah meningkat 0.7 peratus kepada 17 juta tan metrik dan LNG, 5.3 peratus kepada 22.7 juta tan metrik.

Untuk sektor pertanian, eksport minyak sawit menunjukkan pertumbuhan ketara 45.5 peratus kepada RM37.5 bilion pada 2007, daripada RM25.8 bilion pada 2006. Harga purata minyak sawit mentah meningkat 67.5 peratus kepada RM2,530 per tan metrik pada 2007 daripada RM1,510 per tan metrik pada 2006, meningkatkan nilai sektor pertanian dengan ketara kepada RM57.7 bilion daripada RM46.4 bilion pada 2006. Jumlah eksport minyak sawit berkurangan 4.7 peratus kepada 13.7 juta tan metrik pada 2007 daripada 14.4 juta tan metrik pada 2006.

Pada 2007, lima destinasi eksport utama Malaysia adalah AS, Singapura, Jepun, Republik Rakyat China dan Thailand yang menyumbang kepada 72.1 peratus bagi jumlah eksport Malaysia.

Pertumbuhan dua angka bagi eksport yang meningkat 39.6 peratus kepada RM4.3 bilion direkod dengan Pakistan. Produk eksport utama Malaysia ke Pakistan pada 2007 adalah minyak sawit. Negara lain yang merekodkan pertumbuhan dua angka adalah Republik Rakyat China (24.3 peratus kepada RM53 bilion) terutamanya produk E&E, Viet Nam (23.8 peratus kepada RM8 billion) terutamanya produk besi dan keluli, Australia (22.1 peratus kepada RM20.4 bilion) terutamanya petroleum mentah dan UAE (21.8 peratus kepada RM10.1 bilion) terutamanya barang perhiasan diri.

IMPORT

Jumlah import Malaysia pada 2007 meningkat 5 peratus kepada RM504.8 bilion daripada RM480.8 bilion pada 2006. Pertumbuhan ini adalah hasil daripada peningkatan import barangan pengantara dan barangan modal. Import barangan pengantara dan barangan modal menyumbang 85 peratus kepada jumlah import Malaysia.

Import barangan pengantara bernilai RM358.8 bilion, menyumbang 71.1 peratus kepada jumlah import. Import barangan pengantara meningkat 6.9 peratus daripada RM335.5 bilion pada 2006. Permintaan yang tinggi untuk barangan pengantara pada 2007 adalah disebabkan oleh perkembangan aktiviti perkilangan di Malaysia. Hasil daripada pembentukan modal yang tinggi daripada aktiviti pelaburan, import barangan modal juga meningkat 7.2 peratus kepada RM69.9 bilion daripada RM65.3 bilion pada 2006.

Sumber import utama pada 2007 adalah Jepun, menyumbang 13 peratus kepada jumlah import Malaysia, bernilai RM65.5 bilion. Ini diikuti oleh Republik Rakyat China dengan RM64.9 bilion, Singapura (RM58 bilion), AS (RM54.7 bilion) dan Taiwan (RM28.7 bilion).

Import utama daripada Jepun adalah produk E&E, jentera, perkakasan dan alat ganti, kelengkapan pengangkutan, produk besi dan keluli serta pengilangan logam. Lima import utama dari Republik Rakyat China merangkumi produk E&E, jentera, perkakasan dan alat ganti, kimia dan produk kimia, produk besi dan keluli serta pengilangan logam.

Jadual 2.5:
Import Barang Akhir

Keterangan	2007			2006	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
Import Kasar	**504,813.8**	**100.0**	**5.0**	**480,772.5**	**100.0**
Barangan Pengantara	**358,755.5**	**71.1**	**6.9**	**335,531.5**	**69.8**
Alat ganti dan aksesori	**172,809.8**	**34.2**	**0.4**	**172,047.5**	**35.8**
Semikonduktor, litar bercetak dan alat ganti	105,949.8	21.0	-3.8	110,156.7	22.9
Alat ganti untuk mesin pejabat	24,679.0	4.9	24.5	9,819.0	4.1
Perkakasan dan alat perintang	15,558.1	3.1	-8.9	7,080.1	3.6
Alat ganti instrumen pemeriksaan	828.1	0.2	-32.2	1,221.3	0.3
Bekalan industri diproses	**110,787.5**	**21.9**	**14.8**	**96,470.8**	**20.1**
Produk besi dan keluli	17,765.0	3.5	34.3	13,229.6	2.8
Plastik dalam bentuk utama (kecuali serpihan)	10,264.6	2.0	5.2	9,756.9	2.0
Produk tembaga	9,900.8	2.0	9.9	9,012.2	1.9
Kimia organik	9,688.4	1.9	14.7	8,449.3	1.8
Kertas dan papan kertas	4,589.2	0.9	10.7	4,147.3	0.9
Sisa dan sekerap berferus	4,246.7	0.8	38.8	3,059.1	0.6
Pengilangan logam asas	4,132.2	0.8	-7.5	4,469.6	0.9
Baja, kecuali baja mentah	3,213.4	0.6	32.9	2,418.8	0.5
Kimia tidak organik (kecuali elemen buangan minyak reaktor nuklear)	3,130.7	0.6	4.9	2,984.7	0.6
Plastik bukan dalam bentuk utama	2,397.7	0.5	1.9	2,352.1	0.5
Bahan-bahan pencelupan, penyamakan dan pewarnaan (kecuali warna kegunaan seniman)	1,718.9	0.3	-3.8	1,786.2	0.4
Bahan api dan pelincir asas	**21,276.6**	**4.2**	**4.5**	**20,357.3**	**4.2**
Bahan asas industri	**14,820.8**	**2.9**	**36.7**	**10,843.8**	**2.3**
Bahan api dan pelincir lain diproses	**13,992.8**	**2.8**	**-1.5**	**14,208.9**	**3.0**
Alat ganti dan aksesori untuk kelengkapan pengangkutan	**12,447.6**	**2.5**	**11.4**	**11,170.1**	**2.3**
Minuman dan makanan diproses untuk industri	**7,002.6**	**1.4**	**28.3**	**5,456.6**	**1.1**
Makanan dan minuman asas untuk industri	**5,617.7**	**1.1**	**12.9**	**4,976.6**	**1.0**
Barangan Modal	**69,934.1**	**13.9**	**7.2**	**65,256.6**	**13.6**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	**60,055.6**	**11.9**	**5.6**	**56,867.9**	**11.8**
Mesin memproses data automatik	9,779.2	1.9	-2.5	10,030.5	2.1
Mesin dan perkakasan elektrik (kecuali alat ganti)	9,299.3	1.8	3.6	8,974.1	1.9
Kelengkapan telekomunikasi (kecuali alat ganti)	4,770.9	0.9	-7.2	5,138.7	1.1
Mesin khusus lain untuk industri tertentu	4,206.7	0.8	6.7	3,941.5	0.8
Transfomer dan mesin penjanaan kuasa elektrik lain	3,316.5	0.7	6.5	3,114.8	0.6
Loji elektrik berputar dan alat ganti	2,989.4	0.6	13.4	2,636.3	0.5
Kelengkapan mengukur, memeriksa dan menganalisa	1,667.7	0.3	-17.3	2,015.8	0.4
Peralatan perubatan, pergigian dan pembedahan	1,182.7	0.2	2.6	1,152.9	0.2
Kelengkapan pengangkutan untuk industri	**9,878.6**	**2.0**	**17.8**	**8,388.7**	**1.7**
Barangan Pengguna	**28,906.5**	**5.7**	**3.6**	**27,894.3**	**5.8**
Barangan pengguna tidak tahan lama	8,107.3	1.6	5.6	7,677.0	1.6
Makanan dan minuman asas untuk kegunaan isi rumah	6,403.9	1.3	5.1	6,095.9	1.3
Barangan pengguna separa tahan lama	5,599.7	1.1	-10.9	6,287.2	1.3
Barangan pengguna tahan lama	4,435.8	0.9	15.0	3,858.1	0.8
Makanan dan minuman asas untuk kegunaan isi rumah	3,978.8	0.8	9.6	3,628.7	0.8
Kelengkapan pengangkutan untuk bukan industri	380.9	0.1	9.7	347.3	0.1
Barangan Dwi Guna	**12,421.2**	**2.5**	**1.8**	**12,195.7**	**2.5**
Minyak motor diproses	8,292.1	1.6	13.7	7,292.4	1.5
Motokar penumpang	4,129.0	0.8	-15.8	4,903.2	1.0

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 2.6:
20 Sumber Import Utama

Negara	2007				2006		
	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)
Jumlah Import		**504.8**	**100.0**	**5.0**		**480.8**	**100.0**
Jepun	1	65.5	13.0	3.1	1	63.6	13.2
Republik Rakyat China	2	64.9	12.9	11.5	3	58.2	12.1
Singapura	3	58.0	11.5	3.1	4	56.2	11.7
AS	4	54.7	10.8	-9.2	2	60.2	12.5
Taiwan	5	28.7	5.7	9.5	6	26.2	5.5
Thailand	6	27.0	5.4	2.8	5	26.3	5.5
Republik Korea	7	24.9	4.9	-3.9	7	25.9	5.4
Jerman	8	23.4	4.6	11.2	8	21.1	4.4
Indonesia	9	21.4	4.2	17.7	9	18.2	3.8
Hong Kong SAR	10	14.7	2.9	16.0	10	12.7	2.6
Australia	11	10.2	2.0	14.9	12	8.9	1.9
Filipina	12	9.8	1.9	-8.1	11	10.6	2.2
Perancis	13	7.7	1.5	0.3	14	7.7	1.6
UK	14	7.3	1.4	6.9	15	6.8	1.4
India	15	7.1	1.4	44.7	17	4.9	1.0
Arab Saudi	16	6.8	1.3	-20.7	13	8.5	1.8
Viet Nam	17	6.3	1.3	21.6	16	5.2	1.1
Switzerland	18	5.7	1.1	21.2	18	4.7	1.0
Itali	19	4.5	0.9	7.5	19	4.2	0.9
UAE	20	4.4	0.9	25.0	20	3.6	0.7

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

ARAH PERDAGANGAN

Pada 2007, jumlah perdagangan Malaysia dengan semua pasaran rantau kecuali Amerika Utara merekodkan pertumbuhan. Rantau Asia Timur Laut kekal sebagai rantau perdagangan terbesar Malaysia, menyumbang 33.8 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Ini diikuti oleh ASEAN (25.1 peratus) dan Amerika Utara (14 peratus).

Asia Timur Laut

Pada tahun 1998-2007, perdagangan dua hala di antara Malaysia dan rantau Asia Timur Laut menunjukkan arah aliran yang meningkat dengan pertumbuhan perdagangan purata 10.5 peratus. Jumlah perdagangan meningkat 146 peratus kepada RM374.7 bilion pada 2007, berbanding RM152.3 bilion pada 1998.

Jumlah eksport Malaysia ke Asia Timur Laut pada 2007 menyumbang syer 29.1 peratus kepada eksport global Malaysia. Eksport ke rantau ini merekodkan peningkatan 8.9 peratus kepada RM175.9 bilion, berbanding RM161.4 bilion pada 2006.

Eksport utama ke rantau ini adalah produk E&E, LNG, minyak sawit, kimia dan produk kimia dan petroleum mentah. Kesemua produk ini merangkumi 73.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke Asia Timur Laut.

Pada 2007, import dari Jepun bernilai RM65.5 bilion, menyumbang syer 33 peratus kepada jumlah import dari rantau ini. Ini diikuti oleh Republik Rakyat China (RM64.9 bilion), Taiwan (RM28.7 bilion), Republik Korea (RM24.9 bilion) dan Hong Kong SAR (RM14.7 bilion). Kesemua negara ini kekal sebagai sumber import utama Malaysia dari rantau ini.

Produk import utama dari rantau Asia Timur Laut adalah produk E&E, bernilai RM104.2 bilion atau menyumbang syer 52.4 peratus

Carta 2.2:
Perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut, 1998-2007



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

kepada import Malaysia dari rantau tersebut. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti, produk besi dan keluli, kimia dan produk kimia serta pengilangan logam.

Republik Rakyat China

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China pada 2007 meningkat 16.9 peratus kepada RM117.9 bilion daripada RM100.9 bilion pada 2006. Jumlah ini merupakan 10.6 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia.

Untuk Republik Rakyat China, Malaysia merupakan rakan perdagangan kesembilan terbesar pada 2007. Di kalangan anggota ASEAN, Malaysia merupakan rakan perdagangan kedua utama selepas Singapura.

Eksport Malaysia ke Republik Rakyat China mengekalkan pertumbuhan positif sepanjang 10 tahun, pada purata tahunan 26.4 peratus. Eksport Malaysia ke Republik Rakyat China berjumlah RM53 billion, peningkatan 24.3 peratus daripada RM42.7 bilion pada 2006.

Eksport utama Malaysia ke Republik Rakyat China adalah produk E&E, menyumbang 47 peratus kepada jumlah eksport Malaysia. Eksport produk E&E bertambah 29.9 peratus kepada RM24.9 bilion. Pembangunan pesat industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan elektronik isi rumah di Republik Rakyat China menghasilkan pertambahan permintaan untuk produk E&E Malaysia.

Eksport minyak sawit merupakan eskport kedua terbesar Malaysia ke Republik Rakyat China, berkembang 70.1 peratus pada 2007. Malaysia kekal sebagai pembekal terbesar minyak sawit ke Republik Rakyat China dengan eksport bernilai RM9.9 bilion. Jumlah eksport minyak sawit ke Republik Rakyat China meningkat 7.3 peratus kepada 3.8 juta tan metrik pada 2007. Pertumbuhan pesat industri makanan tempatan menyumbang kepada pertambahan permintaan ke atas minyak sawit dari Republik Rakyat China.

Eksport utama yang lain ke Republik Rakyat China adalah kimia dan produk kimia, yang meningkat 15.8 peratus kepada RM4.8 bilion, getah mentah (merosot 9.9 peratus kepada RM2.7 bilion) dan produk getah (meningkat 20.7 peratus kepada RM1.7 bilion).

Republik Rakyat China merupakan sumber import kedua terbesar Malaysia pada 2007, memperkukuhkan kedudukannya dari kedudukan ketiga pada 2006. Import dari Malaysia meningkat 11.5 peratus kepada RM64.9 bilion, menyumbang 12.9 peratus daripada jumlah import Malaysia.

Import dari Republik Rakyat China merangkumi produk E&E, meningkat 2.2 peratus kepada RM36.2 bilion, jentera, perkakasan dan alat ganti (32.2 peratus kepada RM5.7 bilion), kimia dan produk kimia (33.4 peratus kepada RM3.8 bilion), produk besi dan keluli (71.4 peratus kepada RM3.4 bilion) serta pengilangan logam (41 peratus kepada RM3 bilion). Kesemua produk ini menyumbang 80.1 peratus daripda jumlah import Malaysia dari Republik Rakyat China.

Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA), sejumlah 12,456 Sijil Tempasal keutamaan telah dikeluarkan pada 2007. Eksport di bawah Perjanjian ini meningkat 46.7 peratus kepada RM5.6 bilion daripada RM3.8 bilion pada 2006. Produk eksport utama di bawah ACFTA pada 2007 adalah getah kompaun, lemak dan minyak sayuran, gliserin dan asid asetik.

Jepun

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Jepun pada 2007 menunjukkan peningkatan 4.3 peratus kepada RM120.8 bilion, daripada RM115.8 bilion pada 2006. Dalam lima tahun kebelakangan ini, perdagangan Malaysia dan Jepun merekodkan peningkatan berterusan dengan purata pertumbuhan tahunan 5.4 peratus. Pertumbuhan dalam perdagangan disumbangkan terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi, yang berkembang 6.9 peratus setahun berbanding import tahunan 4.3 peratus.

Jumlah eksport Malaysia ke Jepun pada 2007 berjumlah RM55.2 bilion, bertambah 5.8 peratus berbanding RM52.2 bilion pada 2006. Peningkatan ini menyumbang 9.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada 2007.

Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai sumber import ke-11 terbesar untuk Jepun, menyumbang 2.8 peratus daripada jumlah import Jepun. Di kalangan anggota ASEAN, Malaysia merupakan pengeksport ketiga terbesar ke Jepun selepas Indonesia dan Thailand.

Eksport produk LNG ke Jepun meningkat 23.4 peratus kepada RM16.3 bilion pada 2007, manakala produk E&E merosot 2 peratus kepada RM16.1 bilion. Kemerosotan eksport E&E disebabkan kelemahan permintaan global terutamanya untuk telekomunikasi, kelengkapan bunyi, mesin pejabat serta mesin pemprosesan data automatik (ADP) dan alat ganti. Eksport lain adalah produk kayu, merosot 17.5 peratus kepada RM4 bilion, kimia dan produk kimia (berkurangan 8.6 peratus kepada RM2.2 bilion) dan kelengkapan optik dan saintifik (meningkat 0.5 peratus kepada RM2.1 bilion).

Pada 2007, import Malaysia dari Jepun bertambah 3.1 peratus kepada RM65.5 bilion, berbanding RM63.6 bilion pada 2006. Jepun mengekalkan kedudukannya sebagai sumber import terbesar Malaysia, dengan syer 13 peratus daripada jumlah import Malaysia.

Import utama dari Jepun adalah produk E&E, yang menurun 3.6 peratus kepada RM24.2 bilion pada 2007. Produk import lain termasuk jentera, perkakasan dan alat ganti, meningkat 15.7 peratus kepada RM9 bilion, kelengkapan pengangkutan (meningkat 44.3 peratus kepada RM6 bilion), produk besi dan keluli (berkurangan 0.6 peratus kepada RM5.9 bilion) dan pengilangan logam (meningkat 8 peratus kepada RM5.1 bilion). Secara kolektif, import produk-produk tersebut menyumbang 76.6 peratus daripada jumlah import Malaysia dari Jepun.

Pada 2007, Sijil Tempasal keutamaan dikeluarkan di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (JMEPA) bernilai RM6.7 bilion. Perjanjian ini dikuatkuasa pada Julai 2006. Bagi tempoh Julai-Disember 2006, eksport menggunakan Sijil Tempasal keutamaan bernilai RM3.1 bilion. Produk eksport utama di bawah Perjanjian adalah industrial *grade palm oil and sludge oil, stretch film, polyethylene bags, heavy cut alcohol* dan *laminated veneer lumber*.

Jadual 2.7:
Perdagangan Malaysia dengan ASEAN

Negara	2007							2006		
	Jumlah Perdagangan	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan	Eksport	Import
	RM juta	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	RM juta	RM juta
ASEAN	**278,981.9**	**155,560.5**	**100.0**	**1.3**	**123,421.4**	**100.0**	**5.1**	**271,002.6**	**153,560.4**	**117,442.2**
Singapura	146,463.5	88,508.0	56.9	-2.5	57,955.5	47.0	3.1	146,938.1	90,750.5	56,187.5
Thailand	56,990.2	29,983.9	19.3	-3.8	27,006.3	21.9	2.8	57,453.1	31,176.8	26,276.3
Indonesia	39,128.7	17,749.5	11.4	19.0	21,379.2	17.3	17.7	33,081.5	14,915.7	18,165.9
Filipina	18,513.8	8,738.8	5.6	9.6	9,774.9	7.9	-8.1	18,613.4	7,973.5	10,639.9
Viet Nam	14,289.7	7,985.6	5.1	23.8	6,304.1	5.1	21.6	11,635.5	6,452.4	5,183.2
Brunei Darussalam	1,709.2	1,381.3	0.9	9.0	327.9	0.3	18.8	1,543.8	1,267.7	276.1
Myanmar	1,199.0	720.8	0.5	19.0	478.1	0.4	4.2	1,064.7	605.9	458.8
Kemboja	533.8	460.6	0.3	16.0	73.2	0.1	-1.5	471.4	397.1	74.3
Laos	153.9	32.0	neg.	53.8	122.0	0.1	-32.3	200.9	20.8	180.1

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Nota: neg. - nilai terlalu kecil

ASEAN

Perdagangan Malaysia dengan ASEAN telah berkembang secara ketara semenjak pelaksanaan kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada Januari 2003. Semenjak sedekad yang lalu, perdagangan Malaysia dengan rantau ASEAN telah meningkat pada kadar purata 11.5 peratus.

Pada 2007, perdagangan dengan ASEAN menyumbang 25.1 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia, peningkatan 2.9 peratus kepada RM279 bilion daripada RM271 bilion pada 2006. ASEAN merupakan rakan perdagangan kedua terbesar pada 2007. Di kalangan ASEAN, Singapura kekal sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia dengan syer 52.5 peratus daripada jumlah perdagangan. Ini diikuti oleh Thailand dengan 20.4 peratus, Indonesia (14 peratus), Filipina (6.6 peratus) dan Viet Nam (5.1 peratus).

Eksport ke ASEAN meningkat 1.3 peratus kepada RM155.6 bilion, menyumbang 25.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Tiga pasaran utama di ASEAN pada 2007 adalah Singapura, Thailand dan Indonesia, di mana keseluruhannya menyumbang 87.6 peratus kepada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

Peningkatan yang ketara direkodkan oleh eksport Malaysia ke Indonesia dan Viet Nam. Eksport ke Indonesia meningkat 19 peratus kepada RM17.7 bilion, manakala eksport ke Viet Nam, berkembang 23.8 peratus kepada RM8 bilion. Peningkatan dalam eksport ke Indonesia dan Viet Nam sebahagian besarnya disumbang oleh produk besi dan keluli, kimia dan produk kimia, serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Eksport ke Singapura berkurang 2.5 peratus kepada RM88.5 bilion manakala eksport ke Thailand, 3.8 peratus kepada RM30 bilion. Produk E&E kekal sebagai produk eksport utama Malaysia ke ASEAN, menyumbang 37.1 peratus kepada jumlah eksport ke rantau ini. Eksport produk ini merosot 5.1 peratus kepada RM57.7 bilion, berbanding RM60.9 bilion pada 2006.

Jadual 2.8:
Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT

Destinasi Eksport	2007			2006	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
Jumlah	**13,490.7**	**100.0**	**19.8**	**11,264.7**	**100.0**
Thailand	4,147.1	30.7	-11.0	4,658.5	41.4
Indonesia	3,216.6	23.8	61.2	1,995.1	17.7
Viet Nam	3,191.4	23.7	64.7	1,938.1	17.2
Filipina	2,250.1	16.7	12.0	2,008.4	17.8
Singapura	649.6	4.8	2.5	633.7	5.6
Brunei Darussalam	19.6	0.1	-25.7	26.4	0.2
Myanmar	12.2	0.1	630.1	1.7	neg.
Kemboja	3.1	neg.	47.7	2.1	neg.
Laos	1.0	neg.	30.6	0.8	neg.

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Nota: neg. – nilai tertalu kecil

Jadual 2.9:
Eksport Utama Malaysia di bawah Skim CEPT, 2007

Produk	RM juta	Syer (%)
Refined, bleached and deodorised palm oil	790.5	5.9
Penghawa dingin	379.2	2.8
Non alloy steel	304.5	2.3
Prime steel billets	254.8	1.9
Titanzex resin	2,423.0	1.8
Tinplate bars	226.3	1.7
Colour picture tube	197.4	1.5
CDI amplifier	180.5	1.3
Tembakau	167.1	1.2
Urea	165.0	1.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Produk eksport lain ke ASEAN adalah produk petroleum bertapis, bernilai RM16.3 bilion, petroleum mentah (RM11.5 bilion), kimia dan produk kimia (RM11.4 bilion) dan jentera, perkakasan dan alat ganti (RM8.9 bilion).

Eksport ke Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam (CLMV) juga berkembang. Secara kolektif, jumlah eksport ke negara-negara ini meningkat 23 peratus kepada RM9.2 bilion pada 2007. Produk eksport utama ke negara-negara ini adalah kimia dan produk kimia, produk keluli dan besi, produk E&E, produk petroleum bertapis dan minyak sawit.

Pada 2007, eksport Malaysia di bawah Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (*Common Effective Preferential Tariff* - CEPT) meningkat 19.8 peratus kepada RM13.5 bilion daripada RM11.3 bilion pada 2006. Pada 2007, sejumlah 130,137 Sijil Tempasal di bawah Skim CEPT dikeluarkan berbanding 116,809 pada 2006. Jumlah eksport di bawah skim ini menyumbang 8.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke ASEAN. Produk eksport utama adalah *refined, bleached and deodorised palm oil*, penghawa dingin, *non alloy steel, prime steel billets* dan *titanzex resin*.

Carta 2.3:
Perdagangan Malaysia dengan ASEAN, 1998-2007



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Penggunaan tertinggi eksport di bawah Skim CEPT adalah dengan Thailand, berjumlah RM4.1 bilion atau 30.7 peratus daripada jumlah eksport. Ini diikuti oleh Indonesia (RM3.2 bilion atau 23.8 peratus), Viet Nam (RM3.2 bilion atau 23.7 peratus) dan Filipina (RM2.3 bilion atau 16.7 peratus).

Import dari ASEAN meningkat 5.1 peratus kepada RM123.4 bilion berbanding RM117.4 bilion pada 2006. ASEAN kekal sebagai sumber import kedua terbesar Malaysia dengan syer 24.4 peratus daripada jumlah import Malaysia. Sumber import utama adalah Singapura, bernilai RM58 bilion, Thailand (RM27 bilion), Indonesia (RM21.4 bilion), Filipina (RM9.8 bilion) dan Viet Nam (RM6.3 bilion). Pada 2007, kesemua negara ini menyumbang 99.2 peratus daripada jumlah import Malaysia dari rantau ini.

Produk E&E adalah import terbesar yang menyumbang 31.9 peratus kepada jumlah import Malaysia dari rantau ini, bernilai RM39.3 bilion. Produk import utama lain adalah produk petroleum bertapis, bernilai RM17.4 bilion, diikuti kimia dan produk kimia (RM11.3 bilion), jentera, perkakasan dan alat ganti (RM6.3 bilion) dan pengilangan logam (RM5.9 bilion).

Amerika Utara

Pada 2007, jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara, merangkumi AS dan Kanada, merosot 12.4 peratus kepada RM155.1 bilion daripada RM177 bilion pada 2006. Amerika Utara adalah rakan perdagangan rantau ketiga terbesar Malaysia selepas Asia Timur Laut dan ASEAN. Eksport ke rantau ini merosot 14.5 peratus kerana penurunan dalam eksport produk E&E, produk kayu serta tekstil dan pakaian manakala import berkurang 8.6 peratus disebabkan penurunan dalam import bagi produk E&E, kelengkapan optik dan saintifik serta kelengkapan pengangkutan.

Jumlah eksport ke Amerika Utara, destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia, berjumlah RM97.8 bilion pada 2007. AS dan Kanada masing-masing menyumbang 96.6 peratus dan 3.4 peratus daripada eksport Malaysia ke Amerika Utara.

Carta 2.4:
Perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara, 1998-2007

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Produk E&E kekal sebagai produk eksport utama ke Amerika Utara, menyumbang 73.3 peratus kepada jumlah eksport ke rantau ini, merosot 18.1 peratus kepada RM72.1 bilion berbanding RM88.1 bilion pada 2006. Kemerosotan eksport E&E ke Amerika Utara terutamanya disebabkan oleh lebihan bekalan dan kemerosotan harga yang berterusan untuk sebahagian produk berkaitan dengan teknologi maklumat (IT) pada 2007.

Eksport utama lain adalah kelengkapan optik dan saintifik, bernilai RM3 bilion, produk kayu (RM3 bilion), tekstil dan pakaian (RM2.8 bilion) serta minyak sawit (RM2.7 bilion). Import Malaysia dari rantau ini berkurang 8.6 peratus kepada RM57.3 bilion daripada RM62.6 bilion pada 2006. Import dari AS bernilai RM54.7 bilion, manakala dari Kanada bernilai RM2.6 bilion.

Import utama dari Amerika Utara adalah produk E&E, menyumbang 50.6 peratus diikuti jentera, perkakasan dan alat ganti (12.9 peratus), kimia dan produk kimia (7.1 peratus), kelengkapan optik dan saintifik (5.9 peratus) serta produk besi dan keluli (4 peratus).

Amerika Syarikat

AS kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia sejak 1988, menyumbang 13.4 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia pada 2007. Walau bagaimanapun, perdagangan dengan AS pada 2007 merekodkan kemerosotan 12.6 peratus kepada RM149.2 bilion berbanding RM170.8 bilion pada 2006. Malaysia merupakan rakan perdagangan ke-16 terbesar AS pada 2007. Di kalangan Negara Anggota ASEAN, Malaysia merupakan rakan perdagangan kedua terbesar AS selepas Singapura.

AS merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia dengan syer 15.6 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Di kalangan Negara Anggota ASEAN, Malaysia kekal sebagai sumber import utama AS. Di peringkat global, Malaysia adalah sumber import ke-13 AS pada 2007, menyumbangkan 1.7 peratus kepada jumlah import AS.

Jadual 2.10:
Perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah

Negara	Jumlah Perdagangan	2007						2006		
		Eksport			Import			Jumlah Perdagangan	Eksport	Import
	RM juta	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	RM juta	RM juta
EU 27	**137,765.1**	**77,823.6**	**100.0**	**3.5**	**59,941.5**	**100.0**	**9.4**	**129,906.1**	**75,148.9**	**54,757.2**
Jerman	38,254.8	14,831.6	19.1	16.1	23,423.2	39.1	11.1	33,836.9	12,774.4	21,062.5
Belanda	26,881.3	23,599.4	30.3	10.1	3,281.9	5.5	-2.8	24,803.7	21,429.1	3,374.6
UK	17,164.7	9,898.8	12.7	-7.6	7,265.9	12.1	6.7	17,523.1	10,714.1	6,809.0
Perancis	15,069.0	7,351.8	9.5	-7.4	7,717.2	12.9	0.2	15,637.7	7,941.9	7,695.8
Itali	8,293.0	3,786.5	4.9	4.5	4,506.4	7.5	7.5	7,813.7	3,622.6	4,191.2
Belgium	4,425.0	2,654.6	3.4	17.8	1,770.4	3.0	21.8	3,706.7	2,253.9	1,452.7
Sepanyol	4,378.0	2,934.8	3.8	-14.4	1,443.2	2.4	18.6	4,641.9	3,426.4	1,215.5
Ireland	4,307.8	1,566.9	2.0	-4.3	2,740.9	4.6	-7.1	4,589.0	1,637.4	2,951.6
Sweden	3,525.1	1,313.3	1.7	4.5	2,211.8	3.7	-0.8	3,485.5	1,257.3	2,228.2
Finland	3,055.7	2,065.5	2.7	-16.6	990.3	1.7	3.3	3,430.1	2,476.8	953.3
Hungary	1,983.1	1,734.1	2.2	17.7	249.0	0.4	26.5	1,669.9	1,473.0	196.9
Portugal	1,871.7	649.1	0.8	-1.6	1,222.6	2.0	338.1	938.5	659.4	279.1
Austria	1,625.8	391.7	0.5	-62.3	1,234.0	2.1	68.8	1,769.7	1,038.9	730.8
Poland	1,479.1	1,151.0	1.5	73.3	328.1	0.6	18.7	940.6	664.1	276.5
Denmark	1,477.6	889.5	1.1	-32.7	588.1	1.0	13.9	1,838.1	1,323.4	514.8
Republik Czech	905.7	693.2	0.9	-22.2	212.5	0.4	0.9	1,101.6	890.9	210.7
Greece	717.6	632.7	0.8	29.1	84.9	0.1	-7.3	581.6	490.1	91.5
Slovakia	499.9	447.3	0.6	55.1	52.5	0.1	-34.7	368.7	288.4	80.4
Romania	416.0	345.8	0.4	149.9	70.3	0.1	-12.2	218.3	138.4	80.0
Malta	380.5	119.1	0.2	6.9	261.4	0.4	72.4	263.1	111.4	151.7
Estonia	247.4	222.3	0.3	46.1	25.1	neg.	49.7	168.9	152.1	16.8
Bulgaria	212.6	146.4	0.2	109.6	66.2	0.1	49.5	114.2	69.9	44.3
Lithuania	159.2	88.6	0.1	46.6	70.6	0.1	12.9	123.0	60.4	62.6
Cyprus	135.7	124.7	0.2	62.8	10.9	neg.	-16.6	89.7	76.6	13.1
Luxembourg	116.7	56.5	0.1	-26.0	60.2	0.1	70.9	111.6	76.4	35.2
Slovenia	100.1	51.4	0.1	30.9	48.7	0.1	46.8	72.5	39.3	33.2
Latvia	82.2	77.1	0.1	23.2	5.1	neg.	-5.7	68.0	62.6	5.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Nota: neg - nilai terlalu kecil

Walau bagaimanapun, eksport ke AS pada 2007 merosot 14.5 peratus kepada RM94.5 bilion, berbanding RM110.6 bilion pada 2006. Penurunan ini adalah disebabkan kemerosotan ekonomi AS dan penyumberan luar ke negara berkos rendah oleh AS.

Eksport utama Malaysia ke AS adalah produk E&E, menyumbang 74.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Eksport E&E merosot 18 peratus kepada RM70.4 bilion. Eksport utama yang lain adalah kelengkapan optik dan saintifik (meningkat 3.5 peratus kepada RM2.8 bilion), produk kayu (merosot 17.9 peratus kepada RM2.8 bilion), tekstil dan pakaian (berkurang 8.9 peratus kepada RM2.7 bilion) serta minyak sawit (meningkat 54.4 peratus kepada RM2.6 bilion).

Kemerosotan eksport produk E&E disebabkan penurunan import komputer dan alat ganti serta papan litar bercetak oleh AS. Harga seunit yang rendah juga menambah tekanan terhadap penurunan nilai eksport bagi produk tersebut. Perubahan di dalam corak penyumberan oleh AS juga memberi kesan terhadap permintaan produk E&E Malaysia seperti unit penyimpanan dan unit pemprosesan data.

Import dari AS berkurang 9.2 peratus pada 2007 kepada RM54.7 bilion berbanding RM60.2 bilion pada 2006. AS merupakan sumber import keempat terbesar Malaysia selepas Jepun, Republik Rakyat China dan Singapura, dengan syer 10.8 peratus daripada jumlah import Malaysia.

Import utama dari AS merangkumi produk E&E, menyumbang 52.1 peratus kepada jumlah import Malaysia. Ini diikuti jentera, perkakasan dan alat ganti dengan syer 13.2 peratus, bernilai RM7.2 bilion, kimia dan produk kimia (6 peratus, RM3.3 bilion), kelengkapan optik dan saintifik (6 peratus, RM3.3 bilion) serta produk besi dan keluli (4.2 peratus, RM2.3 bilion).

Kesatuan Eropah

Dengan kemasukan Romania dan Bulgaria pada 2007, jumlah Negara Anggota Kesatuan Eropah (EU) meningkat kepada 27. EU merupakan rakan perdagangan rantau keempat terbesar bagi Malaysia.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan EU bernilai RM137.8 bilion pada 2007, bertambah 6 peratus daripada RM129.9 bilion pada 2006. Rantau ini menyumbang 12.4 peratus kepada

Carta 2.5:
Perdagangan Malaysia dengan Kesatuan Eropah, 1998-2007



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

jumlah perdagangan Malaysia pada 2007. Lima rakan dagang utama Malaysia di kalangan EU adalah Jerman, menyumbang 27.8 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan rantau ini, diikuti oleh Belanda (19.5 peratus), United Kingdom (UK) (12.5 peratus), Perancis (10.9 peratus) dan Itali (6 peratus).

Pada 2007, eksport ke EU bertambah 3.5 peratus kepada RM77.8 bilion daripada RM75.1 bilion pada 2006. Malaysia merupakan pengeksport ke-18 terbesar ke EU. Di kalangan Negara Anggota ASEAN, Malaysia adalah sumber import kedua terbesar untuk EU selepas Singapura, menyumbang 1.3 peratus daripada jumlah import EU.

Eksport ke Belanda yang merupakan destinasi eksport utama di EU, meningkat 10.1 peratus kepada RM23.6 bilion. Destinasi eksport yang lain adalah Jerman, meningkat 16.1 peratus kepada RM14.8 billon, UK (berkurang 7.6 peratus kepada RM9.9 bilion), Perancis (berkurang 7.4 peratus kepada RM7.4 bilion) dan Itali (meningkat 4.5 peratus kepada RM3.8 bilion).

Peningkatan ketara dalam eksport direkodkan dengan Poland dan Belgium. Eksport ke Poland meningkat 73.3 peratus kepada RM1.2 bilion, manakala eksport ke Belgium meningkat 17.8 peratus kepada RM2.7 bilion. Produk eksport utama ke Poland adalah produk E&E, produk getah, produk kayu, kelengkapan optik dan saintifik serta pengilangan plastik. Produk eksport utama ke Belgium adalah produk E&E, kimia dan produk kimia, tekstil dan pakaian, balak dan kayu gergaji serta produk besi dan keluli.

Produk eksport utama Malaysia ke EU pada 2007 adalah produk E&E, menyumbang 54.6 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, bernilai RM42.5 bilion. Ini diikuti dengan minyak sawit, meningkat 18.7 peratus kepada RM5.6 bilion, jentera, perkakasan dan alat ganti (34.6 peratus kepada RM3.1 bilion), produk getah (23 peratus kepada RM2.6 bilion) serta kimia dan produk kimia (47.9 peratus kepada RM2.6 bilion). Kesemua produk ini menyumbang 72.4 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

Pada 2007, Malaysia kekal sebagai pembekal keenam terbesar produk E&E ke EU, menyumbang 4.6 peratus daripada jumlah import produk E&E ke EU. Pembekal utama produk E&E ke EU adalah Republik Rakyat China dengan syer 38 peratus, AS (12.5 peratus), Jepun (8.1 peratus), Republik Korea (7.8 peratus) dan Taiwan (6.6 peratus).

Jumlah import Malaysia dari EU meningkat 9.5 peratus kepada RM59.9 bilion daripada RM54.8 bilion pada 2006. Lima sumber import utama Malaysia dari EU adalah Jerman, bernilai RM23.4 bilion, Perancis (RM7.7 bilion), UK (RM7.3 bilion), Itali (RM4.5 bilion) dan Belanda (RM3.3 bilion).

Produk E&E kekal sebagai import utama Malaysia dari EU bernilai RM24.8 bilion, menyumbang 41.4 peratus kepada jumlah import Malaysia daripada rantau tersebut. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti, bernilai RM8.5 bilion atau 14.3 peratus daripada jumlah import, kimia dan produk kimia (RM5.7 bilion atau 9.5 peratus), kelengkapan pengangkutan (RM5.5 bilion atau 9.1 peratus) serta produk besi dan keluli (RM3.2 bilion atau 5.3 peratus).

AMALAN PERDAGANGAN YANG DIPERKENALKAN OLEH RAKAN PERDAGANGAN MALAYSIA

Rakan perdagangan Malaysia terus memperkenalkan dan mengubah amalan dan peraturan perdagangan baru yang boleh menjejaskan prestasi eksport Malaysia.

Kesatuan Eropah

Pendaftaran, Penilaian dan Kelulusan terhadap Bahan Kimia

Peraturan EU berkenaan Pendaftaran, Penilaian dan Kelulusan terhadap Bahan Kimia (REACH) diterima pakai pada 1 Jun 2007. Di bawah REACH, pengilang dan pengimport bahan kimia perlu memenuhi syarat pendaftaran maklumat mulai 1 Jun 2008.

Tanggungjawab adalah terletak pada pengilang dan pengimport untuk menghantar maklumat yang perlu di dalam satu dosir pendaftaran bagi menunjukkan cara penggunaan bahan kimia dengan selamat. Kegagalan mendaftar bermakna bahan tersebut tidak boleh dikilang, didagangkan atau dieksport ke pasaran EU.

Agensi Kimia Eropah (ECHA) telah ditubuhkan di Finland untuk mengurus pendaftaran bahan kimia melalui penubuhan satu pangkalan data. ECHA akan terlibat dalam penilaian dan kelulusan bahan tersebut.

Di antara 1 Jun hingga 1 Disember 2008, pengilang dan pengimport di EU perlu menyediakan maklumat tertentu berkenaan setiap bahan yang sedia ada untuk pra-pendaftaran dengan ECHA. Penangguhan tarikh pendaftaran sehingga 2018 akan memberi manfaat kepada syarikat, bergantung kepada jenis bahan kimia.

Syarikat Malaysia adalah diingatkan supaya mematuhi tarikh tutup pra-pendaftaran yang ditetapkan bagi mengemukakan dosir kepada ECHA. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan, semua pihak perlu mendaftar semula bahan tersebut sebelum dieksport ke pasaran EU, dan tidak akan mendapat faedah penangguhan tarikh pendaftaran yang ditetapkan sehingga 2018.

Bahan yang tidak dipra-daftar tetapi diimport untuk kali pertama ke EU selepas 1 Disember (tarikh akhir pra-pendaftaran) masih boleh mendapat manfaat dari penangguhan tempoh pendaftaran, jika maklumat yang diperlukan untuk pra-pendaftaran disediakan dalam tempoh enam bulan, bahan itu pertama kali diimport ke EU dan tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh akhir pendaftaran yang berkaitan.

Terdapat juga kemungkinan ketidakseragaman pelaksanaan keputusan memandangkan penguatkuasaan REACH adalah di bawah bidang kuasa setiap Negara Anggota EU. Iceland, Liechtenstein dan Norway yang merupakan sebahagian daripada Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) bercadang mengguna pakai REACH sebagai peraturan kebangsaan. Jika ini berlaku, peraturan REACH yang sama akan dikenakan ke atas eksport ke negara-negara tersebut.

Di bawah REACH, pengimport EU akan bergantung kepada pembekal mereka di negara ketiga untuk maklumat berkenaan data bahaya dan penggunaan secara selamat untuk digunakan yang diperlukan semasa pendaftaran. Pada masa yang sama, pengeluar dari negara Ketiga yang mengilang secara persendirian bahan yang akan diimport ke EU boleh melantik 'seorang yang natural atau ahli perundangan yang ditubuhkan di dalam Komuniti' untuk memenuhi obligasi terhadap pengimport sebagai '*only representative*'.

Negara ketiga yang memerlukan perkhidmatan '*only representative*' agar tidak dibebankan kerana jumlah pengeluar perkhidmatan yang tidak mencukupi untuk membenarkan entiti bukan-EU mendapat peluang yang sama ke pasaran EU. Sebagai contoh, adalah diketahui bahawa firma perundangan EU tidak berminat untuk menawarkan perkhidmatan '*only representative*'.

Pakej Komprehensif EU mengenai Tenaga dan Perubahan Cuaca

Suruhanjaya Eropah telah menerima pakai pakej cadangan pada 23 Januari 2008 untuk menangani perubahan cuaca dan mempromosi tenaga yang boleh diperbaharui. Pakej cadangan bertujuan untuk menubuhkan satu pasaran dalaman untuk tenaga dan menguatkuasa peraturan efektif yang disasarkan kepada pengeluar gas rumah hijau dan tenaga yang boleh diperbaharui:

- komitmen unilateral EU untuk mengurangkan 20 peratus pengeluaran gas rumah hijau pada 2020 berbanding dengan tahap pada 1990 dan meningkatkan pengurangan sehingga 30 peratus berdasarkan perjanjian perubahan cuaca pasca Kyoto;

- mencapai 20 peratus dari keseluruhan penggunaan tenaga EU yang boleh diperbaharui pada 2020; dan

- 10 peratus komponen biofuel sebagai sumber bahan api pengangkutan pada 2020.

Draf Arahan Biofuel di bawah Pakej Tenaga dan Perubahan Cuaca merupakan sebahagian garis panduan EU, bertujuan untuk mengurangkan pergantungan ke atas bekalan tenaga (termasuk biofuel) daripada negara ketiga. Ia mengambil kira kekurangan sumber EU melalui pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan biofuel. Oleh yang demikian, Negara Anggota EU perlu mendapatkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui melalui import untuk memenuhi sasaran tenaganya. Walau bagaimanapun, sumber import ini perlu mematuhi kriteria persekitaran yang mapan yang digariskan oleh Suruhanjaya di bawah Arahan, termasuk:

- penyimpanan gas rumah hijau dari pengeluaran biofuel hendaklah sekurang-kurangnya 35 peratus untuk diambil kira sebagai mapan; dan

- biofuel tidak boleh dihasilkan daripada sumber asli daripada kawasan yang dikenal pasti mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi bermula dari Januari 2008, terutamanya tanah hutan, kawasan yang ditentukan untuk tujuan perlindungan alam dan tanah rumput yang tinggi biodioversitinya.

Draf Arahan telah dihantar ke Majlis EU dan Parlimen Eropah untuk kelulusan, di bawah prosedur keputusan bersama. Arahan ini disasarkan untuk diterima pakai pada setengah tahun pertama 2009.

Kenya

Perolehan

Pada Mac 2007, Kerajaan Kenya telah melarang kontraktor asing untuk menyertai tender bagi semua projek Kerajaan. Larangan ini terhad kepada projek yang berjumlah kurang daripada Ksh200 juta (US$3.2 juta). Syarikat asing dan pengeksport yang menyediakan barangan dan perkhidmatan di bawah Ksh50 juta (US$805,450) juga dilarang menyertai tender projek perolehan Kerajaan.

Peraturan baru ini menghalang syarikat Malaysia daripada terlibat secara langsung di dalam tender projek-projek pembinaan dan perolehan. Walau bagaimanapun, syarikat Malaysia masih boleh mengambil bahagian di dalam projek Kerajaan dengan mewujudkan syarikat pekongsian yang didaftarkan di Kenya di mana rakan kongsi tempatan memegang syer majoriti.

India

Pengharaman Import Minyak Sawit di Negeri Kerala

Mulai Disember 2007, Kerajaan India telah melarang import minyak sawit dan bahan-bahan berkaitan daripada semua pelabuhan di negeri Kerala. Pada Oktober 2007, larangan tersebut dikuatkuasa hanya untuk Pelabuhan Kochi, pelabuhan terbesar di Kerala. Sehingga akhir 2007, halangan tersebut telah dikuatkuasa ke 18 buah pelabuhan lagi di Kerala.

Keputusan untuk melarang import kelapa sawit daripada semua pelabuhan Kerala dilakukan untuk melindungi industri minyak kelapa tempatan. Import minyak sawit ke India adalah terutamanya melalui Pelabuhan Kochi. Pada 2007, jumlah import minyak sawit dan bahan-bahan berkaitan daripada Pelabuhan Kochi meliputi hanya 2 peratus daripada jumlah import India. Dengan pengharaman ini, pengimport perlu menggunakan pelabuhan lain di India untuk mengagihkan produk ke Kerala dan lain-lain negeri di India. Peraturan ini akan meningkatkan harga minyak sawit dan bahan-bahan berkaitan disebabkan kos pengangkutan yang tinggi.

Republik Korea

Appropriations of Country of Origin Labelling

Kerajaan Korea melaksanakan *Appropriations of Country of Origin Labelling* untuk 267 produk pada Oktober 2006. Walau bagaimanapun pada Julai 2007, pelaksanaannya ditambah kepada 310 produk. Keperluan melabel berbeza untuk setiap 310 produk. Mengikut sistem baru, tiap-tiap produk perlu dilabelkan secara individu bertujuan untuk memberi faedah

kepada pengguna untuk mengenal pasti negara tempasal produk tersebut.

Akta Perdagangan Asing Korea memerlukan artikel yang diimport, ditanda dengan kekal dan jelas untuk dibaca serta di tempat yang mudah dilihat untuk pemahaman pengguna akhir di Republik Korea. Label hendaklah mengandungi, selain daripada nama negara tempasal, perkataan atau simbol-simbol yang jelas menunjukkan asal artikel yang diimport sahaja, dan bukan artikel lain sekiranya artikel yang diimport telah digabungkan selepas diimport.

Apabila item yang ditanda perlu dibungkus semula di Republik Korea setelah dilepaskan daripada kawalan Kastam, pengimport perlu mengesahkan bahawa mereka tidak akan merosakkan label yang sedia ada pada item tersebut. Jika item tersebut akan dipindahkan ke pihak ketiga untuk jualan, pengimport perlu memaklumkan kepada pihak ketiga berkenaan keperluan untuk mematuhi peraturan melabel yang baru. Kegagalan mengikut arahan akan menyebabkan pengimport atau pengedar dikenakan tindakan di bawah Akta Perdagangan Asing Korea.

Emiriyah Arab Bersatu

Peraturan ke atas Agen dan Pengedar

Undang-undang Agensi Komersial UAE menetapkan bahawa semua agen komersil hendaklah terdiri daripada rakyat UAE ataupun syarikat yang dimiliki oleh rakyat UAE. Prinsipal asing dibenarkan untuk melantik satu agen untuk semua negeri atau sebahagian negeri atau sekumpulan negeri. Agen yang dilantik atau pengedar mempunyai hak eksklusif dan undang-undang membenarkan penamatan mereka hanya boleh dibuat melalui perjanjian bersama di antara prinsipal asing dan agen tempatan. Pada 2006, UAE telah membuat perubahan yang ketara kepada Undang-undang Agensi Komersil. Salah satu perubahan menekankan bahawa perjanjian agensi boleh ditamatkan pada akhir kontrak oleh mana-mana pihak, iaitu prinsipal asing ataupun agen tempatan. Syarikat Malaysia disyorkan mengambil langkah-langkah tertentu agar mereka mematuhi peraturan baru ini.

Dalam usaha untuk mengurangkan manipulasi harga dan membenarkan import tanpa larangan ke atas produk makanan asas, UAE telah memansuhkan keperluan agensi perdagangan untuk produk makanan asas pada Ogos 2006. Produk makanan yang termasuk di dalam keputusan ini meliputi susu, susu bayi, sayuran yang disejuk beku, ayam, minyak masak, mi, beras, tepung, produk ikan, teh, kopi, keju, pastri dan lampin pakai buang.

PROSPEK

Perdagangan Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan, selaras dengan perkembangan ekonomi global pada 2008. Bank Dunia meramalkan bahawa ekonomi dunia akan terus berkembang pada tahun 2008, walaupun pada kadar sederhana, iaitu 3.3 peratus berbanding 3.6 peratus pada 2007. Mengikut WTO, perdagangan dunia dijangka meningkat 4.5 peratus pada 2008.

Pertumbuhan KDNK yang tinggi diunjurkan bagi Republik Rakyat China pada 10.8 peratus dan India pada 8.4 peratus pada 2008, dijangka menyumbang terhadap pertumbuhan berterusan eksport Malaysia. Pasaran baru muncul seperti UAE, Afrika Selatan, Pakistan, Mexico dan Turki akan terus menyumbang kepada prestasi eksport Malaysia pada 2008.

Pasaran rantau baru muncul bagi eksport Malaysia yang terdiri daripada Asia Barat, Afrika dan Asia Selatan, dijangka akan meningkatkan permintaan mereka untuk eksport Malaysia bagi poduk E&E, kimia dan produk kimia, barang perhiasan diri dan makanan diproses pada 2008.

ASEAN menyumbang lebih daripada satu per empat daripada jumlah eksport Malaysia. Kemampuan ASEAN mengekalkan pertumbuhan KDNK 5.7 peratus pada 2008 menjadi faktor utama kepada pertumbuhan eksport negara. Penyumbang utama ke atas pertumbuhan ASEAN pada 2008 selain

Malaysia adalah Thailand, dijangka bertumbuh pada 5.3 peratus, Viet Nam (7.3 peratus) dan Indonesia (6.1 peratus).

Produk E&E akan terus kekal sebagai penyumbang utama terhadap eksport perkilangan pada 2008. Harga global produk berkaitan IT pada 2008 dijangka sederhana selepas menjunam pada 2007. Di antara produk E&E, peralatan semikonduktor dan litar bersepadu akan terus kukuh menyumbang 27.8 peratus daripada eksport E&E Malaysia pada 2007.

Peralatan semikonduktor dan litar bersepadu kekal penting sebagai eksport produk E&E Malaysia pada 2008. Menurut Persatuan Industri Semikonduktor, jualan semikonduktor global diunjurkan meningkat 7.7 peratus pada tahun 2008 untuk mencapai US$276.9 bilion. Peningkatan ini dijangka disumbangkan sebahagian besarnya oleh permintaan untuk barangan pengguna seperti telefon bimbit, komputer peribadi, televisyen digital dan peralatan MP3.

Pertumbuhan eksport perkilangan pada 2008 dijangka diperkukuhkan oleh produk seperti kimia dan produk kimia, jentera, perkakasan dan alat ganti, barang perhiasan diri, makanan diproses, produk getah dan perabot.

Malaysia dijangka mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu pengeskport utama bagi bekalan global minyak dan lemak. Pendapatan eksport Malaysia daripada minyak sawit diramal tetap tinggi disebabkan kenaikan berterusan harga global.

Bab 3 LANGKAH-LANGKAH DAN INISIATIF DASAR SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Inisiatif-inisiatif yang telah diambil pada 2007 untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan industri ditumpukan kepada pengurangan kos menjalankan perniagaan dan peningkatan sistem penyampaian secara keseluruhan bagi menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih berdaya saing untuk perdagangan dan pelaburan. Inisiatif-inisiatif ini adalah selaras dengan objektif-objektif yang telah digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang kedua-duanya dilancarkan pada 2006.

Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan pada 2007 ialah:

- pengenalan insentif-insentif baru, serta penambahbaikan insentif-insentif yang sedia ada untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan daya saing negara;
- penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH);
- pengenalan langkah-langkah baru untuk mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan;
- pelancaran tiga koridor wilayah pembangunan ekonomi untuk mengurangkan jurang pembangunan di antara wilayah-wilayah; dan
- penggubalan dan pelaksanaan pelan tindakan untuk melaksanakan strategi-strategi dan dasar-dasar yang telah digariskan di bawah IMP3 untuk terus menggalakkan pembangunan perindustrian dan pelaburan.

Pada 2007, Kerajaan terus menggalakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan e-dagang untuk memudahkan perdagangan dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pelanggan. Penekanan berterusan diberikan dalam pembangunan standard mandatori untuk mengawal kemasukan barangan sub-standard, mempromosikan Malaysia sebagai hab halal untuk makanan dan lain-lain produk, pembangunan modal insan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), serta mempromosikan inisiatif-inisiatif berkaitan penjenamaan.

INISIATIF BAGI MENINGKATKAN PELABURAN

Dasar liberal yang diamalkan Malaysia berhubung penubuhan dan pembesaran pelaburan dalam sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan telah berjaya menarik pelaburan asing ke negara ini di samping membantu pertumbuhan pelaburan domestik. Pada 2007, jumlah pelaburan bagi projek-projek yang diluluskan bernilai RM59.9 bilion berbanding RM46 bilion pada 2006, iaitu melebihi jumlah pelaburan tahunan RM27.5 bilion yang disasarkan dalam IMP3. Jumlah pelaburan langsung asing ialah RM33.4 bilion (55.7 peratus daripada jumlah pelaburan) bagi 2007, berbanding RM20.2 bilion (44 peratus) pada 2006.

Bajet 2008 yang diumumkan pada September 2007 memperkenalkan beberapa langkah baru untuk menggalakkan pelaburan, di antaranya:

- pengurangan cukai korporat dari 26 peratus pada 2008 kepada 25 peratus pada 2009;
- pelaksanaan sistem percukaian *single-tier* di mana keuntungan hanya dikenakan cukai di peringkat syarikat dan dividen yang diagihkan kepada pemegang saham dikecualikan daripada cukai;
- insentif untuk makmal ujian peralatan perubatan yang baru dalam bentuk Taraf Perintis (PS) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun untuk lima tahun atau

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun untuk ditolak daripada 100 peratus pendapatan berkanun; dan

- elaun pelaburan dipercepatkan untuk syarikat yang memasang peralatan kawalan dan pemantauan keselamatan untuk meningkatkan keselamatan fizikal projek-projek perkilangan yang diluluskan.

Beberapa insentif sedia ada turut ditambahbaik dalam Bajet 2008. Ini termasuklah insentif-insentif bagi:

- syarikat yang menghasilkan tenaga diperbaharui. Syarikat lain dalam kumpulan yang sama layak untuk mendapat insentif walaupun salah satu syarikat dalam kumpulan tersebut telah diluluskan insentif berkenaan;

- syarikat yang menyediakan perkhidmatan penjimatan tenaga, di mana insentif Taraf Perintis dinaikkan daripada 70 peratus selama lima tahun kepada 100 peratus selama sepuluh tahun dan Elaun Cukai Pelaburan dinaikkan daripada 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak ditolak daripada 70 peratus perdapatan berkanun kepada 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak ditolak daripada 100 peratus pendapatan berkanun; dan

- ICT, di mana syarikat yang beroperasi di luar Bandar-bandar Siber yang ditetapkan akan dapat menikmati insentif bagi syarikat bertaraf MSC setelah berpindah ke dalam kawasan Bandar Siber. Pada masa ini, terdapat tujuh Bandar Siber seperti KLCC Menara 2, Taman Teknologi Malaysia Fasa 1, UPM-MTDC, Cyberjaya, Menara KL, Penang Cybercity 1 dan Taman Teknologi Tinggi Kulim. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun, untuk ditolak daripada 100 peratus pendapatan berkanun. Koperasi Pembangunan Multimedia (MDeC) telah dikenalpasti sebagai agensi tunggal yang bertanggungjawab untuk memproses dan mencadangkan insentif untuk semua aktiviti ICT.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan telah ditubuhkan pada 2006 untuk memberi pertimbangan terhadap permohonan pelaburan dalam semua sektor yang memberi impak tinggi kepada ekonomi negara dengan matlamat untuk memudah dan mempercepatkan proses kelulusan termasuk pelaksanaan projek-projek pelaburan. Pada 2007, Jawantankuasa ini telah meluluskan 15 projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM64.3 bilion.

PEMUDAH telah ditubuhkan pada 7 Februari 2007 untuk terus memperbaiki persekitaran perniagaan di dalam negara dan memudahkan urusan perniagaan. Sebagai satu usahasama sektor awam dan swasta, PEMUDAH telah membuat beberapa pembaharuan dalam sistem penyampaian Kerajaan, yang telah meningkatkan iklim perniagaan di dalam negara secara keseluruhan. Inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh PEMUDAH termasuk:

- memendekkan tempoh bayaran balik cukai daripada satu tahun kepada 14 hingga 30 hari;

- memendekkan proses penilaian cukai stem daripada 26 hingga 86 hari kepada sepuluh hingga 16 hari;

- mengurangkan masa yang diambil untuk kelulusan berkaitan dengan lesen perniagaan. Sebagai contoh, pendaftaran untuk perniagaan baru sekarang mengambil masa satu jam berbanding tiga hari sebelumnya;

- membangunkan *Business Licensing Electronic Support Services* (BLESS) untuk memudahkan kelulusan lesen perniagaan secara *online*;

- memperkenalkan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) untuk menggantikan *Certificate of Fitness for Occupation* (CFO);

- menubuhkan Pusat Sehenti (OSC) di semua pihak berkuasa tempatan untuk mempercepatkan permohonan kelulusan projek-projek pembangunan; dan

- menerbitkan Buku Panduan bertajuk 'Pengambilan Ekspatriat: Proses dan Prosedur'.

Bagi menggalakkan dan melindungi pelaburan, pada 2007, MITI telah memulakan rundingan bagi lima Perjanjian Penggalakan dan Pelindungan Pelaburan (IGA) dengan Persekutuan Rusia, Tunisia, Ukraine, Oman dan Mexico dan juga telah menjalankan kajian semula terhadap lima IGA sedia ada dengan Jerman, Perancis, Republik Czech, Finland dan Kanada. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani 18 IGA dengan negara-negara membangun, 52 IGA dengan negara sedang membangun serta dua IGA pelbagai hala iaitu dengan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (Organization of the Islamic Conference-OIC) dan ASEAN. Objektif utama IGA adalah untuk:

- memberi pelindungan terhadap pemiliknegaraan atau perampasan;

- memastikan pampasan yang segera dan mencukupi sekira berlakunya pemiliknegaraan atau perampasan; dan

- memastikan penyelesaian pertikaian di bawah Konvensyen Penyelesaian Pertikaian Pelaburan yang telah dianggotai oleh Malaysia semenjak 1966.

Selain daripada IGA, isu liberalisasi pelaburan juga dibincangkan di dalam semua Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Sehingga kini, dua FTA telah dimuktamadkan, iaitu Perjanjian Kerjasama Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA) dan Perjanjian Kerjasama Rapat Ekonomi Malaysia-Pakistan (MPCEPA), di mana elemen seperti layanan nasional, layanan negara paling istimewa dan *performance requirements* telah dimasukkan.

INISIATIF SEKTOR SWASTA

IMP3 telah mengenal pasti sektor swasta sebagai sektor yang penting dalam membangunkan polisi dan langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkilangan. Selaras dengan ini, sektor swasta telah terlibat secara aktif dalam usaha merangka dan melaksanakan strategi-strategi serta langkah-langkah untuk mencapai sasaran IMP3.

Persatuan-persatuan perdagangan dan industri serta dewan-dewan perniagaan memainkan peranan penting dalam bekerjasama dengan Kerajaan dalam usaha-usaha memudahcarakan perniagaan dan menggalakkan pembangunan perindustrian dan perdagangan. Pada 2007, Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) telah mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke Timur Tengah, Myanmar dan Kazakhstan untuk mempromosikan pelbagai sub-sektor termasuk elektrik dan elektronik, produk kimia, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan makanan.

Aktiviti lain yang dianjurkan oleh sektor swasta pada 2007 adalah:

- Misi perniagaan ke Zambia yang dianjurkan oleh Pertubuhan Selatan-selatan Malaysia (MASSA) pada 7-12 Mac 2007;

- Persidangan Industri Pembinaan 2007 oleh Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) pada 31 Julai 2007; dan

- Pameran Kerjaya yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan dan Industri Jepun di Malaysia (JACTIM), yang telah membantu syarikat-syarikat multinasional Jepun untuk mendapatkan bakat-bakat tempatan.

Persatuan-persatuan dan dewan-dewan ini juga turut berkerja rapat dengan Kerajaan dalam memberikan pandangan dan maklum balas berkaitan dengan dasar. Di bawah PEMUDAH, contohnya, sektor swasta

kini menerajui tiga kumpulan fokus untuk mengawal selia penambahbaikan dalam sektor berkaitan:

- Kumpulan Fokus bagi Pembayaran Cukai;
- Kumpulan Fokus bagi Penguatkuasaan Kontrak; dan
- Kumpulan Fokus bagi Pendaftaran Harta.

Di peringkat serantau, majlis-majlis perniagaan menggalakkan kerjasama menang-menang di kalangan entiti sektor swasta dari negara-negara ahli, khususnya untuk mencari peluang bagi mempromosi dan menambah nilai produk dan perkhidmatan. Di antara bidang kerjasama termasuk fasilitasi perdagangan, produk halal, pelancongan, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan R&D. Sektor swasta telah terlibat secara aktif dalam dewan-dewan perniagaan serantau termasuk Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN BAC), Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC), Majlis Penasihat Perniagaan US-ASEAN dan Majlis Perniagaan Bersama Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT JBC).

Majlis-majlis ini juga memberi input kepada Mesyuarat Peringkat Menteri dan Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan berkaitan perkara seperti perjanjian perdagangan, pergerakan barangan, keselamatan perdagangan, hak harta intelek, keselamatan tenaga dan rasuah. Majlis-majlis perniagaan dan persatuan perniagaan bersama ini juga mengadakan aktiviti jalinan rangkaian dan pemadanan perniagaan, menganjurkan lawatan tapak ke kawasan potensi pelaburan, menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli, dan terlibat dalam perbincangan dengan Kerajaan dalam pelbagai forum termasuk Dialog Tahunan MITI 2007.

MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB SERANTAU BAGI PRODUK DAN PERKHIDMATAN HALAL

Industri halal di Malaysia semakin berkembang berikutan peningkatan kesedaran dan permintaan terhadap makanan dan produk halal di seluruh dunia. Kerajaan sentiasa komited untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal sedunia untuk pengeluaran dan perdagangan barang-barang dan perkhidmatan halal. Malaysia mempunyai kelebihan untuk merealisasikan agenda nasional ini dengan adanya Standard Halal Malaysia MS1500: 2004, yang telah dibangunkan, insentif, pensijilan halal, pembinaan kapasiti dan aktiviti-aktiviti promosi dan kesedaran.

Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) telah mengenalpasti 11 teras strategik bagi membangun dan mempromosikan Malaysia sebagai hab halal global. Pelan-pelan tindakan bagi merealisasikan teras tersebut telah dirangka untuk dilaksanakan oleh pelbagai agensi. Pelaksanaan pelan-pelan tindakan ini dipantau dan diselaras oleh Jawatankuasa Pembangunan Industri Halal yang dipengerusikan oleh Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC). Antara pencapaian pada 2007 ialah:

- Forum Halal Sedunia (WHF) yang telah berlangsung pada 7-8 Mei 2007 di Kuala Lumpur. Penyertaan terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan, industri, media dan Badan Bukan Kerajaan dari 37 buah negara seluruh dunia, termasuk Thailand, Brunei Darussalam, Turki, Australia dan Republik Rakyat China. Acara ini telah menjana RM4.4 juta nilai perhubungan awam (PR) yang ditafsir dari liputan media mengenai acara ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

- Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) telah diadakan pada 9-13 Mei 2007 di Kuala Lumpur. MATRADE telah menganjurkan Misi Pembelian Dalaman (Incoming Buying Mission) dengan nilai jualan keseluruhan yang diperolehi ialah RM683.2 juta, berbanding RM168.3 juta pada 2006. Sejumlah 330 syarikat tempatan dan 96 syarikat antarabangsa terlibat di dalam pameran ini merangkumi produk makanan dan minuman halal, farmaseutikal, produk bukan makanan serta perkhidmatan kewangan. Pengunjung daripada 64

buah negara menghadiri pameran ini, mencatatkan peningkatan sebanyak 33.7 pada 2007; dan

- Program-program bina upaya oleh MITI dan agensi dalam beberapa bidang berkaitan halal telah dijalankan termasuk:

  - *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) dan Keselamatan Makanan dan Sistem Kualiti;

  - isu dan cabaran untuk mengeksport produk dan perkhidmatan halal;

  - pembungkusan dan pembangunan produk halal; dan

  - pemprosesan makanan.

Pensijilan Halal

Pada 2007, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima 1,743 permohonan pensijilan halal dari pelbagai industri, yang mana 833 sijil telah dikeluarkan mengikut kategori produk, premis dan rumah sembelihan.

Baki 910 permohonan lagi sama ada telah ditolak atau dinilai semula disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap standard, atau sedang diproses.

Jadual 3.1

Permohonan dan Kelulusan bagi Pensijilan Halal, 2007

Kategori	Permohonan	Diluluskan
Jumlah	**1,743**	**833**
Produk	1,497	770
Premis Makanan	226	56
Rumah Sembelihan	20	7

Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Bagi mengukuh dan mempromosi industri halal, HDC telah mengambil beberapa inisiatif termasuk:

- melancarkan Program Jaguh Halal pada 27 Oktober 2007 bertujuan mempromosi syarikat-syarikat tempatan yang kukuh dan menunjukkan komitmen mempromosi produk dan perkhidmatan halal, sebagai Jaguh Halal Malaysia yang akan dijadikan tanda aras dan contoh kepada syarikat-syarikat lain;

- Persidangan Halal Antarabangsa mengenai Kemajuan Penyelidikan dalam Sains Halal (*International Halal Conference on Research Advances in Halal Science*) pada 29–30 November 2007; dan

- program mentor EKS di Selangor, Johor, Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

Aktiviti-aktiviti promosi lain yang telah dijalankan bagi meningkatkan pembangunkan industri halal termasuk:

- penerbitan Direktori 'Pengeksport Produk Halal Malaysia 2006' dan 'Mengeksport Produk Halal: Garis Panduan untuk Pensijilan Produk Makanan, Farmaseutikal dan Kosmetik';

- penyertaan di pameran perdagangan antarabangsa seperti World Food Market 2007 (WFM) dan program promosi dan publisiti khusus di London dari 19-22 November 2007; dan

- program kesedaran di Kazakhstan dari 20-25 Oktober 2007 dan Republik Rakyat China pada 25 November-5 December 2007 untuk meningkatkan kesedaran mengenai industri halal Malaysia.

INISIATIF BAGI MENGGALAKKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

National Single Window for Trade Facilitation

National Single Window For Trade Facilitation (NSW-TF) adalah satu sistem elektronik yang membolehkan pertukaran dokumen berkaitan perdagangan yang terjamin selamat dan cekap menerusi *single point* bagi mempercepatkan pergerakan maklumat barangan sama ada untuk dieksport, diimport ataupun transit.

Empat teras perkhidmatan yang telah dikenal pasti untuk tahap pertama pelaksanaan adalah:

- *e-Declare* - penghantaran deklarasi Kastam secara elektronik;
- *e-Permit* - penghantaran dan pemprosesan permit eksport/ import oleh *Permit Issuing Agencies* (PIAs) secara elektronik;
- *Electronic Fund Transfer* (EFT) - pembayaran cukai Kastam secara elektronik; dan
- *e-Preferential Certificate of Origin* (E-PCO) - penghantaran permohonan *Preferential Certificate of Origin* secara elektronik.

MITI merupakan agensi utama untuk pelaksanaan NSW-TF. Pasukan tetap NSW yang terdiri dari pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan MATRADE telah ditubuhkan di bawah MITI untuk menjadi perunding utama dan penasihat teknikal serta memantau pelaksanaan NSW-TF. Pada 2007, MITI telah melaksanakan lima program di tiga bandar utama bertujuan memberi kesedaran di kalangan mereka yang berkepentingan serta pengguna untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama bagi memastikan kejayaan perlaksanaan NSW-TF.

ASEAN Single Window

ASEAN Single Window (ASW) adalah satu inisiatif untuk memudahkan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Satu Jawatankuasa Pemandu ASW telah ditubuhkan untuk membantu memudahkan pelaksanaan ASW. Jawatankuasa ini dibantu oleh dua kumpulan kerja iaitu Kumpulan Kerja ASW berkaitan Perkara-perkara Teknikal dan Kumpulan Kerja ASW berkaitan Undang-undang dan Peraturan.

Pada masa ini, Malaysia merupakan Pengerusi bagi Kumpulan Kerja ASW berkaitan Perkara-perkara Teknikal dengan objektif untuk mengatasi jurang teknikal di dalam pelaksanaan ASW. Kumpulan Kerja ASW berkaitan Undang-undang dan Peraturan yang ditubuhkan untuk mengenalpasti dan mengharmonisasikan undang-undang dan peraturan sedia ada bagi memastikan kejayaan pelaksanaan ASW, pada masa ini dipengerusikan oleh Filipina.

Di kalangan negara-negara ASEAN, Singapura telah melaksanakan NSW sementara Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina dan Thailand dalam peringkat perlaksanaan. Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam akan melaksanakan NSW mereka pada 2012.

PEMBANGUNAN STANDARD

Pada 2007, sejumlah 490 Standard Malaysia (MS) telah dibangunkan dan sebanyak empat MS telah diterima pakai sebagai standard mandatori dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan mekanikal, getah, gas dan petroleum. Sehingga 2007, jumlah terkumpul standard yang dibangunkan adalah sebanyak 5,060 standard dan daripada jumlah ini sebanyak 2,860 standard menepati standard-standard antarabangsa dan 127 standard telah dijadikan mandatori.

Pada Ogos 2007, satu Jawatankuasa mengenai Standard Mandatori Industri (CMIS) telah ditubuhkan di MITI bagi mengenal pasti standard mandatori yang akan diterima pakai bagi produk perkilangan. Semenjak penubuhannya, Jawatankuasa ini telah mengadakan perundingan bersama agensi-agensi yang berkaitan dan persatuan-persatuan industri untuk membangunkan dan menerima pakai standard-standard bagi:

- produk wayar besi dan keluli;
- bahan kaca (*clear float and tinted float glass*);
- kren menara;
- seramik;
- lif dan eskalator;
- wayar dan kabel; dan
- komponen dan bahagian-bahagian automotif.

Sehingga kini, CMIS telah mengenal pasti beberapa standard mandatori. Ini termasuk:

- MS1138:1989 - *specifications for uncoated wire, stress-relieved strand for pre stressed concrete*;

- MS1239:1991 - *specifications for galvanized low carbon steel wire for armouring cables*;
- MS 1135:1989 - *specifications for float and polished float glass*;
- MS 1918:2006 - *safety rules for the construction and installation of escalators and conveyors*;
- MS 2021:2006 - *safety rules for the construction and all installation of all electric lifts*;
- MS 2021:Part 2:2007 - *safety rules for the construction and installation of lifts - Part 2: Hydraulic Lifts*; dan
- MS 1817:2005 - *specifications for ceramic tableware.*

Pelaksanaan standard-standard mandatori ini adalah tertakluk kepada pindaan akta-akta yang berkaitan seperti:

- Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520);

Jadual 3.2:
Standard Malaysia sehingga Disember 2007

Sektor	Bilangan Standard Malaysia Dibangunkan	Bilangan Standard Mandatori	Bilangan yang Menepati Tahap Standard Antarabangsa
Jumlah	**5,060**	**127**	**2,860**
Makanan dan pertanian	589	3	127
Bahan kimia	641	4	323
Pelancongan, pameran dan perkhidmatan hospitaliti dan pengurusan organisasi	71	*nil*	32
Kejuruteraan awam dan pembinaan	261	39	56
Penjanaan kuasa, transmisi dan pengedaran tenaga elektrik, peralatan dan aksesori elektrik	811	57	617
Kejuruteraan mekanikal	262	6	112
Teknologi maklumat, telekomunikasi dan multimedia	637	*nil*	568
Petroleum dan gas	188	4	105
Standard halal	4	*nil*	*nil*
Plastik dan produk plastik	346	*nil*	183
Pembungkusan	91	*nil*	52
Kenderaan	161	3	79
Keselamatan dan perlindungan kebakaran	77	8	30
Getah dan produk getah	180	1	115
Besi dan keluli	96	2	49
Tekstil dan pakaian	242	*nil*	46
Peralatan perubatan	117	*nil*	111
Kesihatan dan keselamatan tempat kerja	132	*nil*	114
Pengurusan kualiti dan jaminan kualiti	117	*nil*	111
Pengurusan alam sekitar	37	*nil*	30

Sumber: Jabatan Standard, Malaysia
Nota : nil - sifar

Jadual 3.3
Senarai Standard Mandatori yang Diterima Pakai pada 2007

Bil.	Sektor	Standard Malaysia (MS)	Akta/ Peraturan Teknikal/ Sekular	Penguatkuasa
1.	ISC F - Kejuruteraan Mekanikal	MS 1394: 1996 *Specifications for New Pneumatic Tyres for Highway Vehicles other than Passenger Cars*	Akta Pengangkutan Jalan 1987 Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan 2006)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
2.	ISC F - Kejuruteraan Mekanikal	MS 149: 1992 *Specifications for New Pneumatic Passenger Car Tyres*	Akta Pengangkutan Jalan 1987 Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan 2006)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
3.	ISC N - Getah	MS 224: 2005 *Specifications for Retreading of Pneumatic Rubber Tyres for Passenger Car and Commercial Vehicles*	Akta Pengangkutan Jalan 1987 Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan 2006)	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
4.	ISC H - Petroleum dan Gas	MS 123:1993 *Specifications for Diesel Fuel (Second Revision)*	Peraturan Teknikal	Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Sumber: Jabatan Standard, Malaysia

- Akta Perlindungan Pengguna 1999; dan
- Akta Perkilangan dan Jentera 1967.

ALAM SEKITAR

Malaysia menyokong Protokol Kyoto yang telah berkuat kuasa sejak 16 Februari 2005. Walaupun Malaysia tidak tertakluk pada mana-mana komitmen di bawah Protokol ini, namun Malaysia telah melaksanakan tanggungjawabnya bagi mengurangkan pencemaran gas rumah hijau (GHG) melalui Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM). Pada 2007, sebanyak 65 projek telah diluluskan di Malaysia oleh Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Mekanisme Pembangunan Bersih (NCCDM) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berbanding 23 projek pada 2006.

Selaras dengan usaha mengurangkan pencemaran GHG dan pemanasan global, insentif cukai untuk menggalakkan penjimatan tenaga dan mengguna pakai Tenaga Boleh Diperbaharui dan Penjimatan Tenaga telah ditambah baik dibawah bajet 2008 termasuk:

Jadual 3.4:
Projek-projek yang Diluluskan di bawah Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Mekanisma Pembangunan Bersih, 2007

Jenis Projek	Bilangan Projek yang Diluluskan
Jumlah	**65**
Projek pertanian kompos	28
Bio-mass empty fruit bunch	16
Bio-gas palm oil mill effluent	9
Kecekapan tenaga	3
Pusat pelupusan sampah	5
Fuel switch	1
Industri pembuatan	1
Mini hidro	2

Sumber: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

- melanjutkan PS dan ITA kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama, untuk Tenaga Boleh Diperbaharui;
- penambahbaikan PS kepada 100 peratus bagi tempoh 10 tahun dan ITA kepada 100 peratus yang dibenarkan ditolak daripada

100 peratus pendapatan statutori bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan penjimatan tenaga; dan

- ITA sebanyak 100 peratus perbelanjaan modal yang layak, dibenarkan ditolak daripada 100 peratus pendapatan statutori bagi syarikat yang menjana tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan mereka sendiri, menggantikan Elaun Modal Dipercepatkan sedia ada.

Industri-industri tempatan juga digalakkan untuk memenuhi keperluan mandatori di pasaran antarabangsa seperti peraturan *Restriction of Hazardous Substances* (RoHS) yang dikenalkan oleh Kesatuan Eropah (EU) berkuatkuasa pada 1 Julai 2006. Peraturan ini menghadkan penggunaan enam bahan-bahan berbahaya iaitu plumbum, raksa, kadmium, *hexavalent chromium, polybrominated biphenyls* dan *polybrominated biphenyls ether* di dalam pembuatan pelbagai jenis peralatan E&E.

Peraturan RoHS adalah berkait rapat dengan *Waste Electrical and Electronic Equipment Directive* (WEEE) 2002/96/EC yang menetapkan sasaran untuk mengutip, mengitar semula dan menggunakan semula barangan elektrikal sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menyelesaikan masalah peningkatan bahan buangan toksik elektronik.

Pengeluar dan pengeksport peralatan elektronik untuk pasaran EU perlu mematuhi peraturan tersebut. Pengeksport yang tidak mematuhi peraturan boleh dikenakan penalti oleh EU. Industri tempatan digalakkan untuk mematuhi RoHS dan WEEE bagi memastikan produk Malaysia mampu bersaing di pasaran antarabangsa. Beberapa siri taklimat kepada industri untuk mewujudkan kesedaran terhadap RoHS dan WEEE telah diadakan oleh Kerajaan dan persatuan-persatuan industri.

PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN, INOVASI, AUTOMASI DAN MODENISASI

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) memberi keutamaan kepada pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang berorientasi pasaran seperti bioteknologi, advanced materials, advanced manufacturing, ICT dan nanoteknologi. Sejumlah RM5.3 bilion telah diperuntukkan bagi sains, teknologi dan inovasi di bawah RMK9. Pada 2007, Kerajaan terus membantu penglibatan sektor swasta di dalam R&D dan pembangunan teknologi.

Nisbah jumlah perbelanjaan R&D negara kasar (GERD) kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) telah menunjukkan arah aliran menaik, iaitu daripada 0.5 peratus pada 2000 kepada 0.69 peratus pada 2002 dan dianggarkan mencecah 0.97 peratus pada 2005. Dalam usaha untuk meningkat daya kebolehan negara dalam R&D, Dasar Sains Negara Ke-2 telah mensasarkan pertambahan perbelanjaan R&D kepada paling minimum 1.5 peratus daripada KDNK pada 2010.

Jadual 3.5:
Petunjuk Sains, Teknologi dan Inovasi, 2000-2005

Petunjuk	2000	2002	2004	2005
Perbelanjaan R&D Negara Kasar (RM juta)	1,671.5	2500.6	2,843.7	4,300
Perbelanjaan R&D Negara Kasar (% KDNK)	0.5	0.69	0.63	0.9

Sumber: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Geran bagi R&D juga boleh didapati menerusi Skim Galakan Istimewa di bawah MITI. Pada 2007, sebanyak 17 projek telah diluluskan geran R&D bernilai RM134.7 juta di bawah skim ini.

Bagi menggalakkan automasi dan modenisasi, Dana Automasi serta Dana Pelarasan Industri telah diperkenalkan di bawah RMK9 untuk mempertingkatkan lagi daya saing syarikat-syarikat, mengurangkan kebergantungan industri kepada pekerja-pekerja tidak mahir, terutamanya pekerja-pekerja asing dan untuk merasionalisasikan operasi serta menaiktaraf keupayaan pengeluaran.

Bagi memastikan penggunaan yang lebih baik, Dana Automasi dan Dana Pelarasan Industri telah digabungkan sebagai Skim Pinjaman

Mudah Automasi dan Modenisasi (SLSAM). SLSAM telah dilancarkan pada Februari 2007 dengan peruntukan berjumlah RM300 juta dan diuruskan oleh Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF). Dana tersebut disediakan untuk enam sub-sektor yang disasarkan di sektor perkilangan, iaitu elektrik dan elektronik, produk kayu dan perabot, plastik dan bahan kimia, besi dan keluli, tekstil dan pakaian serta automotif. Sehingga 31 Disember 2007, 25 pinjaman berjumlah RM47.5 juta telah diluluskan di bawah SLSAM.

Jadual 3.6:
Kelulusan di bawah SLSAM (Sehingga 31 Disember 2007)

SubSektor	Bil. Permohonan yang Diluluskan	Jumlah yang Diluluskan (RM juta)
Jumlah	**16**	**47.5**
Elektrik dan elektronik	4	8.8
Automotif	2	10.0
Tekstil dan pakaian	4	7.1
Produk kayu dan perabot	2	10.0
Besi dan keluli	3	11.2
Plastik dan bahan kimia	1	0.4

Sumber: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad

PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Seiring dengan pembangunan teknologi yang pantas, industri memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran untuk menerajui pengembangan ekonomi, terutamanya dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan. Selaras dengan keperluan ini, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Pendidikan dan Latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia pada 26 Julai 2007. Objektif Majlis ini adalah untuk:

- menggubal dan menyelaras dasar-dasar berkaitan pendidikan dan latihan;
- menambahbaik dan mengambil langkah-langkah pembaikan ke atas aspek-aspek pendidikan dan latihan yang sedia ada; dan
- menyelaras program dan aktiviti yang dijalankan oleh kementerian dan agensi yang terlibat dalam bidang pendidikan dan latihan untuk memenuhi keperluan industri.

Skim Latihan Dual Kebangsaan

Dalam usaha untuk memenuhi keperluan kemahiran seperti yang digariskan dalam IMP3, jawatankuasa-jawatankuasa pelaksana di bawah IMP3 perlu untuk meningkatkan penyertaan dan mempromosi Sistem Latihan Dual Kebangsaan (SLDK) kepada industri. Pada 2007, MITI telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan sesi-sesi kesedaran kepada industri. Sambutan daripada sektor swasta amat menggalakkan. Sehingga 31 Disember 2007, 545 syarikat telah mengambil bahagian dalam SLDK dengan bilangan peserta dilatih berjumlah 2,920.

Majlis Konsultatif Akademia dan Industri

Majlis Konsultatif Akademia dan Industri (AICC), telah ditubuhkan pada 2005 bertujuan untuk memudah dan mengukuhkan usaha-usaha kerjasama antara industri dan akademia. Pada 2007, isu-isu yang dibincangkan oleh Majlis tersebut termasuk keusahawanan, latihan industri, kemahiran berkomunikasi, graduan menganggur, permintaan dan penawaran tenaga buruh dan kurikulum. Susulan daripada ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan beberapa dasar baru, termasuk:

- keperluan bagi semua pelajar mengambil modul *soft-skills;*
- pengenalan modul keusahawanan yang akan diwajibkan kepada semua pelajar; dan
- penyertaan wajib dalam kursus-kursus profesional yang diiktiraf oleh Badan Profesional bagi modul latihan industri.

Dana Pembangunan Sumber Manusia
Pada 2007, sejumlah RM331 juta disalurkan melalui Dana Pembangunan Sumber Manusia, mencatatkan peningkatan sebanyak 14.4 peratus daripada 2006. Sejumlah 690,875 pelatih telah menjalani pelbagai program latihan berbanding 608,962 pelatih pada 2006.

Pelbagai institusi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan kursus-kursus untuk pembangunan kemahiran dan bilangan pelatih pada 2006 dan 2007 seperti berikut:

Jadual 3.7:
Bilangan Pelatih, 2006-2007

Institut	Bilangan Pelatih	
	2007	2006
Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)	162 [e]	220
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)	1,029 [e]	743
Institut Teknikal Japan-Malaysia (JMTI)	191	165
Institut Latihan Perindustrian (ITI)	10,424	8,060
Institut Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Negara (NIOSH)	59,972	40,991

Sumber: Kementerian Sumber Manusia
Nota: [e] anggaran

Pada 2007, geran latihan berjumlah RM107.6 juta telah diluluskan kepada syarikat-syarikat untuk menggalakkan pembangunan modal insan di bawah Skim Galakan Istimewa oleh MITI.

PENJENAMAAN

Kumpulan Kerja Penjenamaan Nasional (NBTF) telah ditubuhkan pada 27 November 2006 bagi meningkatkan daya saing nasional, industri dan korporat menerusi penjenamaan. Keahlian Kumpulan Kerja tersebut terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan dan peneraju industri serta pakar-pakar teknikal yang terlibat di dalam penjenamaan. Di antara strategi yang telah dikenal pasti oleh NBTF termasuklah mewujudkan ciri-ciri dan imej nasional yang positif, membina ikon nasional untuk menguruskan saluran pengedaran domestik dan antarabangsa dan menjajarkan kedudukan jenama korporat, produk dan perkhidmatan dengan jenama negara. Pengenalan Skim Pinjaman Mudah Penjenamaan Antarabangsa (SLSIB) merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh NBTF bagi menggalakkan perkembangan jenama-jenama Malaysia. SLSIB telah dilancarkan pada Oktober 2007 dengan peruntukan berjumlah RM50 juta untuk manfaat syarikat milik Malaysia yang berkelayakan untuk menjalankan aktiviti penjenamaan. Skim tersebut diuruskan oleh MIDF dan jumlah pinjaman yang disediakan bermula dari RM50,000 sehingga maksimum RM3 juta.

Program Pembangunan Penjenamaan EKS merupakan satu inisiatif untuk menggalak dan mengukuhkan nilai sesuatu jenama individu PKS. Program ini terdiri daripada empat elemen utama:

- pembangunan kapasiti;
- persijilan dan anugerah Ciri Nasional sebagai simbol kecemerlangan, perbezaan dan jaminan pematuhan;
- pengauditan dan pemantauan; dan
- aktiviti-aktiviti promosi.

Lain-lain inisiatif sedia ada untuk menggalakkan penghasilan jenama dan memperhebatkan aktiviti promosi pemasaran termasuk:

- potongan cukai dua kali untuk promosi jenama Malaysia;
- potongan cukai dua kali untuk promosi eksport; dan
- Geran Promosi Penjenamaan.

Geran Promosi Penjenamaan
Sejak pengenalannya pada 2004, geran sejumlah RM85.3 juta telah diluluskan di bawah Geran Promosi Penjenamaan kepada 49 buah syarikat dalam pelbagai sektor. Pada 2007, sejumlah RM21.4 juta telah diluluskan

kepada 13 buah syarikat. Daripada jumlah ini, 36 peratus (RM7.7 juta) telah diluluskan kepada enam buah syarikat EKS dan selebihnya sebanyak 64 peratus (RM13.7 juta) telah diluluskan kepada tujuh buah syarikat bukan EKS.

Untuk terus membangunkan kemahiran pembinaan jenama seperti pembungkusan, pelabelan dan perdagangan visual, beberapa siri seminar dan bengkel telah diatur bagi memupuk dan mengemaskini pengeksport-pengeksport mengenai perkembangan perdagangan dan peluang-peluang perniagaan di pasaran antarabangsa. Pada 2007, peserta daripada 3,007 syarikat telah menghadiri program latihan tersebut.

PROSPEK

Kerajaan akan memantau dengan teliti perkembangan luaran kesan daripada krisis *sub-prime mortgage* di Amerika Syarikat dan peningkatan harga komoditi serta kesan terhadap perdagangan dan pelaburan dunia. Langkah-langkah proaktif akan diambil untuk mengurangkan kesan kurang baik bagi memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan pilihan.

Usaha-usaha akan terus diperkukuhkan untuk mewujudkan iklim perniagaan yang kondusif dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Kerajaan akan terus bekerja rapat dengan sektor swasta untuk memperkenalkan

Jadual 3.8:
Kelulusan Geran Promosi Penjenamaan, 2004-2007

Sektor	2007		2004-2006		Jumlah
	EKS	Bukan-EKS	EKS	Bukan-EKS	
Jumlah	**6**	**7**	**15**	**21**	**49**
Makanan	-	1	4	5	10
Minuman	1	-	-	1	2
Produk elektrik dan elektronik pengguna dan perindustrian	1	1	2	2	6
Hadiah, cenderamata dan barang kemas	-	-	-	2	2
Produk getah	1	-	2	1	4
Perabot	-	1	2	-	3
Bahan-bahan dan perkakasan pembinaan	-	1	-	-	1
Farmaseutikal, kelengkapan dandanan diri dan komponen	1	-	-	2	3
Peralatan dan komponen automotif	1	-	1	2	4
Produk kayu	-	-	-	1	1
Kimia, mineral dan aloi	-	-	1	-	1
Kasut	-	-	1	-	1
Sektor-sektor perkhidmatan:					
Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	-	1	1	3	5
Francais	1	-	1	1	3
Perkhidmatan profesional	-	-	-	1	1
Pelancongan dan hospitaliti	-	1	-	-	1
Perkhidmatan perniagaan	-	1	-	-	1

Sumber : Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

langkah-langkah mengekalkan daya saing ke arah menjadikan Malaysia di antara sepuluh negara perdagangan utama di dunia menjelang 2020.

Tumpuan berterusan akan diberikan untuk mempromosikan industri halal dan menggalakkan penggunaan standard termasuklah standard halal. Inisiatif-inisiatif akan diambil untuk menggalakkan automasi bagi mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing oleh industri-industri. Pelaksanaan NSW dan inisiatif yang serupa untuk menggalakkan penggunaan ICT akan terus ditingkatkan bagi membantu pertumbuhan perdagangan dan pelaburan.

Kotak 3.1 : Koridor Serantau di Malaysia

Sejak 2006, Kerajaan telah melancarkan lima koridor pembangunan dengan objektif utama untuk menangani ketidakseimbangan sosio-ekonomi di antara wilayah. Koridor pembangunan ini bertujuan mencapai keseimbangan pembangunan melalui usaha yang lebih bersepadu dan selaras, dan seterusnya untuk menjana aktiviti-aktiviti ekonomi.

Kerajaan akan menyediakan insentif fiskal dan bukan-fiskal untuk menarik dan membantu pelabur di setiap wilayah, sementara sektor swasta akan mengambil peranan kritikal sebagai enjin pertumbuhan ekonomi di setiap wilayah yang di kenal pasti.

Lima koridor pembangunan yang dikenal pasti adalah:

- Iskandar Malaysia di Selatan Johor, dilancarkan pada 4 November 2006;
- Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merangkumi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak, dilancarkan pada 30 Julai 2007;
- Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di Johor, dilancarkan pada 29 Oktober 2007;
- Koridor Pembangunan Sabah (SDC), dilancarkan pada 29 Januari 2008; dan
- Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE), dilancarkan pada 11 Februari 2008.

Iskandar Malaysia
Iskandar Malaysia akan dibangunkan sebagai metropolis bertaraf dunia yang mana pelaburan akan bertumpu kepada kelompok industri-industri baru seperti industri kreatif, khidmat nasihat dan khidmat nasihat dan perundingan kewangan, pendidikan, kesihatan, perkhidmatan logistik dan pelancongan. Iskandar Malaysia merangkumi kawasan seluas 2,217 km. persegi.

Pembangunan Iskandar Malaysia dibahagikan kepada lima zon:

- Pusat Bandar Johor Bahru;
- Nusajaya;
- *Western Gate Development;*
- *Eastern Gate Development;* dan
- Senai-Skudai.

Iskandar Malaysia telah diluluskan peruntukan sebanyak RM4.1 bilion di bawah RMK9. Beberapa projek pemangkin yang akan di laksanakan termasuk pusat pentadbiran baru Kerajaan Negeri Johor, Kelompok Industri Logistik Selatan Johor, Bandar Pesisir Pantai, Hab Kesihatan, Bandar Pendidikan dan cadangan destinasi pelancongan antarabangsa.

Lembaga Pembangunan wilayah Iskandar (IRDA), ditubuhkan melalui Akta IRDA 2007 berkuatkuasa pada Februari 2007. IRDA akan menjadi pusat hubungan tunggal untuk pelabur di wilayah tersebut dan juga akan bertindak sebagai badan penguatkuasa.

Insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk menarik pelabur ke wilayah tersebut adalah:

- pengecualian cukai korporat untuk 10 tahun;
- pengecualian daripada syarat-syarat Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC);
- kebenaran untuk mendapatkan sumber modal secara global; dan
- kebenaran untuk mengambil pekerja asing tanpa halangan.

Di antara insentif fiskal khusus yang ditawarkan adalah:

(i) Pemaju yang diluluskan oleh IRDA akan menikmati:

- pengecualian penuh cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun daripada pelupusan harta bagi tempoh sehingga 31 Disember 2015;
- pengecualian cukai pegangan ke atas faedah, royalti dan bayaran teknikal sehingga 31 Disember 2015; dan
- pengecualian penuh cukai pendapatan sehingga 31 Disember 2020 ke atas pendapatan berkanun yang diterima daripada bayaran sewa atau penjualan bangunan.

(ii) Syarikat berstatus IRDA yang menjalankan aktiviti yang layak di bawah enam sektor yang disasarkan akan menerima faedah:

- pengecualian penuh cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun; dan
- pengecualian cukai pegangan ke atas royalti dan bayaran teknikal untuk tempoh 10 tahun, dari tarikh syarikat mula beroperasi.

Iskandar Malaysia dijangka akan merangsang pertumbuhan negeri Johor dan menjelang 2025, Johor diramal akan mencapai pertumbuhan purata di antara tujuh hingga lapan peratus melalui Iskandar Malaysia. Ianya juga disasarkan untuk mewujudkan sebanyak 800,000 peluang pekerjaan.

Sehingga Disember 2007, Iskandar Malaysia telah menarik pelaburan berjumlah RM26.1 bilion dalam harta maritim, tenaga, infrastruktur, dan industri minyak dan gas.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) meliputi kawasan seluas 2.4 juta hektar dan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai 2007 sehingga 2025 sebagai inisiatif Kerajaan untuk memajukan empat negeri di utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak (Hulu Perak, Kerian, Kuala Kangsar, dan Daerah Larut Matang Selama). Sime Darby Berhad dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Pelan Induk NCER dan menyelaras projek-projek yang telah dikenal pasti di bawah NCER.

Tema keseluruhan NCER adalah untuk meningkatkan nilai tambah industri-industri sedia ada, menitikberatkan peralihan dan pengembangan sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan, terutamanya aktiviti pelancongan dan logistik di wilayah ini.

Inisiatif NCER juga bertujuan membangunkan industri-industri baru di wilayah ini, di samping mengukuhkan sektor-sektor yang sedia ada. Ini termasuk ladang-ladang komersil baru dan menggalakkan aktiviti hiliran yang berkaitan dengan pertanian, bioteknologi, dan minyak dan gas. Program pembangunan NCER juga akan menggunakan sepenuhnya infrastruktur pengangkutan di rantau ini serta kedudukan geografinya yang berdekatan dengan Thailand dan Sumatera untuk menjadi pusat pemprosesan, logistik dan pusat perdagangan bagi rantau ini.

Beberapa projek utama yang dikenalpasti untuk pembangunan termasuk Hab Halal Bersepadu (Perlis, Kedah, Perak) di Lembah Bertam, industri-industri berasaskan pertanian dari Perlis ke Kuala Muda, jambatan kedua Pulau Pinang, monorel Pulau Pinang, Taman Teknologi Tinggi Kulim dan *Trans-Eastern Kedah Hinterland Highway* di Kedah.

Sebuah agensi Pelaksana Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan untuk merancang, memantau dan menyelaras pelaksanaan program-program di bawah NCER.

Inisiatif NCER akan memerlukan jumlah pelaburan sebanyak RM 178 bilion dari 2007-2025:

Sumber Dana	RMK9 (RM bilion)	RMK10 (RM bilion)	RMK11 (RM bilion)	RMK12 (RM bilion)
Jumlah	**28.4**	**45.4**	**50.3**	**53.8**
Sektor Swasta	8.2	23.2	27.2	28.7
Inisiatif Kewangan Swasta	2.8	8.4	9.3	11.5
Kerajaan	17.4	13.9	13.9	13.6

Dengan perlaksanaan NCER, purata pertumbuhan KDNK di wilayah ini dijangka akan meningkat dari 5.9 peratus pada 2005 kepada 7 peratus pada 2025. KDNK disasar untuk meningkat dari RM52.7 bilion pada 2005 kepada RM214.1 bilion pada 2025. Peluang pekerjaan di wilayah ini disasarkan meningkat dari 2.43 juta orang pada 2005 kepada 4 juta orang pada 2025.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bertujuan untuk membangunkan negeri-negeri di pantai timur meliputi Terengganu, Kelantan, Pahang dan Johor (Mersing) yang merupakan kawasan-kawasan kurang maju di Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Wilayah Timur menggariskan pembangunan wilayah tersebut untuk 12 tahun, sehingga tahun 2020.

Objektif utama ECER adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan secara berdaya maju, saksama dan mapan bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan. KDNK di ECER dijangka akan meningkat pada kadar 7.2 peratus dari RM23.1 bilion pada 2005 kepada RM65.9 bilion pada tahun 2020.

Industri-industri yang akan dibangunkan di ECER ialah industri petroleum, minyak dan gas, perkilangan, pendidikan, pelancongan dan industri berasaskan pertanian. Sejumlah 227 projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sehingga tahun 2020 oleh PETRONAS. Projek-projek berkenaan bernilai RM112 bilion bagi tempoh 12 tahun. Kerajaan pusat dijangka akan menyediakan 39 peratus dari keseluruhan kos sementara 14 peratus akan disumbangkan oleh Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Manakala, sebanyak 20 peratus lagi akan diperolehi dari sektor swasta dan 27 peratus selebihnya akan diperolehi dari inisiatif kewangan swasta (PFI).

Projek-projek utama termasuk dua universiti, iaitu Universiti Darul Iman di Terengganu dan Universiti Darul Naim di Kelantan dan Projek Kelompok Industri Kelapa Sawit di Pahang-Johor dan Kelantan-Terengganu.

Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur akan ditubuhkan untuk memantau semua projek pembangunan di ECER.

Koridor Pembangunan Sabah
Yayasan Sabah telah dipilih sebagai agensi peneraju untuk Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Sektor-sektor yang diberi penekanan di dalam SDC ialah sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan, terutamanya pelancongan dan logistik. Beberapa projek utama termasuk Kelompok Industri Kelapa Sawit, Kelompok Maritim dan Pelancongan, Zon Intergrasi Komersial Agro-Makanan dan Zon Biodiversiti. Untuk memulakan SDC, peruntukan sebanyak RM5 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan sebagai tambahan kepada RM16.9 bilion yang telah diperuntukkan kepada Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di bawah SDC, persisir pantai barat Sabah akan menumpu kepada sub-koridor perindustrian dan industri agro-makanan untuk perusahaan kecil dan sederhana. Manakala zon tengah dan zon utara akan menumpu kepada agripolitan, pelancongan, pertanian tanah tinggi dan agro-perhutanan. Zon perindustrian pesisir timur akan menumpu kepada pelancongan marin, industri agro-makanan bersepadu, agro-bioteknologi dan industri berasaskan kelapa sawit.

Rancangan 18 tahun ini yang bermula dari 2008 hingga 2025 disasarkan untuk menarik pelaburan sejumlah RM105 bilion terutamanya melalui pembiayaan swasta, dan juga mewujudkan sebanyak 900,000 peluang pekerjaan. Sejumlah 14 perjanjian persefahaman bernilai RM16 bilion telah ditandatangani semasa majlis pelancaran Pelan Tindakan SDC.

Perbadanan Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) akan ditubuhkan untuk memantau dan memastikan pelaksanaan projek-projek di bawah SDC.

Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak
Kerajaan negeri Sarawak telah mengenal pasti Wilayah Mukah-Bintulu sebagai koridor pembangunan di negeri tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada sektor tenaga dan industri-industri sokongan. Kawasan di antara Mukah dan Bintulu akan ditransformasikan menjadi 'wilayah industri tenaga tinggi'.

Tiga fasa Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak adalah:

- Fasa I (2008-2015) : Membangunkan Asas Koridor
  - tempoh : Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh
  - membina infrastruktur asas untuk koridor
  - untuk menarik industri-industri perintis dalam sektor tenaga dan sektor-sektor berkaitan untuk koridor tersebut

- Fasa II (2016-2020) : Menuju Wawasan 2020
  - tempoh : Rancangan Malaysia Kesepuluh
  - memastikan pertumbuhan dan pembangunan koridor dengan membina industri secara berkelompok
  - membangunkan keupayaan R&D

- Fasa III (2021-2030) : Manfaat Koridor
  - tempoh : Rancangan Malaysia Keduabelas dan Rancangan Malaysia Ketigabelas
  - R&D untuk mengekalkan ekonomi
  - penjanaan lebih banyak pelaburan tempatan

Dengan mentransformasikan wilayah tengah Sarawak (meliputi zon persisir pantai dari Mukah ke Bintulu, Tanjong Manis, Similajau, Sibu, Kapit dan Sarikei) menjadi kawasan perindustrian, ianya dijangka akan menjadikan Sarawak sebuah negeri yang membangun sepenuhnya menjelang tahun 2020. Rangkaian industri-industri terbabit yang diberi fokus adalah industri-industri yang berasaskan minyak, aluminium, besi, kaca, pelancongan, minyak kelapa sawit, berasaskan kayu, binatang ternakan dan pertanian.

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Ekonomi Wilayah (RECODA) untuk menubuhkan RECODA telah diluluskan pada Disember 2006. RECODA merupakan entiti yang akan memacu pembangunan wilayah tersebut dan akan memiliki, mengurus dan melaksanakan Koridor Sarawak.

Matlamat utama adalah untuk memastikan kejayaan Koridor Sarawak menjelang tahun 2030, yang mana akan diukur melalui dua kriteria umum, iaitu pengwujudan 1.5 juta peluang pekerjaan baru dan pertumbuhan purata KDNK per kapita sebanyak 5.5 peratus setiap tahun.

Kesimpulan

Penubuhan lima wilayah di bawah RMK9 menunjukkan usaha Kerajaan untuk memastikan keseimbangan pembangunan ekonomi di antara wilayah-wilayah. Dengan adanya beberapa projek yang telah dirancang untuk setiap koridor, ketidaksamarataan di dalam pembangunan akan dapat ditangani secara terancang dalam tempoh 24 tahun.

Pelbagai inisiatif yang diwujudkan ini akan berupaya menyediakan persekitaran pelaburan dan perniagaan yang kondusif terutama di kawasan yang kurang membangun. Memandangkan pertumbuhan ekonomi akan mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan tahap pendapatan, rakyat Malaysia di kawasan luar bandar dan bandar akan menikmati peningkatan kualiti hidup sejajar dengan pembangunan ekonomi negara yang progresif.

Kotak 3.2 : Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020

Mekanisme Pelaksanaan

Sejumlah 28 jawatankuasa dan kumpulan kerja telah ditubuhkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) bagi membantu pelaksanaannya. Keahlian Jawatankuasa dan Kumpulan Kerja terdiri daripada wakil daripada sektor swasta dan sektor awam daripada peringkat Persekutuan dan negeri.

Empat jawatankuasa utama:

(1) Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia;
(2) Majlis Logistik Malaysia;
(3) Pasukan Petugas Penjenamaan Kebangsaan; dan
(4) Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Keperluan Sumber Manusia.

Selain daripada empat jawatankuasa ini, Jawatankuasa dan Kumpulan Kerja lain merangkumi semua bidang IMP3 turut ditubuhkan:

(1) Pelaburan;
(2) Pembangunan Pasaran;
(3) Pembangunan Wilayah yang Seimbang;
(4) Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhaha (EKS);
(5) Integrasi Syarikat Malaysia ke dalam Rangkaian Serantau dan Global;
(6) Meningkatkan Keupayaan Domestik;
(7) Pengagihan Saksama;
(8) Peranan Institutsi Sektor Swasta;
(9) Persekitaran Operasi Perniagaan;
(10) Pembangunan Industri Halal;
(11) ICT dan Pembangunan Teknologi Lain;
(12) Sektor Perkilangan;
(13) Industri Elektrik dan Elektronik;

(14) Industri Peralatan Perubatan;

(15) Industri Tekstil dan Pakaian;

(16) Industri Jentera dan Kelengkapan;

(17) Industri Logam;

(18) Industri Kelengkapan Pengangkutan;

(19) Industri Petrokimia;

(20) Industri Farmaseutikal;

(21) Industri Berasaskan Kayu;

(22) Industri Produk Getah;

(23) Industri Berasaskan Kelapa Sawit; dan

(24) Industri Pemprosesan Makanan.

Pelaksanaan IMP3 dipantau melalui pelan tindakan yang komprehensif merangkumi tempoh 2007 hingga 2010 yang disediakan oleh jawatankuasa dan kumpulan kerja berkaitan.

Sasaran dan Pencapaian IMP3 pada 2007

Kerangka Makro IMP3 telah menetapkan sasaran bagi jumlah Perdagangan, export, pertumbuhan dan sumbangan sektor perkilangan dan perkhidmatan kepada KDNK, pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan pertumbuhan dan sumbangan produktiviti faktor menyeluruh (TFP) kepada KDNK:

- jumlah perdagangan disasarkan sebanyak RM1,459.7 bilion, dengan jumlah eksport RM803.9 bilion menjelang 2010. Pada 2007, jumlah perdagangan meningkat 3.7 peratus kepada RM1.11 trilion berbanding RM1.07 trilion pada 2006. Eksport meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada RM605.1 bilion daripada RM589 bilion pada 2006 dan menyumbang 54.5 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia;

- sektor perkilangan disasar berkembang 5.6 peratus setahun, dengan sumbangan kepada KDNK meningkat kepada 32.4 peratus pada 2010 dan kekal pada 28.5 peratus pasa 2020. Pelaburan dalam sektor perkilangan disasar meningkat 5.6 peratus setahun, dengan sumbangan kepada KDNK meningkat kepada 32.4 peratus pada 2010 dan kemudian kekal pada 28.5 peratus pada 2020. Pelaburan dalam sektor ini disasar berjumlah RM412.2 bilion semasa tempoh IMP3, atau RM27.5 bilion setahun. Pada 2007, sektor perkilangan berkembang 3.1 peratus dan menyumbang 30.2 peratus kepada KDNK. Pelaburan yang diluluskan berjumlah RM59.9 bilion melepasi sasaran tahunan pelaburan;

- sektor perkhidmatan bukan Kerajaan disasar berkembang 7.5 peratus setahun dan menyumbang 59.7 peratus kepada KDNK menjelang 2020, dengan pelaburan yang disasarkan berjumlah RM687.7 bilion atau RM45.8 bilion setahun. Sementara itu, subsektor perkhidmatan pembinaan dijangka berkembang 5.7 peratus setahun dan menyumbang 2.5 peratus kepada KDNK menjelang 2020, dengan pelaburan tahunan disasarkan pada RM12.6 bilion. Pada 2007, sektor perkhidmatan bukan Kerajaan berkembang 10.5 peratus peratus dan menyumbang 46.5 peratus kepada KDNK, sementara subsektor perkhidmatan pembinaan berkembang 4.6 peratus dengan sumbangan sebanyak 2.7 peratus kepada KDNK. Pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkhidmatan bukan Kerajaan berjumlah RM65.4 bilion pada 2007, melebihi sasaran yang ditetapkan; dan

- faktor produktiviti menyeluruh (TFP) disasarkan berkembang 2.6 peratus setahun dan menyumbang 41.4 peratus kepada KDNK semasa tempoh IMP3. Memandangkan TFP tidak dikira secara tahunan, data produktiviti digunakan sebagai kiraan proksi. Produktiviti sektor perkilangan, diukur dengan Nilai Ditambah Setiap Pekerja, meningkat sebanyak 8 peratus kepada RM89,755 pada 2007, berbanding RM83,093 pada 2006.

Kemajuan Pelan Tindakan

Pada 2007, bidang yang merekodkan kemajuan signifikan termasuk:

- mengekalkan sumbangan sektor perkilangan kepada pertumbuhan ekonomi:

  - mempercepatkan peralihan kepada produk bernilai ditambah yang lebih tinggi dalam pelbagai subsektor, seperti elektronik (*wafer fabrication* dan *solar photovoltaic manufacturing*), tekstil (geotekstil) dan petrokimia (*acrylonitrile butadiene styrene, polyamine, polyacrylamide emulsion* dan *sodium polyacrylate*); dan

  - memperkukuhkan keupayaan dan daya saing di kalangan industri melalui penggabungan dan pengambilan alih (*mergers and acquisitions* - M&As), penggabungan dan perkongsian strategik. Tiga syarikat utama dalam industri berasaskan kelapa sawit telah mengambil inisiatif untuk bergabung dan mengintegrasi operasi mereka. Syarikat yang baru bergabung itu telah menjadi salah satu daripada kumpulan perladangan kelapa sawit terbesar dunia yang disenaraikan berdasarkan kawasan tanah yang ditanam, dengan penglibatan besar dalam aktiviti huluan dan hiliran kelapa sawit, serta memberi impak yang besar dalam industri global;

- menjadikan sektor perkhidmatan sebagai sumber pertumbuhan utama ekonomi:

  - Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) dan Majlis Logistik Malaysia (MLC) ditubuhkan untuk membimbing halatuju strategik dan menyelaras pembangunan sektor perkhidmatan;

  - dua dana diwujudkan untuk memberi bantuan kewangan kepada pembangunan pembekal perkhidmatan dan syarikat yang ingin meneroka perniagaan ke luar negara. Dana ini merupakan Dana Eksport Perkhidmatan, dengan peruntukan RM145.8 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), yang diuruskan oleh MATRADE, dan Dana Pembangunan Perkhidmatan bagi EKS (RM15 juta), diuruskan oleh SMIDEC. Di samping itu, EXIM Bank juga memberi bantuan kewangan kepada sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor perkhidmatan pembinaan;

- mempergiatkan pembangunan EKS:

  - usaha untuk mengintegrasikan EKS dalam rantaian bekalan rantau dan global, sesi pemadanan perniagaan diatur sempena SMIDEX 2007 dan Persidangan IMT-GT EKS dan Expo 2007. Sesi pemadanan ini menghasilkan jualan runding berjumlah RM87.5 juta;

  - SMIDEC membantu EKS untuk mencari peluang pasaran eksport dan misi projek spesifik bagi EKS dianjur ke Thailand, Republik Rakyat China dan Taiwan. Misi-misi ini menjana jumlah potensi jualan RM237.6 juta; dan

  - SMIDEC akan ditukar sebagai sebuah agensi penyelarasan pusat EKS, Perbadanan SME, yang akan berkhidmat sebagai sebuah agensi Kerajaan yang khusus untuk meneraju dan menyelaras pembangunan EKS dalam semua sektor ekonomi. Agensi ini akan berkerjasama dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk memastikan dasar komprehensif EKS yang teratur diwujudkan;

- mengintegrasi syarikat Malaysia ke dalam rangkaian serantau dan global:

  - Misi *Incoming Buying* dianjur oleh MATRADE, sempena acara perdagangan yang utama, khususnya MIHAS dan INTRADE, serta Misi *French Buying*. Semasa misi *incoming buying*, 12,815 mesyuarat perniagaan melibatkan 1,799 syarikat Malaysia telah diatur;

  - aktiviti promosi dijalankan untuk pelaburan dan eksport bagi industri perkilangan dan perkhidmatan yang disasarkan, termasuk 14 misi perdagangan dan pelaburan yang khusus ke rantau seperti Timur Tengah, Asia Timur, Eropah dan Amerika Latin;

- *Malaysian Kitchen* yang pertama dilancarkan di Tokyo, Jepun pada Disember 2006, sebagai satu alat untuk mewujudkan rantaian eksport bagi ramuan Malaysia dan menggalakkan masakan Malaysia;

- 468 EKS telah dibimbing untuk membolehkan mereka menjadi pembekal kepada hypermarket dalam Malaysia dan ke luar negara; dan

- sesi rangkaian yang utama dianjur oleh SMIDEC, melibatkan penyertaan pemenang anugerah Enterpris 50, serta persatuan industri dan perdagangan;

• peningkatan keupayaan pengeluaran dan pemasaran syarikat tempatan:

- inisiatif diambil untuk menaik taraf kapasiti dan keupayaan inovatif syarikat milik rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang, termasuk kompetensi teras, penambahbaikan produk dan proses, automasi dan modernisasi, kemahiran pemasaran, penjenamaan dan R&D. Untuk melaksanakan inisiatif ini, pelbagai insentif dan skim sokongan telah diberi, termasuk Geran Bersamaan bagi Penambahbaikan Produk dan Proses (768 kelulusan, melibatkan RM75 juta), Geran bagi Kemahiran Meningkatkan Pemasaran (1,856 pekerja EKS, melibatkan RM1.8 juta), dan Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi (41 projek, melibatkan RM43.3 juta);

- syarikat digalak untuk menerima pakai amalan perniagaan dan pengurusan terbaik untuk menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan mereka. MPC menjalankan pelbagai program penandaarasan dan pengurusan amalan terbaik, termasuk mewujudkan Amalan Komuniti (CoPs), membangunkan Petunjuk Prestasi Utama dan Indeks Penandaarasan Malaysia; dan

- dari segi aktiviti penyelidikan dan komersialisasi hasil penyelidikan, lima universiti telah dilantik sebagai pusat kecemerlangan, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) bagi mikrolektronik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) bagi ICT, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi sistem mikro-elektromekanikal dan Universiti Malaya (UM) bagi fotonik. Pusat-pusat ini bertanggungjawab untuk memberi sokongan teknologi, kemudahan R&D dan inkubator bagi start-up, market intelligence dan akses kepada dana bagi industri;

• memperkukuhkan sokongan perkhidmatan dan kemudahan, termasuk insentif, dana dan latihan kemahiran:

- menyokong perkhidmatan bagi EKS termasuk pengenalan *SME Competitive Rating for Enhancement* (SCORE), Program Bantuan Pakar Teknikal, Panel Perunding Pakar EKS dan Program Rantaian Industri;

- tiga skim bantuan kewangan dilancarkan, iaitu Dana Eksport Kewangan pada September 2006, Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi pada Februari 2007 dan Skim Pinjaman Mudah bagi Penjenamaan Antarabangsa pada Oktober 2007; dan

- Institut Sumber Manusia Kebangsaan ditubuhkan dan liputan Dana Pembangunan Sumber Manusia diluaskan merangkumi program pelatih, latihan industri dan internship;

• memperkukuhkan kapasiti institusi:

- selain daripada dua majlis bagi sektor perkhidmatan (iaitu MSDC dan MLC), pembangunan institusi yang lain termasuk penubuhan Lembaga Pembangunan EKS Negara dan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC);

- Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) ditubuhkan pada Februari 2007 sebagai inisiatif sektor awam-swasta untuk mengkaji semula sistem, prosedur

dan proses untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan dan menyediakan dasar Kerajaan yang lebih telus; dan

- penubuhan taman khusus, termasuk Taman Plastik Kertih di Terengganu, Taman Perindustrian Zurah di Selangor bagi industri jentera dan kelengkapan, Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Taman Halal;

• meningkatkan persekitaran operasi perniagaan:

- inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan termasuk penambahbaikan sistem dan proses dalam Kerajaan tempatan. Sebanyak 103 Pusat Sehenti (OSC) ditubuhkan untuk memudahkan kelulusan serentak bagi cadangan pembangunan. Sebagai contoh, projek berimpak tinggi, projek Kerajaan dan projek di bawah konsep bina dahulu jual kemudian akan diluluskan dalam masa 120 hari;

- peraturan akan dikaji semula untuk memudahkan pertumbuhan industri dan perkhidmatan. Pindaan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 diluluskan oleh Parlimen pada Julai 2007 dan memuatkan insentif yang diumumkan dalam Bajet tahunan sepanjang tahun 2001 hingga 2007 dan mengeluarkan prosedur dan insentif yang lama; dan

- penambahbaikan pentadbiran pendaftaran dan penguatkuasaan bagi Hak Harta Intelek (IPR), termasuk pelancaran Mahkamah Hak Intelek pada Julai 2007 bagi kes berkaitan dengan IPR, pindaan kepada Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Cakera Optik 2000; dan

• mengambil inisiatif ke atas perancangan wilayah dan infrastruktur dan pembangunan perindustian yang seimbang dalam negeri yang kurang maju:

- Inisiatif termasuk pelancaran Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), merangkumi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara pada Julai 2007 dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor pada Oktober 2007. NCER dan ECER menyediakan pembangunan wilayah yang lebih fokus dan strategik.

Bab 4 PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Malaysia telah menarik pelaburan yang tinggi dalam sektor perkilangan pada 2007, mengatasi rekod pencapaian pada 2006. Pelaburan asing dan pelaburan domestik yang telah pun mencapai paras yang tinggi pada 2006, mencatat rekod baru pada 2007.

Carta 4.1:
Pelaburan dalam Projek Diluluskan, 2002- 2007



	2002	2003	2004	2005	2006	2007	Jumlah
Jumlah (RM bil.)	17.9	29.1	28.8	31.1	46.0	59.9	212.8
DI	6.3	13.5	15.6	13.2	25.8	26.5	100.9
FDI	11.6	15.6	13.2	17.9	20.2	33.4	111.9

Sumber : Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: DI – Pelaburan Domestik
FDI – Pelaburan Langsung Asing

Pelaburan diluluskan pada 2007 melebihi dua kali ganda purata sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Walaupun bilangan projek diluluskan adalah lebih rendah iaitu 949 projek pada 2007, berbanding dengan 1,077 projek pada 2006, pelaburan yang diluluskan mencapai tahap baru iaitu RM59.9 bilion (2006: RM46 bilion). Ini adalah hasil daripada minat yang tinggi dalam projek berintensif modal dan bernilai ditambah tinggi di kalangan pelabur-pelabur domestik dan asing.

Projek Baru
Terdapat minat yang berterusan untuk menubuhkan projek perkilangan baru dalam negara. Daripada 949 projek diluluskan pada 2007, sebanyak 625 projek (65.9 peratus) merupakan projek baru melibatkan pelaburan bernilai RM31.1 bilion atau 52 peratus daripada jumlah pelaburan. Sebagai perbandingan, pada 2006, sebanyak 653 projek baru diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM29.4 bilion. Pada 2007, pelaburan dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri produk logam asas (RM9.9 bilion), elektrik dan elektronik (E&E) (RM7.6 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.6 billon), pengilangan makanan (RM2 bilion), pengilangan jentera (RM1.6 bilion), tekstil dan produk tekstil (RM1.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM886.9 juta) serta kertas, percetakan dan penerbitan (RM851.4 juta).

Projek Pembesaran/Pelbagaian
Syarikat di Malaysia terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka, mencerminkan keyakinan berterusan mereka terhadap suasana pelaburan negara. Daripada 949 projek yang diluluskan pada 2007, sebanyak 324 projek (34.1 peratus) adalah projek pembesaran/ pelbagaian yang melibatkan pelaburan berjumlah RM28.8 bilion atau 48 peratus daripada jumlah pelaburan. Secara perbandingan, terdapat 424 projek pembesaran/pelbagaian diluluskan pada tahun 2006, dengan pelaburan berjumlah RM16.6 bilion. Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian pada 2007 adalah tertumpu dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia (RM13.1 bilion), diikuti E&E (RM7.5 bilion), produk logam asas (RM2.3 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM2 billon), kimia dan produk kimia (RM1.2 billon) serta produk galian bukan logam (RM874.8 juta).

Projek Diluluskan Mengikut Industri
Lima industri yang merupakan penyumbang utama kepada jumlah pelaburan RM47.8 bilion atau 79.8 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Industri E&E mencatatkan paras

Jadual 4.1:
Projek Perkilangan Diluluskan

Keterangan	Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagaian	
	2007	2006	2007	2006	2007	2006
Bilangan Projek	949	1,077	625	653	324	424
Peluang Pekerjaan (orang)	97,673	88,952	65,703	53,306	31,970	35,646
	RM juta					
Cadangan Modal Dibayar	4,972.8	4,473.7	4,117.6	3,744.6	855.2	729.1
Ekuiti Rakyat Malaysia	2,746.7	2,231.0	2,304.9	2,075.2	441.8	155.8
- Bumiputera	618.8	822.4	608.2	780.8	10.6	41.6
- Perbadanan Awam	20.9	nil	5.9	nil	15.0	nil
- Bukan Bumiputera	2,107.0	1,408.6	1,690.8	1,294.4	416.2	114.2
Ekuiti Asing	2,226.1	2,242.7	1,812.6	1,669.4	413.4	573.3
Pinjaman	20,445.6	16,585.3	14,329.8	11,899.3	6,115.8	4,686.0
Sumber Lain[1]	34,513.8	24,934.1	12,702.7	13,706.5	21,811.1	11,227.6
Jumlah Pelaburan Modal Dicadangkan	59,932.2	45,993.0	31,150.0	29,350.4	28,782.1	16,642.6
- Tempatan/Domestik	26,506.3	25,765.1	13,875.6	20,153.3	12,630.6	5,611.8
- Asing	33,425.9	20,227.9	17,274.4	9,197.1	16,151.5	11,030.8

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: [1] Termasuk untung tertahan dan sumber kewangan lain yang masih belum ditentukan semasa kelulusan diberi.
nil - sifar

tertinggi dalam pelaburan diluluskan berjumlah RM15.1 bilion (25.2 peratus), berbanding dengan RM10 bilion pada 2006, iaitu kenaikan sebanyak 50.8 peratus. Pelaburan asing berjumlah RM13.7 bilion atau 90.9 peratus daripada jumlah pelaburan dalam industri E&E pada 2007, menunjukkan peranan besar syarikat multinasional asing (MNCs) dalam industri ini. Pelaburan dalam industri E&E terutamanya dalam subsektor komponen elektronik yang berjumlah RM10.7 bilion.

Produk petroleum termasuk petrokimia (RM13.8 bilion) merupakan penerima kedua terbesar jumlah pelaburan diikuti oleh produk logam asas (RM12.2 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.8 bilion) serta kertas, percetakan dan penerbitan (RM2.9 bilion). Pelaburan tinggi dalam produk petroleum termasuk petrokimia adalah berpunca daripada kelulusan satu projek pembesaran penapisan petroleum dengan pelaburan berjumlah RM9.9 bilion. Dalam industri produk logam asas, pelaburan berjumlah RM4.5 bilion adalah bagi satu projek baru untuk pembesaran kapasiti pengeluaran *pig iron/flat iron*, *slabs*, *billets* dan *blooms*.

Jadual 4.2:
Purata Sasaran Pelaburan Tahunan di bawah IMP3 bagi 12 Sektor Perindustrian yang Disasar

Sektor	Sasaran Purata Tahunan IMP3 (RM bilion)	Pelaburan Diluluskan pada 2007 (RM bilion)
Bukan Berasaskan Sumber:		
Elektrik dan elektronik	5.5	15.1
Industri logam	2.9	12.2
Kelengkapan pengangkutan	2.8	1.2
Jentera dan kelengkapan	2.1	1.8
Peralatan perubatan	1.3	0.5
Tekstil dan pakaian	0.9	1.4
Berasaskan Sumber:		
Petrokimia	2.3	13.8
Produk berasaskan kayu	1.7	0.6
Industri berasaskan minyak sawit	1.7	3.2
Pemprosesan makanan	1.6	2.4
Getah dan produk getah	0.9	0.5
Farmaseutikal	0.5	0.1

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Projek Berorientasi Eksport

Suasana pelaburan Malaysia yang kompetitif terus menarik industri berorientasi eksport

untuk menempatkan projek baru dan pembesaran/pelbagaian mereka di negara ini bagi memenuhi pasaran serantau dan global. Projek berorientasi eksport ini apabila dilaksanakan, dijangka akan menyumbang kepada peningkatan berterusan eksport produk perkilangan.

Daripada 949 projek yang diluluskan pada 2007, 323 projek (34 peratus) akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada output mereka. Jumlah pelaburan dalam projek berorientasi eksport ini bernilai RM28.8 bilion, yang mana RM18.3 bilion (63.5 peratus) adalah pelaburan asing dan RM10.5 bilion (36.5 peratus) merupakan pelaburan domestik.

Projek berorientasi eksport terutama dalam industri E&E bernilai RM11.6 bilion yang melibatkan 69 projek. Ini diikuti oleh industri kimia dan produk kimia (RM2.6 bilion/32 projek), pengilangan makanan (RM629.9 juta/28 projek), dan kelengkapan jentera (RM423.6 juta/30 projek) serta perabot dan kelengkapan (RM220.9 juta/31 projek).

Projek Berintensif Modal

Pada 2007, intensiti modal projek diluluskan diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) meningkat 18.7 peratus kepada RM613,600 daripada RM517,054 pada 2006. Kadar CIPE yang lebih tinggi terutamanya berpunca daripada projek berintensif modal dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia. Kadar CIPE projek perkilangan telah mencatatkan aliran yang terus meningkat sejak 2001 (RM241,024). Ini menunjukkan arah aliran projek yang lebih berintensif modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Pada 2007, 11 projek melibatkan pelaburan melebihi RM1 bilion setiap projek telah diluluskan. Jumlah pelaburan dalam projek ini berjumlah RM29.9 bilion atau 49.9 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Projek

Carta 4.2:
Projek Diluluskan mengikut Nisbah CIPE, 2001-2007

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.3:
Projek Perkilangan yang Diluluskan Mengikut Industri

Industri	2007					2006				
	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan (Orang)	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Peluang Pekerjaan (Orang)
Jumlah	**59,932.2**	**33,425.9**	**26,506.3**	**949**	**97,673**	**45,993.0**	**20,227.9**	**25,765.1**	**1,063**	**88,952**
Produk Elektrik & Elektronik	15,111.6	13,737.1	1,374.5	144	32,455	10,023.7	8,601.5	1,422.2	170	24,239
Produk Petroleum (Termasuk. Petrokimia)	13,832.4	5,335.4	8,497.0	17	1,050	11,437.6	605.0	10,832.6	10	1,395
Produk Logam Asas	12,173.4	4,989.6	7,183.8	52	7,133	2,724.2	2,288.1	436.1	30	1,502
Kimia & Produk Kimia	3,800.8	1,560.2	2,240.6	71	3,404	9,143.9	3,031.5	6,112.4	149	5,897
Kertas, Percetakan & Penerbitan	2,898.0	1,814.6	1,083.4	36	3,191	688.0	93.4	594.6	26	1,900
Pengilangan Makanan	2,383.3	369.2	2,014.1	75	5,465	1,620.4	895.4	725.0	76	4,744
Jentera & Kelengkapan	1,765.3	1,219.6	545.7	98	4,437	1,267.2	657.0	610.2	102	4,129
Tekstil & Produk Tekstil	1,400.9	1,300.8	100.1	22	9,487	821.3	152.2	669.1	30	2,863
Produk Galian Bukan Logam	1,301.0	1,007.6	293.4	16	1,619	1,166.6	962.2	204.4	29	2,344
Kelengkapan Pengangkutan	1,195.9	306.5	889.4	53	4,581	1,448.3	216.6	1,231.7	66	5,180
Produk Plastik	1,076.5	565.8	510.7	92	4,220	1,135.5	757.2	378.3	85	7,607
Produk Logam Fabrikasi	657.5	239.2	418.3	101	4,445	1,325.7	616.3	709.4	123	6,614
Kayu & Produk Kayu	571.8	285.4	286.4	33	3,316	983.1	286.4	696.7	41	6,063
Produk Getah	510.2	241.8	268.4	33	3,607	714.6	257.8	456.8	37	4,967
Peralatan Pengukuran & Saintifik	372.2	175.6	196.6	19	1,310	781.1	664.6	116.5	20	1,099
Perabot & Kelengkapan	309.1	100.5	208.6	51	5,242	410.8	55.0	355.8	62	6,982
Minuman & Tembakau	100.2	22.2	78.0	10	630	62.7	1.0	61.7	6	232
Kulit & Produk Kulit	4.6	4.6	nil	1	77	1.0	1.0	nil	1	15

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

yang berintensif modal ini terutamanya dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia, di mana dua projek yang telah diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM12.3 bilion, diikuti oleh produk logam asas (empat projek/RM9.2 bilion), E&E (empat projek/RM6.5 bilion) dan kertas, percetakan dan penerbitan (satu projek/RM1.9 bilion).

Peluang Pekerjaan

Projek diluluskan pada 2007 dijangka mewujudkan sebanyak 97,673 peluang pekerjaan, di mana 71,974 atau 73.7 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga mahir. Peningkatan dalam peratusan pekerjaan bagi kategori-kategori tersebut mencerminkan keperluan industri yang kian berubah, selaras dengan fokus ke arah industri lebih bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan. Industri E&E dijangka mewujudkan bilangan peluang pekerjaan terbanyak dengan 32,455 pekerjaan, diikuti oleh tekstil dan produk tekstil (9,487), produk logam asas (7,133), pengilangan makanan (5,465), serta perabot dan kelengkapan (5,242).

Bagi memudahkan pemindahan teknologi dan menambah kemahiran kumpulan pengurusan dan teknikal tempatan, Kerajaan terus meluluskan jawatan pegawai dagang, khususnya bagi jawatan pengurusan dan teknikal kepada syarikat tempatan dan asing. Jawatan pegawai dagang yang diluluskan terutama dalam industri sokongan kejuruteraan seperti acuan, alatan dan dai serta pemesinan. Pada 2007, sejumlah 2,312 jawatan pegawai dagang diluluskan, di mana 621 merupakan jawatan penting manakala 1,691 merupakan jawatan berpenggal.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT HAK MILIK

Pelaburan Domestik

Pelaburan domestik dalam projek diluluskan pada 2007 berjumlah RM26.5 bilion dan merupakan catatan yang tertinggi sehingga kini, menyumbang sebanyak 44.2 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Secara perbandingan, pelaburan domestik berjumlah RM25.8 bilion atau 56.1 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada 2006. Daripada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan, RM13.9 bilion adalah projek baru, manakala RM12.6 bilion adalah untuk projek pembesaran/pelbagaian.

Peningkatan dalam pelaburan domestik mencerminkan minat berterusan pelabur tempatan untuk melabur dalam sektor perkilangan, khususnya industri produk petroleum dan logam asas hasil daripada permintaan global yang kukuh dan harga yang lebih tinggi bagi minyak dan keluli. Pelaburan dalam industri berintensif modal ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan teknologi maju. Dalam industri keluli, peningkatan teknologi terkini *blast furnaces* bersepadu sepenuhnya akan dapat memenuhi permintaan keluli yang lebih berkualiti oleh industri automotif dan E&E.

Sejumlah 636 projek atau dua pertiga daripada jumlah projek diluluskan adalah milik rakyat Malaysia[1] yang melibatkan pelaburan berjumlah RM29.7 bilion (2006: 707 projek/ RM25.7 bilion). Daripada jumlah ini, 474 adalah projek baru dengan pelaburan RM13.1 bilion atau 44.2 peratus daripada jumlah pelaburan dalam projek milik rakyat Malaysia. Baki 162 projek merupakan projek pembesaran/pelbagaian yang melibatkan pelaburan berjumlah RM16.6 bilion.

Pelaburan dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri produk logam asas dengan pelaburan RM4.5 bilion, diikuti oleh pengilangan makanan (RM1.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion), E&E (RM979.2 juta), kertas, percetakan dan penerbitan (RM801.9 juta) dan kelengkapan pengangkutan (RM600.4 juta). Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian terutama dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia dengan jumlah pelaburan RM12.3 bilion, diikuti oleh industri produk logam asas (RM1.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM650 juta) dan E&E (RM423.6 juta).

Daripada 636 projek milik rakyat Malaysia yang diluluskan pada 2007, sebanyak 170 projek (26.7 peratus) dengan pelaburan berjumlah

[1] *Projek hak milik rakyat Malaysia – Projek dengan ekuiti hak milik rakyat Malaysia melebihi 50 peratus*

Jadual 4.4:

Projek Perkilangan Diluluskan dengan Hak Milik Majoriti[1] Rakyat Malaysia mengikut Industri

Industri	2007						2006					
	Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagaian		Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagaian	
	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek
Jumlah	**29,664.3**	**636**	**13,115.0**	**474**	**16,549.3**	**162**	**25,746.8**	**707**	**20,195.5**	**509**	**5,551.3**	**198**
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	12,544.7	13	257.9	10	12,286.8	3	10,834.6	7	8,771.6	6	2,063.0	1
Produk Logam Asas	6,368.9	34	4,514.4	24	1,854.5	10	410.2	19	198.9	13	211.3	6
Kimia dan Produk Kimia	2,226.5	47	1,576.9	36	649.6	11	6,027.1	105	5,387.7	85	639.4	20
Pengilangan Makanan	1,967.0	61	1,763.4	44	203.6	17	775.0	54	553.8	41	221.2	13
Elektrik & Produk Elektronik	1,402.8	60	979.2	37	423.6	23	1,698.3	71	1,120.9	43	577.4	28
Kertas, Percetakan & Penerbitan	954.6	29	801.9	24	152.7	5	593.2	16	204.2	5	389.0	11
Kelengkapan Pengangkutan	896.5	46	600.4	32	296.1	14	1,241.6	56	1,155.1	43	86.5	13
Produk Plastik	530.7	54	357.9	31	172.8	23	404.9	51	303.5	37	101.4	14
Pengilangan Jentera	497.2	70	414.8	56	82.4	14	630.7	69	460.5	54	170.2	15
Produk Logam Fabrikasi	464.3	75	420.1	69	44.2	6	568.0	81	362.5	66	205.5	15
Kayu & Produk Kayu	287.1	28	236.8	21	50.3	7	594.5	34	307.0	23	287.5	11
Produk Galian Bukan Logam	279.0	7	117.5	6	161.5	1	212.4	20	123.3	15	89.1	5
Produk Getah	268.1	21	180.1	15	88.0	6	401.6	25	82.0	11	319.6	14
Perabot & Kelengkapan	211.2	39	165.7	28	45.5	11	377.5	57	269.5	42	108.0	15
Peralatan Pengukuran & Saintifik	210.6	12	210.6	11	nil[2]	1	90.6	10	83.0	8	7.6	2
Tekstil & Produk Tekstil	78.4	13	61.1	8	17.3	5	669.1	18	594.3	4	74.8	14
Minuman & Tembakau	66.4	8	46.2	4	20.2	4	62.7	6	62.7	5	nil[2]	1

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Nota: [1] Projek dengan ekuiti Malaysia melebihi 50 peratus

[2] Pembesaran kapasiti pengeluaran atau pengeluaran produk tambahan tanpa melibatkan penambahan modal

nil - sifar

RM13.3 billon, akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada output mereka. Projek berorientasi eksport tertumpu kepada industri perabot dan kelengkapan dengan 24 projek melibatkan pelaburan RM162.7 juta. Ini diikuti oleh industri pengilangan makanan (21 projek/RM444.1 juta), kimia dan produk kimia (20 projek/RM1.4 bilion) serta jentera dan kelengkapan (16 projek/RM66.3 juta).

Projek milik rakyat Malaysia dijangka mewujudkan 48,007 peluang pekerjaan atau 49.2 peratus daripada jumlah pekerjaan dalam projek diluluskan. Pada 2006, jumlah pekerjaan yang dicadangkan dalam projek milik rakyat Malaysia adalah seramai 51,590 orang.

PELABURAN ASING

Pelaburan asing dalam projek perkilangan berjumlah RM33.4 bilion yang merupakan 55.8 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2007. Pelaburan tersebut mencatatkan peningkatan 65.2 peratus berbanding RM20.2 bilion pada 2006.

Peningkatan ketara dalam pelaburan asing adalah berpunca daripada peningkatan pelaburan dalam industri E&E yang berjumlah RM13.7 bilion pada 2007, kenaikan sebanyak 59.7 peratus, berbanding RM8.6 bilion pada 2006. Minat MNC asing terus meningkat untuk melabur dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi dan industri berintensif modal, seperti fabrikasi wafer dan modul/sel solar.

Pada 2007, pelaburan asing juga tertumpu dalam produk petroleum termasuk petrokimia dengan pelaburan RM5.3 bilion, diikuti oleh produk logam asas (RM5 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion), tekstil dan produk tekstil (RM1.3 bilion) dan kelengkapan jentera (RM1.2 bilion).

Pelaburan asing dalam projek baru berjumlah RM17.3 bilion pada 2007, berbanding RM9.2 bilion pada 2006. Pelaburan ini terutamanya dalam industri E&E dengan jumlah pelaburan RM6.6 bilion, diikuti oleh produk logam asas (RM4.4 bilion), tekstil dan produk tekstil (RM1.2 bilion), dan kelengkapan jentera (RM1.2 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.1 bilion).

Pelaburan asing dalam projek pembesaran/pelbagaian juga mencatatkan kenaikan ketara iaitu sebanyak 47 peratus kepada RM16.2 bilion pada 2007 daripada RM11 bilion pada 2006. Pelaburan ini terutamanya dalam industri E&E dengan pelaburan berjumlah RM7.1 bilion, diikuti oleh produk petroleum termasuk petrokimia (RM4.8 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.7 bilion), produk galian bukan logam (RM722.3 juta) dan produk logam asas (RM553.4 juta). Pelabur asing

Carta 4.3:
Pelaburan Asing dalam Projek yang Diluluskan mengikut Industri Utama, 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

terus melabur semula, khususnya dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi dan operasi berintensif teknologi termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pusat kejuruteraan dan reka bentuk produk.

Sumber Utama Pelaburan Asing

Bagi dua tahun berturut-turut, Jepun merupakan sumber pelaburan asing terbesar yang diluluskan dalam sektor perkilangan berjumlah RM6.5 bilion pada 2007. Ini diikuti oleh Jerman (RM3.8 bilion), Iran (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (AS) (RM3 bilion), Singapura (RM3 bilion) dan India (RM3 bilion). Kesemua negara ini menyumbang kepada RM22.2 bilion atau 66.5 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

Jepun

Pelaburan Jepun meningkat kepada RM6.5 bilion pada 2007, iaitu paras tertinggi pernah dicatatkan. Pelaburan pada 2007 adalah 47.8 peratus lebih tinggi daripada RM4.4 bilion (81 projek) yang dicatatkan pada 2006. Pelaburan Jepun adalah dalam 60 projek, yang mana 19 merupakan projek baru berjumlah RM1.1 bilion dan 41 adalah projek pembesaran/pelbagaian bernilai RM5.4 bilion.

Pelaburan dari Jepun dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri E&E (RM500.1 juta), kimia dan produk kimia (RM294.1 juta), kayu dan produk kayu (RM189 juta) dan produk logam asas (RM48.2 juta). Satu projek baru yang besar (RM269 juta) telah diluluskan bagi mengeluarkan *methyl ester sulfonates* dan asid sulfurik.

Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian terutamanya dalam industri E&E (RM3.9 bilion), produk galian bukan logam (RM699.8 juta), produk petroleum termasuk petrokimia (RM688 juta), produk logam fabrikasi (RM71.7 juta) dan pengilangan makanan (RM26.5 juta).

Sebanyak empat projek pembesaran pelaburan utama dari Jepun telah diluluskan pada 2007. Projek ini termasuk pengeluaran wafer fabrikasi bagi peranti semikonduktor tenaga dan pembuatan peranti semikonduktor tenaga, dengan pelaburan RM2.1 bilion, pengeluaran gentian kaca pelbagai bentuk (RM699.8 juta), pengeluaran *polyacetal resins/compounded polyacetal resins* (RM688 juta) dan pengeluaran penerima isyarat televisyen *liquid crystal display* (LCD) (RM379.3 juta).

Jerman

Pada 2007, Jerman merupakan sumber pelaburan asing kedua terbesar bagi Malaysia. Sejumlah 26 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.7 bilion pada 2007, berbanding 15 projek dengan pelaburan RM232.3 juta pada 2006. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, sejumlah RM2.7 bilion atau 71 peratus adalah dalam 15

Carta 4.4:

Sumber Utama Pelaburan Asing dalam Projek yang Diluluskan mengikut Negara, 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.5:
Projek Perkilangan Diluluskan dengan Penyertaan Asing mengikut Sumber Utama

Negara	2007		2006	
	Pelaburan Asing (RM juta)	Bilangan Projek	Pelaburan Asing (RM juta)	Bilangan Projek
Jepun	6,522.7	60	4,411.6	81
Jerman	3,756.8	26	232.3	15
Iran	3,067.8	3	nil	nil
Amerika Syarikat	3,020.0	33	2,476.6	38
Singapura	2,952.2	108	1,884.7	130
India	2,923.7	8	8.3	6
Republik Rakyat China	1,883.2	13	134.1	19
Belanda	1,690.4	9	3,284.2	13
Australia	1,685.1	17	2,560.1	20
Republik Korea	1,118.8	23	437.8	18
Kepulauan Cayman	892.0	1	860.5	2
Perancis	787.0	4	85.0	5
Taiwan	408.7	41	405.5	70
United Kingdom	385.3	20	642.0	17
Belgium	213.5	4	nil	nil
Bermuda	171.5	3	80.0	1
Thailand	137.7	6	109.5	5
Switzerland	61.3	7	46.1	7
Hong Kong SAR	59.8	14	84.5	9
Sweden	54.0	2	43.7	3

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

projek baru, manakala RM1 bilion atau 29 peratus adalah dalam 11 projek pembesaran/pelbagaian.

Pelaburan dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri E&E (RM1.9 bilion) dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM301.6 juta). Salah sebuah projek baru yang diluluskan adalah untuk pengeluaran wafer fabrikasi bagi *light-emitting diodes* (LEDs).

Pelaburan dari Jerman dalam projek pembesaran/pelbagaian adalah tertumpu dalam industri E&E (RM851.9 juta) serta kimia dan produk kimia (RM148.9 juta). Tahap pelaburan yang tinggi dari Jerman dalam industri E&E berpunca terutamanya daripada sebuah projek pembesaran bernilai RM851.9 juta untuk mengeluarkan litar bersepadu dan modul memori.

Iran

Iran adalah sumber pelaburan asing ketiga terbesar pada 2007 dengan pelaburan berjumlah RM3.1 bilion dalam tiga buah projek. Pelaburan besar dari Iran adalah sebuah projek pembesaran untuk mengeluarkan gas petroleum cecair (LPG), gasolin, kerosin dan diesel, dan projek pelbagaian untuk mengeluarkan kok dan sulfur, dengan pelaburan berjumlah RM3 bilion. Dua buah projek baru telah diluluskan untuk mengeluarkan gas dan *steam turbine blades* bagi industri minyak dan gas, petrokimia dan penjanaan tenaga (RM92 juta), dan bagi mengeluarkan pelekat kayu (RM7.3 juta).

Amerika Syarikat

Pada 2007, Amerika Syarikat merupakan sumber pelaburan asing keempat terbesar bagi Malaysia. Sebanyak 33 projek dengan pelaburan RM3 bilion diluluskan pada 2007, berbanding 38 projek dengan pelaburan berjumlah RM2.5 bilion pada 2006. Daripada 33 projek yang diluluskan, 13 merupakan projek baru yang melibatkan pelaburan RM958.6 juta, manakala 20 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan RM2.1 bilion. Sebahagian besar pelaburan dalam projek baru adalah untuk pengeluaran modul dan sel solar bernilai RM568 juta.

Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian adalah tertumpu dalam pengeluaran hidrogen, LPG, naphtha, gasolin, kerosin dua kegunaan/ *jet fuel*, diesel dan *fuel oil*, berjumlah RM1.1 bilion dan pengeluaran *radio frequency/ intermediate frequency* dan komponen/peranti gelombang mikro, berjumlah RM702.8 juta.

Singapura

Singapura merupakan sumber pelaburan asing kelima terbesar pada 2007. Pelaburan dari Singapura berjumlah RM3 bilion dalam 108 projek yang diluluskan. Daripada jumlah ini, 48 merupakan projek baru dengan pelaburan RM2.2 bilion, manakala 60 adalah projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM733.1 juta. Secara perbandingan, 130 projek telah diluluskan pada 2006 yang melibatkan pelaburan RM1.9 bilion.

Pelaburan dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri E&E (RM1.2 bilion) dan produk logam asas (RM681.2 juta). Sebahagian besar pelaburan dalam sektor E&E adalah dalam sebuah projek baru berjumlah RM755.4 juta untuk mengeluarkan wafer silikon.

India

Selain daripada negara-negara maju, potensi besar pelaburan asing bagi Malaysia adalah dari ekonomi baru muncul seperti India. Pada 2007, India adalah sumber pelaburan asing keenam terbesar bagi Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM2.9 bilion dalam lapan projek yang diluluskan (2006: 6 projek/RM8.3 juta). Ini merupakan tahap pelaburan tertinggi pernah dicatat dari India. Daripada lapan projek yang diluluskan pada 2007, tujuh adalah projek baru yang melibatkan pelaburan RM1.2 bilion, manakala satu adalah projek pembesaran bagi pengeluaran pulpa berjumlah RM1.7 bilion.

Pelaburan dalam projek baru adalah tertumpu dalam industri tekstil dan produk tekstil dengan dua projek diluluskan berjumlah RM1.2 bilion bagi mengeluarkan cip, gentian, benang dan fabrik *polyester*, bahan peluntur, bahan pencelup, pengemasan (*finishing*) serta percetakan.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI

Sebanyak 640 projek atau 67.4 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan pada 2007 akan ditempatkan di tiga negeri, khususnya Selangor (318), Johor (188) and Pulau Pinang (134). Kedah mencatatkan paras pelaburan tertinggi dengan pelaburan RM14 bilion, diikuti oleh Selangor (RM11.2 bilion), Johor (RM9.2 bilion), Terengganu (RM6.2 bilion), Pulau Pinang (RM4.8 bilion), Melaka (RM3.8 bilion), Sabah (RM3.3 bilion) dan Negeri Sembilan (RM2.7 bilion).

Pelaburan di negeri Kedah adalah tertumpu dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia (RM9.9 bilion), E&E (RM3.3 bilion), kimia dan produk kimia (RM564 juta) dan produk getah (RM70.2 juta). Pelaburan berjumlah RM9.9 bilion di Kedah adalah di dalam sebuah projek pembesaran kapasiti pengeluaran LPG, gasolin, kerosin dan diesel serta sebuah projek pelbagaian untuk mengeluarkan kok dan sulfur.

Pelaburan di Selangor adalah tertumpu dalam industri produk logam asas (RM3.8 bilion), E&E (RM1.4 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.2 bilion). Di Johor, pelaburan adalah dalam pelbagai industri termasuk industri E&E (RM4.2 bilion), dan kelengkapan jentera (RM1 bilion), produk logam asas (RM918.7 juta), pengilangan makanan (RM675 juta) serta kimia dan produk kimia (RM513 juta).

Kerajaan terus menggalakkan pembangunan perindustrian yang seimbang dalam negara. Pada 2007, sebanyak 115 projek dengan pelaburan berjumlah RM12.6 bilion telah diluluskan di kawasan galakkan dalam Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan Perlis, Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di kawasan digalakkan, RM9.2 bilion adalah bagi 82 projek baru, manakala RM3.4 bilion adalah dalam 33 projek pembesaran/pelbagaian. Kebanyakan daripada projek dicadang untuk ditempatkan di Sabah (41 projek) dan Sarawak (23 projek). Tumpuan projek di negeri-negeri ini adalah disebabkan oleh kewujudan sumber asli bagi menggalakkan penubuhan industri berasaskan sumber.

Jadual 4.6:
Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri

Negeri	2007						2006					
	Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagaian		Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagaian	
	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan Projek
Jumlah	**59,932.2**	**949**	31,150.0	**625**	**28,782.1**	**324**	**45,993.0**	**1,077**	29,350.4	**653**	**16,642.6**	**424**
Kedah	13,990.2	46	838.3	27	13,151.9	19	9,880.2	59	8,046.6	32	1,833.6	27
Selangor	11,181.5	318	7,021.5	231	4,160.0	87	5,328.6	312	3,045.7	210	2,282.9	102
Johor	9,242.8	188	7,217.0	102	2,025.9	86	7,736.3	222	2,922.7	121	4,813.6	101
Terengganu	6,163.2	11	6,148.2	9	15.0	2	2,933.8	7	2,887.7	6	46.0	1
Pulau Pinang	4,768.7	134	3,622.0	84	1,146.6	50	5,350.7	156	2,111.6	84	3,239.1	72
Melaka	3,837.7	38	1,007.0	19	2,830.7	19	1,401.1	55	884.8	22	516.3	33
Sabah	3,257.5	41	1,093.3	33	2,164.3	8	4,993.8	74	4,627.0	61	366.7	13
Negeri Sembilan	2,675.6	40	1,256.7	24	1,418.9	16	1,799.9	37	1,540.8	20	259.1	17
Perak	2,034.6	59	1,510.2	46	524.4	13	1,181.3	62	854.1	39	327.2	23
Pahang	1,563.8	28	790.0	18	773.8	10	1,792.6	33	1,193.7	18	598.9	15
Sarawak	1,034.5	23	518.1	13	516.3	10	759.8	30	608.1	18	151.7	12
W.P. Kuala Lumpur	92.4	12	39.4	11	52.9	1	503.9	18	447.7	14	56.2	4
Kelantan	82.7	9	81.2	7	1.5	2	47.1	6	42.1	5	5.0	1
Perlis	7.1	2	7.1	1	nil	1	61.2	3	1.4	2	59.8	1
W.P. Labuan	nil	nil	nil	nil	nil	nil	2,222.9	3	136.4	1	2,086.5	2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Carta 4.5:
Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: Angka dalam kurungan merujuk kepada bilangan projek diluluskan

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT INSENTIF

Pada 2007, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi projek yang terlibat dalam produk/aktiviti digalakkan yang akan mewujudkan kesan limpahan dan faedah ekonomi kepada negara seperti R&D, pemindahan teknologi, rantaian industri, pembangunan ekonomi sosial dan peluang pekerjaan. Sebanyak 397 projek dengan pelaburan RM38.8 bilion telah diluluskan dengan insentif pada 2007.

PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN

Bagi tempoh 2002-2007, sejumlah 5,911 projek perkilangan telah diluluskan, di mana 4,691 projek telah dilaksanakan (termasuk projek yang telah memulakan pengeluaran, membina kilang atau memasang jentera) dengan jumlah pelaburan RM117.4 bilion.

Daripada 4,691 projek yang dilaksanakan, 4,432 atau 75 peratus projek telah memulakan

Jadual 4.7:
Projek Diluluskan mengikut Insentif, 2007

Jenis Insentif	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)
Jumlah	**397**	**38,842.5**	**22,360.6**	**16,481.9**
Am	168	4,270.8	1,108.2	3,162.6
Perkilangan Kecil-kecilan	146	290.4	7.1	283.3
Istimewa	36	33,135.4	20,736.8	12,398.6
Insentif Khusus bagi Industri Terpilih	33	657.0	58.5	598.5
Teknologi Tinggi	11	242.4	203.5	38.9
Strategik	3	246.5	246.5	nil

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
nil - sifar

pengeluaran dan 259 (4.4 peratus) adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Selain itu, 115 projek dengan pelaburan RM13.8 bilion telah memperolehi tapak bagi kilang mereka, manakala 786 projek dengan pelaburan RM74.5 bilion adalah di peringkat perancangan aktif.

Carta 4.6:
Status Pelaksanaan Projek Perkilangan Diluluskan bagi Tempoh 2002-2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Daripada 4,691 projek yang dilaksanakan, 2,372 atau 50.6 peratus daripada projek adalah berorientasi eksport. Projek ini terutamanya dalam industri E&E (566 projek), perabot dan kelengkapan (205 projek), jentera dan kelengkapan (204 projek), produk logam fabrikasi (189 projek), pengilangan makanan (182 projek) dan produk plastik (165 projek).

Dari segi lokasi, kebanyakan daripada projek yang dilaksanakan terletak di Selangor dengan 1,462 projek, diikuti oleh Johor (1,058 projek), Pulau Pinang (705 projek), Perak (265 projek), Kedah (260 projek) dan Melaka (223 projek).

Pada 2007 sejumlah 737 projek daripada 5,911 projek perkilangan yang diluluskan bagi tempoh 2002-2007 telah memulakan pengeluaran. Projek signifikan yang dilaksanakan pada 2007 merangkumi pelbagai sektor industri, seperti E&E, kimia, peralatan pengukuran dan saintifik, dan produk logam fabrikasi. Projek-projek ini telah mewujudkan 68,619 peluang pekerjaan.

Pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memudahkan pelaburan telah menyumbang kepada peningkatan dalam kadar pelaksanaan projek yang diluluskan daripada 75.8 peratus (2001-2006) kepada 79.4 peratus (2002-2007). Langkah-langkah tambahan yang diperkenalkan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek yang diluluskan termasuk:

- pengenalan Sijil Siap dan Layak Diduduki (CCC) yang menggantikan Sijil Layak Menduduki pada 12 April 2007. Dengan CCC, tanggungjawab pensijilan dipindahkan daripada pihak berkuasa tempatan kepada pihak profesional yang bertauliah (seperti arkitek dan jurutera) berdasarkan amalan peraturan sendiri.

- pembentukan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) pada Februari 2007. PEMUDAH diberikan mandat untuk mengenal pasti dan mencadangkan langkah bersesuaian bagi memperbaiki prosedur, peraturan dan undang-undang sedia ada bagi mengurangkan birokrasi dan seterusnya menggalakkan suasana perniagaan yang lebih baik di Malaysia. Sejak penubuhannya, PEMUDAH telah memperkenalkan langkah-langkah untuk terus mempertingkatkan sistem pencapaian sektor awam:

  - pendaftaran perniagaan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);

  - pulangan cukai dan duti setem bagi pemindahan tanah oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); dan

  - pas kerja bagi pegawai dagang oleh Jabatan Imigresen.

Langkah-langkah lain yang telah diambil oleh PEMUDAH adalah:

  - penerbitan buku Garis Panduan Pengambilan Pegawai Dagang: Proses dan Prosedur pada 26 Oktober 2007; dan

- cadangan penubuhan Perkhidmatan Sokongan Pelesenan Perniagaan (BLESS) yang bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem pencapaian Kerajaan. Objektif BLESS adalah untuk memendekkan masa memproses dan mengurangkan bilangan lesen perniagaan yang diperlukan di Malaysia. Pemohon boleh mengemukakan permohonan lesen perniagaan secara *online* menerusi BLESS yang akan memantau masa yang diambil untuk memproses oleh agensi terlibat dalam meluluskan lesen berkenaan. BLESS akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan sektor perkilangan dan seterusnya dengan sektor lain.

PROSPEK

Dijangka persaingan global terhadap pelaburan langsung asing (FDI) akan meningkat pada 2008 dan tahun-tahun seterusnya. Negara-negara maju dan membangun sedang mempertingkatkan suasana pelaburan mereka dan menawarkan insentif fiskal dan bukan fiskal yang lebih menarik dalam usaha untuk mendahului pesaing lain. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah tertentu dalam memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi yang menarik bagi pelaburan dalam sektor perkilangan. Usaha akan dipertingkatkan untuk mensasar dan menggalakkan pelaburan dalam industri yang mana Malaysia mempunyai kelebihan daya saing yang kukuh, dan juga dalam bidang pertumbuhan baru seperti sektor tenaga boleh diperbaharui.

Terdapat juga aliran berterusan yang mana syarikat Malaysia menceburi perniagaan di luar negara bertujuan untuk memperolehi pasaran baru dan lebih besar, mendapatkan akses kepada bahan mentah dan mengurangkan kos. Ini dijangka akan berterusan dan menyumbang kepada integrasi yang lebih meluas dalam rantaian bekalan serantau dan global bagi syarikat Malaysia.

Bab 5 PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Sektor perkilangan terus menjadi sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia dan menyumbang 30.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2007, berbanding 31.1 peratus pada 2006. Indeks Pengeluaran Industri (IPI) bagi sektor perkilangan meningkat 1.9 peratus kepada 141.6, daripada 139 pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap barangan perkilangan. Jualan barangan perkilangan pula meningkat 2.5 peratus kepada RM523.4 bilion pada 2007, daripada RM510.7 bilion pada 2006. Eksport bagi barangan perkilangan bernilai RM452.5 bilion dan menyumbang 74.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Jadual 5.1:
Prestasi Sektor Perkilangan

Petunjuk	2007	2006
Syer kepada KDNK sebenar (%)	30.1	31.1
Indeks Pengeluaran (2000=100)	141.6	139.0
Nilai Ditambah (%)	3.1	7.1
Jumlah Jualan (RM bilion)	523.4	510.7
Pelaburan yang Diluluskan (RM bilion)	59.9	46.0
Pertumbuhan Produktiviti (%)	8.0	6.8
Syer kepada Jumlah Eksport (%)	74.8	76.7
Syer kepada Jumlah Guna Tenaga (%)	29.3	29.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi (EPU)
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

Pengeluaran

Berdasarkan Penyiasatan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, indeks pengeluaran bagi industri berorientasi eksport meningkat 0.7 peratus, manakala industri berorientasi domestik pula meningkat 7 peratus. Pada 2007, industri peralatan perubatan dan produk getah merupakan penyumbang utama kepada peningkatan industri berasaskan eksport. Produk logam, produk kertas, makanan diproses dan minuman serta produk tembakau pula merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan industri berorientasi domestik.

Jadual 5.2:
Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan Terpilih

Industri	2007	Perubahan (%)	2006
Keseluruhan Sektor Perkilangan	**141.6**	**1.9**	**139.0**
Industri berorientasi eksport	**141.9**	**0.7**	**140.9**
Peralatan perubatan	192.3	30.5	147.3
Kimia	162.5	3.4	157.1
Produk getah	151.8	5.9	143.4
Minyak sawit	146.7	-0.2	147.0
Elektrik dan elektronik	139.5	-1.0	140.9
Produk kayu	115.4	1.4	113.8
Peralatan profesional dan saintifik	108.0	-3.4	111.9
Jentera dan kelengkapan	105.8	1.1	104.6
Pengilangan getah dan pemprosesan lateks	103.3	0.3	103.0
Tekstil dan pakaian	81.2	-9.6	89.8
Kasut	74.5	4.0	71.7
Industri berorientasi domestik	**140.2**	**7.0**	**131.1**
Logam	159.1	17.6	135.3
Produk kertas	149.5	11.0	134.6
Makanan diproses dan minuman	145.9	9.7	133.0
Kelengkapan pengangkutan	139.0	-6.0	147.9
Produk galian bukan logam	117.4	0.4	117.0
Makanan haiwan	106.6	0.6	105.9
Tembakau	85.9	2.8	83.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000=100

Jualan

Berdasarkan Penyiasatan yang sama, nilai jualan sektor perkilangan meningkat 2.5 peratus kepada RM523.4 bilion pada 2007, berbanding RM510.7 bilion pada 2006. Bagi industri berorientasi eksport, nilai jualan meningkat 0.05 peratus kepada RM413.7 bilion (79 peratus daripada jumlah jualan), berbanding RM413.5 bilion pada 2006. Nilai jualan industri berorientasi domestik berkembang 12.5 peratus kepada RM101.3 bilion (19.4 peratus daripada jumlah jualan), daripada RM90 bilion pada 2006.

Bagi industri berorientasi export, industri elektrik dan elektronik (E&E) merekodkan

Jadual 5.3:
Jualan Industri Perkilangan Terpilih

Industri	2007 (RM bilion)	Perubahan (%)	2006 (RM bilion)
Jumlah Jualan	**523.4**	**2.5**	**510.7**
Industri berorientasi eksport	**413.7**	**0.05**	**413.5**
Elektrik dan elektronik	193.0	-7.6	209.0
Kimia	157.9	9.4	144.3
Produk kayu	16.2	1.5	16.0
Produk getah	11.9	4.3	11.4
Peralatan profesional dan saintifik	10.6	20.9	8.8
Pengilangan getah dan pemprosesan lateks	8.9	3.7	8.6
Tekstil dan pakaian	7.6	-7.7	8.2
Jentera dan kelengkapan	5.9	1.9	5.8
Peralatan perubatan	1.1	12.8	1.0
Kasut	0.5	18.8	0.4
Industri berorientasi domestik	**101.3**	**12.5**	**90.0**
Logam	41.2	20.0	34.3
Kelengkapan pengangkutan	20.5	-0.2	20.6
Makanan diproses dan minuman	17.6	16.6	15.1
Produk galian bukan logam	11.2	7.7	10.4
Produk kertas	6.2	11.5	5.6
Makanan haiwan	3.2	17.7	2.7
Tembakau	1.3	2.6	1.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

jualan tertinggi iaitu RM193 bilion, diikuti oleh industri kimia dengan jualan RM157.9 bilion. Jualan bagi kedua-dua industri ini menyumbang 67.1 peratus daripada jumlah jualan sektor perkilangan. Industri berorientasikan domestik yang merekodkan jumlah jualan tertinggi ialah industri produk logam dengan nilai RM41.2 bilion, diikuti oleh kelengkapan pengangkutan (RM20.5 bilion) dan makanan diproses dan minuman (RM17.6 bilion).

Guna Tenaga

Berdasarkan Penyiasatan Pembuatan Bulanan, pada 2007 guna tenaga dalam sektor perkilangan berkembang 1.4 peratus kepada 1,099,973 pekerja berbanding 1,084,571 pekerja pada 2006. Industri berorientasi eksport menyumbang 73.6 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor perkilangan, dengan industri E&E merekodkan guna tenaga tertinggi iaitu 372,165 pekerja, diikuti oleh industri kimia (132,630 pekerja) dan industri produk kayu (119,359 pekerja). Industri berorientasikan domestik merangkumi 22.1 peratus daripada jumlah guna tenaga, dengan industri logam merekodkan 78,409 pekerja, diikuti oleh industri kelengkapan pengangkutan (53,074 pekerja) dan produk galian bukan logam (42,321 pekerja).

Produktiviti

Produktiviti dalam sektor perkilangan yang diukur melalui Nilai Ditambah Setiap Pekerja, meningkat 8 peratus kepada RM89,755 pada 2007, berbanding RM83,093 pada 2006. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah daripada industri besi dan keluli berjumlah RM226,060, kimia (RM163,323), jentera dan kelengkapan (RM114,430), kelengkapan pengangkutan (RM112,336) dan elektrik dan elektronik (RM100,539).

Daya saing kos buruh adalah petunjuk yang mengukur kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber terutamanya dari segi kos buruh dalam menjana nilai ditambah yang lebih tinggi. Peningkatan daya saing kos buruh bagi sektor perkilangan ditunjukkan melalui kemerosotan pada Unit Kos Buruh sebanyak 5.7 peratus.

Jadual 5.4:
Guna Tenaga dalam Industri Perkilangan Terpilih

Industri	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Jumlah	**1,099,973**	**1.4**	**1,084,571**
Industri berorientasi eksport	**809,347**	**-0.02**	**811,161**
Elektrik dan elektronik	372,165	-3.3	384,942
Kimia	132,630	2.5	129,418
Produk kayu	119,539	3.0	116,033
Tekstil dan pakaian	66,989	3.0	65,023
Produk getah	64,305	0.9	63,728
Peralatan profesional dan sainsifik	26,717	7.9	24,759
Jentera dan kelengkapan	11,536	-9.2	12,700
Peralatan perubatan	6,574	0.8	6,520
Pengilangan getah dan pemprosesan lateks	5,987	12.1	5,343
Kasut	2,905	7.7	2,697
Industri berorientasi domestik	**243,125**	**4.9**	**231,845**
Produk logam	78,409	8.5	72,245
Kelengkapan pengangkutan	53,074	0.5	52,795
Produk galian bukan logam	42,321	2.2	41,423
Makanan diproses dan minuman	41,754	7.0	39,008
Produk kertas	23,403	5.8	22,123
Makanan haiwan	2,733	0.8	2,712
Tembakau	1,431	-7.0	1,539

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan

Pada 2007, jumlah pelaburan yang diluluskan meningkat 30.3 peratus kepada RM59.9 bilion berbanding RM46 bilion pada 2006. Sebanyak 949 projek telah diluluskan pada 2007 berbanding 1,077 projek pada 2006. Daripada jumlah projek yang diluluskan, 625 atau 65.9 peratus adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM31.2 bilion, manakala 324 merupakan projek pembesaran dan pelbagaian dengan jumlah RM28.8 bilion. Pelaburan pada 2007 tertumpu kepada tiga industri iaitu E&E (RM15.1 bilion), produk petroleum (RM13.8 bilion) dan produk logam (RM12.2 bilion).

Jadual 5.5:
Pelaburan dalam Sektor Perkilangan

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**949**	**-11.9**	**1,077**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**59.9**	**30.3**	**46.0**
Domestik (RM bil.)	26.5	2.9	25.8
Asing (RM bil.)	33.4	65.2	20.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Pada 2007, eksport produk perkilangan meningkat 0.2 peratus kepada RM452.5 bilion, berbanding RM451.7 bilion pada 2006. Produk E&E merupakan penyumbang utama kepada pendapatan eksport dengan 44 peratus dari jumlah eksport Malaysia pada 2007.

Kimia dan produk kimia merupakan penyumbang kedua terbesar dengan 5.5 peratus atau RM33.2 bilion daripada jumlah eksport, diikuti oleh jentera dan kelengkapan dengan nilai RM21.9 bilion, produk logam (RM16.6 bilion) dan produk kayu (RM16.3 bilion).

Import

Import barangan perkilangan meningkat 4.1 peratus kepada RM418.4 bilion pada 2007 berbanding RM402 bilion pada 2006. Produk E&E menyumbang kepada 40.4 peratus atau RM203.9 bilion daripada keseluruhan jumlah import.

Jentera dan kelengkapan menyumbang 8.5 peratus atau RM42.8 bilion daripada

Jadual 5.6:
Eksport Produk Perkilangan

Kumpulan Produk	2007			2006	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Jumlah Eksport	**605.1**	**100**	**2.7**	**589.0**	**100**
Eksport Produk Perkilangan	**452.5**	**74.8**	**0.2**	**451.7**	**76.7**
Elektrik dan elektronik	266.4	44	-5.2	281.0	47.7
Kimia dan produk kimia	33.2	5.5	14.3	29.1	4.9
Jentera dan alat ganti	21.9	3.6	10.2	19.8	3.4
Produk logam	16.6	2.7	17.4	14.2	2.4
Produk kayu	16.3	2.7	-2.4	16.7	2.8
Peralatan optikal dan saintifik	13.6	2.2	0.4	13.6	2.3
Produk getah	10.6	1.7	13.4	9.3	1.6
Produk besi dan keluli	10.5	1.7	12.4	9.4	1.6
Tekstil dan pakaian	10.3	1.7	-3.2	10.6	1.8
Makanan diproses	8.7	1.4	19.5	7.3	1.2
Kelengkapan pengangkutan	8.4	1.4	-3.4	8.7	1.5
Produk plastik	8.4	1.4	6.7	7.9	1.3
Barang kemas	5.0	0.8	29.3	3.9	0.7
Produk galian bukan logam	3.9	0.7	12.6	3.5	0.6
Produk petroleum	2.9	0.5	16.4	2.5	0.4
Produk kertas dan pulpa	2.5	0.4	17.2	2.2	0.4
Minuman dan tembakau	2.2	0.4	14.2	1.9	0.3
Lain-lain	11.0	1.8	6.5	10.4	1.8

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.7:
Import Produk Perkilangan

Kumpulan Produk	2007			2006	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Jumlah Import	**504.8**	**100**	**5.0**	**480.8**	**100**
Import Produk Perkilangan	**418.4**	**82.9**	**4.1**	**402.0**	**83.6**
Produk elektrik dan elektronik	203.9	40.4	-1.8	207.6	43.2
Jentera dan alat ganti	42.8	8.5	14.2	37.4	7.8
Kimia dan produk kimia	39.0	7.7	11.2	35.1	7.3
Produk logam	27.4	5.4	12.5	24.3	5.1
Produk besi dan keluli	24.8	4.9	24.1	20.0	4.2
Kelengkapan pengangkutan	21.9	4.3	6.8	20.5	4.3
Peralatan optikal dan saintifik	13.3	2.6	-9.3	14.6	3
Makanan diproses	8.2	1.6	21.3	6.8	1.4
Produk kertas dan pulpa	6.2	1.2	9.9	5.7	1.2
Pengilangan plastik	6.0	1.2	-15.8	7.1	1.5
Tekstil dan pakaian	5.7	1.1	3.9	5.4	1.1
Produk galian bukan logam	3.7	0.7	13.1	3.2	0.7
Produk getah	2.9	0.6	9.1	2.7	0.6
Produk petroleum	1.4	0.3	13.2	1.3	0.3
Minuman dan tembakau	1.3	0.2	9.0	1.2	0.2
Produk kayu	1.2	0.2	4.5	1.2	0.2
Barang kemas	0.4	0.1	40.0	0.3	0.1
Lain-lain	8.3	1.6	8.3	7.7	1.6

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.8:
Indeks Pengeluaran Subsektor Terpilih Industri E&E

Keluaran	2007	Perubahan (%)	2006
Industri E&E	**139.5**	**-1.0**	**140.9**
Semikonduktor dan komponen elektrik (peralatan semikonduktor, litar bersepadu, injap, pemasangan mikro, transisitor, dan lain-lain)	167.0	3.4	161.5
Komputer dan peralatan komputer	145.9	-5.5	154.5
Wayar dan kabel	131.7	11.8	117.8
Produk audio dan audio visual	62.8	-11.0	70.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000 = 100

keseluruhan import, diikuti oleh kimia dan produk kimia bernilai RM39 bilion, produk logam (RM27.4 bilion) dan produk besi dan keluli (RM24.8 bilion).

INDUSTRI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Industri E&E adalah penyumbang terbesar bagi pengeluaran, jualan, pelaburan, eksport dan guna tenaga dalam sektor perkilangan. Pada 2007, industri E&E menyumbang 44 peratus daripada jumlah eksport yang bernilai RM266.4 bilion.

Subsektor utama industri E&E termasuk semikonduktor dan komponen elektrik, komputer dan peralatan komputer, wayar dan kabel, produk audio dan audio visual.

Indeks Pengeluaran

Ekoran daripada kelembapan dalam industri E&E global, indeks pengeluaran bagi industri E&E merosot sebanyak 1 peratus pada 2007 kepada 139.5, berbanding dengan 140.9 pada 2006.

Indeks pengeluaran bagi semikonduktor dan komponen elektrik meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada 167 pada 2007, berbanding dengan 161.5 pada 2006. Peningkatan ini adalah hasil daripada pertambahan permintaan bagi produk eletronik pengguna, seperti telefon selular, pemain media (MP3) dan kamera digital.

Indeks pengeluaran bagi komputer dan peralatan komputer menurun sebanyak 5.5 peratus kepada 145.9, berbanding 154.5 pada 2006.

Walau bagaimanapun, index pengeluaran wayar dan kabel meningkat sebanyak 11.8 peratus kepada 131.7 pada 2007, berbanding 117.8 peratus pada 2006. Peningkatan ini adalah hasil daripada pertambahan permintaan untuk wayar dan kabel bersalut. Indeks pengeluaran produk audio dan audio visual menurun sebanyak 11 peratus kepada 62.8 pada 2007, daripada 70.6 pada 2006.

Jualan

Pada 2007, jumlah jualan produk E&E menurun sebanyak 7.6 peratus ke 193 bilion, berbanding dengan RM209 bilion pada 2006. Penurunan ini adalah kesan daripada kekurangan permintaan produk

Jadual 5.9:
Jualan bagi Produk E&E Terpilih

Produk	2007 (RM bilion)	Perubahan (%)	2006 (RM bilion)
Industri E&E	**193.0**	**-7.6**	**209.0**
Semikonduktor dan komponen elektrik (peralatan semikonduktor, litar bersepadu, injap, pemasangan mikro, transisitor, dan lain-lain)	82.9	1.9	81.3
Komputer dan peralatan komputer	54.1	-19.9	67.6
Produk audio dan audio visual	35.1	-13.3	40.5
Wayar dan kabel	8.9	16.5	7.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.10:
Guna Tenaga bagi Subsektor E&E Terpilih

Subsektor	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Elektrik dan Elektronik	**372,165**	**-3.3**	**384,942**
Semikonduktor dan komponen elektrik (peralatan semikonduktor, litar bersepadu, injap, pemasangan mikro, transistor, dan lain-lain)	181,356	-7.2	195, 372
Komputer dan peralatan komputer	67,709	4.6	64,730
Produk audio dan audio visual	48,412	-8.1	52,689
Wayar dan kabel	13,738	-0.5	13,813

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

E&E dari pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah dan Jepun. Kelembapan ekonomi AS serta penurunan nilai Dolar AS turut menyebabkan permintaan import yang lemah kerana harga barangan import menjadi lebih mahal.

Walau bagaimanapun, jualan bagi semikonduktor dan komponen elektronik meningkat sebanyak 1.9 peratus kepada RM82.9 bilion daripada RM81.3 bilion pada 2006. Peningkatan ini adalah hasil daripada pemintaan yang lebih tinggi terhadap semikonduktor dan komponen elektronik seperti papan litar dicetak, litar bersepadu, *relays*, penyambung, diod, dan produk lampu LED, yang bertambah sebanyak 11 peratus.

Produk audio dan audio visual juga mencatatkan penurunan sebanyak 13.3 peratus kepada RM35.1 bilion pada 2007, berbanding RM40.5 bilion pada 2006. Penurunan ini adalah sebahagian daripada kesan penurunan eksport ke AS dan Jepun, pengukuhan nilai Ringgit dan persaingan produk-produk dari Repulik Rakyat China dan Republik Korea.

Walau bagaimanapun, jualan bagi wayar dan kabel meningkat sebanyak 16.5 peratus kepada RM8.9 bilion pada 2007, berbanding RM7.7 bilion pada 2006. Peningkatan ini hasil daripada permintaan yang tinggi ke atas wayar dan kabel kuasa elektrik, kesan daripada peningkatan permintaan dalam aktiviti subsektor pembinaan dan kediaman.

Guna Tenaga

Industri E&E menyediakan guna tenaga sebanyak 372,165 pekerja atau 33.8 peratus dari jumlah keseluruhan guna tenaga di dalam sektor perkilangan pada 2007. Walau bagaimanapun, guna tenaga di dalam industri E&E telah menurun sebanyak 3.3 peratus daripada 384,942 pekerja pada 2006. Penurunan ini disebabkan oleh perpindahan syarikat ke lokasi baru, skim pemisahan sukarela (VSS), aktiviti penyusunan semula syarikat dan penggunaan meluas automasi.

Guna tenaga di dalam subsektor semikonduktor dan komponen elektronik merosot sebanyak 7.2 peratus kepada 181,356 pekerja, berbanding dengan 195,372 pekerja pada 2006. Subsektor semikonduktor dan komponen elektronik menyumbang 48.8 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga di dalam industri E&E.

Guna tenaga bagi subsektor komputer dan peralatan komputer telah meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada 67,709 pekerja pada 2007, daripada 64,730 pekerja pada 2006. Peningkatan ini adalah hasil daripada permintaan yang lebih tinggi untuk peralatan elektronik terutamanya telefon bimbit dan produk berkaitan IT.

Guna tenaga di dalam subsektor produk audio dan audio visual menurun sebanyak 8.1 peratus kepada 48,412 pekerja pada 2007, berbanding dengan 52,689 pekerja pada 2006. Guna tenaga di dalam subsektor wayar dan kabel mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.5 peratus kepada 13,738 pekerja pada 2007, berbanding dengan 13,813 pekerja pada 2006.

Produktiviti

Pada 2007, tahap produktiviti di dalam industri E&E meningkat sebanyak 9.4 peratus kepada RM100,539, berbanding RM91,930 pada

Jadual 5.11:
Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor E&E Terpilih

Subsektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Industri E&E	**100.5**	**9.4**	**91.9**	**23.8**	**3.6**	**23.0**	**0.0383**	**-6.4**	**0.0409**
Peralatan semikonduktor	134.2	16.6	115.1	31.2	6.4	29.4	0.0538	-10.6	0.0602
Wayar dan kabel	121.1	19.3	101.5	19.5	8.6	17.9	0.0256	-23.9	0.0337
Komputer dan peralatan komputer	98.8	-6.3	105.4	21.4	-0.7	21.6	0.0190	0.9	0.0188
Injap elektronik dan tiub, papan litar dicetak dan komponen elektronik lain	72.3	14.2	63.3	20.7	2.4	20.3	0.0519	-2.8	0.0531
Produk audio dan audio visual	59.2	-0.04	59.2	25.0	4.8	23.9	0.0639	10.0	0.0581

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

2006. Antara subsektor yang mencatatkan peningkatan adalah subsektor wayar dan kabel sebanyak 19.3 peratus, alatan semikonduktor (16.6 peratus), injap elektronik dan tiub, papan litar dicetak dan lain-lain komponen elektronik (4.2 peratus). Peningkatan nilai ditambah dalam industri E&E disumbangkan oleh penggunaan operasi pengeluaran yang lebih maju, terutamanya dalam subsektor semikonduktor. Walau bagaimanapun, subsektor komputer dan peralatan komputer mencatatkan penurunan di dalam produktiviti sebanyak 6.3 peratus.

Daya saing kos buruh bagi industri E&E meningkat apabila Unit Kos Buruh menurun sebanyak 9.4 peratus, terutamanya bagi subsektor wayar dan kabel dan peralatan semikonduktor.

Pelaburan

Sebanyak 144 projek E&E diluluskan pada 2007, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM15.1 bilion, berbanding dengan RM10 bilion pada 2006. Pelaburan utama adalah di dalam subsektor semikonduktor dan komponen elektronik yang menerima pelaburan sebanyak RM10.7 bilion.

Pada 2007, pelaburan asing kekal sebagai sumber utama dengan nilai sebanyak 90.7 peratus atau RM13.7 bilion daripada jumlah pelaburan dalam industri E&E, manakala pelaburan domestik bernilai sebanyak 9.3 peratus atau RM1.4 bilion.

Walaupun berlaku kelembapan di dalam industri E&E global, industri ini menarik pelaburan asing tertinggi pada 2007. Sumber pelaburan asing utama adalah Jepun, dengan pelaburan bernilai RM4.4 bilion, Jerman (RM2.8 bilion), Singapura (RM1.5 bilion), Belanda (RM1.4 bilion) dan AS (RM1.3 bilion).

Pelaburan asing yang tinggi menunjukkan keyakinan pelabur asing ke atas potensi pertumbuhan jangka panjang industri di Malaysia. Peningkatan di dalam pelaburan asing akan dapat mempercepatkan perkembangan di dalam pengeluaran dan eksport elektronik pada masa akan datang.

Jadual 5.12:
Pelaburan dalam Industri E&E

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**144**	**- 15.3**	**170**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**15.1**	**51.0**	**10.0**
Asing (RM bil.)	13.7	59.3	8.6
Domestik (RM bilion)	1.4	- 7.1	1.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Pada 2007, eksport E&E menyumbang 44 peratus daripada jumlah eksport dan 58.9 peratus daripada jumlah eskport bagi sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, eksport E&E pada 2007 merosot sebanyak 5.2 peratus kepada RM266.5 bilion daripada RM281 bilion pada 2006.

Jadual 5.13:
Eksport Produk E&E Terpilih

Produk	2007			2006	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Eksport Keseluruhan Produk E&E	**266.5**	**100**	**-5.2**	**281.0**	**100**
Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan alat ganti	**93.1**	**35.0**	**-9.2**	**102.6**	**36.5**
Mesin pejabat	0.9	0.3	-0.6	0.9	0.3
Kelengkapan pemprosesan data automatik	55.5	20.8	-7.2	59.8	21.3
Alat ganti untuk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik	36.7	13.8	-12.2	41.8	14.9
Telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi	**45.1**	**17.0**	**-14.1**	**52.7**	**18.8**
Alat terima isyarat televisyen	4.7	1.8	-0.8	4.7	1.7
Alat terima isyarat radio	6.3	2.4	-6.4	6.7	2.4
Kelengkapan perakam bunyi	5.5	2.1	-28.2	7.7	2.7
Kelengkapan komunikasi dan alat ganti	28.8	10.8	-14.3	33.6	12.0
Mesin kuasa elektrik, radas dan perkakasan serta alat ganti	**128.0**	**48.0**	**1.8**	**125.7**	**44.7**
Mesin kuasa elektrik dan alat ganti	1.9	0.7	0.5	1.9	0.7
Radas elektrik untuk litar elektrik dan litar dicetak	14.0	5.3	-10.6	15.7	5.6
Kelengkapan untuk pengedaran elektrik	3.0	1.1	9.6	2.7	1.0
Radas elektro-diagnos perubatan dan radas radioligikal	0.4	0.1	17.6	0.3	0.1
Kelengkapan elektrik dan bukan elektrik rumah tanggat	3.5	1.3	11.4	3.2	1.1
Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, pemasangan mikro, transisitor, injap dan lain-lain.	96.5	36.2	3.2	93.5	33.3
Mesin kuasa elektrik dan radas	8.8	3.3	4.8	8.4	3.0

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Antara faktor yang menyumbang kepada kelembapan eksport E&E termasuk tekanan ke atas harga produk elektronik pengguna yang turut menyebabkan penurunan nilai jualan dan pengukuhan nilai Ringgit (dianggarkan sebanyak 7.7 peratus) pada 2007. Selain itu, persaingan dari Republik Rakyat China, Thailand dan Viet Nam, krisis pajakan sub-prime di AS, pemberian kredit yang ketat yang mempengaruhi had perbelanjaan pengguna di Jepun dan Eropah turut menyumbang kepada kelembapan eksport.

Eksport utama E&E adalah komponen elektronik, litar bersepadu, pemasangan mikro, transistor dan injap, yang menyumbang 36.2 peratus daripada jumlah eksport E&E bernilai RM96.5 bilion, dan mesin pemprosesan data automatik yang menyumbang sebanyak 20.8 peratus dengan nilai eksport RM55.5 bilion.

Eksport bagi semikonduktor meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada RM96.5 bilion, berbanding RM93.5 bilion pada 2006. Eksport semikonduktor ke AS meningkat sebanyak 13.4 peratus pada 2007 dengan nilai sebanyak RM13.5 bilion, berbanding dengan RM11.9 bilion pada 2006. Peningkatan ini adalah selari dengan pertambahan permintaan sedunia ke atas cip elektronik.

Eksport peralatan semikonduktor ke Republik Rakyat China juga meningkat berikutan pemindahan aktiviti perkilangan elektronik ke negara berkenaan. Peningkatan pendapatan dan taraf hidup di Republik Rakyat China telah mewujudkan permintaan yang lebih tinggi untuk produk elektronik yang menggunakan semikonduktor terutamanya produk elektronik pengguna seperti permainan video, muzik digital, paparan skrin leper dan peralatan tangan digital.

Peralatan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga mencatatkan peningkatan sebanyak 11.4 peratus kepada RM3.5 bilion pada 2007, berbanding dengan RM3.2 bilion pada 2006. Peningkatan ini disumbangkan oleh permintaan tinggi pengguna ke atas peralatan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga di seluruh dunia.

Mesin kuasa elektrik dan radas mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus kepada RM8.8 bilion, berbanding dengan RM8.4 bilion pada 2006. Peningkatan permintaan ke atas radas elektrik dan peralatan dan alat adalah hasil daripada permintaan yang semakin meningkat di dalam industri automotif dan sektor E&E.

Eksport mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik serta alat ganti merosot sebanyak 9.2 peratus kepada RM93.1 bilion pada 2007, daripada RM102.6 bilion pada 2006. Kemerosotan ini disebabkan permintaan yang lebih rendah bagi alat ganti untuk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik seperti mesin penyalin, mesin faksimili dan mesin taip.

Eksport bagi kelengkapan telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi juga merosot sebanyak 14.1 peratus kepada RM45.1 bilion pada 2007, berbanding RM52.7 bilion pada 2006. Kemerosotan ini disebabkan penawaran teknologi pelbagai fungsi dan kehadiran pembekal-pembekal lain ke dalam pasaran global seperti di Republik Korea dan Republik Rakyat China.

Di dalam konteks pasaran, AS kekal sebagai pasaran eksport terbesar bagi produk E&E Malaysia pada 2007. Eksport E&E ke AS telah menyumbang 26.4 peratus daripada jumlah eksport E&E, bernilai RM70.4 bilion. Jumlah ini merupakan penurunan sebanyak 18 peratus, berbanding RM85.9 bilion pada 2006.

Lain-lain destinasi eksport utama adalah Singapura yang menyumbang sebanyak 15.4 peratus daripada jumlah eksport E&E, Republik Rakyat China (9.3 peratus), Hong Kong SAR (7.6 peratus) dan Jepun (6.1 peratus). Pada 2007, eksport E&E ke Republik Rakyat China meningkat sebanyak 29.9 peratus kepada RM24.9 bilion, berbanding RM19.1 bilion pada 2006. Eksport E&E ke Republik Rakyat China yang menunjukkan peningkatan adalah peralatan semikonduktor, litar bersepadu, pemasangan transistor mikro, injap dan unit bersepadu monolitik digital.

Jadual 5.14:
Import Produk E&E Terpilih

Produk	2007			2006	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Jumlah Import Produk E&E	**203.9**	**100**	**-1.8**	**207.6**	**100**
Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan alat ganti	**37.1**	**18.2**	**-0.8**	**37.4**	**18.0**
Mesin Pejabat	0.4	0.2	10.5	0.3	0.2
Kelengkapan pemprosesan data automatik	10.2	5.0	-2.7	10.5	5.0
Alat ganti untuk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik	26.6	13.0	-0.2	26.6	12.8
Telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi	**16.8**	**8.3**	**0.6**	**16.7**	**8.0**
Alat terima isyarat televisyen	0.6	0.3	-0.3	0.6	0.3
Alat terima isyarat radio	0.3	0.1	-1.8	0.3	0.1
Kelengkapan perakam bunyi	1.2	0.6	-8.0	1.3	0.6
Kelengkapan komunikasi dan alat ganti	14.8	7.3	1.9	14.5	7.0
Mesin kuasa elektrik, radas dan perkakasan serta alat ganti	149.9	73.5	-2.3	153.5	73.9
Mesin kuasa elektrik dan alat ganti	3.8	1.8	4.6	3.6	1.7
Radas elektrik untuk litar elektrik dan litar dicetak	16.2	8.0	-8.2	17.7	8.5
Kelengkapan untuk pengedaran elektrik	2.4	1.2	6.1	2.2	1.1
Radas elektro-diagnos perubatan dan radas radioligikal	0.5	0.2	31.1	0.4	0.2
Kelengkapan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga	1.2	0.6	7.5	1.2	0.6
Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, pemasangan mikro, transisitor, injap dan lain-lain.	111.5	54.7	-2.8	114.7	55.3
Mesin kuasa elektrik dan radas	14.2	7.0	4.5	13.7	6.6

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import

Pada 2007, import E&E mengucup sebanyak 1.8 peratus kepada RM203.9 bilion, daripada RM207.6 bilion pada 2006, disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi komponen dan peralatan serta produk siap. Sumber utama bagi import E&E pada 2007 adalah daripada Republik rakyat China yang menyumbang 17.8 peratus daripada jumlah import E&E dengan nilai RM36.2 bilion, manakala import dari AS berjumlah 14 peratus atau RM28.4 bilion. Lain-lain sumber import E&E adalah dari Jepun (11.9 peratus), Singapura (10.6 peratus) dan Taiwan (8.9 peratus).

Import utama E&E pada 2007 adalah mesin elektrik, radas dan perkakasan serta peralatan, menyumbang 73.5 peratus daripada jumlah import E&E. Import bagi mesin elektrik, radas dan perkakasan serta peralatan merosot sebanyak 2.3 peratus kepada RM149.9 bilion pada 2007, berbanding RM153.5 bilion pada 2006.

Import mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan peralatan juga mengalami penurunan sebanyak 0.8 peratus kepada RM37.1 bilion, daripada RM37.4 bilion pada 2006. Kemerosotan import produk E&E disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi kelengkapan pemprosessan data automatik seperti mesin penyalin dan mesin faksimili. Import bagi peralatan telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi meningkat 0.6 peratus kepada RM16.8 bilion pada 2007, berbanding RM16.7 bilion pada 2006.

Perkembangan

Sehingga Disember 2007, Jawatankuasa Standard Industri bagi Elektroteknikal (ISCE) telah membangun dan mengaplikasikan sejumlah 732 standard bagi produk E&E. Daripada jumlah ini, 57 adalah standard mandatori, manakala 675 adalah standard sukarela.

Jawatankuasa bagi Standard Mandatori Industri (CMIS) yang diterajui oleh MITI telah mencadangkan pembangunan standard bagi wayar dan kabel berdasarkan kepada standard Jawatankuasa Elektroteknikal Antarabangsa (IEC). Standard bagi wayar dan kabel akan dijadikan mandatori sebaik sahaja diguna pakai menjadi Standard Malaysia dan akan merangkumi produk seperti kabel dan kabel tenaga, wayar dan *wire harness*, kord telefon dan kord tenaga.

Buat masa ini, Suruhanjaya Tenaga menguatkuasakan standard mandatori bagi kabel, wayar dan kord bersaiz 0.5mm^2 hingga 35mm^2. Standard berkenaan adalah MS 140:1987 atau BS 6500:1984, MS136:1987 atau BS 6004:1984 dan MS 136:1995 atau BS 6004:1991.

Pada ketika ini, terdapat 30 baris tarif bagi produk E&E seperti pita magnetik dan kelengkapan perakam bunyi, wayar dan kabel, mesin penyalin dan peralatan pelbagai fungsi, peralatan penggera dan radas isyarat yang tertakluk kepada lesen import. Lesen ini dikekalkan bagi tujuan keselamatan dan pemantauan. Keperluan lesen import bagi lapan baris tarif untuk pita magnetik dan kelengkapan perakam bunyi akan dimansuhkan pada 2008 dan bagi 13 baris tarif untuk wayar dan kabel akan dimansuhkan selepas penggunaan standard mandatori.

Malaysia telah mengurangkan tarif import ke atas produk E&E di bawah pelbagai inisiatif Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Kadar CEPT semasa yang melibatkan 496 baris tarif adalah seperti berikut:

Kadar CEPT	Jumlah Baris Tarif	Jumlah Baris Tarif (%)
0	236	47.6
2	4	0.8
5	256	51.6
-	496	100

Tarif import bagi 496 baris tarif E&E akan dimansuhkan pada 2011 di bawah FTA ASEAN-Korea (AKFTA) bagi Perdagangan Barangan yang telah berkuatkuasa pada 1 Jun

2007. Komitmen Malaysia ke atas pengurangan tarif di bawah AKFTA adalah:

Tahun	Kadar AKFTA	Jumlah Baris Tarif	Jumlah Baris Tarif (%)
2007	0-5	318	4.1
	8	3	0.6
	10	54	10.9
	13	121	24.4
2008	0-5	343	69.2
	8	32	6.4
	10	121	24.4
2009	0-5	496	100
2010	0-5	496	100
2011	0	496	100
2012	0	496	100

Di bawah FTA ASEAN-China (ACFTA), tarif bagi E&E akan dimansuhkan pada 2012. Komitmen Malaysia ke atas pengurangan tarif di bawah ACFTA adalah:

Tahun	Kadar ACFTA	Jumlah Baris Tarif	Jumlah Baris Tarif (%)
2006	0-5	330	66.5
	10-5	69	13.9
	20	97	19.6
2007	0-5	322	64.9
	8	68	13.7
	12	106	2.4
2008	0-5	496	100
2009	0-5	496	100
2010	0-5	496	100
2011	0	496	100
2012	0	496	100

Di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA), sebanyak 496 baris tarif bagi produk E&E akan dikurangkan kepada kosong peratus pada 2016. Pada 2007, sebanyak 64.9 peratus atau 322 baris tarif adalah pada kosong peratus.

Tahun	Kadar MAJEPA	Jumlah Baris Tarif	Jumlah Baris Tarif (%)
2006	0	321	64.7
	1-20	98	19.8
	21-50	77	15.5
2007	0	321	64.7
	1-20	109	22
	21-50	66	13.3
2008	0	322	64.9
	1-20	163	32.9
	21-50	11	2.2
2009	0	322	65
	1-20	173	34.7
	21-50	1	0.3

Sambungan...

Tahun	Kadar MAJEPA	Jumlah Baris Tarif	Jumlah Baris Tarif (%)
2010	0	323	65
	1-20	172	34.7
	21-50	1	0.3
2011	0	331	66.7
	1-20	164	33.1
	21-50	1	0.2
2012	0	331	66.7
	1-5	158	31.9
	10-15	6	1.2
	30.9	1	0.2
2013	0	489	98.6
	8.2	6	1.2
	28.2	1	0.2
2014	0	489	98.6
	5.5	6	1.2
	22.5	1	0.2
2015	0	489	98.6
	2.7	6	1.2
	22.7	1	0.2
2016	0	495	99.8
	20	1	0.2

Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) yang dimeterai pada 1996 bertujuan menyediakan akses pasaran bagi ahli-ahlinya dan memerlukan duti import dimansuhkan bagi lebih daripada 180 produk IT. Prinsip asas di dalam perjanjian ITA adalah:

- semua produk yang disenarai di dalam deklarasi mestilah merangkumi segala pengurangan/pemansuhan;
- semua produk akan dikurangkan kepada aras tariff kosong; dan
- semua duti dan caj disandarkan kepada kosong.

Sebanyak 70 ahli WTO yang mewakili 97 peratus perdagangan dunia dalam barangan berteknologi tinggi, telah bersetuju untuk mematuhi ITA. Terdapat kebimbangan terhadap tindakan Kesatuan Eropah (EU) yang memutuskan untuk meminda klasifikasi tarifnya ke atas sesetengah barangan IT dan tidak lagi menjamin tariff pada kadar kosong untuk produk-produk tersebut. EU mempertahankan bahawa mereka berhak menetapkan tarif ke atas produk yang tidak wujud semasa ITA dimeterai.

Kesan daripada keputusan EU melaksanakan klasifikasi semula, banyak produk-produk di

bawah ITA telah dan akan diklasifikasikan ke dalam kategori yang boleh dicukai oleh Kastam. Sebagai contoh, kamera digital disenaraikan di bawah produk ITA manakala kamera video tidak disenaraikan. EU telah mengklasifikasikan semula tiga produk ITA berkuatkuasa 1 Januari 2007, yang menyebabkan produk-produk tersebut tidak lagi berada di bawah produk ITA dan dikenakan duti import. Tiga produk tersebut adalah:

- pencetak pelbagai fungsi (6 peratus duti import) berkuatkuasa 1 Januari 2007;
- kelengkapan pemprosesan data automatik (6 peratus duti import), berkuatkuasa 1 Januari 2010; dan
- panel paparan leper (14 peratus duti import), berkuatkuasa 1 Januari 2010

EU dijangka akan mengklasifikasi semula sekurang-kurangnya 2 lagi produk ITA, iaitu *set top boxes* (5 peratus duti import) dan kamera digital (4.9 peratus duti import). EU telah menyatakan kesediaannya untuk menyemak semula skop ITA untuk memasukkan produk IT yang baru di bawah mekanisme sedia ada ke dalam ITA. Malaysia berpendapat, semakan semula tersebut hendaklah tidak terhad kepada kepentingan komersil sesebuah negara, tetapi perlu dilaksanakan di peringkat pelbagaihala.

INDUSTRI KELENGKAPAN PENGANGKUTAN

Industri kelengkapan pengangkutan terdiri daripada subsektor automotif (termasuk kenderaan bermotor, motosikal dan alat ganti dan komponen), aeroangkasa dan marin.

Subsektor Automotif

Segmen Kenderaan Bermotor

Pengeluaran

Jumlah pengeluaran kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan pada 2007 merosot 12.2 peratus kepada 441,678 unit berbanding 503,248 unit pada 2006. Pada 2007, pengeluaran kenderaan penumpang adalah 403,245 unit atau 91.3 peratus, manakala kenderaan perdagangan pula sebanyak 38,433 unit dengan menyumbang 8.7 peratus daripada jumlah pengeluaran. Pengeluaran kenderaan penumpang merosot 16.1 peratus daripada 480,627 unit, manakala bagi kenderaan perdagangan pula meningkat sebanyak 69.9 peratus daripada 22,621 unit pada 2006. Kemerosotan dalam jumlah pengeluaran keseluruhan antaranya adalah disebabkan oleh tindakan penyesuaian tahap pengeluaran oleh industri berdasarkan stok yang berlebihan pada 2006.

Dalam segmen kenderaan penumpang, jumlah pengeluaran oleh pengeluar nasional adalah 268,791 unit dan syarikat pemasang 134,454 unit. Pengeluaran kenderaan nasional merosot 8.2 peratus daripada 292,782 unit pada 2006, sementara pengeluaran daripada syarikat pemasang merosot 28.4 peratus daripada 187,845 unit pada 2006.

Pengeluaran kenderaan perdagangan oleh pengeluar meningkat 7.1 peratus kepada 7,495 unit daripada 6,999 unit pada 2006. Pengeluaran oleh syarikat pemasang pula meningkat 98 peratus kepada 30,938 unit, berbanding 15,622 unit. Jumlah kapasiti terpasang kenderaan kekal pada 963,300 unit pada 2007. Kadar penggunaan kapasiti merosot 45.9 peratus, berbanding 52.2 peratus pada 2006.

Jadual 5.15:
Pengeluaran Kenderaan Bermotor

Segmen	2007 (Unit)	Perubahan (%)	2006 (Unit)
Jumlah	**441,678**	**-12.2**	**503,248**
Kenderaan penumpang[1]	403,245	-16.1	480,627
Pengeluar	268,791	-8.2	292,782
Pemasang	134,454	-28.4	187,845
Kenderaan perdagangan	38,433	69.9	22,621
Pengeluar	7,495	7.1	6,999
Pemasang	30,938	98.0	15,622

Sumber: Diklasifikasikan semula berdasarkan data daripada Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Nota: [1] Termasuk van, kenderaan pelbagai guna, kenderaan utiliti sukan dan kenderaan pacuan empat roda

Jadual 5.16:
Penggunaan Kapasiti bagi Kenderaan Bermotor

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah kapasiti terpasang (unit)	**963,300**	**-**	**963,300**
Pengeluaran (unit)	441,678	-12.2	503,248
Kadar penggunaan kapasiti (%)	45.9	-12.1	52.2

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Jualan

Jualan keseluruhan kenderaan bermotor pada 2007 merosot 3.6 peratus kepada RM13.1 bilion, berbanding RM13.6 bilion pada 2006. Jumlah jualan kenderaan bermotor yang dicatatkan adalah 487,176 unit di mana kenderaan penumpang dijual sebanyak 442,885 unit dan kenderaaan perdagangan pula 44,291 unit. Jualan kenderaan penumpang merosot 5.1 peratus daripada 466,849 unit pada 2006, manakala kenderaan perdagangan pula meningkat 85.2 peratus daripada 23,919 unit pada 2006. Jumlah jualan kenderaan bermotor pada 2007 merosot 0.7 peratus berbanding pada 2006.

Kenderaan penumpang menyumbang 90.9 peratus daripada jumlah jualan kenderaan bermotor manakala kenderaan perdagangan pula 9.1 peratus. Jualan kenderaan nasional mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9 peratus kepada 284,177 unit, berbanding 271,028 unit pada 2006. Jualan kenderaan bukan nasional pula adalah 158,708 unit pada 2007, mencatatkan penurunan 19 peratus daripada 195,821 unit pada 2006.

Kenderaan perdagangan oleh syarikat pemasang terus menguasai pasaran tempatan pada 2007, dengan mencatatkan jualan sebanyak 39,272 unit. Terdapat peningkatan 71.7, peratus, berbanding 22,874 unit yang dijual pada 2006. Pengeluar mencatatkan peningkatan jualan empat kali ganda kepada 5,019 unit daripada 1,045 unit pada 2006. Peningkatan jualan pada 2007 berpunca daripada permintaan yang lebih tinggi ke atas kenderaan perdagangan ringan.

Pada 2007, jualan kenderaan bermotor di ASEAN meningkat 8 peratus kepada 1,872,317 unit berbanding 1,728,938 unit pada 2006. Di rantau ASEAN, Malaysia kekal sebagai pasaran kenderaan penumpang terbesar dengan jumlah 442,885 unit atau 23.7 peratus daripada keseluruhan pasaran kenderaan penumpang. Indonesia merupakan pasaran kedua terbesar dengan jualan sebanyak 314,769 unit dan Thailand mencatatkan jualan 170,118 unit. Ini diikuti oleh Singapura (110,814 unit), Filipina (41,214 unit) dan Viet Nam (40,115 unit). Bagi kenderaan perdagangan yang merangkumi kenderaan pacuan empat roda dan trak *pick-up*, Thailand merupakan pasaran jualan terbesar dengan 461,133 unit, diikuti oleh Indonesia (118,572 unit), Filipina (76,689 unit), Malaysia (44,291 unit) dan Singapura (11,440 unit).

Jadual 5.17:
Jualan Kenderaan Bermotor

Segmen	2007 (Unit)	Perubahan (%)	2006 (Unit)
Jumlah	**487,176**	**-0.7**	**490,768**
Kenderaan penumpang	**442,885**	**-5.1**	**466,849**
Pengeluar	284,177	4.9	271,028
Pemasang	158,708	-19.0	195,821
Kenderaan perdagangan	**44,291**	**85.2**	**23,919**
Pengeluar	5,019	380	1,045
Pemasang	39,272	71.7	22,874

Sumber: Diklasifikasikan semula berdasarkan data daripada Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga industri kenderaan bermotor meningkat 3.8 peratus kepada 21,794 pekerja daripada 20,995 pekerja pada 2006. Peningkatan guna tenaga adalah selaras dengan peningkatan pengeluaran model-model baru yang diperkenalkan pada suku keempat 2007, disebabkan peningkatan permintaan daripada pelanggan.

Pelaburan

Sejumlah 36 projek bernilai RM342.6 juta telah diluluskan bagi industri kenderaan bermotor pada 2007. Jumlah pelaburan domestik bernilai RM328.7 juta atau 95.9 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan manakala pelaburan asing berjumlah RM13.9 juta (4.1 peratus).

Enam projek telah diluluskan bagi aktiviti perkilangan dan pemasangan bernilai RM62.9 juta.

Jadual 5.18:
Pelaburan bagi Kenderaan Bermotor

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. Projek Diluluskan	**36**	**-29.4**	**51**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**342.6**	**-36.1**	**536.3**
Domestik (RM juta)	328.7	-11.3	370.4
Asing (RM juta)	13.9	-91.6	165.9

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport
Eksport kenderaan bermotor meningkat 19.4 peratus kepada RM764.2 juta pada 2007, daripada RM640.2 juta pada 2006. Eksport kenderaan penumpang meningkat 16.9 peratus kepada RM541.2 juta pada 2007 daripada RM462.7 juta pada 2006. Eksport kenderaan perdagangan pula meningkat 25.6 peratus kepada RM222.9 juta daripada RM177.5 juta pada 2006. Pada 2007, destinasi eksport utama kenderaan penumpang ialah United Kingdom (UK), yang menyumbang RM109 juta, diikuti Iran (RM74.6 juta), Indonesia (RM61.3 juta), Republik Arab Syria (RM39.5 juta) dan Australia (RM18.5 juta).

Import
Import bagi kenderaan bermotor merosot 11.7 peratus kepada RM5,256.5 juta daripada RM6,050.4 juta pada 2006. Jumlah keseluruhan kenderaan penumpang yang diimport adalah RM3,574.9 juta, manakala kenderaan perdagangan pula RM1,681.6 juta. Sumber import utama kenderaan penumpang ialah Jepun, dengan import bernilai RM2,341.4 juta, Jerman (RM648.5 juta), Republik Korea (RM432.5 juta) dan UK (RM49.9 juta).

Segmen Motosikal
Segmen motosikal diklasifikasikan kepada motosikal jenis *mopeds, skuter, street bikes* dan *cruisers*. Ketika ini, terdapat hanya satu pengeluar tempatan motosikal dan sembilan syarikat pemasang.

Pengeluaran
Pengeluaran motosikal pada 2007 meningkat 3.2 peratus kepada 446,415 unit daripada 432,399 unit pada 2006.

Penggunaan Kapasiti
Jumlah kapasiti terpasang bagi pengeluaran motosikal pada 2007 adalah 689,000 unit. Kadar penggunaan kapasiti meningkat kepada 64.8 peratus, berbanding 62.8 peratus pada 2006.

Jualan
Jualan motosikal mencatatkan peningkatan 6.4 peratus kepada 449,673 unit, berbanding 422,606 unit pada 2006.

Jadual 5.20:
Jualan Motosikal

Butiran	2007 (Unit)	Perubahan (%)	2006 (Unit)
Jumlah	**449,673**	**6.4**	**422,606**
Pengeluar	48,017	-23.0	62,382
Pemasang	401,656	11.5	360,224

Sumber: Persatuan Motosikal dan Skuter Malaysia (MASAAM)

Guna Tenaga
Guna tenaga dalam segmen motosikal merosot 2.3 peratus kepada 6,700 pekerja, berbanding 6,861 pekerja pada 2006.

Eksport
Eksport motosikal, terutamanya dalam bentuk *completely knock-down* (CKD) meningkat 54.7 peratus kepada RM169.5 juta, berbanding RM109.6 juta pada 2006. Destinasi eksport

Jadual 5.19:
Eksport dan Import Kenderaan Bermotor

Segmen		2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**Eksport**	**764.2**	**19.4**	**640.2**
	Import	**5,256.5**	**11.7**	**6,050.4**
Kenderaan penumpang	Eksport	541.2	16.9	462.7
	Import	3,574.9	-22.7	4,623.3
Kenderaan perdagangan	Eksport	222.9	25.6	177.5
	Import	1,681.6	17.8	1,427.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

utama motosikal ialah Sri Lanka, dengan nilai eksport RM102.6 juta, Greece (RM20.2 juta), Mesir (RM13 juta), dan Iran (RM7 juta).

Import
Import motosikal pada 2007 mencatatkan peningkatan 103.5 peratus kepada RM174.2 juta, berbanding RM85.6 juta pada 2006. Sumber import utama ialah Thailand berjumlah RM50.5 juta, Jepun (RM47.9 juta), Indonesia (RM35.3 juta) dan Republik Rakyat China (RM16.9 juta).

Segmen Komponen dan Alat Ganti Automotif
Pada 2007, terdapat lebih 500 pengeluar komponen dan alat ganti automotif serta motosikal/skuter yang mengeluarkan lebih daripada 4,000 komponen. Daripada jumlah keseluruhan pengeluar komponen dan alat ganti automotif, 226 merupakan vendor PROTON dan 137 vendor PERODUA. Selain daripada vendor tempatan, terdapat juga pengeluar komponen automotif asing yang beroperasi di Malaysia.

Indeks pengeluaran komponen dan alat ganti automotif merosot sebanyak 5.3 peratus kepada 175.7 pada 2007, daripada 185.5 pada 2006, selari dengan penurunan pengeluaran kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan.

Jualan
Pada 2007, jualan komponen dan alat ganti automotif meningkat 5.8 peratus kepada RM5.5 bilion berbanding RM5.2 bilion pada 2006.

Guna Tenaga
Terdapat sejumlah 24,467 pekerja dalam segmen komponen dan alat ganti automotif, berbanding 24,939 pekerja pada 2006 dengan penurunan sebanyak 1.9 peratus. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan pengeluaran keseluruhan kenderaan bermotor.

Pelaburan
Pada 2007, 30 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM279.7 juta telah diluluskan bagi mengeluarkan komponen dan alat ganti automotif.

Eksport
Pada 2007, eksport komponen dan alat ganti automotif mencatatkan peningkatan 17.4 peratus kepada RM2.7 bilion, daripada RM2.3 bilion pada 2006. *Steering wheels* dan *steering columns*, rim, bumper, brek, radiator, penyerap hentakan dan *clutches* dieksport ke destinasi utama seperti Thailand, dengan nilai eksport RM329.1 juta, Taiwan (RM321.6 juta), Singapura (RM316.3 juta), Indonesia (RM226.9 juta) dan UK (RM165.2 juta).

Import
Import bagi komponen dan alat ganti automotif meningkat 4.7 peratus kepada RM4.5 bilion daripada RM4.3 bilion pada 2006. Thailand merupakan sumber import utama bagi komponen dan alat ganti automotif merangkumi 48.8 peratus atau RM2 bilion daripada jumlah import keseluruhan. Ini diikuti oleh Jepun (RM630.9 juta), Jerman (RM584.6 juta), Indonesia (RM503.1 juta) dan Republik Rakyat China (RM203.4 juta).

Produktiviti dalam Subsektor Automotif
Produktiviti subsektor automotif meningkat 6.5 peratus kepada RM112,336 pada 2007, berbanding RM105,474 pada 2006. Permintaan terhadap segmen motosikal dan skuter serta segmen komponen dan alat ganti automotif yang tinggi telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan kapasiti bagi subsektor ini. Subsektor automotif berjaya mengekalkan daya saing kos buruhnya menerusi penurunan Unit Kos Buruh kepada 1.8 peratus. Ketika semua segmen merekodkan peningkatan pada produktiviti, hanya segmen alat ganti dan aksesori automotif serta motosikal dan skuter yang berjaya mengekalkan daya saing kos buruh. Ini ditunjukkan menerusi penurunan 17.2 peratus dan 10.3 peratus masing-masing pada Unit Kos Buruh setiap segmen.

Perkembangan
Pada 2007, projek baru dan pembesaran yang diluluskan termasuk dua projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM138.3 juta bagi pengeluaran modul automotif, dua projek bernilai RM4.5 juta bagi pengeluaran enjin dan alat ganti transmisi, serta satu projek berjumlah RM10 juta bagi mengeluarkan kenderaan memadam kebakaran.

Jadual 5.21:
Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor Automotif

Subsektor/ Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Subsektor Automotif	**112.3**	**6.5**	**105.5**	**25.3**	**5.9**	**23.9**	**0.0618**	**-1.8**	**0.0629**
Kenderaan bermotor	165.6	2.9	160.9	30.9	4.1	29.7	0.0516	7.8	0.0479
Motosikal dan skuter	74.5	9.3	68.2	21.4	7.5	19.9	0.0807	-17.2	0.0974
Alat ganti dan aksesori	72.9	9.6	66.5	21.1	2.9	20.5	0.0681	-10.3	0.0759

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan kemahiran adalah antara teras penting untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk bagi subsektor automotif. Pada 2007, seramai 1,629 pelatih telah mengikuti pelbagai program automotif. Bagi meningkatkan kemahiran praktikal menerusi program yang dilalui, 467 pelatih telah menjalani latihan industri di enam syarikat automotif di bawah Skim Latihan Dual Nasional (NDTS) yang dikelolakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Bagi meningkatkan daya saing pengeluar komponen dan alat ganti, termasuk promosi dan pembangunan dan pengilangan komponen sepunya, PROTON telah mengurangkan jumlah vendor dari 250 kepada 226 dan mewujudkan tujuh pakatan strategik bersama vendor automotif asing. Jumlah vendor tempatan akan dikurangkan secara progresif kepada 120 menjelang 2010.

Dari segi pensijilan kualiti, sehingga kini 50 syarikat pengeluar komponen dan alat ganti automotif tempatan telah mendapat pensijilan TS16949, yang akan membantu syarikat-syarikat ini untuk memasarkan produk keluaran mereka dengan lebih kompetitif.

Skim Pinjaman Mudah Pembangunan Automotif telah dilancarkan pada 2007. Objektif skim ini adalah untuk menyediakan pinjaman mudah kepada pengeluar komponen dan alat ganti automotif untuk tujuan penggabungan dan pengambilalihan, pembelian perkakasan baru, pensijilan dalam peningkatan produktiviti seperti TS16949 dan ISO14001, dan promosi eksport termasuk pengujian komponen dan alat ganti automotif serta menghantar contoh ke luar negara untuk pengujian. Skop pinjaman yang ditawarkan telah diperluaskan untuk menyokong aktiviti pembiayaan semula bagi pembelian perkakasan dengan jumlah pinjaman maksimum bagi setiap permohonan telah ditambah daripada RM5 juta kepada RM10 juta. Pada 2007, 12 permohonan bernilai RM52.9 juta telah diluluskan.

Di bawah Program Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO), 19 pakar dari Jepun telah dihantar ke Malaysia untuk program latihan kemahiran dan peningkatan kemudahan pengujian. Di bawah program ini, 19 syarikat telah dilatih dengan *Lean Production System*, seramai 118 pelatih telah menamatkan kursus dari *Advanced Technology Centre* dan seramai 47 personel automotif telah menjalani latihan di Jepun. Sementara itu, program pembangunan perniagaan telah membolehkan pengeluar komponen dan alat ganti Malaysia mewujudkan hubungan dengan pengeluar automotif dari Jepun disamping mencari peluang untuk bekerjasama. Antara penambahbaikan bagi program ini yang dijangka dilaksanakan pada 2008, termasuk menambah penglibatan vendor Malaysia yang tidak mempunyai kaitan teknikal dengan pengeluar Jepun, latihan melalui *Lean Production System* dalam meluaskan rekaan dan pembangunan produk, serta keseluruhan proses kejuruteraan. Usaha ini turut melibatkan tenaga pakar dari Jepun serta kakitangan SIRIM yang terlatih bagi memberikan khidmat nasihat dan konsultasi meliputi kursus jangka pendek kepada syarikat-syarikat Malaysia.

Kerajaan sedang mengkaji semula Peraturan Pembinaan dan Penggunaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan untuk mengenakan standard mandatori berdasarkan *United Nations Economic Commission for Europe Working Party 29* (UNECE WP29). Ini adalah selari dengan penyertaan Malaysia menerusi Perjanjian UNECE WP29 1958 dan 1998, pada April 2006. Standard mandatori ini akan dikenakan kepada pemasang kenderaan bermotor tempatan serta komponen dan alat ganti automotif yang dijual di pasaran.

Subsektor Aeroangkasa

Terdapat empat bidang fokus utama dalam subsektor ini, iaitu perkilangan komponen dan alat ganti, penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), avionik dan system bersepadu dan latihan aeroangkasa. Pada 2007, terdapat tujuh pengeluar komponen dan alat ganti pesawat dan 28 syarikat yang terlibat di dalam aktiviti MRO. Daripada 28 syarikat yang terlibat dalam aktiviti MRO, 12 syarikat terlibat dalam pengujian, pembaikan dan baik pulih pesawat, manakala 12 syarikat lagi menyediakan penyelenggaraan berat dan empat syarikat terlibat dalam penyelenggaraan enjin serta alat ganti enjin.

Industri aeroangkasa Malaysia telah meningkat sehingga dua kali ganda dari segi pulangan pendapatan daripada RM10.8 bilion pada 2001 kepada RM21.5 bilion pada 2006. Aktiviti pengeluaran pesawat komersil meliputi pengeluaran komponen dan alat ganti, avionik dan sistem bersepadu. MRO masih lagi kekal sebagai penyumbang utama dengan sumbangan 82 peratus daripada keseluruhan pendapatan subsektor aeroangkasa. Malaysia mensasarkan untuk menguasai 5 peratus daripada syer pasaran global MRO menjelang 2015. Ketika ini, pegangan syer Malaysia terhadap pasaran global MRO hanyalah pada 2.6 hingga 2.7 peratus.

Pelaburan

Pada 2007, lima projek bernilai RM299.7 juta telah diluluskan bagi subsektor aeroangkasa. Pelaburan domestik berjumlah RM153.5 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM146.2 juta. Pelaburan utama adalah dalam segmen MRO.

Eksport

Eksport bagi komponen dan alat ganti pesawat pada 2007 adalah RM2.9 bilion, meningkat 81 peratus berbanding RM1.6 bilion pada 2006. Destinasi eksport utama ialah Singapura, dengan eksport bernilai RM999.9 juta, AS (RM517.3 juta) dan UK (RM390.9 juta).

Import

Import bagi kelengkapan dan alat ganti pesawat merosot sebanyak 12 peratus kepada RM5.2 bilion pada 2007, berbanding RM5.9 bilion pada 2006. Sumber import utama ialah Perancis, dengan import bernilai RM3.4 bilion, AS (RM962 juta) dan Singapura (RM288.7 juta).

Perkembangan

Pada 2007, kemajuan signifikan yang dicapai dalam subsektor ini adalah pengukuhan pada segmen MRO. Ini termasuklah kontrak yang telah ditandatangani bagi membekalkan komponen *composite airframe* bernilai RM1 bilion, penyenggaraan *airframe* oleh penyedia perkhidmatan tempatan MRO bernilai RM50 juta setahun dan kerjasama di antara dua syarikat bagi mewujudkan pusat baik pulih komposit.

Agensi Aeroangkasa Kebangsaan (ANGKASA), sebagai agensi yang mengetuai pembangunan subsektor aeroangkasa telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan segmen ini. Antaranya termasuklah program ANGKASAWAN dan pembinaan satelit yang akan memberikan faedah *economic spin-off* kepada peyelidikan saintifik dan pembangunan industri telekomunikasi. Projek Angkasawan pertama telah dilancarkan pada Oktober 2007 dan perancangan bagi projek kedua sedang dibuat.

Malaysia akan memberi fokus untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang sains dan penyelidikan aeroangkasa bersama agensi aeroangkasa asing. Ketika ini, Malaysia telah menjalankan kerjasama bersama *Tsukuba Space Centre* dari *Japan Space Exploration Agency*.

Subsektor Marin
Subsektor marin terdiri dari pembinaan dan baik pulih kapal dan bot, kerja-kerja kejuruteraan dan fabrikasi kapal persiaran. Pada 2007, terdapat enam pusat yang menjalankan aktiviti pembinaan, baik pulih dan aktiviti fabrikasi logam berskala besar bagi kapal serta 70 syarikat berskala kecil. Syarikat pembinaan kapal terbesar di Malaysia mempunyai kemampuan untuk membina kapal dengan kapasiti sehingga 30,000 *dead weight tonnes (DWT)*, manakala syarikat pembinaan kapal bersaiz kecil dan sederhana berkeupayaan untuk mengeluarkan bot persiaran, feri, bot penarik, bot pengangkut, dan bot ronda.

Pelaburan
Pada 2007, 10 projek baru telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM346.7 juta. Sembilan daripada keseluruhan projek ini adalah milik rakyat Malaysia yang menjalankan aktiviti pembinaan kapal, baik pulih kapal dan pengeluaran kapal persiaran serta produk-produk fabrikasi dengan nilai pelaburan sebanyak RM228.3 juta.

Eksport
Pada 2007, eksport bagi subsektor ini merosot 71 peratus kepada RM996.6 juta daripada RM3.4 bilion pada 2006. Destinasi eksport utama ialah India, dengan nilai eksport RM272.1 juta, Singapura (RM232.1 juta) dan Indonesia (RM170.5 juta).

Import
Import bagi subsektor ini merekodkan peningkatan 93 peratus kepada RM5.6 bilion, berbanding RM2.9 bilion pada 2006. Sumber import utama adalah Jepun, dengan nilai import RM2.1 bilion, Republik Korea (RM1.2 bilion) dan Liberia (RM1 bilion).

Produk utama yang diimport adalah kapal ringan, *fire floats, dredgers, floating cranes* dan *floating* atau *submersible oil drilling* dan *production platforms*.

Perkembangan
Pada 2007, kejayaan yang telah di capai termasuk peningkatan kemampuan pengeluar tempatan untuk membina kapal-kapal kecil dan bersaiz sederhana serta aktiviti baik pulih dan penyenggaraan kapal. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) telah membiayai pembelian 17 buah kapal dengan berat 30,000 DWT dan ke bawah bernilai RM117.5 juta. BPMB turut menyediakan pembiayaan di bawah Tabung Pembiayaan Perkapalan Malaysia kepada empat syarikat sejak 2006 untuk membiayai projek yang dilaksanakan oleh pembuat-pembuat kapal tempatan. Sehingga akhir 2007, ahli-ahli Persatuan Pemilik-pemilk Kapal Malaysia (MASA) telah mengambil inisiatif dengan melabur dalam pembinaan 694 buah kapal dengan jumlah berat kasar sebanyak 7.4 juta tan.

Pada 2007, dalam usaha untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam industri, Akademi Laut Malaysia (ALAM) melalui kursus rekacipta dan pembinaan kapalnya telah melahirkan 46 graduan kejuruteraan dan 152 graduan kejuruteraan *post-sea* dalam bidang *naval architecture* dan pembinaan kapal.

INDUSTRI PETROKIMIA DAN KIMIA

Industri petrokimia dan kimia merangkumi dua subsektor, iaitu subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik, dan subsektor kimia industri asas dan produk kimia. Industri ini kekal sebagai penyumbang kedua terbesar daripada jumlah eksport pada 2007 dengan syer 7.4 peratus daripada jumlah eksport.

Subsektor bagi industri petrokimia meliputi:

- resin gred komoditi: *resin polyethylene* (PE), resin *polypropylene* (PP), resin *polyvinyl chloride* (PVC), resin *polyester* dan *polystyrene* (PS);

- resin plastik gred kejuruteraan: resin *acrylonitrile-butadiene* (ABS), resin *polyoxymethylene* (POM), resin *polybutylene terephathalate* (PBT) dan resin *polyester co-polymer* (PETG);

- bahan campuran petrokimia: *ethylene oxide* (EO), *butanols* dan asid acetic ; dan

- *speacilised* dan *fine chemicals*: pengawet makanan dan bahan mentah bagi farmaseutikal.

Jadual 5.22:
Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih bagi Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Subsektor	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah	**166.7**	**3.0**	**161.8**
Produk petroleum	**165.5**	**5.4**	**157.0**
Produk petroleum ditapis	169.0	5.4	160.4
Bahan plastik asas dan getah sintetik	127.5	5.8	120.5
Produk plastik	**170.3**	**-3.0**	**175.5**
Beg plastik dan filem	207.2	-11.7	234.6
Produk plastik *blow-moulded*	200.4	-10.3	223.4
Komponen plastik *injection-moulded*	156.6	5.8	148.1
Produk plastik *extruded*	158.2	5.1	150.6
Produk plastik *foam*	143.6	12.1	128.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Dasar 2000 = 100

Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Pengeluaran

Indeks pengeluaran bagi subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik mencatatkan peningkatan sebanyak 3 peratus daripada 161.8 pada 2006 kepada 166.7 pada 2007. Pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi produk petroleum ditapis, plastik *primary forms* dan daripada getah sintetik, plastik *extruded* dan plastik *foam*. Bagi pengeluaran beg plastik, filem dan produk plastik *blow-moulded*, masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 11.7 peratus dan 10.3 peratus. Penurunan yang dicatatkan adalah berikutan permintaan domestik yang lebih rendah terutamanya sektor automotif dan elektrikal, serta faktor kelembapan ekonomi di negara-negara EU dan AS.

Jualan

Jualan bagi produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik meningkat sebanyak 8.8 peratus kepada RM118,860.7 juta pada 2007 daripada RM109,257.5 juta pada 2006. Penyumbang utama ialah produk petroleum ditapis dengan nilai jualan sebanyak RM89,796.2 juta. Jumlah jualan bagi produk plastik adalah RM15,346.1 juta pada 2007, berbanding RM15,021.1 juta pada 2006. Nilai jualan yang lebih tinggi disumbangkan oleh permintaan yang meningkat dari Singapura, Jepun dan Republik Korea.

Jadual 5.23:
Jualan Produk Petroleum Terpilih termasuk Produk Petrokimia dan Produk Plastik

Subsektor	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**118,860.7**	**8.8**	**109,257.5**
Produk petroleum	103,514.5	9.8	94,236.3
Produk petroleum ditapis	89,796.2	9.4	82,084.1
Bahan plastik asas dan getah sintetik	13,718.4	12.9	12,152.1
Produk plastik	15,346.1	2.2	15,021.1
Beg plastik dan filem	5,086.6	-0.1	5,089.2
Produk plastik *blow-moulded*	402.5	-11.0	452.3
Komponen plastic *injection-moulded*	7,050.3	2.4	6,884.2
Produk plastik *extruded*	669.5	33.9	499.8
Produk plastik *foam*	496.5	18.1	420.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.24:
Guna Tenaga dalam Segmen Terpilih bagi Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Subsektor	2007 (pekerja)	Perubahan (%)	2006 (pekerja)
Jumlah	**96,468**	**1.8**	**94,746**
Produk petroleum			
Produk petroleum ditapis	4,934	7.8	4,576
Bahan plastik asas dan getah sintetik	6,080	2.5	5,933
Produk plastik			
Beg plastik dan filem	15,760	7.3	14,682
Produk plastik *blow-moulded*	1,943	-21.5	2,475
Komponen plastic *injection-moulded*	53,262	-0.3	53,422
Produk plastik *extruded*	2,534	14.5	2,214
Produk plastik *foam*	3,770	32.7	2,840

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Guna Tenaga

Pada 2007, guna tenaga dalam subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik berkembang sebanyak 1.8 peratus kepada 96,468 pekerja daripada 94,746 pekerja pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan permintaan bagi produk plastik *foam* dan *extruded,* dengan masing-masing mencatatkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 32.7 peratus dan 14.5 peratus. Segmen produk plastik *injection-moulded* mencatatkan guna tenaga paling tinggi sebanyak 53,262 pekerja, menyumbang 55 peratus daripada jumlah guna tenaga subsektor ini, diikuti segmen beg plastik dan filem dengan 15,760 pekerja atau 16.3 peratus.

Produktiviti

Produktiviti bagi subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik meningkat sebanyak 8 peratus kepada RM122,525 pada 2007, berbanding RM113,450 pada 2006. Prestasi yang memberangsangkan ini adalah disebabkan peningkatan pengeluaran

Jadual 5.25:
Petunjuk Produktiviti Segmen Terpilih bagi Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Subsektor	Nilai Ditambah setiap Pekerja (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Produk Petroleum dan Produk Plastik	**122.5**	**8.0**	**113.5**	**24.1**	**6.9**	**22.6**	**0.0186**	**-3.0**	**0.0192**
Produk petroleum	**757.3**	**9.2**	**693.4**	**73.1**	**13.9**	**64.2**	**0.0074**	**5.49**	**0.0070**
Produk petroleum ditapis	1,072.7	7.8	995.4	103.2	25.9	81.9	0.0521	14.04	0.0046
Bahan plastik asas dan getah sintetik	514.6	14.4	449.7	49.2	0.2	49.8	0.0215	-7.80	0.0233
Produk plastik	**40.5**	**-2.4**	**41.5**	**17.8**	**2.2**	**17.4**	**0.0984**	**2.05**	**0.0964**
Beg plastik dan filem	66.3	-11.2	74.7	19.5	0.4	19.4	0.0594	8.53	0.0547
Komponen plastik *Injection-moulded*	29.9	4.2	28.7	16.8	3.4	16.3	0.1252	-0.77	0.1262
Produk plastik *blow moulded*	62.1	17.2	53.0	19.2	14.0	16.8	0.1017	-3.82	0.1057
Produk plastik *extruded*	43.8	-6.2	46.7	24.4	6.9	22.9	0.0891	2.57	0.0869
Produk plastik *foam*	41.2	-18.2	50.3	15.9	-13.5	18.4	0.1227	5.21	0.1166

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam sektor domestik dan luaran bagi produk petroleum, terutamanya bagi produk plastik primari dan getah sintetik. Daya saing kos buruh bagi sektor ini telah meningkat seperti ditunjukkan oleh penurunan sebanyak 3 peratus bagi setiap Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2007, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik, adalah RM14.9 bilion, meningkat 18.3 peratus berbanding RM12.6 bilion pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM9 bilion bersamaan 60.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sementara pelaburan asing berjumlah RM5.9 bilion atau 39.6 peratus. Sebanyak 108 projek diluluskan pada 2007 berbanding 95 projek pada 2006. Sumber utama pelaburan asing adalah dari AS dan Jepun.

Dalam segmen produk petroleum, sebanyak 17 projek bernilai RM13.8 bilion diluluskan berbanding RM11.4 bilion pada 2006. 12 projek adalah projek baru manakala lima lagi adalah projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan utama adalah bagi pembesaran kapasiti pengeluaran bagi LPG, gasolin, kerosin, diesel dan bagi penambahan pengeluaran produk coke dan sulphur.

Segmen produk plastik mencatatkan kemasukkan sebanyak 91 projek dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion yang diluluskan pada 2007, di mana 49 adalah projek baru manakala 42 adalah untuk projek pembesaran/pelbagaian. Daripada jumlah keseluruhan projek diluluskan, 38 projek adalah daripada syarikat Malaysia. Pelaburan asing sebanyak RM552.2 bilion atau 52 peratus manakala pelaburan domestik bernilai RM510.7 juta.

Jadual 5.26:
Pelaburan dalam Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bilangan projek diluluskan	**108**	**13.6**	**95**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**14.9**	**18.3**	**12.6**
Domestik (RM bil.)	9.0	-19.6	11.2
Asing (RM bil.)	5.9	321	1.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Eksport

Eksport produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik adalah sebanyak RM70,138.7 juta pada 2007, berbanding RM64,247 juta pada 2006.

Eksport bagi petroleum dan produk berkaitan petroleum pada 2007 berjumlah RM52,246.4 juta, berbanding RM47,830.8 juta pada 2006. Eksport produk petroleum merangkumi gas asli cecair (*liquefied natural gas* - LNG) berjumlah RM26,157.3 juta, meningkat sebanyak 12.3 peratus manakala eksport produk petroleum ditapis berjumlah RM23,139.9 juta dicatatkan. Destinasi eksport utama bagi petroleum dan produk berkaitan petroleum termasuk Jepun, dengan nilai eksport RM18.3 bilion, diikuti Singapura (RM12.9 bilion) dan Republik Korea (RM8.5 bilion).

Eksport bagi produk plastik primari (resin sintetik) meliputi *polymer of ethlylene*, *polymer of styrene*, *polyacetals* dan *polycarbonates*, *waste*, *parings* dan *scraps* mencatatkan

Jadual 5.27:
Eksport Subsektor Produk Petroleum temasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**70,138.7**	**9.2**	**64,247**
Petroleum dan produk berkaitan petroleum	**52,246.4**	**9.23**	**47,830.8**
Produk petroleum	2,895.2	17.2	2,487.8
LNG	26,157.3	12.3	23,285.3
Produk petroleum ditapis	23,139.9	5.2	22,057.8
Resin sintetik	**9,511.8**	**11.1**	**8,563.5**
Produk plastik	**8,380.4**	**6.7**	**7,852.7**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.28:
Import Subsektor Produk Petroleum temasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**40,216.7**	**-0.5**	**40,403.4**
Petroleum dan produk berkaitan petroleum	**23,553.3**	**1.1**	**23,289.6**
Produk petroleum	1,419.6	13.2	1,253.9
LNG	neg	neg	neg
Produk petroleum ditapis	22,133.3	0.4	22,035.7
Resin sintetik	**10,664.5**	**6.7**	**9,992.7**
Produk plastik	**5,998.9**	**-15.8**	**7,121.1**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

pertumbuhan sebanyak 11.1 peratus bernilai RM9,511.8 juta dan merupakan 13.6 peratus daripada jumlah eksport bagi produk petroleum dan produk berkaitan petroleum. Destinasi utama adalah Republik Rakyat China dengan nilai eksport sebanyak RM1.9 bilion atau 20.4 peratus syer, diikuti Hong Kong SAR (RM1.3 bilion atau 13.6 peratus) dan Indonesia (RM719 juta atau 7.6 peratus).

Eksport produk plastik berjumlah RM8,380.4 juta berbanding RM7,852.7 juta pada 2006. Eksport meliputi beg plastik, botol dan bekas plastik, filem dan sheets. Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan nilai eksport RM1.5 bilion, diikuti Jepun (RM1.2 bilion) dan UK (RM804. juta).

Import

Import produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik menurun sedikit pada 0.5 peratus daripada RM40,403.4 juta pada 2006 kepada RM40,216.7 juta pada 2007. Pada masa ini, Malaysia adalah pengimport bersih bagi petrokimia. Petrokimia yang diimport digunakan sebagai bahan mentah bagi pengeluaran pelbagai jenis produk yang kemudiannya dieksport semula sebagai produk pengantara (*intermediate*) atau barangan pengguna.

Import petroleum dan produk berkaitan petroleum meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada RM23,553.3 juta pada 2007, berbanding RM23,289.6 juta pada 2006. Sumber utama import adalah dari Singapura, dengan nilai import RM17.1 bilion atau 72.6 peratus daripada jumlah import, diikuti Arab Saudi (RM1.9 bilion), Emiriyah Arab Bersatu (RM956 juta) dan Indonesia (RM759 juta).

Import produk plastik dalam bentuk bahan asas (*synthetic resin*) berjumlah RM10,664.5 juta pada 2007, mencatatkan peningkatan 6.7 peratus daripada RM9,992.7 juta pada 2006. Sumber utama import adalah Singapura, dengan nilai import RM2.8 bilion diikuti oleh Jepun (RM1.7 bilion) dan Thailand (RM878 juta).

Import bagi produk plastik pada 2007 berjumlah RM5,998.9 juta, berbanding RM7,121.1 juta pada 2006, penurunan sebanyak 15.8 peratus. Sumber utama import adalah dari Jepun, dengan nilai import RM1.3 bilion, diikuti Republik Rakyat China (RM928 juta) dan AS (RM534 juta). Barangan utama yang diimport adalah bekas plastik, *articles of plastic* dan *plates*, *sheets, films* dan *foils*.

Perkembangan

Dua projek bagi menambah kapasiti pengeluaran LPG, gasolin, kerosin, sulfur, *asphalt* dan *coke* telah dilaksanakan pada 2007. Projek pembesaran yang menggunakan teknologi dari Jepun untuk pengeluaran gred baru bagi *low volatile organic content* (VOC) *polyacetal resins/compounds* di Gebeng, Pahang juga telah diluluskan.

Satu projek baru bagi pengeluaran *epichlorohydrin* daripada kelapa sawit telah dijalankan di Kerteh, Terengganu. Projek pelaburan asing dari negara Belanda ini dijangka dapat meningkatkan hubungan di antara industri petrokimia dan oleo-kimia. Satu lagi projek melibatkan pelaburan asing adalah untuk pengeluaran sintetik lateks yang turut melibatkan pembinaaan fasiliti R&D di Pasir Gudang, Johor telah diluluskan.

Sebanyak empat permohonon untuk menjalankan projek penapisan minyak telah diluluskan pada 2007 dengan jumlah kapasiti penapisan sehingga 700,000 bpd. PETRONAS juga telah memulakan fasa ketiga projek *Peninsular Gas Utilisation* yang akan menyediakan infrastruktur bagi pembangunan industri petrokimia. Projek tersebut melibatkan enam kilang pemprosesan gas bagi pengeluaran *methane*, *ethane*, *propane*, *butane* dan *condensate gases*.

Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor ini merangkumi pengeluaran kimia industri asas, gas industri, baja, racun serangga dan produk agrokimia, cat, varnis, bahan cucian dan pengilatan, persediaan wangian dan dandanan serta produk kimia lain.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran untuk subsektor ini meningkat 4.2 peratus kepada 149.1 pada 2007 daripada 143.1 pada 2006. Pengeluaran racun perosak dan agrokimia mencatatkan peningkatan sebanyak 29.8 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor permintaan yang lebih tinggi bagi racun perosak daripada sektor perladangan dan pertanian. Industri gas mencatatkan peningkatan sebanyak 17.6 peratus, daripada 125.3 pada 2006 kepada 147.4 pada 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang meningkat bagi industri perkilangan seperti pemprosesan makanan, besi dan keluli, pemprosesan kimia dan sistem rawatan air dan kumbahan. Indeks pengeluaran baja meningkat sebanyak 8.7 peratus selaras dengan peningkatan eksport dan penggunaan domestik. Walau bagaimanpun, indeks pengeluaran bagi cat varnis dan produk-produk seumpamanya menurun sebanyak 3.8 peratus pada 2007, disebabkan permintaan yang lebih rendah daripada industri pembinaan dan perabot.

Jualan

Nilai jualan bagi subsektor kimia industri asas dan produk kimia meningkat 10.9 peratus kepada RM37,749.2 juta pada 2007 daripada RM34,028.1 juta pada 2006. Produk yang mencatatkan perkembangan dua digit dalam nilai jualan adalah industri gas dengan peningkatan sebanyak 22.6 peratus, sabun dan bahan cucian (22.5 peratus), racun perosak dan produk agrokimia (19.7 peratus), baja dan sebatian nitrogen (15.5 peratus).

Guna Tenaga

Guna tenaga subsektor ini meningkat 5.2 peratus kepada 28,771 pekerja pada 2007 daripada 27,336 pada 2006. Guna tenaga bagi segmen sabun, bahan cucian, dan dandanan dan segmen cat, varnis dan produk seumpamanya, masing-masing mencatat peningkatan 14.3 peratus dan 13 peratus. Guna tenaga bagi segmen baja dan sebatian nitrogen mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.5 peratus selaras dengan peningkatan pelaburan dalam pengeluaran baja.

Jadual 5.29:
Indeks Pengeluaran bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/Segmen	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah	**149.1**	**4.2**	**143.1**
Industri Asas Kimia	**149.5**	**4.2**	**143.6**
Gas perindustrian	147.4	17.6	125.3
Kimia industri asas lain	150.8	-2.4	154.5
Produk Kimia Lain	**148.1**	**4.3**	**142.0**
Cat, varnis dan produk seumpamanya	153.8	-3.8	159.8
Baja dan sebatian nitrogen	163.5	8.7	150.4
Sabun, bahan cucian dan dandanan	98.9	2.0	97.0
Racun serangga dan produk agrokimia lain	122.4	29.8	94.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Dasar 2000 = 100

Jadual 5.30:
Jualan bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/Segmen	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**37,749.2**	**10.9**	**34,028.1**
Kimia Industri Asas	**27,288.1**	**9.1**	**25,005.7**
Gas perindustrian	4,318.3	22.6	3,521.1
Kimia industri asas lain	22,969.8	6.9	21,484.6
Produk Kimia Lain	**10,461.1**	**15.9**	**9,022.4**
Baja dan sebatian nitrogen	2,455.5	15.5	2,126.6
Cat, varnis dan produk seumpamanya	2,177.4	13.6	1,916.7
Sabun, bahan cucian dan dandanan	1,401.6	22.5	1,143.8
Racun serangga dan produk agrokimia lain	594.5	19.7	496.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti

Produktiviti bagi produk kimia industri asas dan produk-produk seumpamanya mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 13.4 peratus kepada RM325,513 pada 2007. Semua segmen mencatatkan pertumbuhan produktiviti daripada 9.8 peratus kepada 26.2 peratus. Prestasi produktiviti yang tinggi bagi segmen ini dipacu oleh permintaan yang besar daripada pasaran domestik dan antarabangsa, seperti yang ditunjukkan dalam peningkatan eksport bagi produk baja sebanyak 20.1 peratus. Subsektor ini mampu untuk mengekalkan daya saing kos buruh dengan penurunan Unit Kos Buruh sebanyak 1.9 peratus.

Pelaburan

Sebanyak 26 projek bernilai RM1,096.2 juta pada 2007 telah diluluskan, berbanding 43 projek bernilai RM650.9 juta pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM588.7 juta manakala pelaburan asing bernilai RM507.5 juta dicatatkan. Sumber pelaburan utama adalah dari India, Singapura dan AS.

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 19 adalah projek baru bernilai RM570.1 juta dan tujuh adalah projek pembesaran/pelbagaian bernilai RM526.1 juta. Peningkatan ini disebabkan penambahan pelaburan bagi pengeluaran baja dan gas industri. Sebanyak lapan projek pengeluaran baja (RM578.4 juta) dan tiga projek pengeluaran gas industri (RM79.7 juta) telah diluluskan. 15 projek lain adalah pelbagai produk kimia seperti *rare earth oxides* dan karbonat, pewangi udara, cecair penjagaan fabrik, detergen dan produk penjagaan kulit dan rambut.

Jadual 5.31:
Guna Tenaga bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/Segmen	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Jumlah	**28,771**	**5.2**	**27,336**
Kimia Industri Asas	**11,946**	**2.0**	**11,709**
Gas perindustrian	2,052	-0.8	2,068
Kimia industri asas lain	9,894	2.6	9,641
Produk Kimia Lain	**16,825**	**7.7**	**15,627**
Cat, varnis dan produk seumpamanya	4,870	13.0	4,310
Baja dan sebatian nitrogen	3,685	14.3	3,224
Sabun, bahan cucian dan dandanan	1,935	8.5	1,784
Racun serangga dan produk agrokimia lain	1,482	1.2	1,465

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.32:
Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/ Segmen	Nilai Ditambah setiap Pekerja (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Kimia Asas dan Produk Kimia lain	**325.5**	**13.4**	**286.9**	**47.6**	**10.4**	**43.1**	**0.0339**	**-1.9**	**0.0346**
Kimia industri asas	**563.9**	**14.3**	**493.4**	**62.1**	**17.6**	**52.8**	**0.0254**	**3.97**	**0.0244**
Gas perindustrian	1,106.7	12.4	984.9	76.3	47.2	51.9	0.0364	20.90	0.0301
Kimia industri asas lain	445.0	14.7	387.8	59.0	11.2	53.0	0.0234	-0.44	0.0235
Produk kimia lain	**153.9**	**11.7**	**137.8**	**36.7**	**2.8**	**35.7**	**0.0564**	**-7.51**	**0.0610**
Cat, varnis dan produk seumpamanya	131.2	12.3	116.9	36.0	-1.7	36.6	0.0759	-5.69	0.0805
Baja dan sebatian nitrogen	264.0	16.2	227.1	55.7	1.2	55.1	0.0437	-7.24	0.0471
Sabun, bahan cucian dan dandanan	95.0	9.8	86.5	37.3	12.1	33.3	0.0954	0.87	0.0946
Racun serangga dan produk agrokimia lain	83.8	26.2	66.4	23.7	3.1	23.0	0.0600	-14.96	0.0706

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.33:
Pelaburan bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bilangan projek diluluskan	**26**	**- 39.5**	**43**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**1,096.2**	**68.4**	**650.9**
Domestik (RM bil.)	588.7	54.7	380.5
Asing (RM bil.)	507.5	87.7	207.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Eksport bagi produk subsektor kimia industri asas dan produk kimia meningkat 15.1 peratus kepada RM23,051.8 juta pada 2007, berbanding RM20,202.8 juta pada 2006. Produk ini telah menyumbang sebanyak 5.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia. Destinasi eksport utama bagi subsektor ini adalah Republik Rakyat China, dengan eksport berkembang sebanyak 15.8 peratus bernilai RM4.79 bilion, Thailand RM3.14 bilion (8.1 peratus), Singapura RM2.94 bilion (13.8 peratus), Indonesia RM2.77 bilion (13.2 peratus), manakala eksport ke Jepun mencatatkan penurunan sebanyak 8.6 peratus kepada RM2.18 bilion.

Pada 2007, pertumbuhan dua digit bagi eksport telah direkodkan bagi produk kimia organik yang berkembang sebanyak 18.3 peratus dengan nilai RM11,886.6 juta. Kategori utama yang mencatatkan pertumbuhan dua

Jadual 5.34:
Eksport bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**23,051.8**	**15.1**	**20,202.8**
Kimia organik	11,886.6	18.3	10,047.4
Bahan dan produk kimia	4,914.5	15.4	4,260.1
Sabun, bahan cucian dan dandanan	2,346.1	12.4	2,086.9
Bahan pencelupan dan pewarnaan	1,375.7	3.7	1,327.1
Kimia bukan organik	1,276.1	1.6	1,256.5
Baja	1,252.8	20.1	1,042.9

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.35:
Import bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**25,369.5**	**13.5**	**22,359.3**
Kimia organik	9,885.4	15.7	8,544.6
Bahan dan produk kimia	4,682.4	16.6	4,017.2
Kimia bukan organik	3,186.7	3.8	3,068.8
Baja	3,242.2	32.7	2,443.5
Sabun, bahan cucian dan dandanan	2,630.4	6.3	2,474.8
Bahan pencelupan dan pewarnaan	1,742.3	-3.8	1,810.3

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

digit adalah produk bahan kimia sebanyak 15.4 peratus (RM4,914.5 juta) sabun, bahan cucian dan dandanan sebanyak 12.4 peratus (RM2,346.1 juta) dan baja sebanyak 20.1 peratus (RM1,252.8 juta).

Import

Import bagi produk subsektor kimia industri asas dan produk kimia meningkat 13.5 peratus kepada RM25,369.5 juta pada 2007, daripada RM22,359.3 juta pada 2006. Import meliputi kimia organik yang mencatatkan peningkatan 15.7 peratus dan bahan dan produk kimia yang meningkat sebanyak 16.6 peratus. Sumber import utama produk kimia adalah Singapura, dengan nilai import sebanyak RM6.1 bilion, Jepun (RM4.6 bilion), Republik Rakyat China (RM3.8 bilion), AS (RM3.3 billion) dan Thailand (RM2.8 bilion).

Perkembangan

Tahun 2007 menyaksikan subsektor kimia industri asas dan produk kimia melalui beberapa perubahan berkaitan pematuhan kepada peraturan dan keperluan antarabangsa dalam pengurusan industri kimia. Malaysia terus mengambil langkah-langkah dalam pengurusan industri kimia dan program keselamatan yang berkesan bagi melindungi keselamatan manusia dan alam sekitar.

Bagi menyediakan pengeksport Malaysia ke EU dalam pelaksanaan peraturan mengenai *Registration, Evaluation, Authorisation and Restriction of Chemicals* (REACH), agensi-agensi berkaitan telah menjalankan program kesedaran dengan mengedaran maklumat terkini kepada industri dan persatuan hal-hal berkaitan REACH. Usaha-usaha untuk menjelaskan mengenai isu REACH dan kesannya terhadap industri turut diselaraskan melalui ASEAN dan APEC.

Malaysia juga bersetuju untuk menerima pakai kaedah *Good Laboratory Practice (GLP)* berasaskan sistem *Organisation of Economic Co-operation (OECD)* bagi *Mutual Acceptance of Data (MAD)* dalam penilaian kimia daripada negara-negara bukan OECD. Ini adalah untuk membolehkan hasil ujian dan data kajian keselamatan kimia diterima pakai dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan seterusnya mengurangkan halangan teknikal ke atas perdagangan.

Selaras dengan pematuhan kepada Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, Malaysia sentiasa mengumpul data bagi tujuan penyediaan laporan tahunan kepada *Organisation for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW)*. Pada 2007, empat pemeriksaan terhadap kilang-kilang yang mengeluarkan bahan kimia toksik telah dijalankan oleh agensi pemeriksa antarabangsa.

Untuk produk kosmetik, satu set peraturan umum iaitu ASEAN *Harmonised Cosmetic Regulatory Scheme* (AHCRS) telah dilaksanakan berkuatkuasa 1 Januari 2008 bagi menghapuskan halangan teknikal terhadap eksport melalui harmonisasi peraturan dan keperluan teknikal.

Di bawah pelaksanaan *Globally Harmonised System* (GHS) Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Klasifikasi,

Pembungkusan, dan Label) dan *Safety Data Sheets* (SDS) bagi bahan kimia berbahaya telah dirangka untuk menggantikan Peraturan Klasifikasi, Pembungkusan dan Label 1997. Bagi sektor pertanian, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah membuat pindaan terhadap Peraturan Racun Perosak (Pelabelan) 1984 berpandukan garis panduan FAO bagi memasukkan elemen-elemen GHS. Pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak telah mengadakan sesi taklimat dan penerangan berkenaan GHS kepada pihak petani, industri dan persatuan-persatuan. Bagi sektor pengangkutan, peraturan baru bagi pengangkutan bahan berbahaya dan petroleum melalui jalan dan rel juga telah disediakan selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh GHS. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menganjurkan program kesedaran berkenaan GHS kepada pengguna.

Malaysia telah mengenakan larangan terhadap pengimportan sisa plastik di bawah Jadual Kedua (Larangan Mengenai Import) 1988, Akta Kastam 1967 berkuatkuasa pada 1 Februari 2008. Pengimport sisa plastik perlu mendapat permit import (AP) yang keluarkan oleh MITI. Larangan ini dikuatkuasakan bagi menjaga kesihatan dan melindungi alam sekitar negara untuk mengelakkan bahan berbahaya daripada diimport ke dalam negara.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Kebersihan Awam telah digazetkan pada 2007 untuk menyediakan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pengurusan kebersihan bagi mempastikan urusan sanitasi yang baik.

INDUSTRI FARMASEUTIKAL

Industri farmaseutikal merangkumi pengeluaran ubatan perskripsi, ubatan bukan preskripsi, persediaan herba dan makanan tambahan untuk kesihatan termasuk ubatan tradisional.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran industri farmaseutikal meningkat 4.9 peratus kepada 246.6 pada 2007, daripada 235 pada 2006, disebabkan oleh peningkatan nilai jualan. Ia disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran ubat generik, makanan tambahan untuk kesihatan dan *injectables*.

Jadual 5.36:
Indeks Pengeluaran bagi Industri Farmaseutikal

Industri	2007	Perubahan (%)	2006
Farmaseutikal, ubatan dan produk kimia dan botanikal	246.6	4.9	235.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Dasar 2000 = 100

Jualan

Nilai jualan produk farmaseutikal meningkat 24.1 peratus kepada RM1,295.3 juta pada 2007, daripada RM1,044 juta pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh meningkatnya kesedaran terhadap aspek penjagaan kesihatan dan peningkatan taraf hidup. Pertambahan jualan bagi produk penjagaan kesihatan turut disumbangkan oleh perbelanjaan Kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bermutu kepada rakyat.

Guna Tenaga

Pada 2007, guna tenaga dalam industri farmaseutikal meningkat 0.7 peratus kepada 7,391 pekerja daripada 7,336 pada 2006.

Jadual 5.37:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Farmaseutikal

Industri	Nilai Ditambah setiap Pekerja (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Kos Unit Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Farmaseutikal	70.0	10.8	63.2	21.9	6.7	20.5	0.1206	-12.01	0.1371

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri ini adalah berasaskan teknologi dan penyelidikan intensif yang memerlukan tenaga profesional berkemahiran tinggi seperti ahli farmasi, ahli kimia, ahli bioteknologi, ahli mikrobiologi, ahli biologi dan jurutera kimia terutamanya di peringkat penyeliaan, pengeluaran, jaminan kualiti dan aktiviti R&D.

Produktiviti

Industri farmaseutikal mencatat peningkatan Nilai Ditambah Setiap Pekerja sebanyak 10.8 peratus pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh keupayaan industri untuk mengeluarkan produk yang berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap produk kesihatan yang bertambah. Peningkatan ini juga disokong oleh aktiviti R&D dan inovasi yang intensif. Industri ini berupaya mengekalkan daya saing kos buruh seperti yang ditunjukkan dengan penurunan 12 peratus dalam Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2007, pelaburan diluluskan adalah sebanyak RM98.3 juta, berbanding RM241.7 juta pada 2006. Pelaburan 0mestik berjumlah RM88.8 juta, merangkumi 90.3 peratus dari jumlah pelaburan, sementara pelaburan asing berjumlah RM9.5 juta (9.7 peratus).

Daripada sepuluh projek yang diluluskan, tujuh daripadanya merupakan projek baru dan tiga merupakan projek pembesaran/pelbagaian. Daripada jumlah tersebut, lima projek baru, dengan pelaburan sebanyak RM37.7 juta telah diluluskan untuk pengeluaran produk farmaseutikal dan formulasi herba, perubatan herba, ekstrak tumbuhan herba dan penyediaan dalam bentuk tablet, kapsul, minyak sapu, cecair dan sirap serta kapsul ganoderma. Lima projek lagi adalah bagi pengeluaran *injectables*, *pharmaceutical formulations*, *animal feed supplements*, *veterinary pharmaceuticals*, dan *intravenous solutions*.

Jadual 5.38:
Pelaburan bagi Industri Farmaseutikal

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bilangan projek diluluskan	**10**	**-23**	**13**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**98.3**	**-59.3**	**241.7**
Domestik (RM bil.)	88.8	-61.6	231.3
Asing (RM bil.)	9.5	8.7	10.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Eksport produk farmaseutikal merekodkan peningkatan 36.8 peratus kepada RM678 juta pada 2007, berbanding RM495.7 juta pada 2006. Eksport bagi ubatan merangkumi 63 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport farmaseutikal. Eksport ke negara-negara ASEAN adalah sebanyak 60 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Destinasi eksport utama yang lain adalah Jerman, Hong Kong SAR, Jepun, Taiwan dan India.

Jadual 5.39:
Eksport bagi Produk Farmaseutikal

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**678.0**	**36.8**	**495.7**
Medicaments	451.2	63.2	276.5
Ubatan dan produk farmaseutikal dan ubat-ubat lain	226.8	3.5	219.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import

Import produk farmaseutikal meningkat 9.3 peratus kepada RM2,964.5 juta pada 2007, berbanding RM2,712.3 juta pada 2006. Sumber utama import adalah Australia, dengan nilai import RM315 juta atau 12.2 peratus daripada jumlah import, Jerman dengan nilai import RM251 juta (9.7 peratus), dan UK dengan nilai eksport RM234 juta (9 peratus).

Produk utama yang diimport merupakan *lifestyle drug*, seperti ubat pengurangan kolesterol dan anti diabetik, antibiotik generasi baru, serta ubatan kardivaskular dan onkologi. Kebanyakan produk diimport adalah berjenama dan mempunyai paten yang tidak dikeluarkan dalam negara.

Jadual 5.40:
Import bagi Produk Farmaseutikal

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**2,964.5**	**9.3**	**2,712.3**
Medicaments	2,305.9	8.1	2,132.3
Ubatan dan produk farmaseutikal dan ubat-ubat lain	658.6	13.5	580.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Perkembangan

Sehingga Disember 2007, sejumlah 235 syarikat farmaseutikal dilesenkan di bawah Biro Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan. Sebanyak 175 syarikat mengeluarkan ubatan tradisional manakala 60 syarikat lagi adalah pengeluar ubatan moden.

Pengilang produk farmaseutikal memberi fokus kepada pasaran antarabangsa terutamanya ASEAN dan negara-negara Afrika.

Kebanyakan syarikat farmaseutikal tempatan terus melabur dalam mengeluarkan versi-versi baru bagi ubatan generik pada 2007. Bagi sektor ubatan moden, terdapat beberapa syarikat pengeluar ubatan tempatan telah beralih ke produk biofarmaseutikal seperti *anti-coagulant-heperins*.

Syarikat farmaseutikal domestik terus berusaha bagi meningkatkan eksport dan mempelopori pasaran baru serta mengembangkan prasarana sedia ada bagi mematuhi garis panduan *Good Manufacturing Practice* (GMP). Perkembangan lain termasuk inisiatif untuk menyelaras peraturan farmeseutikal antara *ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality* (ACCSQ).

Bagi aktiviti R&D, beberapa pusat kajian klinikal (CRCs) telah diwujudkan bagi menjalankan ujian klinikal, epidemologi klinikal dan kajian ekonomi, dan menguruskan pangkalan data bagi data-data perubatan yang kompleks. Sehingga 2007, 14 CRCs ditubuhkan di hospital Kerajaan dan klinik seluruh negara, dan sebanyak 63 ujian klinikal telah dijalankan. Institut Kesihatan Negara telah menubuhkan perkhidmatan laman web iaitu National Medical Research Registry (NMRR) bagi membolehkan industri farmaseutikal mendapat maklumat yang lebih cepat dan mudah berhubung kajian yang telah dijalankan di dalam negara.

Industri herba merupakan subsektor yang penting dalam industri farmeseutikal. *Global Information Hub for Integrated Medicines* telah dilancarkan oleh Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan untuk menyediakan maklumat bagi pembangunan subsektor perubatan tradisional dan ubatan herba.

INDUSTRI LOGAM

Industri logam terdiri daripada subsektor logam ferus dan bukan ferus. Subsektor logam ferus merangkumi besi dan keluli, merupakan salah satu industri yang disasarkan di bawah IMP3. Subsektor logam bukan ferus pula merangkumi pengilangan produk-produk aluminium, tembaga, timah, plumbum, zink, nikel dan aloi.

Subsektor Logam Ferus

Segmen besi dan keluli dikategorikan kepada dua kumpulan produk:

- produk panjang, termasuk bar keluli, *sections* dan produk dawai. *Sections* dan produk dawai digunakan terutamanya dalam industri pembinaan dan kejuruteraan awam; dan

- produk kepingan, seperti *hot rolled coils* (HRC), *cold rolled coils* (CRC) dan keluli gelung bersadur. Produk-produk ini digunakan sebagai bahan mentah perantara bagi pemprosesan hiliran seperti E&E, peralatan dan komponen automotif, minyak dan gas, perabut, jentera dan peralatan serta produk fabrikasi.

Pengeluaran

Pengeluaran produk besi dan keluli telah merekodkan peningkatan 7 peratus kepada 13.8 juta tan metrik (MT) pada 2007 daripada 12.9 juta MT pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk CRC, bilet dan *wire rods* dalam pasaran domestik dan eksport.

Jadual 5.41:
Pengeluaran bagi Produk Besi dan Keluli Terpilih

Produk	Pengeluaran		
	2007 ('000 MT)	Perubahan (%)	2006 ('000 MT)
Jumlah	**13,800**	**7.0**	**12,900**
Produk Panjang	**8,133**	**11.0**	**7,310**
Bilet	4,695	23.7	3,797
Bar keluli	1,801	-11.7	2,040
Wire rods	1,417	16.2	1,219
Sections	220	-13.4	254
Produk Kepingan	**3,150**	**4.0**	**3,025**
HRC	1,925	0.3	1,920
CRC	740	34.5	550
GI	250	6.4	235
Plates	235	-26.6	320

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penambahan kapasiti oleh dua pengeluar CRC telah meningkatkan pengeluaran CRC sebanyak 34.5 peratus pada 2007 kepada 740,000 MT daripada 550,000 MT pada 2006.

Pengeluaran bilet bertambah 23.7 peratus ekoran peningkatan permintaan dari pasaran luar. Walau bagaimanapun, pengeluaran bar keluli dan *sections* telah menurun disebabkan permintaan yang kurang memandangkan kebanyakan projek pembinaan berada di tahap awal pelaksanaan pada 2007.

Jualan
Jualan besi dan keluli telah mencatatkan peningkatan sebanyak 23.6 peratus kepada RM23 bilion pada 2007 daripada RM18.6 bilion pada 2006. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh harga produk yang lebih tinggi berikutan daripada tren kenaikan harga bahan mentah.

Guna Tenaga
Guna tenaga pada 2007 mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 0.8 peratus kepada 18,535 pekerja, berbanding dengan 18,385 pekerja pada 2006.

Produktiviti
Segmen besi dan keluli telah mencatatkan pertumbuhan produktiviti dua-angka sebanyak 13.3 peratus pada 2007. Pertumbuhan yang tinggi tersebut disebabkan penggunaan kapasiti yang besar berikutan permintaan yang bertambah daripada sektor pembinaan. Segmen ini telah berupaya mengurus kos buruh secara efisien dan efektif, dengan peningkatan daya saing kos buruh seperti ditunjukkan oleh penurunan dalam Unit Kos Buruh sebanyak 13.8 peratus.

Pelaburan
Pada 2007, sejumlah 37 projek telah diluluskan dalam segmen besi dan keluli dengan pelaburan sebanyak RM11,959.2 juta, berbanding dengan 16 projek bernilai RM2,412.9 juta pada 2006. Pelaburan utama yang diluluskan adalah untuk pengeluaran produk kepingan terutamanya *slab*, HRC, CRC, *galvanised coils* dan *sheets*. Peningkatan dalam jumlah pelaburan adalah disebabkan terutamanya oleh projek baru berintensifkan modal melibatkan teknologi baru menggunakan bahan mentah berkualiti bagi menghasilkan produk bergred tinggi.

Jumlah pelaburan asing sebanyak RM4,822.4 juta, iaitu 40.3 peratus daripada pelaburan keseluruhan, manakala pelaburan domestik bernilai RM7,136.9 juta. Sumber utama pelaburan adalah daripada Republik Rakyat China dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.8 bilion, diikuti oleh Australia (RM1.4 bilion), Singapura (RM635 juta), Taiwan (RM210 juta) dan Sepanyol (RM25 juta).

Daripada jumlah projek yang telah diluluskan, 23 merupakan projek baru dengan pelaburan sebanyak RM9.7 bilion, dan 14 projek

Jadual 5.42:
Petunjuk Produktiviti bagi Segmen Besi dan Keluli

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh Setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Besi dan Keluli	226.1	13.3	199.5	29.5	6.7	27.7	0.0231	-13.8	0.0268

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion.

Jadual 5.43:
Pelaburan dalam Segmen Besi dan Keluli

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bilangan projek diluluskan	**37**	**131.2**	**16**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**11,959.2**	**395.6**	**2,412.9**
Domestik (RM juta)	7,136.9	2,369.5	289.0
Asing (RM juta)	4,822.4	127.0	2,123.9

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Eksport produk besi dan keluli telah meningkat sebanyak 12.4 peratus pada 2007 kepada RM10.5 bilion dan menyumbang 2.3 peratus kepada jumlah eksport sektor perkilangan Malaysia. Eksport utama adalah produk kepingan (HRC dan CRC) bernilai RM4.2 bilion, tiub dan paip (RM2.6 bilion), bar, *rods*, *angles* dan *sections* (RM1 bilion).

Jadual 5.44:
Eksport Produk Besi dan Keluli Terpilih

Produk	2007 ('000 MT)	Perubahan (%)	2006 ('000 MT)
Jumlah	**4,800**	**6.4**	**4,510**
Produk Panjang	**1,362**	**111.0**	**657**
Bilet	971	288.4	250
Bar	185	-9.3	204
Wire Rod	170	-0.6	171
Sections	36	12.5	32
Produk Kepingan	**2,103**	**3.0**	**3,072**
Paip dan Tiub	841	-58.2	2,013
HRC	803	2.9	781
Plates	280	60.9	174
CRC	130	145.3	53
GI	49	-3.9	51

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan dalam eksport logam ferus disumbangkan terutamanya oleh produk bilet, CRC dan *plates*. Eksport bilet bertambah dengan signifikan disebabkan oleh pemulihan daripada impak harga rendah di pasaran antarabangsa yang disebabkan eksport yang tinggi oleh Republik Rakyat China sejak 2005. Pada 2007, Republik Rakyat China telah mengenakan kawalan eksport ke atas pengeluar tempatan, yang secara tidak langsung meningkatkan permintaan bagi bilet Malaysia di pasaran antarabangsa. Eksport CRC telah meningkat sebanyak 145 peratus pada 2007, berikutan pengeluaran CRC bergred tinggi yang membolehkan akses ke pasaran baru.

Destinasi eksport utama bagi produk besi dan keluli adalah Viet Nam, dengan nilai eksport RM1,416.2 juta, Singapura (RM1,340.5 juta), Thailand (RM1,204.9 juta), Indonesia (RM1,092.3 juta) dan Australia (RM741.7 juta).

Carta 5.1:
Destinasi Eksport Utama bagi Produk Besi dan Keluli



Import

Import produk besi dan keluli pada 2007 bernilai RM24.8 bilion, mencatat peningkatan sebanyak 24 peratus, berbanding dengan RM20 bilion pada 2006.

Jadual 5.45:
Import Produk Besi dan Keluli Terpilih

Produk	2007 ('000 MT)	Perubahan (%)	2006 ('000 MT)
Jumlah	**8,231**	**-7.0**	**8,817**
Produk Panjang	**803**	**23.1**	**652**
Bilet	17	-51.4	35
Bar	129	0	129
Wire Rod	329	40	235
Sections	320	26.5	253
Produk Kepingan	**4,489**	**76.0**	**2,550**
Paip dan Tiub	1,695	95.7	866
HRC	820	46.2	561
CRC	985	52.2	647
GI	274	30.5	210
Plates	715	168.8	266

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import logam ferus merangkumi produk kepingan seperti *plates*, dan paip dan tiub. Peningkatan yang tinggi dalam import *plates* adalah bagi gred yang digunakan dalam industri minyak dan gas, dan perkapalan. Manakala paip dan tiub yang diimport adalah terutamanya gred khas untuk menghasilkan *lined pipes* bagi subsektor minyak dan gas, yang dieksport semula ke negara-negara pengeluar minyak.

Carta 5.2:
Sumber Import Utama bagi Produk Besi dan Keluli



Sumber import utama besi dan keluli adalah Jepun, dengan import berjumlah RM5,915.9 juta, Republik Rakyat China (RM3,388 juta), Taiwan (RM2,334.3 juta), AS (RM2,290 juta) dan Republik Korea (RM2,013.2 juta).

Subsektor Logam Bukan Ferus

Subsektor logam bukan ferus menyumbang 41.9 peratus kepada jumlah eksport bagi industri logam. Aktiviti perkilangan utama bagi subsektor logam bukan ferus adalah:

- tembaga, termasuk *copper rods*, *wires* dan *strips* bagi industri telekomunikasi dan E&E; dan

- aluminium, teutamanya bagi penggunaan dalam sektor pembinaan, pembungkusan, jentera dan kejuruteraan.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran bagi subsektor logam bukan ferus mencatatkan peningkatan sebanyak 13 peratus kepada 122.6 pada 2007 daripada 108.5 pada 2006.

Jualan

Jualan produk logam bukan ferus mencatatkan peningkatan sebanyak 11.8 peratus kepada RM6,077.2 juta pada 2007, berbanding RM5,434.6 juta pada 2006.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam subsektor logam bukan ferus mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus pada 2007 kepada 8,122 pekerja, berbanding 7,584 pekerja pada 2006 hasil daripada pelaksanaan projek-projek baru.

Pelaburan

Sejumlah 15 projek telah diluluskan pada 2007 bagi perkilangan produk logam bukan ferus dengan pelaburan sebanyak RM214.1 juta. Daripada jumlah ini, pelaburan asing bernilai RM167.2 juta, menyumbang 78.1 peratus daripada jumlah pelaburan. Sumber utama pelaburan asing adalah Singapura, dengan nilai pelaburan RM55.3 juta, United Kingdom (RM40.5 juta), Jepun (RM37.8 juta) dan Republik Korea (RM9.4 juta).

Jadual 5.46:
Pelaburan dalam Subsektor Logam Bukan Ferus

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bilangan projek diluluskan	**15**	**15.4**	**13**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**214.1**	**-20.8**	**270.3**
Domestik (RM juta)	46.9	-55.8	106.1
Asing (RM juta)	167.2	1.8	164.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Eksport produk logam bukan ferus pada 2007 bernilai RM7.2 bilion, mencatatkan peningkatan sebanyak 18 peratus berbanding 2006. Eksport utama adalah tembaga dengan nilai RM4.6 bilion, aluminium (RM2.2 bilion), zink (RM223.6 juta) dan plumbum (RM188.1 juta). Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan nilai eksport RM1.1 bilion, Thailand (RM0.9 bilion) dan Taiwan (RM0.6 bilion).

Import
Import bagi produk utama logam bukan ferus meningkat 6.4 peratus kepada RM15.5 bilion pada 2007, berbanding RM14.6 bilion pada 2006. Import utama adalah tembaga, bernilai RM9.9 bilion, aluminium (RM5.2 bilion), zink (RM1.2 bilion) dan plumbum (RM0.4 bilion). Jepun merupakan sumber import utama dengan import bernilai RM2.9 bilion, diikuti oleh Australia (RM2.7 bilion) dan Indonesia (RM2.2 bilion).

Perkembangan
Pada 2007, industri logam telah menarik pelaburan bernilai RM12.2 bilion, melebihi sasaran sebanyak RM1.9 bilion di bawah IMP3. Bagi tempoh yang sama, eksport juga telah melebihi sasaran sebanyak 13.9 peratus dengan jumlah eksport RM17.2 bilion.

Sebagai langkah menghalang kemasukan produk yang kurang berkualiti, Standard Malaysia mandatori dikenakan bagi empat jenis produk dawai. Standard-standard tersebut akan dikuatkuasakan melalui Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, 1994.

Pengeluaran keluli dunia terus mencatat pertumbuhan melebihi 7 peratus selama lima tahun berturut-turut pada 2007. Berbanding 2006, jumlah pengeluaran keluli meningkat sebanyak 7.5 peratus kepada 1.3 bilion MT, merupakan tahap tertinggi keluaran keluli mentah setakat ini. Republik Rakyat China kekal sebagai pengeluar utama keluli pada 2007, menghasilkan 36.4 peratus daripada jumlah keluli dunia, diikuti oleh Jepun (8.9 peratus) dan AS (7.2 peratus).

Malaysia, sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Keluli Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (*Organisation for Economic Co-operation and Development* - OECD), terlibat dalam perkongsian maklumat dan perbincangan mengenai isu-isu berkaitan industri keluli. Jawatankuasa berkenaan terdiri daripada 30 negara ahli, termasuk negara pengeluar keluli utama seperti Brazil, Republik Rakyat China, India, Persekutuan Rusia, AS dan Ukraine. Antara fokus Jawatankuasa berkenaan adalah impak industri keluli dunia ke atas alam sekitar, dan kecekapan teknologi bagi meningkatkan kualiti produk keluli yang dihasilkan.

Malaysia merupakan negara kedua tertinggi dalam penggunaan keluli di kalangan negara-negara ASEAN pada 2007, dengan *Apparent Steel Consumption* (ASC) berjumlah 7.1 juta MT selepas Thailand yang mendahului sejak 2001. ASC menunjukkan jumlah keluli yang digunakan dalam projek pembangunan dan sektor perkilangan sesebuah negara. Singapura mengekalkan kedudukan sebagai negara dengan tahap ASC per kapita tertinggi di ASEAN pada 512 kg, diikuti dengan Malaysia (262 kg per kapita), Thailand (199 kg per kapita) dan Viet Nam (72 kg per kapita).

Industri keluli tempatan terus berkembang dengan peningkatan kapasiti dalam aktiviti huluan. Pelaburan dalam projek baru dan pembesaran pada 2007 adalah bagi pengeluaran HRC dan CRC berasaskan bijih besi gred tinggi bagi pasaran khusus E&E, industri automotif dan perkapalan.

Pengeluaran pertama *electro galvanised iron* (EGI) telah bermula pada 2007, dengan pelaksanaan dua projek melibatkan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 240,000 MT setahun. Permulaan pengeluaran EGI tempatan akan mengurangkan pergantungan kepada EGI import, yang kini dianggarkan berjumlah 250,000 MT setahun. Industri yang menggunakan EGI adalah automotif dan E&E, yang pada masa ini mengimport keseluruhan keperluan EGI.

INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN

Industri jentera dan kelengkapan (M&E), merupakan pemangkin penting dalam pembangunan berterusan sektor perkilangan di Malaysia. Dengan hubung kait menyeluruh dengan industri lain, industri ini menjadi salah satu penyumbang utama yang membantu negara meningkatkan rantaian nilai. Industri M&E merangkumi empat subsektor iaitu mesin khusus, mesin jana kuasa, mesin kerja logam, dan jentera dan kelengkapan perindustrian am.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran keseluruhan industri M&E mencatatkan peningkatan 1.1 peratus kepada 105.8 pada 2007 daripada 104.6 pada 2006. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi ke atas mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri bagi memenuhi pelaburan baru dalam sektor perkilangan. Indeks pengeluaran bagi subsektor mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara merekodkan peningkatan sebanyak 7.8 peratus kepada 98.7, berbanding 91.6 pada 2006. Walau bagaimanapun, disebabkan permintaan yang lebih rendah, indeks pengeluaran pam, kompresor, tap aliran dan injap merosot sebanyak 10.4 peratus kepada 124.1, daripada 138.5 pada 2006.

Jadual 5.47:
Indeks Pengeluaran Produk Terpilih bagi Industri Jentera dan Kelengkapan

Produk	2007	Perubahan (%)	2006
Industri M&E	**105.8**	**1.1**	**104.6**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri	98.7	7.8	91.6
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	124.1	-10.4	138.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun asas 2000 = 100

Jualan

Pada 2007, jualan industri M&E berjumlah RM5,897.7 juta, berbanding RM5,787.5 juta pada 2006. Jualan bagi produk mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri pada 2007 meningkat sebanyak 1.7 peratus kepada RM3,785.4 juta, berbanding RM2,064.9 juta pada 2006. Jualan untuk produk pam, kompresor, tap aliran dan injap juga meningkat kepada RM2,112.2 juta pada 2007, berbanding RM2,064.9 juta pada 2006.

Jadual 5.48:
Jualan Produk Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Industri M&E	**5,897.7**	**1.9**	**5,787.5**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri	3,785.4	1.7	3,722.6
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	2,112.2	2.3	2,064.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri M&E menurun sebanyak 9.2 peratus kepada 11,536 pekerja pada 2007, berbanding 12,700 pekerja pada 2006. Pengurangan pekerja dapat dilihat bagi produk pam, kompresor, tap aliran dan injap yang mencatatkan penurunan 13.5 peratus, sementara produk mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri mencatatkan penurunan 6 peratus. Penggunaan automasi telah menyebabkan penurunan guna tenaga dalam industri M&E, walaupun terdapat peningkatan dalam pengeluaran produk secara keseluruhan.

Produktiviti

Produktiviti industri M&E meningkat 7 peratus kepada RM114,430 pada 2007 daripada RM106,900 pada 2006. Di kalangan industri, perkilangan mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri mencatatkan pertumbuhan produktiviti tertinggi sebanyak 9 peratus, disebabkan peningkatan penggunaan kapasiti berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk produk ini. Industri M&E telah berupaya mengekalkan kos daya saing buruh seperti ditunjukkan dalam penurunan 8.3 peratus Unit Kos Buruh.

Jadual 5.49:
Guna Tenaga dalam Produk Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan

Produk	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Industri M&E	**11,536**	**-9.2**	**12,700**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri	6,890	-6.0	7,327
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	4,646	-13.5	5,373

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.50:
Petunjuk Produktiviti Industri Jentera dan Kelengkapan

Subsektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Industri M&E	**114.4**	**7.0**	**106.9**	**30.9**	**4.1**	**29.7**	**0.0599**	**-8.3**	**0.0653**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri	131.4	9.0	120.5	28.7	6.3	27.0	0.0505	-7.9	0.0549
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	90.8	4.45	86.9	34.0	1.0	33.7	0.0764	-9.0	0.0840

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 98 projek dengan pelaburan sebanyak RM1,765.3 juta telah diluluskan bagi industri M&E, berbanding 102 projek dengan pelaburan RM1,267.2 juta pada 2006. Pelaburan domestik pada 2007 berjumlah RM545.7 juta, berbanding RM610.3 juta pada 2006. Pelaburan asing sebanyak 69.1 peratus daripada jumlah pelaburan pada 2007 bernilai RM1,219.6 juta, berbanding RM656.9 juta pada 2006. Sumber utama pelaburan adalah daripada Perancis, dengan pelaburan sebanyak RM692.8 juta, AS (RM183.5 juta), Iran (RM92 juta), Belanda (RM72.9 juta) dan Itali (RM30.9 juta).

Jadual 5.51:
Pelaburan dalam Industri Jentera dan Kelengkapan

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**98**	**-3.9**	**102**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,765.3**	**39.3**	**1,267.2**
Domestik (RM juta)	545.7	-10.6	610.3
Asing (RM juta)	1,219.6	85.7	656.9

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Daripada jumlah 98 projek diluluskan, 39 adalah untuk subsektor mesin khusus bagi industri tertentu, dengan pelaburan RM1,235.6 juta, berbanding 46 projek (RM732.1 juta) pada 2006. Sejumlah 58 projek telah diluluskan untuk subsektor jentera dan kelengkapan perindustrian am dengan pelaburan bernilai RM490.3 juta, berbanding 49 projek (RM488.8 juta) pada 2006. Satu projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM39.4 juta telah diluluskan bagi subsektor mesin jana kuasa, berbanding nilai pelaburan berjumlah RM34.4 juta yang melibatkan lima projek pada 2006.

Jadual 5.52:
Pelaburan dalam Subsektor Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan

Butiran	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
M&E	**1,765.3**	**43.6**	**1,229.2**
Mesin khusus bagi industri tertentu	1,235.6	68.8	732.1
Jentera dan kelengkapan perindustrian am	490.3	0.31	488.8
Mesin jana kuasa	39.4	14.5	34.4
Mesin kerja logam	*nil*	-	8.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Dalam tempoh dua tahun ke belakang, industri M&E telah menjadi penyumbang ketiga terbesar eksport barangan perkilangan, menyumbang RM21,895.4 juta atau 3.6 peratus syer, berbanding RM19,842.9 juta atau 3.4 peratus syer bagi 2006. Eksport industri ini yang berkembang sebanyak 10.6 peratus pada 2007, kebanyakannya disumbangkan oleh subsektor jentera dan kelengkapan perindustrian am diikuti oleh subsektor mesin khusus dan mesin jana kuasa.

Destinasi eksport utama ialah Singapura, dengan nilai eksport sebanyak RM4,473.1 juta, Thailand (RM1,904.6 juta) dan AS (RM1,745.5 juta). Eksport M&E utama ialah produk jentera

Carta 5.3:
Eksport Produk Jentera dan Kelengkapan



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

dan kelengkapan perindustrian am berjumlah RM11,669.5 juta, mesin khusus bagi industri tertentu (RM5,612.2 juta), mesin jana kuasa (RM3,083 juta) dan produk mesin kerja logam (RM1,530.6 juta).

Import

Import produk M&E meningkat 14.1 peratus kepada RM42,764.1 juta pada 2007, berbanding RM37,438.2 juta pada 2006. Sumber import utama ialah Jepun, dengan import berjumlah RM9,027.2 juta, AS (RM7,184.5 juta) dan Republik Rakyat China (RM5,640.3 juta). Import utama ialah produk jentera dan kelengkapan perindustrian am berjumlah RM15,721.4 juta, mesin khusus (RM12,617.2 juta) diikuti oleh mesin jana kuasa (RM10,571.5 juta) dan mesin kerja logam (RM3,853.9 juta).

Perkembangan

Pada 2007, kajian semula menyeluruh telah dilaksanakan ke atas keperluan bagi lesen import produk M&E. Kajian semula ini telah dijalankan melalui perbincangan dengan Persatuan Pengilang Jentera dan Kelengkapan (MEMA) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Susulan daripada kajian

Carta 5.4:
Import Produk Jentera dan Kelengkapan



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

semula tersebut, keperluan lesen import untuk 29 baris tarif dimansuhkan pada Januari 2008, sementara lesen import ke atas enam garis tarif lagi akan dimansuhkan bermula Januari 2009.

Produk-produk yang lesen importnya dimansuhkan pada Januari 2008:

KOD HS	BUTIRAN
842710000	*Self-propelled trucks powered by an electric motor*
842720000	*Other self-propelled trucks*
842790000	*Other trucks fitted with lifting or handling equipment*
842930000	*Scrapers, self-propelled*
842940200	*Tamping machines*
842952000	*Machinery with a 360 degree revolving super structure*
842959000	*Other mechanical shovels, excavators and shovel loaders, self- propelled*
843010000	*Pile-drivers and pile-extractors*
843031000	*Coal or rock cutters and tunnelling machinery, self-propelled*
843039000	*Coal or rock cutters and tunnelling machinery, o/t self-propelled*
843041000	*Boring or sinking machinery, self-propelled*
843049110	*Wellhead module, for use in oil drilling operations*
843049120	*Integrated production module, for use in oil drilling operations*
843049900	*Other boring or sinking machinery, o/t self-propelled*
843050000	*Other machinery, self- propelled*
843061000	*Tamping or compacting machinery, not self-propelled*
843069000	*Other machineries, not self-propelled*
843110000	*Parts pulley tackle and hoist o/t skip hoists*
843120100	*Parts self-propelled trucks powered by an electric motor and other self-propelled trucks*
843120200	*Parts trucks fitted with lifting or handling equipment*
843120900	*Parts fork-lift trucks*
843141100	*Parts of buckets, shovels, grabs and grips for heading no.84.26*
843141900	*Parts buckets, shovels, grabs and grips, other*
843142000	*Parts bulldozer or angle dozer blades*
843143000	*Parts boring or sinking machinery*
843149100	*Parts road rollers, vibratory and others*
843149210	*Parts straddle carriers and crane trucks on tyres*
843149290	*Parts mobile lifting frames on tyres*
843149900	*Other parts of machinery*

Produk-produk yang lesen importnya akan ditarik balik pada Januari 2009:

KOD HS	BUTIRAN
842911000	*Track-laying, bulldozers and angledozers*
842919000	Lain-lain *bulldozers and angledozers*
842920000	*Graders and levelers*
842940110	*Road rollers, vibratory*
842940190	*Road rollers, lain-lain*
842951000	*Front-end shovel loaders*

Initiatif juga telah diambil pada 2007 untuk menerima pakai standard mandatori bagi produk M&E. Melalui perbincangan dengan industri, Jawatankuasa Standard Mandatori Industri di MITI telah mencadangkan supaya standard mandatori diterima pakai untuk kren menara, dan lif dan escalators.

Jabatan Standard Malaysia kini sedang berusaha untuk menerima pakai EN14439 (*European Harmonised Code: Crane-Safety-Tower Cranes*) sebagai standard mandatori untuk kren menara. Standard ini dijangka akan dikuatkuasakan pada 2009 oleh Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (DOSH) melalui Akta Kilang dan Jentera, 1967.

Jawatankuasa Standard Mandatori Industri telah mencadangkan supaya Standard Malaysia berikut diterima sebagai standard mandatori untuk lif dan *escalator*:

- *MS 1918: 2006 (Safety Rules for the Construction and Installation of Escalators and Passenger Conveyors)* – bersamaan dengan *European Harmonised Code, EN115* untuk *escalator* atau seumpamanya;

- *MS 2021: 2006 (Safety Rules for the Construction and All Installation of Electric Lifts)* – bersamaan dengan *European Harmonised Code, EN81-1* untuk lif elektrik atau seumpamanya;

- *MS 2021: Part 2 : 2007 (Safety Rules for the Construction and Installation of Lifts - Part 2: Hydraulic Lifts)* – bersamaan dengan *European Harmonised Code, EN81-2* untuk lif hidraulik atau seumpamanya; dan

- *MS ISO 4344 (Steel Wire Ropes for Lifts* – Keperluan Minimum).

INDUSTRI GALIAN BUKAN LOGAM

Industri galian bukan logam terdiri daripada empat subsektor, iaitu produk simen dan konkrit, seramik dan produk berasaskan tanah liat, kaca dan produk kaca, dan produk galian bukan logam seperti kapur tohor, *barite*, marmar dan granit.

Pengeluaran

Pada 2007, indeks pengeluaran produk galian bukan logam meningkat 0.4 peratus kepada 117.4, daripada 117 pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan dalam pengeluaran subsektor produk simen dan konkrit sebanyak 7.1 peratus kepada 130.8 pada 2007 daripada 122.1 pada 2006. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pertambahan permintaan simen di Sabah dan permintaan yang lebih tinggi untuk konkrit siap dicampur bagi projek infrastruktur.

Indeks pengeluaran bagi subsektor seramik menurun sebanyak 14.2 peratus kepada 97.9 dalam 2007, daripada 114.1 pada tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang rendah terhadap produk seramik *refractory* bagi projek pembinaan bangunan. Produk structural *non-refractory clay* dan seramik juga berkurang sebanyak 10.1 peratus kepada 103.2 pada tahun 2007, daripada 114.9 pada tahun 2006, disebabkan oleh kelembapan dalam sektor perumahan.

Jadual 5.53:
Indeks Pengeluaran Subsektor Terpilih bagi Industri Galian Bukan Logam

Subsektor	2007	Perubahan (%)	2006
Produk Galian Bukan Logam	**117.4**	**0.4**	**117.0**
Produk simen dan konkrit	**130.8**	**7.1**	**122.1**
Simen hidraulik	135.4	6.6	127.0
Konkrit siap dicampur	126.5	10.9	114.0
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	120.2	5.1	114.4
Produk Seramik dan Tanah liat	**97.9**	**-14.2**	**114.1**
Produk seramik refraktori	95.5	-16.1	113.8

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jumlah kapasiti terpasang untuk simen pada 2007 ialah 28.3 juta tan metrik (MT) manakala jumlah pengeluaran ialah 19.5 juta MT, menunjukkan kadar penggunaan kapasiti sebanyak 68.8 peratus. Jumlah kapasiti terpasang untuk klinker pada 2007 ialah 17.8 juta MT. Pengeluaran klinker pada 2007 berjumlah 15.3 juta MT dengan penggunaan kapasiti pada 85.8 peratus.

Jadual 5.54:
Kapasiti Terpasang dan Kadar Penggunaan bagi Simen dan Klinker

Produk	Klinker		Simen	
	2007	2006	2007	2006
Kapasiti terpasang (juta MT)	17.8	17.8	28.3	28.3
Pengeluaran (juta MT)	15.3	15.8	19.5	18.6
Penggunaan kapasiti (%)	85.8	88.8	68.8	65.7

Sumber: Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia

Jualan

Pada 2007, jualan produk galian bukan logam meningkat sebanyak 7.7 peratus kepada RM11,229.8 juta, berbanding RM10,430.2 juta pada 2006. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh pertambahan jualan subsektor produk simen dan konkrit.

Pada 2007, jualan produk subsektor simen dan konkrit meningkat 14.6 peratus kepada RM6,118.5 juta daripada RM5,340.9 juta pada 2006. Jualan untuk simen hidraulik meningkat kepada RM3,298.7 juta pada 2007, daripada RM2,964.5 juta pada 2006, sementara jualan untuk konkrit siap dicampur meningkat 20 peratus kepada RM1,621.9 juta pada 2007, daripada RM1,351.9 juta pada tahun 2006. Jualan untuk artikel konkrit, simen dan plaster juga meningkat 16.9 peratus kepada RM1,198 juta pada 2007, daripada RM1,024.6 juta pada 2006. Peningkatan ini disebabkan peningkatan mendadak aktiviti pembinaan yang menyebabkan pertambahan permintaan untuk produk simen.

Jualan untuk kaca dan produk kaca meningkat 3.7 peratus kepada RM2,321.9 juta pada 2007 daripada RM2,238.1 juta pada 2006. Peningkatan jualan ini adalah disebabkan oleh pertambahan penggunaan kaca dalam pembinaan bangunan kediaman dan komersil serta peningkatan pengeluaran dalam sektor automotif.

Jadual 5.55:
Jualan bagi Produk Galian Bukan Logam Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Produk Galian Bukan Logam	**11,229.8**	**7.7**	**10,430.2**
Produk simen dan konkrit	**6,118.5**	**14.6**	**5,340.9**
Simen hidraulik	3,298.7	11.3	2,964.5
Konkrit siap dicampur	1,621.9	20.0	1,351.9
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	1,198.0	16.9	1,024.6
Kaca dan produk kaca	**2,321.9**	**3.7**	**2,238.1**
Seramik dan produk berasaskan tanah liat	**1,917.5**	**-2.5**	**1,967.3**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	468.8	3.1	454.8
Produk seramik refraktori	379.4	0.5	377.7
Pengilangan produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	1,069.3	-5.8	1,134.9
Produk galian bukan logam lain	**871.8**	**-1.4**	**883.9**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jualan untuk seramik dan produk berasaskan tanah liat pada 2007 merosot 2.5 peratus kepada RM1,917.5 juta, daripada RM1,967.3 juta pada tahun 2006. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang rendah ke atas seramik dan produk berasaskan tanah liat, khususnya barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur, produk seramik refraktori dan produk berasaskan tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik. Pengeluar seramik tempatan juga menghadapi persaingan daripada produk seramik yang diimport.

Guna Tenaga

Guna tenaga industri galian bukan logam meningkat 2.2 peratus kepada 42,321 pekerja pada 2007, daripada 41,423 pada 2006. Guna tenaga bagi subsektor simen berkembang sebanyak 0.3 peratus kepada 13,139 pekerja, manakala guna tenaga dalam subsektor konkrit siap dicampur bertambah sebanyak 5.6 peratus kepada 3,631 pekerja. Pertambahan ini disebabkan oleh kecenderungan yang tinggi terhadap penggunaan konkrit siap dicampur dalam projek pembinaan.

Pada 2007, guna tenaga dalam subsektor seramik menurun sebanyak 1.9 peratus kepada 19,355 pekerja, daripada 19,739 pada 2006. Pengurangan ini disebabkan oleh penurunan keseluruhan dalam pengeluaran produk seramik. Guna tenaga dalam subsektor kaca dan produk kaca meningkat sebanyak 9 peratus kepada 7,592 pekerja pada 2007, daripada 6,966 pekerja pada 2006.

Guna tenaga bagi lain-lain produk galian bukan logam meningkat dengan ketara sebanyak

Jadual 5.56:
Guna Tenaga dalam Industri Galian Bukan Logam

Subsektor	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Industri Galian Bukan Logam	**42,321**	**2.2**	**41,423**
Produk simen dan konkrit	**13,139**	**0.3**	**13,105**
Simen hidraulik	3,403	1.2	3,362
Konkrit siap dicampur	3,631	5.6	3,438
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	6,105	-3.2	6,305
Seramik dan produk berasaskan tanah liat	**19,355**	**-1.9**	**19,739**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	6,060	6.3	5,701
Produk seramik refraktori	4,186	-5.3	4,420
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	9,109	-5.3	9,618
Kaca dan produk kaca	**7,592**	**9.0**	**6,966**
Produk galian bukan logam lain	**2,235**	**38.6**	**1,613**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.57:
Petunjuk Produktiviti dalam Industri Galian Bukan Logam Terpilih

Subsektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Industri Galian Bukan Logam	**78.1**	**9.1**	**71.6**	**24.5**	**4.6**	**23.5**	**0.0896**	**-5.2**	**0.0945**
Produk simen dan konkrit	**108.3**	**12.1**	**96.5**	**28.8**	**5.4**	**27.4**	**0.0621**	**-5.7**	**0.0659**
Simen hidraulik	231.97	8.10	214.6	44.99	9.61	41.05	0.0476	2.41	0.0464
Konkrit siap dicampur	64.62	11.88	57.8	26.07	5.73	24.66	0.0575	-10.02	0.0639
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	65.59	23.07	53.3	21.49	0.99	21.28	0.1061	-15.03	0.1249
Seramik dan produk berasaskan tanah liat	**36.3**	**1.7**	**35.7**	**18.6**	**1.0**	**18.4**	**0.1827**	**-2.0**	**0.1865**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	30.85	5.90	29.1	16.33	2.37	15.95	0.1981	-5.93	0.2105
Produk seramik refraktori	35.54	11.71	31.8	15.46	4.06	14.86	0.1660	-7.75	0.1800
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	40.17	-3.88	41.8	21.55	-1.03	21.78	0.1819	1.61	0.1790
Kaca dan produk kaca	**115.6**	**5.7**	**109.3**	**31.3**	**4.5**	**29.9**	**0.0935**	**-0.89**	**0.0927**
Produk galian bukan logam lain	**146.9**	**14.1**	**128.7**	**29.3**	**14.6**	**25.6**	**0.0651**	**2.03**	**0.0664**

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.58:
Pelaburan dalam Industri Galian Bukan Logam

Subsektor/Segmen	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Industri Galian Bukan Logam	**1,301.0**	**-11.5**	**1,166.5**
Seramik dan produk berasaskan tanah liat	**341.3**	**118.2**	**156.4**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	175	741.3	20.8
Produk seramik refraktori	148.5	-179.1	53.2
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	17.8	-78.3	82.4
Produk simen and konkrit	**116.7**	**-10.9**	**131.1**
Simen hidraulik	65	-	n.a. 1
Kapur tohor dan plaster	4.7	-89.8	46.1
Konkrit siap dicampur	5	-84.7	32.6
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	42	-19.8	52.4
Kaca dan produk kaca	**751.6**	**- 7.5**	**812.3**
Produk galian bukan logam lain	**91.4**	**37**	**66.7**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

38.6 peratus kepada 2,235 pekerja pada 2007, daripada 1,613 pekerja pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi dan kecenderungan untuk menggunakan kaca dalam bangunan komersil dan kediaman mewah.

Produktiviti

Produk galian bukan logam mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 9.1 peratus. Semua subsektor mencatatkan pertumbuhan produktiviti antara 1.7 hingga 14.1 peratus. Industri ini mendapat manfaat daripada perkembangan industri lain, khasnya industri pembinaan dan industri kelengkapan pengangkutan.

Industri ini mampu mengekalkan daya saing kos buruh seperti yang ditunjukkan dengan penurunan 5.2 peratus dalam Unit Kos Buruh. Kos Buruh setiap Pekerja meningkat 4.6 peratus menunjukkan penggunaan lebih ramai pekerja mahir di dalam industri ini.

Pelaburan

Pada 2007, pelaburan yang telah diluluskan untuk industri galian bukan logam meningkat 11.5 peratus kepada RM1,301.0 juta, daripada RM1,166.5 juta pada 2006. Pelaburan asing menyumbang 77.4 peratus daripada jumlah pelaburan dengan nilai RM1,007.6 juta, sementara syer pelaburan domestik adalah 22.5 peratus (RM293.4 juta). Sejumlah 16 projek telah diluluskan pada 2007, berbanding 29 projek pada 2006.

Pelaburan yang telah diluluskan bagi kaca dan produk kaca berjumlah RM751.6 juta mewakili 57.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam subsektor seramik berjumlah RM341.3 juta manakala pelaburan dalam subsektor produk simen dan konkrit berjumlah RM116.7 juta.

Eksport

Pada 2007, jumlah eksport untuk produk galian bukan logam meningkat 12.6 peratus kepada RM3,936.2 juta, berbanding RM3,495.9 juta pada 2006. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh eksport kaca dan produk kaca yang lebih tinggi. Eksport utama adalah kaca dan produk kaca berjumlah RM1,663.9 juta, kapur tohor, simen dan fabrikasi bahan pembinaan (RM846.5 juta) dan pengeluaran bahan mineral (RM812.1 juta). Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan nilai eksport sebanyak RM818.8 juta, Indonesia (RM460.7 juta) dan Jepun (RM432.4 juta).

Import

Import untuk produk galian bukan logam meningkat sebanyak 13.1 peratus kepada RM3,759.1 juta, daripada RM3,270.9 juta pada 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan

Carta 5.5:
Eksport Produk Galian Bukan Logam Terpilih



	Jumlah Eksport	Kaca dan Produk Kaca	Produk Lain	Produk Simen	Produk Seramik
2007	3,936.22	1,663.85	858.10	846.52	567.70
2006	3,495.86	1,525.49	690.80	724.91	554.60

Subsektor

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 5.6:
Import Produk Galian Bukan Logam Terpilih



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

oleh import yang lebih ke atas bahan mineral. Sumber import utama adalah AS, dengan jumlah import sebanyak RM754.5 juta, Jepun (RM715.2 juta), Republik Rakyat China (RM545.8 juta), Singapura (RM241.1 juta) dan Indonesia (RM234.3 juta).

Perkembangan

SIRIM sedang berusaha untuk menjadikan *MS1817:2005, Ceramic Tableware-Specification* sebagai Standard Malaysia (MS) yang akan dikuatkuasakan sebagai standard mandatori oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) di bawah Akta Perlindungan Pengguna, 1999. Standard ini mengariskan penentuan tahap petunjuk minimum dalam aspek berkaitan kesihatan pengguna awam dan juga meliputi syarat lain seperti penyerapan air, tahan panas, tahan serpih dan penyalutan.

Standard mandatori juga sedang dipertimbangkan untuk produk *glass float* seperti *clear float glass*, *tinted float glass*, *reflective glass* dan *wired glass*. MS yang akan diperkenalkan adalah *MS1135:1989, Spesifikasi* bagi *Float* dan *Polished Float Glass* yang akan dikuatkuasakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) melalui Akta CIDB, 1994 dan oleh Jabatan Kastam Diraja melalui Akta Kastam, 1967.

INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN

Industri tekstil dan pakaian adalah penyumbang eksport kesembilan terbesar dalam sektor perkilangan pada 2007. Industri tekstil dan pakaian terdiri daripada tekstil primer (pempolimeran, memintal, penenunan, jahitan dan pemprosesan basah), perkilangan pakaian, perkilangan tekstil, serta aksesori tekstil dan pakaian.

Pengeluaran

Pada 2007, indeks pengeluaran industri tekstil dan pakaian menurun 9.6 peratus kepada 81.2, berbanding 89.8 pada 2006. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan dalam pengeluaran tekstil dan pakaian, berikutan penyumberan luar aktiviti berintensifkan buruh ke lokasi luar negara yang lebih kompetitif dari segi kos oleh pengeluar Malaysia.

Jadual 5.59:
Indeks Pengeluaran bagi Industri Tekstil dan Pakaian

Industri	2007	Perubahan (%)	2006
Tekstil dan Pakaian	**81.2**	**-9.6**	**89.8**
Tekstil	76.2	-12.2	86.8
Pakaian	89.2	-5.7	94.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Jualan

Jualan dalam industri tekstil dan pakaian menurun sebanyak 7.7 peratus kepada

RM7,594.1 juta daripada RM8,228.4 juta pada 2006. Jualan tekstil mengalami penurunan sebanyak 11.7 peratus kepada RM4,535.3 juta, manakala jualan pakaian mengalami penurunan sebanyak 1 peratus kepada RM3,058.8 juta pada 2007. Penurunan dalam nilai jualan dipengaruhi oleh pengukuhan nilai Ringgit dan harga yang lebih kompetitif.

Jadual 5.60:
Jualan Produk Tekstil dan Pakaian

Industri	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Tekstil dan Pakaian	**7,594.1**	**-7.7**	**8,228.4**
Tekstil	4,535.3	-11.7	5,138.7
Pakaian	3,058.8	-1.0	3,089.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Guna Tenaga

Sejumlah 66,989 pekerja telah diambil bekerja dalam sektor tekstil dan pakaian pada 2007, berbanding 65,023 pekerja pada 2006. Peningkatan dalam pengambilan pekerja adalah berpunca daripada peningkatan pelaburan di dalam sektor tekstil dan pakaian.

Jadual 5.61:
Guna Tenaga dalam Industri Tekstil dan Pakaian

Industri	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Tekstil dan Pakaian	**66,989**	**3.0**	**65,023**
Tekstil	23,649	1.1	23,398
Pakaian	43,340	4.1	41,625

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Produktiviti

Produktiviti dalam industri tekstil dan pakaian mencatatkan penurunan sebanyak 8.9 peratus kepada RM23,446 bagi 2007, berbanding RM25,724 pada 2006. Penurunan ini disumbangkan terutamanya oleh kapasti penggunaan yang lebih rendah, berikutan kurangnya permintaan dari luar negara untuk produk tekstil dan pakaian.

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 22 projek bernilai RM1,401 juta telah diluluskan, berbanding 30 projek dengan nilai pelaburan RM821.3 juta pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM100.1 juta, sementara pelaburan asing menyumbangkan sebanyak RM1,300.8 juta atau 92.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Dua projek pelaburan diluluskan pada 2007 adalah bagi pengeluaran produk tekstil bersepadu dengan pelaburan RM1.2 bilion, dan bagi perkilangan pakaian berbulu berjumlah RM25.5 juta. Sebahagian besar pelaburan melibatkan pembuatan pakaian, produk tekstil bersepadu dan pakaian berbulu. Sumber utama pelaburan adalah dari India, Taiwan, Hong Kong SAR dan Pakistan.

Bagi mengekalkan daya saing, syarikat tempatan yang terlibat di dalam industri tekstil dan pakaian telah memindahkan aktiviti berintensifkan buruh mereka ke negara yang lebih kompetetif dari segi kos. Sehingga kini,

Jadual 5.62:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Tekstil dan Pakaian

Industri	Produktitviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Industri Tekstil dan Pakaian	**23.4**	**-8.9**	**25.7**	**12.9**	**-2.2**	**13.2**	**0.1091**	**5.7**	**0.1032**
Tekstil	**38.2**	**-3.5**	**39.6**	**15.6**	**0.1**	**15.6**	**0.0760**	**4.7**	**0.0726**
Memintal fiber asli; menenun tekstil	9.8	-27.0	13.5	15.0	-0.3	15.0	0.1298	9.4	0.1187
Memintal fiber buatan manusia; menenun tekstil	42.0	-16.0	50.1	16.1	1.4	15.9	0.0528	10.2	0.0480
Mewarna, meluntur, mencetak dan menyiapkan benang dan fabrik (kecuali batik)	61.9	20.9	51.2	20.0	1.1	19.8	0.0919	-3.8	0.0955
Kain bersulam dan barang berkaitan	30.6	5.5	29.0	13.1	-1.1	13.3	0.1085	-10.2	0.1209
Pakaian	**15.6**	**-10.8**	**17.5**	**11.5**	**-2.6**	**11.8**	**0.1590**	**3.1**	**0.1542**

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

pelaburan di luar negara di dalam industri tekstil dan pakaian berjumlah RM772 juta. Sejumlah besarnya adalah di Republik Rakyat China, dengan pelaburan bernilai RM661.2 juta, Viet Nam (RM93.7 juta), Kemboja (RM7.6 juta), dan Filipina (RM1.9 juta).

Jadual 5.63:
Pelaburan dalam Industri Tekstil dan Pakaian

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**22**	**-26.7**	**30**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,401.0**	**70.6**	**821.3**
Asing (RM juta)	1,300.8	85.0	669.1
Domestik (RM juta)	100.1	754.8	152.2

Sumber : Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Pada 2007, jumlah eksport bagi industri tekstil dan pakaian bernilai RM10,262.9 juta merekodkan penurunan sebanyak 3.2 peratus daripada RM10,601.9 juta pada 2006. Eksport tekstil menurun kepada RM5,291.0 juta daripada RM5,566.9 juta pada 2006, manakala pakaian merekodkan penurunan marginal sebanyak 1.3 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh pengukuhan nilai Ringgit berbanding Dolar AS.

Pada 2007, AS merupakan pasaran utama bagi eksport tekstil dan pakaian dengan nilai eksport RM2,660.7 juta, iaitu 25.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport bagi tekstil dan pakaian. Destinasi eksport lain ialah Turki, dengan nilai eksport sebanyak RM750 juta dan Jepun (RM570 juta). Barangan utama eksport ialah benang tekstil bernilai RM3,400 juta diikuti dengan jersi dikait serta pakaian bayi bernilai RM1,100 juta.

Jadual 5.64:
Eksport Produk Tekstil dan Pakaian

Industri	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Tekstil dan Pakaian	**10,262.9**	**-3.2**	**10,601.9**
Tekstil	5,291.0	-5.0	5,566.9
Pakaian	4,971.9	-1.3	5,035.9

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import

Import bagi industri tekstil dan pakaian meningkat 3.9 peratus kepada RM5,656.7 juta pada 2007, berbanding RM5,445.3 juta pada 2006. Sumber import utama pada 2007 adalah Republik Rakyat China, dengan nilai eksport RM2,037.5 juta, menyumbang 36 peratus daripada jumlah import tekstil dan pakaian, diikuti dengan Taiwan sebanyak RM510.7 juta, Indonesia (RM486.9 juta), Thailand (RM421.4 juta) dan Jepun (RM319.8 juta).

Jadual 5.65:
Import Produk Tekstil dan Pakaian

Industri	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Tekstil dan pakaian	**5.656.7**	**3.9**	**5.445.3**
Tekstil	4,342.0	2.4	4,240.2
Pakaian	1,315.0	9.1	1,205.0

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Perkembangan

Pada 2007, di dalam bidang pembangunan sumber manusia, UiTM, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Kuala Lumpur, GiatMARA dan Pusat Latihan MATAC telah melatih seramai 4,149 pelajar yang mengikuti kursus seperti perkilangan tekstil, rekaan pakaian, pembuatan paten dan perkilangan pakaian.

Kerajaan telah menyediakan Geran Pembangunan Pasaran dan Geran Promosi Jenama untuk menggalakkan syarikat mengembangkan pasaran eksport. Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi telah dilancarkan pada Februari 2007 untuk meningkatkan keupayaan industri perkilangan termasuk industri tekstil dan pakaian. Sejumlah RM7.2 juta telah dikeluarkan di bawah Pinjaman Mudah bagi Skim Automasi dan Modenisasi untuk industri tekstil dan pakaian.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta kepada MATAC, bagi meningkatkan kemudahan serta menambah kursus latihan kemahiran. Pusat latihan MATAC ini terletak di Batu Pahat, Johor, dan mempunyai kapasiti untuk melatih 200-250 pelajar setahun. Program yang ditawarkan akan membantu pelajar meningkatkan pengetahuan teknikal dan kemahiran merangkumi keseluruhan rantaian nilai industri pakaian, bermula daripada perkilangan tekstil hingga rekaan pakaian dan pembuatan paten.

INDUSTRI PERALATAN PERUBATAN

Industri peralatan perubatan terdiri daripada produk yang digunakan dalam penjagaan kesihatan untuk diagnosis, pencegahan, pemantauan atau rawatan penyakit, kecederaan atau hilang upaya dan peralatan pergigian, peralatan guna buang dan ortopedik.

Industri peralatan perubatan di Malaysia merangkumi perkilangan peralatan implan, peralatan ortopedik, kelengkapan dialisis dan pengimbas, yang boleh digunakan untuk perubatan, pembedahan, pergigian, optikal dan kegunaan kesihatan am.

Pengeluaran

Pada 2007, indeks pengeluaran industri peralatan perubatan meningkat sebanyak 30.5 peratus kepada 192.3 daripada 147.3 pada 2006. Peningkatan ini adalah terutamanya disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi untuk sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan, di pasaran domestik dan global.

Jualan

Jualan peralatan perubatan mencatatkan peningkatan sebanyak 12.8 peratus atau RM1.1 bilion pada 2007, berbanding RM971.8 juta pada 2006. Peningkatan jualan ini disumbangkan terutamanya oleh pertambahan permintaan ke atas perkakasan dan peralatan rawatan pergigian dan mata.

Guna Tenaga

Pada 2007, terdapat sejumlah 6,574 pekerja dalam industri peralatan perubatan yang mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 0.8 peratus, berbanding 6,520 pekerja pada 2006. Peluang pekerjaan wujud ekoran meningkatnya pengeluaran bagi memenuhi permintaan pasaran eksport.

Produktiviti

Industri peralatan perubatan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 24.3 peratus dalam produktiviti kepada RM83,653 pada 2007, berbanding RM67,298 pada 2006. Industri peralatan perubatan berupaya mengekalkan daya saingnya memandangkan pertumbuhan produktiviti lebih cepat berbanding kos buruh bagi setiap pekerja. Perkara ini disokong oleh penurunan sebanyak 5.2 peratus Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 24 projek telah diluluskan dalam industri peralatan perubatan dengan nilai pelaburan RM526.8 juta berbanding 29 projek dengan nilai pelaburan RM1,115.6 juta pada tahun 2006. Secara keseluruhanya industri ini mencatatkan penurunan pelaburan sebanyak 52.8 peratus pada 2007.

Jadual 5.67:
Pelaburan dalam Industri Peralatan Perubatan

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**24**	**n.a**	**29**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**526.8**	**-52.8**	**1,115.6**
Domestik (RM juta)	275.3	-33.6	414.8
Asing (RM juta)	251.5	-64.1	700.8

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
n.a. = Tidak Diperolehi

Eksport

Pada 2007, nilai eksport adalah sebanyak RM7,180.2 juta merangkumi terutamanya produk sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan bernilai RM4,857.1 juta, mewakili

Jadual 5.66:
Petunjuk Produktiviti Industri Peralatan Perubatan

Industri	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Peralatan Perubatan	83.7	24.3	67.3	26.6	3.3	25.7	0.1523	-5.2	0.1606

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.68:
Eksport Produk Peralatan Perubatan Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**7,180.2**	**n.a.**	**1,682.3**
Sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan	4,857.1	8.9	(4,458.2) 1
Tiub, picagari, jarum dan benang jahitan	895.6	72.5	519.1
Aparatur x-ray perubatan dan pembedahan	225.2	36.0	165.6
Pencegah kehamilan	151.7	5.5	(143.8) 2
Peralatan elektroperubatan	129.6	20.4	107.6
Kanta oftalmik, termasuk kanta lekap	296.4	140.8	123.1
Perkakasan dan peralatan pergigian dan oftalmik	502.3	751.3	59.0
Perabut perubatan	37.8	16.3	32.5
Lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan perubatan	84.6 3	n.a.	675.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
n.a. = Tidak Diperolehi
Nota:
[1] Pada 2006, sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan bernilai RM4,458.20 juta diklasifikasi di bawah industri getah
[2] Pada 2006, produk pencegah kehamilan diklasifikasi di bawah kumpulan lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan .
[3] Pada 2007, produk di bawah kumpulan lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan diklasifikasikan semula.

68 peratus daripada jumlah eksport peralatan perubatan. Pasaran eksport utama ialah Jerman, dengan nilai eksport RM1,012.8 juta, Jepun (RM550.7 juta) dan Singapura (RM439 juta).

Import

Pada 2007, nilai import berjumlah RM2,156.8 juta. Import utama ialah perkakasan dan peralatan pergigian dan oftalmik bernilai RM581.7 juta, menyumbang 27 peratus daripada jumlah import diikuti oleh lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan perubatan (RM446.9 juta) dan tiub, picagari, jarum dan benang jahitan (RM313.5 juta).

Perkembangan

Pada 2007, bagi mempromosi eksport dan pelaburan untuk industri peralatan perubatan, MATRADE telah menyertai tujuh pameran perdagangan antarabangsa, yang telah menjana jualan bagi produk penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan bernilai RM11.2 juta. Potensi pelaburan sebanyak RM66.2 juta telah dicatatkan di Pameran Kesihatan Arab 2007.

Jadual 5.69:
Import Produk Peralatan Perubatan Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**2,156.8**	**n.a.**	**1900.0**
Sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan	82.3	19.8	(102.6) 1
Tiub, picagari, jarum dan benang jahitan	313.5	12.0	279.9
Aparatur x-ray perubatan dan pembedahan	242.2	31.5	184.1
Pencegah Kehamilan	15.3	22.4	12.52
Peralatan elektroperubatan	241.1	30.0	185.4
Kanta oftalmik, termasuk kanta lekap	205.7	0.9	203.7
Perkakasan dan peralatan pergigian dan oftalmik	581.7	4.1	558.5
Perabut perubatan	28.2	-13.5	32.6
Lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan perubatan	446.9	n.a.	451.3

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
n.a. = Tidak Diperolehi
Nota:
[1] Pada 2006, sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan bernilai RM102.6 juta juta diklasifikasi di bawah industri getah
[2] Pada 2006, produk pencegah kehamilan diklasifikasi di bawah kumpulan lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan .
[3] Pada 2007, produk di bawah kumpulan lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan diklasifikasikan semula.

Misi pemasaran penjagaan kesihatan khusus ke Jordan pada Mei 2007, telah mengenal pasti potensi jualan bernilai RM2.1 juta.

MIDA dan Kementerian Kesihatan telah menyertai MEDICA 2007 di Düsseldorf, Jerman, pada November 2007, di mana kerjasama dan usahasama pelaburan yang berpotensi bernilai RM50 juta telah direkodkan.

Bagi mengukuhkan sokongan institusi untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan, dan pematuhan standard dan peraturan antarabangsa, senarai perkhidmatan penyelidikan telah disusun oleh Nuklear Malaysia dan SIRIM. Sehubungan itu, sebuah makmal ujian telah ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjalankan ujian *biocompatibility*.

Kerajaan sedang menyediakan draf peraturan untuk industri peralatan perubatan di Malaysia yang disasarkan kepada pengilang, pengimport dan pengedar produk peralatan perubatan. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan awam, serta membolehkan pesakit mendapatkan akses awal kepada teknologi baru untuk membuat pengesanan rawatan dan diagnosis awal. Peraturan ini akan memudahkan perdagangan dan pembangunan industri peralatan perubatan. Draf peraturan yang sedang disediakan adalah selaras dengan formulasi garis panduan oleh ASEAN *Harmonization Working Party dan The Global Harmonisation Task Force* (GHTF).

GHTF adalah sebuah kumpulan sukarela bagi pihak berkuasa kebangsaan dalam industri peralatan perubatan. Objektif penubuhan GHTF adalah untuk menggalakkan pemusatan peraturan dan amalan di dalam memastikan keselamatan, keberkesanan, prestasi dan kualiti peralatan perubatan, di samping menggalakkan inovasi teknologi dan memudahkan perdagangan antarabangsa. GHTF menerbit dan mengedarkan dokumen bagi amalan peraturan asas peralatan perubatan. Dokumen tersebut menyediakan model bagi peraturan industri peralatan perubatan yang boleh diguna pakai dan dilaksanakan oleh pihak berkuasa kebangsaan.

Sebelum penguatkuasaan penuh peraturan industri peralatan dan perubatan, skim pendaftaran sukarela yang dinamakan Skim Pendaftaran Sukarela bagi Pertubuhan yang Berurusan dengan Peralatan Perubatan (MeDVER) telah lancarkan pada awal 2006. Ia diperkenalkan untuk memahamkan pihak-pihak yang terlibat dalam proses pendaftaran dan memudahkan peralihan peraturan peralatan perubatan yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya. Sehingga kini, 500 buah syarikat termasuk pengilang, pengedar dan pengimport telah mendaftar dengan Kementerian Kesihatan di bawah skim ini.

INDUSTRI KAYU DAN PRODUK KAYU

Industri kayu dan produk kayu meliputi produk kayu dan produk kertas. Produk kayu merangkumi kayu digergaji, kepingan venier dan papan lapis, binaan pertukangan tanggam, papan berlamina, papan partikel, panel dan papan jenis lain, dan perabot dan kelengkapan kayu. Produk kertas termasuk pulpa, kertas dan papan kertas, kertas gelugur, dan bekas kertas dan papan kertas.

Pengeluaran

Indeks keseluruhan pengeluaran industri kayu dan produk kayu meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada 127.1 pada 2007, daripada 121 pada 2006. Peningkatan keseluruhan pengeluaran adalah disebabkan oleh peningkatan ketara dalam output pulpa, kertas dan papan kertas, dan kertas gelugur dan papan kertas yang masing-masing meningkat sebanyak 19.2 peratus dan 5.3 peratus.

Index pengeluaran industri kayu dan produk kayu meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 115.4 pada 2007, berbanding 113.8 pada 2006. Peningkatan tersebut dijana daripada papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan jenis lain dengan indeks pengeluaran meningkat sebanyak 3.4 peratus.

Indeks pengeluaran kertas pula meningkat sebanyak 11 peratus kepada 149.5 pada 2007, berbanding 134.6 pada 2006. Pulpa, kertas

Jadual 5.70:
Indeks Pengeluaran Industri Kayu dan Produk Kayu

Subsektor/Segmen	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah	**127.1**	**5.1**	**121.0**
Produk Kayu	**115.4**	**1.4**	**113.8**
Papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan lain	129.5	3.4	125.3
Venier dan papan lapis	121.8	0.3	121.5
Pemotongan dan pembentukan kayu	98.6	2.4	96.3
Produk Kertas	**149.5**	**11.0**	**134.6**
Kertas gelugur dan papan kertas gelugur	154.7	5.3	146.9
Pulpa, kertas dan papan kertas	143.4	19.2	120.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Dasar 2000 = 100

dan papan kertas mencatat kenaikan tertinggi iaitu 19.2 peratus kepada 143.4 pada 2007, berbanding 120.2 pada 2006.

Jualan

Jumlah jualan kayu dan produk kayu meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada RM22,489.2 juta pada 2007, berbanding RM21,607.7 juta pada 2006.

Jualan produk kayu meningkat sebanyak 1.5 peratus kepada RM16,241.1 juta pada 2007, berbanding RM16,002.2 juta pada 2006. Peningkatan tertinggi dicatatkan dalam binaan pertukangan tanggam yang meningkat sebanyak 6.5 peratus kepada RM1,253.6 juta pada 2007, berbanding RM1,176.7 juta pada 2006. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh permintaan kukuh bagi perabot kayu dan papan berlamina di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Jualan produk kertas meningkat sebanyak 11.5 peratus kepada RM6,248.1 juta pada 2007, berbanding RM5,605.5 juta pada 2006. Nilai jualan bagi sampul, kad surat, kad pos atau poskad kosong meningkat sebanyak 77.3 peratus kepada RM213.6 juta pada 2007, berbanding RM120.5 juta pada 2006.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri kayu dan produk kayu meningkat sebanyak 3.5 peratus kepada 142,942 pekerja pada 2007, daripada 138,154 pekerja pada 2006. Industri ini mendapat manfaat daripada permintaan berterusan terutamanya daripada sektor pembinaan.

Jadual 5.71:
Jualan Produk Berasaskan Kayu

Produk	2007 RM juta	Perubahan (%)	2006 RM juta
Jumlah	**22,489.2**	**4.1**	**21,607.7**
Produk Kayu	**16,241.1**	**1.5**	**16,002.2**
Venier dan papan lapis	7,475.9	-3.6	7,758.5
Perabot kayu dan rotan	5,579.1	6.3	5,248.6
Papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan jenis lain	1,932,5	6.3	1,818.4
Binaan pertukangan tanggam	1,253.6	6.5	1,176.7
Produk kertas	**6,248.1**	**11.5**	**5,605.5**
Kertas gelugur dan papan kertas gelugur	3,225.3	7.4	3,004.5
Pulpa, kertas dan papan kertas	1,879.2	8.3	1,736,0
Kertas tandas, tisu, tuala dan kertas kesat mulut	504.8	16.3	434.1
Kertas lekat dalam lucutan atau gulungan dan label, kertas dinding	425.1	36.9	310.5
Sampul, kad surat, kad pos atau poskad kosong	213.6	77.3	120.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.72:
Guna Tenaga dalam Industri Kayu dan Produk Kayu

Subsektor/Segmenn	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Jumlah Guna Tenaga	**142,942**	**3.5**	**138,154**
Produk Kayu	**119,539**	**3.0**	**116,031**
Venier dan papan lapis	52,891	0.5	52,622
Perabot kayu dan rotan	50,599	9.1	46,381
Binaan pertukangan tanggam	9,053	-5.4	9,568
Papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan jenis lain	6,996	-6.2	7,460
Produk kertas	**23,403**	**5.8**	**22,123**
Kertas gelugur dan papan kertas gelugur	13,620	0.7	13,523
Pulpa, kertas dan papan kertas	4,359	5.1	4,148
Kertas tandas, tisu, tuala dan kertas kesat mulut	2,746	3.2	2,660
Kertas lekat dalam lucutan atau gulungan dan label, kertas dinding	1,429	30.4	1,096
Sampul, kad surat, kad pos atau poskad kosong	1,249	79.5	696

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi subsektor produk kayu, guna tenaga bagi perabot kayu dan rotan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.1 peratus kepada 50,599 pekerja pada 2007, daripada 46,381 pekerja pada 2006. Guna tenaga dalam subsektor kertas mencatatkan kenaikan kepada 23,403 pekerja pada 2007, daripada 22,123 pekerja pada 2006.

Produktiviti

Industri kayu dan produk kayu terus mendapat manfaat daripada permintaan tempatan

Jadual 5.73:
Petunjuk Produktiviti Industri Kayu dan Produk Kayu

Subsektor/Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Kayu dan Produk Kayu	**37.9**	**6.3**	**35.6**	**13.7**	**1.8**	**13.5**	**0.0812**	**-4.3**	**0.0848**
Produk Kayu	**33.2**	**6.4**	**31.2**	**12.2**	**0.9**	**12.1**	**0.0835**	**-3.3**	**0.0864**
Venier dan papan lapis	31.1	1.7	30.6	9.8	5.5	9.3	0.0655	6.0	0.0618
Papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan jenis lain	84.7	16.4	72.8	21.7	2.6	21.2	0.0748	-11.8	0.0847
Binaan pertukangan tanggam	35.6	21.2	29.4	14.6	5.1	13.9	0.1009	-13.5	0.1167
Perabot kayu dan rotan	27.7	8.0	25.7	13.1	-3.7	13.6	0.1058	-9.3	0.1166
Produk Kertas	**62.1**	**6.1**	**58.5**	**21.3**	**4.7**	**20.3**	**0.0748**	**-6.7**	**0.0802**
Pulpa, kertas dan papan kertas	95.8	8.2	88.5	28.5	3.2	27.7	0.0644	-0.3	0.0645
Kertas gelugur dan papan kertas gelugur	53.6	6.0	50.6	19.6	5.4	18.6	0.0782	-9.5	0.0864
Sampul, kad surat, kad pos atau poskad kosong	37.4	-2.0	38.1	14.4	-6.5	15.4	0.0640	-17.3	0.0774
Kertas tandas, tisu, tuala dan kertas kesat mulut	57.7	5.3	54.8	18.8	0.5	18.7	0.09768	-9.6	0.1070
Kertas lekat dalam lucutan atau gulungan dan label, kertas dinding	63.1	-7.6	68.3	24.2	11.3	21.8	0.0744	4.5	0.0712

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

menerusi projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembangunan berterusan dalam subsektor perumahan dan bukan perumahan. Industri ini telah mencatakan peningkatan produktiviti sebanyak 6.3 peratus kepada RM37,893 pada 2007. Daya saing kos buruh industri telah meningkat menerusi penurunan 4.3 peratus dalam Unit Kos Buruh.

Subsektor produk kayu mencatatkan peningkatan dalam produktiviti dengan 6.4 peratus kepada RM33,210 pada 2007, berbanding RM31,211 pada 2006. Subsektor ini dapat mengekalkan daya saing kos buruhnya seperti yang ditunjukkan oleh penurunan 3.3 peratus dalam Unit Kos Buruh. Papan berlamina, papan partikel, dan panel dan papan jenis lain, serta binaan pertukangan tanggam juga telah mencatatkan peningkatan dalam produktiviti dan daya saing kos buruh.

Produktiviti bagi produk kertas meningkat 6.1 peratus dan daya saing kos buruhnya juga menunjukkan peningkatan. Peningkatan produktiviti dapat dilihat dalam semua segmen kecuali sampul/kad surat/kad pos/poskad kosong dan kertas lekat dalam lucutan atau gulungan dan label, kertas dinding.

Pelaburan

Sejumlah 93 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM933.4 juta pada 2007, berbanding 103 projek dengan perlaburan bernilai RM1,394 juta pada 2006. Pelaburan tempatan pada 2007 bernilai RM539.1 juta (57.8 peratus), manakala pelaburan asing berjumlah RM394.3 juta (42.2 peratus).

Sejumlah 61 projek (65.6 peratus) adalah projek baru, manakala 32 projek lagi (34.4 peratus) adalah untuk pembesaran/pelbagaian. Pelaburan untuk projek baru bernilai RM625.6 juta (67 peratus), manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM307.8 juta (33 peratus). Produk-produk yang dicadangkan termasuklah produk panel, perabot kayu, binaan pertukangan tanggam, kayu digergaji, serat bukan kayu dan produk balak lain seperti cebisan kayu, palet dan bahan penyala.

Pelaburan tertinggi dicatat dalam segmen produk panel dengan tujuh projek telah diluluskan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM262.5 juta, berbanding RM661.5 juta pada 2006. Daripada jumlah ini, tiga adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM246.3 juta, manakala empat adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM16.2 juta. Pelaburan tempatan dengan RM52.3 juta atau 19.9 peratus daripada jumlah pelaburan manakala pelaburan asing berjumlah RM210.2 juta.

Dalam segmen perabot kayu, 51 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan RM309.1 juta, berbanding RM410.9 juta pada 2006. Daripada jumlah ini, 33 adalah projek baru dengan nilai pelaburan sebanyak RM82.3 juta, manakala 18 adalah projek pembesaran/pelbagaian dengan nilai pelaburan sebanyak RM226.8 juta. Pelaburan tempatan berjumlah RM208.6 juta atau 67.5 peratus daripada jumlah pelaburan dan pelaburan tempatan bernilai RM100.5 juta. Kebanyakan projek-projek yang telah diluluskan akan ditempatkan di Johor, Melaka dan Selangor.

Sejumlah 11 projek telah diluluskan dalam segmen acuan dan binaan pertukangan tanggam, dengan pelaburan sebanyak RM128 juta. Daripada jumlah ini, tujuh adalah projek baru dengan pelaburan sebanyak RM73.3 juta (57.2 peratus), manakala empat adalah projek pembesaran atau pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM54.7 juta. Pelaburan tempatan bernilai RM95.5 juta atau 74.6 peratus daripada jumlah pelaburan. Kebanyakan projek yang telah diluluskan adalah gabungan pembuatan produk acuan dan binaan pertukangan tanggam lain seperti papan lantai, bingkai gambar, pintu dan tingkap.

Sejumlah 16 projek telah diluluskan dalam segmen produk serat bukan kayu, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM173 juta. Projek-projek ini adalah untuk pengeluaran venier, papan lapis, bahan penyala, serat, palet, papan berlamina dan papan lantai daripada hampas minyak sawit. Industri berasaskan kayu juga telah meneroka bahan mentah yang lain seperti kenaf bagi melengkapkan pengunaan serat kayu.

Jadual 5.74:
Pelaburan dalam Industri Kayu dan Produk Kayu

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**93**	**-9.7**	**103**
Jumlah pelaburan	**933.4**	**-33.3**	**1,394.0**
Domestik (RM juta)	539.1	-51.0	1,052.5
Antarabangsa (RM juta)	394.3	15.0	341.5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Pada 2007, jumlah eksport produk kayu dan kertas merosot sedikit sebanyak 0.1 peratus kepada RM18,834.5 juta, daripada RM18,855.7 juta pada 2006.

Eksport produk kayu merosot sebanyak 2.4 peratus kepada RM16,293.6 juta, berbanding RM16,687.5 juta pada 2006. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam eksport venier, papan lapis, papan partikel dan produk kayu lain sebanyak 7.8 peratus kepada RM8,246.3 juta.

Pada 2007, jumlah eksport produk kertas meningkat sebanyak 17.2 peratus kepada RM2,540.9 juta, daripada RM2,168.2 juta pada 2006. Jumlah eksport kertas dan papan kertas meningkat sebanyak 36.4 peratus kepada RM912.4 juta pada 2007, daripada RM668.9 juta pada 2006, manakala eksport bagi segmen kertas dan papan kertas (dipotong mengikut saiz) meningkat sebanyak 10 peratus kepada RM1,464.5 juta, berbanding RM1,331.4 juta pada 2006.

Jadual 5.75:
Eksport Kayu dan Produk Kayu

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**18,834.5**	**-0.1**	**18,855.7**
Produk Kayu	**16,293.6**	**-2.4**	**16,687.5**
Venier, papan lapis, papan partikel dan produk lain	8,246.3	-7.8	8,940.0
Perabot kayu	6,661.7	4.2	6,391.2
Barangan buatan kayu	1,384.4	2.2	1,354.9
Barangan buatan gabus	1.7	74.1	1.0
Produk Kertas	**2,540.9**	**17.2**	**2,168.2**
Kertas dan papan kertas (dipotong mengikut saiz)	1,464.5	10.0	1,331.4
Kertas dan papan kertas	912.4	36.4	668.9
Kayu serbuk atau partikel	125.9	-4.3	131.6
Pulpa dan kertas buangan	38.1	5.0	36.3

Disediakan Oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.76:
Import Kayu dan Produk Kayu

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**7,424.3**	**9.0**	**6,811.6**
Produk Kayu	**1,207.1**	**4.5**	**1,154.8**
Perabot kayu	526.0	3.6	507.3
Venier, papan lapis, papan partikel dan produk panel lain	520.9	11.3	467.7
Barangan kayu	157.9	-11.0	177.5
Barangan gabus	2.2	-3.9	2.3
Produk Kertas	**6,213.2**	**9.9**	**5,656.8**
Kertas dan papan kertas	4,591.3	10.7	4,152.3
Kertas dan papan kertas (dipotong mengikut saiz)	841.6	6.4	790.6
Pulpa dan kertas buangan	779.6	9.3	713.5
Kayu serbuk atau partikel	0.7	66.3	0.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Eksport ke Jepun, destinasi utama untuk produk kayu dan kertas, merosot sebanyak 17.5 peratus kepada RM3.97 bilion pada 2007. Begitu juga dengan AS, destinasi eksport kedua terbesar dengan jumlah eksport RM2.76 bilion telah mengalami pengurangan sebanyak 17.9 peratus. Pasaran-pasaran eksport utama yang telah mencatat kenaikan bagi produk kayu adalah Republik Korea, meningkat sebanyak 12.5 peratus kepada RM977.2 juta, United Kingdom (RM965.4 juta) dan Australia (RM746 juta).

Import

Jumlah import produk kayu dan kertas meningkat sebanyak 9 peratus kepada RM7,424.3 juta, daripada RM6,811.6 juta pada 2006. Barangan utama adalah venier, papan lapis, papan partikel dan produk panel lain, yang telah meningkat sebanyak 11.3 peratus kepada RM520.9 juta pada 2007, diikuti oleh perabot kayu dengan nilai RM526 juta, yang mencatat kenaikan sebanyak 3.6 peratus, berbanding 2006.

Import untuk produk kertas meningkat 9.9 peratus kepada RM6,213.2 juta pada 2007 daripada RM5,656.8 juta pada 2006. Import untuk kertas dan papan kertas meningkat sebanyak 10.7 peratus kepada RM4,591.3 juta, berbanding RM4,152.3 juta pada 2006.

Indonesia merupakan sumber utama produk kertas pada 2007 bernilai RM1 bilion. Ini diikuti dengan Republik Rakyat China, dengan nilai import RM670.8 juta, Jepun (RM590 juta), Thailand (RM495.1 juta) dan AS (RM476.5 juta).

Perkembangan

Permintaan dunia terhadap produk yang sah di sisi undang-undang dan mesra alam telah memberi kesan kepada akses pasaran produk balak Malaysia. Sehubungan itu, pengilang-pengilang Malaysia perlu mengilang dan mengeluarkan produk balak yang menepati kehendak ini. Justeru, apabila produk-produk balak telah diperakui sah di sisi undang-undang, lebih banyak usaha perlu dijalankan bagi menggalakkan penerimaan Skim Pensijilan Kayu Balak Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme*). Pengilang-pengilang tempatan yang mendapat sumber dari pasaran luar negara perlu memastikan bahawa bahan mentah yang diimport datang dari sumber yang sah dan mapan, agar produk eksport mereka yang ditambah nilai itu tidak terjejas dengan keprihatinan dunia berkaitan isu-isu ini.

Pengilang-pengilang tempatan perlu memastikan produk mereka menepati kehendak kawalan yang telah dikenakan oleh negara-negara pengimport berkenaan dengan kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Pada 1 Julai 2007, Taiwan telah mengenakan kawalan terhadap bahan kimia yang digunakan dalam pembuatan produk berasaskan kayu yang telah diperkenalkan di Eropah sejak 2004. Bermula 1 September 2007, produk kayu yang digunakan sebagai bahan dalam sektor pembinaan perlu mempunyai penanda *Conformite Europene (CE)* untuk eksport ke pasaran Kesatuan Eropah.

Dalam pasaran tempatan, kenaf telah dikenal pasti sebagai komoditi baru yang akan dibangunkan untuk tujuan industri dan salah satu potensi kegunaannya adalah dalam pembuatan pulpa dan kertas. Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan kajian fasa pertama dalam memanfaatkan serat kenaf sebagai bahan untuk pembuatan pulpa dan kertas.

INDUSTRI PRODUK GETAH

Industri produk getah merangkumi pengeluaran sarung tangan getah, tayar dan tiub, pencelupan dan pembinaan semula tayar, pengeluaran barang berasaskan lateks dan barangan getah am. Produk lateks termasuk sarung tangan getah, kateter, bebenang lateks, kondom dan produk-produk busa.

Tahun 2007 merupakan tahun yang mencabar bagi industri produk getah Malaysia akibat kenaikan harga getah dan minyak yang sebahagiannya menyumbang kepada kos perkilangan yang lebih tinggi.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran keseluruhan bagi industri produk getah meningkat sebanyak 5.9 peratus kepada 151.8 pada 2007, daripada 143.4 pada 2006.

Pengeluaran produk berasaskan lateks dan getah am mencatat kenaikan tertinggi iaitu 16.5, berpunca daripada peningkatan permintaan dari kedua-dua pasaran domestik dan eksport. Pada 2007, pengeluaran tayar dan tiub getah serta pencelupan dan pembinaan semula tayar getah masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 7 dan 4.7 peratus.

Persaingan tinggi daripada Republik Rakyat China dan negara-negara ASEAN pada 2007, telah menyebabkan penurunan dalam perkilangan sarung tangan getah.

Jadual 5.77:
Indeks Pengeluaran Industri Produk Getah

Subsektor	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah	**151.8**	**5.9**	**143.4**
Produk getah berasaskan lateks dan produk getah am	215.1	16.5	184.6
Sarung tangan getah	158.2	-1.0	159.9
Tayar dan tiub getah	90.5	7.0	84.6
Pencelupan dan pembinaan semula tayar	86.3	4.7	82.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jualan

Jualan keseluruhan produk getah meningkat 4.3 peratus kepada RM11,878.3 juta pada 2007, berbanding RM11,383.3 juta pada 2006. Semua subsektor industri produk getah mencatat kenaikan pada 2007, sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan permintaan dari pasaran luar negara terutamanya pasaran eksport tradisional untuk sarung tangan getah dan produk kesihatan berasaskan getah yang lain. Peningkatan kesedaran untuk kebersihan dalam industri pemakanan juga telah menyumbang kepada kenaikan dalam jualan. Tayar dan tiub mencatatkan kenaikan jualan tertinggi iaitu sebanyak 16.1 peratus kepada RM2,057.3 juta pada 2007 daripada RM1,771.4 juta pada 2006.

Guna tenaga

Guna tenaga dalam industri produk getah meningkat secara marginal kepada 64,305 pekerja pada 2007, daripada 63,728 pekerja pada 2006. Subsektor sarung tangan getah terus menjadi penyumbang terbesar dengan 32,619 pekerja pada 2007, berbanding 33,234 pekerja pada 2006.

Jadual 5.78:
Jualan Produk Getah

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**11,878.3**	**4.3**	**11,383.3**
Sarung tangan getah	5,603.5	0.9	5,552.7
Produk getah berasaskan lateks dan produk getah am	4,114.9	3.8	3,964.7
Tayar dan tiub getah	2,057.3	16.1	1,771.4
Pencelupan dan pembinaan semula tayar	102.6	8.6	94.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.79:
Guna Tenaga dalam Industri Produk Getah

Subsektor	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Jumlah	**64,305**	**0.9**	**63,728**
Sarung tangan getah	32,619	-1.9	33,234
Produk getah berasaskan lateks dan produk getah am	25,315	5.7	23,949
Tayar dan tiub getah	5,887	1.1	5,821
Pencelupan dan pembinaan semula tayar	484	-33.1	724

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti

Produktiviti bagi industri produk getah merosot sebanyak 0.1 peratus kepada RM57,014 pada 2007, berbanding RM57,055 pada 2006. Peningkatan dalam Unit Kos Buruh sebanyak 0.2 peratus telah sedikit sebanyak melemahkan daya saing kos buruh industri. Di kalangan subsektor, tayar dan tiub getah, pencelupan dan pembinaan semula tayar, masing-masing telah menunjukkan peningkatan dalam produktiviti iaitu 21.1 peratus dan 7.7 peratus. Kedua-dua subsektor tersebut terus menunjukkan peningkatan daya saing kos buruh melalui penurunan dua digit dalam Unit Kos Buruh sebanyak 15.9 peratus dan 12.8 peratus.

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 27 projek dengan pelaburan sebanyak RM441.5 juta telah diluluskan dalam industri produk getah, berbanding 36 projek dengan pelaburan

Jadual 5.80:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Produk Getah

Subsektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Produk Getah	**57.0**	**-0.1**	**57.1**	**17.4**	**1.7**	**17.1**	**0.0955**	**0.2**	**0.0954**
Tayar dan tiub getah	107.5	21.1	88.7	27.6	-2.0	28.1	0.0788	-15.9	0.0937
Pencelupan dan pembinaan semula tayar	41.3	7.7	38.4	17.3	2.3	16.9	0.1170	-12.8	0.1345
Sarung tangan getah	53.5	-5.9	56.8	15.3	1.8	15.0	0.0912	2.6	0.0889
Produk getah lain	50.5	0.4	50.2	17.7	3.3	17.2	0.1092	4.8	0.1042

Sumber : Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

berjumlah RM711.2 juta pada 2006. Daripada jumlah ini, 17 adalah projek baru (RM312.5 juta) dan enam adalah projek pembesaran/ pelbagaian (RM40.7 juta).

Projek yang telah diluluskan pada 2007 melibatkan pelaburan domestik sebanyak RM203.2 juta dan pelaburan asing sebanyak RM238.2 juta. Sejumlah 12 projek yang telah diluluskan (RM116.8 juta) merupakan milik rakyat Malaysia, manakala dua projek lagi (RM49 juta) adalah hasil usahasama dengan syarikat yang majoritinya dimiliki rakyat Malaysia.

Pelaburan pada 2007 sebahagian besarnya adalah produk lateks (RM111.1 juta), kitar semula sisa tayar kepada serdak getah, tiub besi, minyak bahan api dan serat (RM121.1 juta), produk perindustrian getah am (RM100.3 juta) serta industri produk tayar dan produk berkaitan tayar (RM20.7 juta).

Sebanyak empat projek telah diluluskan dalam subsektor lateks, dua adalah projek baru (RM107.2 juta) dan dua lagi merupakan projek pembesaran/pelbagaian (RM3.9 juta). Pelaburan domestik bernilai RM0.8 juta (4 peratus), manakala pelaburan asing berjumlah RM110.3 juta (96 peratus).

Lapan projek baru dengan pelaburan RM121.1 juta telah diluluskan bagi menjalankan kitar semula sisa tayar kepada serdak getah, tiub besi, minyak bahan api dan serat. Daripada jumlah ini RM117.5 juta (97 peratus) merupakan pelaburan domestik dan RM3.6 juta (3 peratus) adalah pelaburan asing.

Sejumlah sepuluh projek dengan pelaburan sebanyak RM100.3 juta telah diluluskan dalam subsektor perindustrian dan produk getah am. Projek-projek tersebut adalah untuk pembuatan produk-produk seperti barangan acuan getah untuk industri kereta, hos perindustrian, penahan gegar, tiub dan penutup. Pelaburan domestik bernilai RM49.5 juta (49.4 peratus), manakala pelaburan asing berjumlah RM50.8 juta (50.6 peratus). Tujuh adalah projek baru (RM84.3 juta), manakala tiga lagi merupakan projek pembesaran/ pelbagaian (RM16 juta).

Jadual 5.81:
Pelaburan dalam Industri Produk Getah

Butiran	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Bil. projek diluluskan	**27**	**-25.0**	**36**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**441.5**	**-37.9**	**711.2**
Domestik (RM juta)	203.2	-55.3	454.5
Asing (RM juta)	238.2	-7.2	256.7

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 5.82:
Eksport Produk Getah

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**10,583.1**	**13.4**	**9,332.7**
Sarung tangan getah	5,876.2	9.2	5,383.2
Barangan getah perindustrian	2,876.5	14.0	2,524.1
Tayar dan produk berkaitan tayar	891.6	64.1	543.2
Produk berkaitan getah	679.1	4.5	650.0
Getah tiruan	259.7	11.8	232.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Eksport
Eksport produk getah berkembang sebanyak 13.4 peratus kepada RM10,583.1 juta pada 2007, berbanding RM9,332.7 juta pada 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan tinggi dunia untuk sarung tangan getah. Eksport bagi produk getah adalah sarung tangan getah dengan nilai RM5,876.2 juta diikuti barangan getah perindustrian (RM2,876.5 juta), tayar dan produk berkaitan tayar (RM891.6 juta), produk berkaitan getah (RM679.1 juta) dan getah tiruan (RM259.7 juta).

AS masih menjadi destinasi eksport terbesar Malaysia untuk produk getah pada 2007, dengan nilai RM2.4 bilion, diikuti Republik Rakyat China (RM1.7 bilion), Jerman (RM705.2 juta), United Kingdom (RM448.6 juta) dan Jepun (RM425.6 juta). Eksport ke Jerman telah merekodkan peningkatan dua angka iaitu 58.7 peratus. Peningkatan ini telah menyumbang kepada pertambahan eksport bagi sarung tangan getah bukan pembedahan yang bernilai RM373 juta, kenaikan sebanyak 29.2 peratus daripada RM288.6 juta pada 2006.

Import
Import produk getah meningkat sebanyak 9.1 peratus kepada RM2,919.1 juta pada 2007, daripada RM2,675.6 juta pada 2006. Peningkatan ini disebabkan oleh pengimportan getah tiruan (14.8 peratus) serta tayar dan tiub (23.7 peratus) hasil daripada peningkatan permintaan yang lebih tinggi daripada industri domestik.

Jepun kekal sebagai sumber terbesar import bagi produk getah, dengan nilai RM674.9 juta. Sumber-sumber import yang lain adalah Thailand, dengan nilai RM576.9 juta, AS (RM236.7 juta), Taiwan (RM181.2 juta), dan Republik Rakyat China (RM169.4 juta). Kelima-lima sumber utama ini telah menyumbangkan 63 peratus daripada jumlah import produk getah.

Perkembangan
Jumlah penggunaan getah meningkat sepanjang 2007 daripada 130,904 tan pada suku pertama, kepada 148,317 tan pada suku ketiga. Penggunaan bagi getah terkumpul dan tebus guna (*compounded and reclaimed rubber*) masing-masing meningkat sebanyak 48.7 peratus dan 64.4 peratus. Pengambilan tinggi bagi getah tebus guna adalah kerana harga getah yang tinggi telah memaksa pengilang menggunakan getah tebus guna yang murah terutama untuk penghasilan produk-produk berkualiti rendah.

Jadual 5.83:
Import Produk Getah

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**2,919.1**	**9.1**	**2,675.9**
Getah tiruan	1,257.2	14.8	1,095.4
Tayar dan produk berkaitan tayar	795.3	23.7	643.5
Produk berkaitan getah	599.8	-4.8	630.2
Produk getah perindustrian	173.3	-10.8	194.2
Sarung tangan getah	92.6	-17.8	112.6

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Terdapat keperluan bagi meningkatkan usaha R&D dalam produk baru dan aktiviti hiliran, terutamanya dalam pengeluaran produk getah bernilai ditambah tinggi untuk kegunaan kejuruteraan, pembinaan dan marin. Satu bidang baru termasuk R&D dalam penghasilan produk biokimia daripada lateks menggunakan kaedah bioteknologi.

INDUSTRI MINYAK SAWIT

Industri minyak sawit merangkumi minyak sawit, minyak isirong, dedak isirong, oleokimia dan produk siap.

Pada 2007, industri minyak sawit mengalami peningkatan yang ketara dari segi purata harga produk minyak sawit, minyak sawit mentah (CPO) dan isirong sawit. Purata harga CPO meningkat 67.5 peratus pada 2007 kepada RM2,530 per tan, daripada RM1,510 per tan pada tahun sebelumnya.

Aliran yang meningkat terhadap harga minyak sawit adalah disebabkan jangkaan permintaan daripada industri biodisel, harga minyak soya dan petroleum yang lebih tinggi. Harga purata eksport bagi produk minyak sawit siap telah meningkat sejajar dengan kenaikan ketara bagi harga CPO tempatan. Ini termasuklah *refined bleached deodorised* (RBD) yang meningkat sebanyak 72.1 peratus kepada RM2,640 per tan, berbanding RM1,534 per tan pada 2006. Tambahan pula, harga RBD *palm olein* turut meningkat sebanyak 59.7 peratus kepada RM2,588 per tan, daripada RM1,621 per tan, dan RBD *palm stearin* sebanyak 67.8 peratus kepada RM2,511 per tan, daripada RM1,496 per tan.

Harga purata isirong sawit (PK) pada 2007 meningkat sebanyak 63.8 peratus kepada RM1,461 per tan, daripada RM892 per tan pada 2006. Ini adalah disebabkan penurunan pengeluaran isirong sawit yang telah mengakibatkan harga minyak isirong sawit (CPKO) yang tinggi dalam pasaran domestik. Harga purata CPKO meningkat sebanyak 47.2 peratus kepada RM2,807 per tan pada 2007, daripada RM1,907 per tan pada 2006.

Pengeluaran

Keseluruhan pengeluaran industri minyak sawit meningkat sebanyak 2.5 peratus pada 2007 kepada 26.9 juta tan, daripada 26.3 juta tan pada 2006. Peningkatan tersebut disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pengeluaran produk oleokimia sebanyak 39.8 peratus kepada 2.9 juta tan pada 2007, berbanding 2.1 juta tan pada 2006.

Walau bagaimanapun, pengeluaran produk minyak sawit lain berkurangan. Pada 2007, pengeluaran minyak isirong sawit turun secara marginal kepada 1.9 juta tan, daripada 2 juta tan pada 2006. Ini diikuti oleh dedak isirong sebanyak 2.2 peratus, isirong sawit (0.7 peratus) dan minyak sawit mentah (0.4 peratus). Sebab utama penurunan pengeluaran minyak sawit mentah adalah banjir yang melanda negeri Johor pada awal tahun.

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 61 projek bernilai RM2.5 bilion telah diluluskan bagi pengeluaran produk minyak sawit. Kelulusan pada 2007 mencatatkan pengurangan, berbanding 118 projek bernilai RM8.8 bilion pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM1.6 bilion atau 61.6 peratus

Jadual 5.84:
Pengeluaran Industri Minyak Sawit

Produk	2007 (tan)	Perubahan (%)	2006 (tan)
Jumlah	**26,915,003**	**2.5**	**26,260,843**
Minyak sawit mentah	15,823,368	-0.4	15,880,786
Isirong	4,096,990	-0.7	4,125,124
Produk oleokimia	2,934,544	39.8	2,099,074
Dedak isirong	2,152,488	-2.2	2,200,225
Minyak isirong mentah	1,907,613	-2.5	1,955,634

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

daripada keseluruhan pelaburan, sementara pelaburan asing berjumlah RM976.2 juta atau 38.4 peratus. Projek yang telah diluluskan pada 2007 adalah untuk pengeluaran minyak sawit dan produk minyak isirong sawit, oleokimia, biodisel, penjanaan kuasa dan produk daripada biomas sawit.

Pada 2007, enam projek biodiesel telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM451.6 juta, mewakili 17.7 peratus daripada keseluruhan pelaburan bagi sektor ini. Pelaburan asing bernilai RM187.2 juta dan pelaburan domestik adalah RM264.4 juta.

Pelaburan bagi 18 projek oleokimia bernilai RM955.5 juta telah diluluskan. Pelaburan asing dalam sektor ini bernilai sebanyak RM595.3 juta sementara pelaburan domestik sebanyak RM360.2 juta.

Produk minyak sawit dan isirong sawit telah menarik pelaburan sebanyak RM658.1 juta dengan 18 projek pada 2007, berbanding 19 projek dengan pelaburan sebanyak RM814.5 juta pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM534.6 juta sementara pelaburan asing sebanyak RM123.5 juta.

Pada 2007, tujuh projek dengan pelaburan sebanyak RM320.9 juta telah diluluskan bagi penjanaan kuasa daripada biomas sawit, berbanding enam projek bernilai RM142.3 juta pada 2006. Pelaburan domestik bernilai RM289.3 juta sementara RM31.6 juta adalah pelaburan asing.

Sejumlah 12 projek bagi pengilangan produk menggunakan biomas sawit dan sisa sawit dengan pelaburan sebanyak RM158.7 juta telah diluluskan pada 2007, berbanding 13 projek dengan pelaburan sebanyak RM211.7 juta pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM120.1 juta sementara pelaburan asing berjumlah RM38.6 juta.

Jadual 5.85:
Pelaburan dalam Industri Minyak Sawit

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**61**	**-48.3**	**118**
Jumlah pelaburan (RM bil.)	**2.5**	**-71.6**	**8.8**
Domestik (RM bil.)	1.6	-73.8	6.1
Asing (RM bil.)	0.9	-66.7	2.7

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Jumlah pendapatan eksport bagi produk minyak sawit telah meningkat sebanyak 41.8 peratus kepada RM45,169.1 juta pada 2007, daripada RM31,850.7 juta pada 2006. Namun begitu, dari segi kuantiti, jumlah eksport menurun sebanyak 2.9 peratus kepada 19.6 juta tan pada 2007, berbanding 20.1 juta tan pada 2006. Jumlah pendapatan eksport yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan ketara dari segi harga kesemua produk minyak sawit.

Republik Rakyat China mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran terbesar bagi minyak sawit Malaysia bagi enam tahun berturut-turut. Sejumlah 3.8 juta tan daripada keseluruhan minyak sawit dieksport ke Republik Rakyat China, berbanding 3.6 juta tan

Jadual 5.86:
Eksport Produk Minyak Sawit

Produk	2007		Perubahan (%)		2006	
	Kuantiti ('000 tan)	RM (juta)	Kuantiti	Nilai	Kuantiti ('000 tan)	RM (juta)
Jumlah	**19,574**	**45,169.1**	**- 2.9**	**41.8**	**20,160**	**31,850.7**
Minyak sawit	13,747	33,186.7	- 4.7	46.3	14,424	22,687.0
Produk oleokimia	2,140	6,679.6	1.4	21.8	2,111	5,484.5
Dedak isirong	2,094	761.7	- 1.9	79.3	2,135	424.9
Minyak isirong sawit	1,061	3,104.9	14.0	43.9	931	2,157.8
Produk siap	351	1,098.3	- 16.6	22.5	421	896.3
Biodisel	95	253.2	97.9	109.4	48	120.9

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

daripada jumlah eksport pada 2006. Ini diikuti oleh EU sebanyak 2.06 juta tan, Pakistan (1.1 juta tan), AS (794,920 tan), Jepun (527,344 tan) dan India (511,167 tan). Secara keseluruhan, negara-negara tersebut merangkumi 8.8 juta tan atau 64.1 peratus eksport minyak sawit Malaysia pada 2007.

Ekports bagi kebanyakan produk minyak sawit mencatatkan penurunan pada 2007, berbanding 2006. Penurunan utama adalah kepada produk siap iaitu sebanyak 16.6 peratus, diikuti oleh minyak sawit (4.7 peratus) dan dedak isirong sawit (1.9 peratus). Walau bagaimanapun, eksport biodisel meningkat sebanyak 97.9 peratus dan minyak isirong sawit meningkat sebanyak 14 peratus.

Penurunan eksport minyak sawit adalah terutamanya disumbangkan oleh pengurangan sebanyak 20.2 peratus eksport ke EU kepada 2.1 juta tan pada 2007 daripada 2.6 juta tan pada tahun sebelumnya. Ini berikutan peningkatan pengeluaran minyak sayuran domestik EU, terutamanya minyak *rapeseed*, iaitu sebanyak 6 peratus kepada 6.7 juta tan pada 2007, daripada 6.4 juta tan pada 2006. Tambahan pula, segelintir syarikat Eropah yang terlibat dalam sektor tenaga telah mengurangkan penggunaan minyak sawit bagi tujuan untuk mendapatkan tenaga disebabkan oleh isu berkaitan pengeluaran secara mapan.

Eksport minyak sawit ke Bangladesh menurun sebanyak 64.7 peratus kepada 154,494 tan, berbanding 438,152 tan pada tahun sebelumnya, disebabkan pengimportan lebih tinggi terhadap minyak soya. Eksport ke Myanmar berkurangan sebanyak 57.1 peratus kepada 59,735 tan dan disebabkan harga yang lebih kompetitif daripada Indonesia, yang berjaya mendapat pasaran lebih besar di negara tersebut.

Import

Jumlah import produk minyak sawit berkurangan sebanyak 34 peratus kepada 532,000 tan pada 2007, berbanding 806,000 tan pada 2006. Sumber import utama pada 2007 adalah Indonesia, mencatatkan 78.7 peratus daripada keseluruhan import, Thailand (18 peratus) dan Papua New Guinea (3.3 peratus).

Minyak sawit dan minyak isirong sawit merupakan produk utama diimport pada 2007, walaupun import minyak sawit menurun sebanyak 55.6 peratus kepada 268,000 tan, berbanding 602,000 tan pada 2006.

Jadual 5.87:
Import Produk Minyak Sawit

Produk	2007 ('000 tan)	Perubahan (%)	2006 ('000 tan)
Jumlah	**532**	**- 34.0**	**806**
Minyak sawit	268	- 55.6	602
Minyak isirong	265	30.1	204

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Perkembangan

Dalam usaha untuk mengukuhkan imej produk minyak sawit Malaysia, Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah memberi tumpuan terhadap penjenamaan minyak sawit dan produk minyak sawit Malaysia dengan mempromosikannya sebagai bebas daripada asid lemak *trans*. Lebih banyak pendedahan dibuat berhubung minyak sawit Malaysia sebagai pilihan sihat di kalangan pengguna dan pelanggan, bagi meningkatkan penerimaan minyak sawit Malaysia dalam pasaran yang disasarkan. Slogan bagi minyak sawit Malaysia iaitu 'Pemberian alam, pemberian kehidupan' yang diwujudkan pada 2007 telah digunakan dalam promosi untuk penyebaran maklumat dan juga untuk menangkis kempen anti minyak sawit.

Akses pasaran lebih besar bagi produk minyak sawit telah diperolehi melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Di bawah perjanjian FTA Malaysia-Pakistan yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2008, Pakistan telah menawarkan *Margin of Preference* sebanyak 15 peratus bagi produk minyak sawit.

Dari segi R&D, kadar pengkomersilan penemuan penyelidikan oleh MPOB dalam sektor minyak sawit pada masa ini adalah 30 peratus, berbanding dengan kadar kejayaan daripada institusi penyelidikan terkemuka yang mempunyai kadar pengkomersilan di antara 2 dan 3 peratus. Pelbagai projek dalam oleokimia, biodisel, tenaga yang diperbaharui, makanan nutrisi dan bahan-bahan, produk berasaskan bioteknologi dan biomas telah dijalankan oleh MPOB. Kerjasama bagi pengkomersilan,

penyelidikan dan pembangunan bagi produk-produk tersebut telah dicapai dengan Republik Rakyat China, Turki, AS, Timur Tengah dan India.

INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN DAN MINUMAN

Selaras dengan penekanan oleh Kerajaan terhadap sektor pertanian, industri pemprosesan makanan dan minuman telah menjadi komponen penting dalam industri asas tani.

Enterpris kecil dan sederhana merangkumi lebih 80 peratus daripada bilangan keseluruhan perusahaan dalam subsektor pemprosesan makanan. Kebanyakan daripada perusahaan ini termasuklah dalam pengeluaran ikan dan produk ikan, daging dan produk daging, buah-buahan dan sayur-sayuran serta produk berasaskan koko. Subsektor minuman merangkumi pengilangan minuman ringan dan air mineral.

Pengeluaran

Pada 2007, indeks pengeluaran keseluruhan bagi industri pemprosesan makanan dan minuman terpilih meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada 145.9, daripada 133 pada 2006. Ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Indeks pengeluaran subsektor pemprosesan makanan meningkat sebanyak 9.9 peratus kepada 150.6, daripada 137 pada 2006. Indeks pengeluaran yang tinggi direkodkan dalam pengilangan produk koko iaitu 213.4, pemprosesan dan pengawetan produk ikan (156.3) dan pengilangan biskut (148.4).

Indeks pengeluaran bagi produk minuman meningkat sebanyak 8.3 peratus kepada 122.3 pada 2007, daripada 112.9 pada 2006. Indeks pengeluaran bagi pengilangan minuman ringan merekodkan peningkatan sebanyak 28.1 peratus kepada 179, daripada 139.7 pada 2006.

Jualan

Nilai jualan produk makanan diproses dan minuman meningkat sebanyak 16.6 peratus kepada RM17,586 juta pada 2007 daripada RM15,088.2 juta pada 2006. Ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan domestik dan eksport. Makanan diproses yang mencatatkan jualan yang tinggi adalah bagi susu pekat, susu tepung dan susu cair dengan RM3,649.4 juta, produk koko (RM2,512.3 juta) dan gula (RM2,225.5 juta).

Guna Tenaga

Pada 2007, guna tenaga dalam industri pemprosesan makanan dan minuman meningkat sebanyak 7 peratus kepada 41,754

Jadual 5.88:
Indeks Pengeluaran Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Subsektor/Segmen	2007	Perubahan (%)	2006
Jumlah	**145.9**	**9.7**	**133.0**
Makanan diproses	**150.6**	**9.9**	**137.0**
Produk koko	213.4	9.3	195.3
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	156.3	12.4	139.1
Snek, keropok/cip (cth. keropok udang/ikan/ kerepek ubi kentang/ pisang/ ubi kayu)	154.5	8.0	143
Biskut	148.4	16.5	127.3
Produk coklat dan produk konfeksi gula	141.5	-8.4	154.6
Gula	128.7	13.0	114.0
Tepung	121.8	3.7	117.5
Beras	113.4	26.4	89.7
Susu pekat, susu tepung dan susu cair	109.3	10.5	98.9
Minuman	**122.3**	**8.3**	**112.9**
Minuman ringan	179.0	28.1	139.7
Malt beralkohol dan malt	96.7	-4.1	100.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun asas 2000=100

Jadual 5.89:
Jualan Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**17,586.0**	**16.6**	**15,088.2**
Makanan diproses	**16,642.0**	**16.6**	**14,271.6**
Susu pekat, susu tepung dan susu cair	3,649.4	15.8	3,152.0
Produk koko	2,512.3	21.2	2,072.8
Gula	2,225.5	14.5	1,943.3
Pembuatan lemak sayuran dan haiwan dan minyak (tidak termasuk minyak sawit)	1,502.4	19.1	1,261.4
Tepung	1,440.5	19.5	1,205.0
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	1,051.6	2.4	1,026.9
Biskut	844.8	16.5	725.3
Pembuatan produk coklat dan produk berasaskan gula	682.5	-3.1	704.1
Beras	687.1	22.5	560.7
Sos	465.0	7.7	431.6
Snek	415.5	5.3	394.6
Nenas dalam tin	72.0	17.2	61.4
Minyak kelapa	66.0	64.3	40.2
Minuman	**944.0**	**15.6**	**816.6**
Minuman ringan	855.4	17.9	725.5
Air mineral	88.5	-2.8	91.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5.90:
Guna Tenaga dalam Industri Makanan Diproses dan Minuman

Subsektor/Segmen	2007 (Pekerja)	Perubahan (%)	2006 (Pekerja)
Jumlah	**41,754**	**7.0**	**39,008**
Makanan diproses	**39,412**	**6.1**	**37,136**
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	8,106	-2.8	8,339
Biskut	6,087	2.5	5,941
Coklat	4,131	-0.6	4,157
Susu pekat, susu tepung dan susu cair	4,035	10.8	3,643
Snek	3,290	17.4	2,803
Sos	2,335	30.6	1,788
Gula	1,997	5.0	1,902
Koko	1,830	4.9	1,745
Lemak sayuran dan haiwan dan minyak (tidak termasuk minyak sawit)	1,627	-0.6	1,637
Tepung	1,519	37.1	1,108
Beras	1,352	21.5	1,113
Nenas dalam tin	574	-7.3	619
Minyak kelapa	202	-1.0	204
Minuman	**2,342**	**25.1**	**1,872**
Minuman ringan	1,684	34.3	1,254
Air mineral	658	6.5	618

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pekerja, berbanding 39,008 pekerja pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada guna tenaga dalam industri ini adalah daripada segmen pengilangan tepung, yang bertambah sebanyak 37.1 peratus kepada 1,519 pekerja pada 2007, daripada 1,108 pekerja pada 2006. Segmen-segmen lain yang mencatatkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga adalah pengilangan sos iaitu sebanyak 30.6 peratus, pengilangan beras (21.5 peratus) dan perkilangan susu pekat, susu tepung dan susu cair (10.8 peratus).

Produktiviti

Produktiviti industri pemprosesan makanan bertambah sebanyak 8.7 peratus kepada RM75,250 pada 2007, berbanding RM69,200 pada 2006. Daya saing kos buruh bagi industri ini meningkat sejajar dengan penurunan dalam Unit Kos Buruh sebanyak 8.7 peratus.

Subsektor makanan diproses mencatatkan peningkatan dalam produktiviti sebanyak 8.9 peratus. Pertumbuhan produktiviti tertinggi dicatatkan oleh segmen minyak dan lemak sayuran lain dan minyak dan lemak haiwan sebanyak 24.9 peratus, diikuti oleh segmen produk makanan lain iaitu 24.3 peratus dan segmen susu pekat, susu tepung dan susu cair sebanyak 20 peratus. Segmen-segmen ini juga menyumbang dalam mengekalkan daya saing kos buruh seperti yang digambarkan oleh penurunan sebanyak 38.8 peratus, 18.2 peratus dan 14.7 peratus dalam Unit Kos Buruh masing-masing.

Produktiviti bagi subsektor minuman bertambah sebanyak 5.3 peratus. Permintaan luar dan penggunaan domestik yang kukuh terutamanya bagi minuman ringan telah menyumbang kepada pertumbuhan ini. Subsektor ini mencatatkan penurunan dalam Unit Kos Buruh sebanyak 2.5 peratus yang menunjukkan peningkatan dalam daya saing kos buruh.

Jadual 5.91:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Subsektor/Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh bagi setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006	2007	Perubahan (%)	2006
Produk Makanan dan Minuman	**75.3**	**8.7**	**69.2**	**21.3**	**5.1**	**20.2**	**0.0472**	**-8.7**	**0.0517**
Makanan Diproses	**73.9**	**8.9**	**67.8**	**21.0**	**5.0**	**20.0**	**0.0466**	**-9.1**	**0.0513**
Susu pekat, susu tepung dan susu cair	172.8	8.2	159.8	38.7	7.0	36.2	0.0391	-4.1	0.0408
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	26.5	8.9	24.3	11.4	8.1	10.6	0.0821	-0.5	0.0825
Pengetinan Nenas	29.1	17.6	24.7	12.4	0.1	12.4	0.0970	-23.9	0.1275
Minyak kelapa	11.8	24.9	9.5	14.8	13.4	13.0	0.0430	-38.8	0.0703
Minyak dan lemak sayuran dan haiwan lain	73.9	20.0	61.6	31.3	6.5	29.4	0.0323	-14.7	0.0378
Beras	80.3	10.7	72.5	18.1	-1.4	18.3	0.0327	-12.1	0.0373
Tepung	216.7	15.7	187.4	33.2	-8.8	36.4	0.0301	-26.7	0.0410
Biskut	32.7	7.0	30.6	13.8	3.7	13.3	0.0983	-9.6	0.1088
Gula	111.3	3.6	107.5	29.6	2.9	28.8	0.0249	-12.4	0.0285
Produk koko	127.6	12.9	113.0	31.1	5.2	29.6	0.0211	-13.5	0.0244
Produk coklat dan produk berasaskan gula	58.2	-7.0	62.5	20.0	4.3	19.2	0.1196	8.3	0.1105
Sos termasuk ekstrak perasa	65.1	-15.9	77.4	22.0	-5.2	23.3	0.0988	14.9	0.0860
Snek	37.7	7.5	35.1	13.6	4.6	13.0	0.0904	-1.4	0.0917
Produk makanan lain	125.6	24.3	101.1	29.2	13.6	25.7	0.0634	-18.2	0.0776
Minuman	**100.5**	**5.3**	**95.4**	**26.5**	**5.1**	**25.2**	**0.0577**	**-2.5**	**0.0591**
Minuman ringan	129.8	2.9	126.1	32.0	1.7	31.5	0.0543	-2.7	0.0558
Air mineral	29.5	-8.7	32.3	13.2	6.3	12.4	0.0904	5.9	0.0854

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan kajian perkilangan bulanan dan kajian perindustrian tahunan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan

Pada 2007, sejumlah 65 projek telah diluluskan bagi industri pemprosesan makanan dan minuman (kecuali makanan haiwan dan produk kelapa sawit) berjumlah RM1,791.7 juta, berbanding 63 projek bernilai RM800.5 juta pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM1,523.8 juta, merangkumi 85 peratus, sementara pelaburan asing berjumlah RM267.9 juta atau 15 peratus.

Projek dengan pelaburan yang tinggi adalah dalam pengilangan gula, berjumlah RM563.4 juta, susu pekat, susu tepung dan susu cair (RM464.4 juta) dan pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan (RM156.5 juta).

Jadual 5.92:
Pelaburan dalam Industri Pemprosesan Makanan Diproses dan Minuman

Butiran	2007	Perubahan (%)	2006
Bil. projek diluluskan	**65**	**3.2**	**63**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,791.7**	**123.8**	**800.5**
Domestik (RM juta)	1,523.8	251.7	433.3
Asing (RM juta)	267.9	-27.0	367.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: Data tidak termasuk makanan haiwan dan produk minyak sawit

Eksport

Ekport bagi produk makanan diproses dan minuman terpilih meningkat sebanyak 20.1 peratus pada 2007 kepada RM9,966.6 juta, berbanding RM8,299 juta pada 2006.

Eksport bagi produk makanan diproses meningkat sebanyak 19.5 peratus kepada RM8,670.4 juta pada 2007, daripada RM7,255.7 juta pada 2006. Barangan eksport utama adalah koko dan keluaran koko, berjumlah RM2,475.1 juta, diikuti oleh produk dan penyediaan makanan (RM1,704.7 juta) dan sajian berasaskan bijirin dan tepung (RM1,018.3 juta). Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan eksport bernilai RM1.2 bilion, Indonesia (RM795.2 juta), AS (RM577.8 juta), Jepun (RM420.6 juta) dan Australia (RM408.5 juta).

Pada 2007, eksport produk minuman meningkat sebanyak 24.1 peratus kepada RM1,296.2 juta, daripada RM1,043.3 juta pada 2006. Peningkatan eksport disumbangkan oleh minuman beralkohol dengan pertumbuhan sebanyak 27.2 peratus kepada RM927.7 juta dan minuman tanpa alkohol sebanyak 17.4 peratus kepada RM368.5 juta. Destinasi eksport utama bagi produk minuman Malaysia adalah Singapura, dengan nilai eksport sebanyak RM470.7 juta, Thailand (RM334 juta), Indonesia (RM148.7 juta), Viet Nam (RM117.3 juta) dan Australia (RM25.2 juta).

Jadual 5.93:
Eksport Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**9,966.6**	**20.1**	**8,299.0**
Makanan Diproses	**8,670.4**	**19.5**	**7,255.7**
Koko dan keluaran koko	2,475.1	23.5	2,004.2
Produk dan penyediaan makanan	1,704.7	15.2	1,480.2
Sajian berasaskan bijirin dan tepung	1,018.3	8.9	935.2
Magerin dan *shortening*	979.2	15.8	845.3
Produk tenusu	817.1	68.2	485.7
Gula dan produk berasaskan gula	667.3	32.9	502.1
Makanan laut diproses	569.9	-7.8	617.8
Sayuran dan buah-buahan diproses/diawet	332.5	14.3	290.9
Daging diproses	76.4	10.2	69.3
Teh dan *mate*	29.9	20.3	24.9
Minuman	**1,296.2**	**24.1**	**1,043.3**
Minuman beralkohol	927.7	27.2	729.4
Minuman tanpa alkohol	368.5	17.4	313.9

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 5.94:
Import Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Produk	2007 (RM juta)	Perubahan (%)	2006 (RM juta)
Jumlah	**9,498.6**	**28.0**	**7,423.1**
Makanan Diproses	**8,202.4**	**21.3**	**6,764.3**
Produk tenusu	2,470.3	46.0	1,691.5
Produk dan penyediaan makanan	1,989.7	8.1	1,840.8
Gula dan produk berasaskan gula	1,847.5	9.5	1,688
Buah-buahan dan sayuran diproses dan diawet	596.1	36.8	435.6
Sajian berasaskan bijirin dan tepung	510.5	32.7	384.7
Makanan laut diproses	390.1	-1.9	397.8
Koko dan keluaran koko	259.5	28.3	202.3
Teh dan mate	94.7	10.4	85.8
Magerin dan *shortening*	22.2	17.1	19.0
Daging diproses	21.8	14.7	19.0
Minuman	**810.0**	**23.0**	**658.7**
Minuman beralkohol	766.9	22.8	624.4
Minuman tanpa alkohol	43.2	25.6	34.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import

Import bagi produk makanan diproses dan minuman meningkat sebanyak 28 peratus kepada RM9,498.6 juta pada 2007, berbanding RM7,423.1 juta pada 2006.

Import bagi produk makanan diproses meningkat sebanyak 21.3 peratus kepada RM8,202.4 juta pada 2007, berbanding RM6,764.3 juta pada 2006. Barangan import utama adalah produk tenusu bernilai RM2,470.3 juta, produk dan penyediaan makanan (RM1,989.7 juta) serta gula dan produk berasaskan gula (RM1,847.5 juta).

Australia kekal sebagai sumber terbesar import bagi makanan diproses untuk Malaysia pada 2007, walaupun jumlah import berkurangan sebanyak 6.1 peratus kepada RM1.2 bilion, daripada RM1.1 bilion pada 2006. Ia merangkumi 14.7 peratus syer daripada jumlah import makanan diproses. Barangan utama yang diimport adalah gula dan produk berasakan gula (31.6 peratus), dan produk tenusu (30.2 peratus). Sumber import utama yang lain adalah New Zealand, dengan nilai import sebanyak RM1 bilion, Thailand (RM1 bilion), Brazil (RM864.2 juta) dan AS (RM861 juta).

Import bagi produk minuman meningkat sebanyak 23 peratus kepada RM810.0 juta, berbanding RM658.7 juta pada 2006. Sumber import adalah Perancis, dengan nilai import sebanyak RM196.6 juta, Singapura (RM187.8 juta), United Kingdom (RM151.5 juta), Australia (RM75.5 juta) dan Belanda (RM53.6 juta).

Perkembangan

Bagi memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (ACDA) telah diwujudkan bagi meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan tanaman lain. ACDA melibatkan 14 projek di empat negeri, dengan kawasan seluas 532 hektar dan seramai 382 petani. Projek Taman Makanan Kekal dengan keluasan 3,745 hektar juga sedang dibangunkan dan pengilang makanan dibenarkan untuk mengimport bahan mentah dengan pengecualian cukai apabila bekalan tidak mencukupi atau tidak diperolehi dalam negara.

Makanan halal telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang untuk dibangunkan secara lebih meluas dan dipelbagaikan dalam sektor pemprosesan makanan. Usaha turut dibuat bagi menggalakkan pembangunan kelompok berasaskan makanan, termasuk

hab halal dan lembah daging (*beef valley*), dengan infrastruktur dan perkhidmatan yang mencukupi. Lima Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri iaitu Perlis, Kedah, Pahang, Kelantan dan Terengganu, sedang memulakan usaha untuk membangunkan Taman Halal di negeri masing-masing. Skop projek telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi dan taman-taman tersebut adalah dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM120 juta bagi pembangunan taman industri halal dalam Negara. Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) telah menyiapkan Pelan Induk Industri Halal yang akan dibentangkan di *National Implementation Directorate* (NID) dan *National Implementation Task Force* (NITF). Pelan Induk tersebut menggariskan strategi dan pelan tindakan bagi tempoh 2008-2010, yang bertujuan untuk menarik pelaburan langsung asing dan juga pelaburan domestik dengan penekanan kepada pembangunan entrepris kecil dan sederhana. Pelan ini merangkumi objektif khusus sebagai penunjuk arah perkembangan bagi pembangunan industri halal negara.

Pada 2007, pelbagai program telah dilaksanakan bagi memantapkan lagi sokongan institusi dan sistem penyampaian bagi industri pemprosesan makanan. Ini termasuklah meningkatkan peranan MARDI dalam penyelidikan dan pembangunan produk bernilai ditambah, aplikasi Sistem Maklumat Keselamatan Makanan (FoSIM) di pintu-pintu masuk seluruh Malaysia bagi mengawal makanan import, peruntukan berterusan geran bersamaan bagi pensijilan dan sistem pengurusan kualiti, pembangunan dan promosi produk halal dan memupuk 468 enterpris kecil dan sederhana untuk menjadi pembekal kepada pasaraya besar di Malaysia dan luar negara.

PROSPEK

Pertumbuhan ekonomi global dan momentum eksport diramal bertahan walaupun terdapat kelembapan ekonomi di AS. Ini dijangka dapat memberi faedah kepada sektor perkilangan Malaysia disokong oleh aliran pelaburan yang meyakinkan terutamanya dalam industri seperti E&E, M&E, kimia, logam asas dan petroleum. Perkembangan dalam industri pembinaan dan peningkatan perbelanjaan pengguna juga dijangka dapat mengekalkan permintaan kepada industri berasaskan sumber dan barangan pengguna.

Dalam industri E&E, peralatan semikonduktor dan litar bersepadu akan terus kekal sebagai komponen utama dalam eksport Malaysia bagi produk E&E pada 2008. Jualan semikonduktor global diramal meningkat 7.7 peratus pada 2008. Peningkatan ini dijangka mewujudkan permintaan terhadap cip elektronik dan produk pengguna seperti telefon selular, komputer persendirian, televisyen digital dan MP3. Malaysia akan terus memberi fokus dalam menarik pelaburan E&E berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan seperti *wafer fabrication*, rekaan IC dan pengeluaran produk dan aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi termasuk peralatan fotonik dan audio digital.

Industri M&E telah beralih kepada pengilangan khusus bertaraf tinggi, peralatan automatik, peralatan pengendalian bahan dan M&E berat bagi menyokong industri E&E, automotif, petrokimia, minyak dan gas, pembinaan dan penjanaan kuasa. Penekanan akan terus diberi kepada promosi M&E berteknologi tinggi dan bernilai ditambah yang tinggi.

Pertumbuhan dalam pengeluaran produk kimia, terutamanya industri kimia dijangka kekal pada 2008. Pembangunan seterusnya subsektor pemprosesan makanan seperti makanan halal dan makanan sedia dimakan akan menyumbang kepada peningkatan permintaan bagi penggunaan gas nitrogen dan karbon dioksida. Terdapat potensi bagi gas khusus seperti nitrous oksida dan oksigen berketulenan tinggi bagi penggunaan sektor perkhidmatan kesihatan yang semakin berkembang.

Permintaan global bagi keluli dijangka lebih kukuh pada 2008, walaupun harganya tinggi disebabkan peningkatan harga bahan mentah. Pembangunan rancak dalam sektor pembinaan

dan perkilangan di negara-negara ASEAN juga akan terus meningkatkan permintaan terhadap keluli di rantau ini. Industri besi dan keluli domestik dijangka tumbuh disebabkan pembesaran asas perkilangan kepada produk bertaraf tinggi dan pelaksanaan projek pada 2008 bagi produk pertengahan keluli seperti *plates*, *galvanised coils* dan *sheets* termasuk juga produk siap seperti paip dan tiub.

Pertumbuhan dalam sektor petrokimia akan dipacu terutamanya oleh pembangunan dalam industri petroleum dan yang berkaitan. Harga minyak mentah yang meningkat daripada US$60 se-tong pada 2006 kepada lebih daripada US$90 se-tong pada 2007 akan terus memberi kesan kepada industri pada 2008. Pembangunan industri petrokimia di Malaysia juga bergantung kepada bekalan tambahan bahan mentah.

Aktiviti pelaburan dijangka kukuh disebabkan pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki iklim perniagaan. Langkah-langkah bagi mengukuhkan hak intelek, termasuk menyediakan mahkamah khusus dijangka dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menarik lebih banyak aktiviti R&D. Tambahan pula, aktiviti pelaburan dijangka rancak dengan lebih banyak penyertaan daripada sektor swasta dalam pelaksanaan Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan koridor ekonomi yang lain.

Sektor perkilangan dijangka kekal sebagai penjana pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan menyumbang kepada KDNK, pekerjaan dan eksport pada 2008. Sektor ini dijangka kekal dinamik dan peka kepada perubahan dalam ekonomi global.

Bab 6 PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN

TINJAUAN

Pada 2007, sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Sektor tersebut menyumbang 53.6 peratus daripada KDNK Malaysia dengan kadar pertumbuhan 9.7 peratus, berbanding 52 peratus pada tahun 2006. Adalah dianggarkan 51.4 peratus atau 5.8 juta daripada jumlah tenaga kerja adalah dalam sektor perkhidmatan. Perkhidmatan bukan Kerajaan menyumbangkan 46.7 peratus daripada KDNK dan 42 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga pada 2007. Faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi kukuh sektor perkhidmatan termasuk peningkatan dalam pelaburan dan produktiviti syarikat-syarikat asing dan tempatan.

Dalam sektor perkhidmatan, perkhidmatan kewangan merupakan subsektor utama yang menyumbang 15.9 peratus daripada KDNK atau RM80.5 bilion. Ini diikuti dengan perdagangan pengedaran (14.5 peratus atau RM73.5 bilion), pengangkutan (7.5 peratus atau RM37.9 bilion) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain (5.7 peratus atau RM28.7 bilion).

Jadual 6.1:
Petunjuk Utama Sektor Perkhidmatan

Petunjuk	2007	2006
Syer KDNK (%)	**53.6**	**52.0**
Kerajaan	6.9	7.0
Bukan Kerajaan	46.7	45.0
Pertumbuhan (%)	9.7	7.3
Pelaburan Diluluskan (RM bilion)	65.4	55.5
Pertumbuhan Produktiviti (%)	5.0	4.1
Nilai Eksport (RM bilion)	96.8	73.7
Nilai Import (RM bilion)	95.4	82.4
Peratusan Jumlah Guna Tenaga (%)	51.4	51.3

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Unit Perancang Ekonomi, Malaysia
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Lapan subsektor perkhidmatan telah disasarkan untuk pertumbuhan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), iaitu:

- perkhidmatan perniagaan dan profesional;
- perdagangan pengedaran;
- pembinaan;
- pendidikan dan latihan;
- perkhidmatan pelancongan;
- perkhidmatan kesihatan;
- logistik; dan
- perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Bagi menyelaras dan menerajui pertumbuhan sektor perkhidmatan, dua Majlis telah ditubuhkan iaitu Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) dan Majlis Logistik Malaysia (MLC).

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Pelaburan berjumlah RM65.4 bilion dalam 2,439 projek telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2007, berbanding RM55.5 bilion dalam 2,501 projek pada 2006. Jumlah pelaburan yang diluluskan melepasi sasaran pelaburan tahunan RM45.8 bilion di bawah IMP3. Pelaburan domestik pada tahun 2007 berjumlah RM54.6 bilion (83.5 peratus), sementara pelaburan asing berjumlah RM10.8 bilion (16.5 peratus). Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan 49,770 peluang pekerjaan.

PRESTASI SUBSEKTOR PERKHIDMATAN TERPILIH

Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan

Pertubuhan Serantau
Pertubuhan serantau yang menyediakan perkhidmatan perantaraan kepada operasi syarikat multinasional (MNC) termasuk Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), Pusat Pengedaran

Jadual 6.2:
Pelaburan Diluluskan dalam Subsektor Perkhidmatan

Subsektor	2007		2006	
	Bilangan	RM juta	Bilangan	RM juta
Jumlah	**2,439**	**65,430.2**	**2,501**	**55,520.6**
Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	163	700.5	183	950.0
Perkhidmatan Sokongan[1]	352	9,883.6	337	3,236.8
Perkhidmatan Lain				
Hartanah (Perumahan)	1,004	21,612.7	976	18,042.6
Pengangkutan	56	16,740.5	58	11,577.1
Tenaga	-	5,536.8[2]	-	4,599.6[2]
Telekomunikasi	8	3,927.4	13	4,803.0
Perdagangan Pengedaran	591	2,907.7	701	2,667.9
Hotel dan Pelancongan	51	1,311.8	79	2,431.0
Perkhidmatan Kewangan	53	1,298.0	78	6,982.0
Perkhidmatan Kesihatan	8	1,012.6	16	155.5
Perkhidmatan Pendidikan	123	347.9	60	75.1
Lain-lain	30	150.7	nil	nil

Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: [1] Perkhidmatan Sokongan termasuk Syarikat Berstatus MSC
[2] Pelaburan tambahan bagi pembesaran projek sedia ada
nil - sifar

Carta 6.1:
Bilangan Pertubuhan Serantau Diluluskan (Sehingga 31 Disember 2007)



Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Serantau (RDC), Pejabat Serantau (RO) dan Pejabat Perwakilan (RE). Sehingga tahun 2007, sejumlah 2,443 pertubuhan serantau telah diluluskan termasuk 150 OHQ, 203 IPC, 18 RDC, 642 RO dan 1,430 RE.

Pada 2007, sebanyak 163 pertubuhan serantau baru telah diluluskan dengan cadangan perbelanjaan tahunan sebanyak RM700.5 juta, berbanding 183 pertubuhan dengan perbelanjaan tahunan RM950 juta pada 2006. Anggaran jualan tahunan untuk IPC dan RDC berjumlah RM2.7 bilion bagi tahun 2007, berbanding RM5.8 bilion pada 2006. Operasi ini akan mewujudkan sejumlah 2,557 pekerjaan, peningkatan sebanyak 29.9 peratus, berbanding 1,968 pekerjaan pada tahun 2006, terutama pada peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Ibu Pejabat Operasi

Pada 2007, sejumlah 17 Ibu Pejabat Operasi (OHQ) dengan modal berbayar berjumlah RM63 juta telah diluluskan, berbanding 27

Carta 6.2
Perbelanjaan Perniagaan Tahunan mengikut Pertubuhan Serantau, 2006-2007



Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

OHQ, dengan modal berbayar RM107.7 juta yang diluluskan pada tahun 2006. Daripada jumlah ini, sebanyak empat OHQ adalah merupakan pertubuhan serantau sedia ada yang dinaik taraf dan satu syarikat memindahkan operasi dari Amerika Syarikat dan Australia ke Malaysia. Jumlah perbelanjaan perniagaan tahunan meningkat kepada RM323.8 juta pada tahun 2007 daripada RM300.5 juta pada 2006.

Daripada 17 OHQ yang diluluskan, empat adalah dari Amerika Syarikat, dua masing-masing dari Jerman, Norway dan Singapura dan setiap satu dari Kepulauan Cayman, Belanda, Bermuda, Belgium dan Switzerland. Manakala dua adalah projek usaha sama di antara Malaysia, Amerika Syarikat dan Jerman. Sejumlah 155 jawatan ekspatriat telah diluluskan bagi OHQ ini dan 1,955 peluang pekerjaan akan disediakan kepada rakyat Malaysia yang mana 14 peratus adalah jawatan pengurusan dan eksekutif kanan. Dalam kategori jawatan teknikal, mahir dan pakar, 67 peratus akan diisi oleh rakyat Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 150 OHQ, dengan jumlah modal berbayar RM669.3 juta dan anggaran perbelanjaan perniagaan tahunan RM1.8 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 30 adalah dari Amerika Syarikat, diikuti dengan Jepun (14), Jerman (14), United Kingdom (11), Belanda (10) dan Australia (10). Sejumlah 1,835 ekspatriat diluluskan untuk diambil bekerja oleh OHQ ini dan sebanyak 8,575 peluang pekerjaan diwujudkan untuk rakyat Malaysia. Sebahagian besar OHQ di Malaysia adalah terlibat dalam aktiviti penyumberluaran proses perniagaan (BPO), termasuk penyediaan perkhidmatan perkongsian bersama untuk syarikat sekutu di rantau Asia Pasifik.

Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 96 OHQ telah memulakan operasi mereka dengan 20 OHQ dalam industri minyak dan gas. OHQ lain terlibat dalam aktiviti kewangan, elektrikal dan elektronik (E&E), pembinaan, makanan dan minuman, perkayuan dan logistik.

Pusat Perolehan Antarabangsa

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) yang ditubuhkan oleh syarikat antarabangsa dalam negara, berperanan sebagai pusat perolehan dan pengedaran serta bertanggungjawab dalam pengurusan rantaian bekalan untuk operasi perkilangan mereka di Malaysia dan juga di luar negara.

Pada 2007, sejumlah 12 IPC telah diluluskan dengan cadangan perbelanjaan perniagaan tahunan RM289.3 juta, berbanding 14 projek pada tahun 2006 dengan nilai RM423 juta. Pada 2007, jualan tahunan adalah sebanyak RM2.7 bilion, berbanding RM5.9 bilion pada 2006. Daripada 12 IPC yang diluluskan, tiga masing-masing adalah oleh MNC Jepun dan syarikat Malaysia, dua oleh syarikat Singapura dan setiap satu oleh syarikat dari Amerika Syarikat dan Jerman. Selebihnya adalah projek usaha sama di antara syarikat Malaysia dan UK/Singapura/Jepun. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 292 rakyat Malaysia, sebahagian besarnya dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir.

Sehingga akhir 2007, sejumlah 203 IPC telah diluluskan dengan anggaran jualan tahunan berjumlah RM66 bilion, sementara perbelanjaan perniagaan dianggarkan berjumlah RM5.3 bilion setahun. Sebahagian besar IPC yang diluluskan adalah dari Jepun, diikuti Malaysia (35), Amerika Syarikat (14), Taiwan (11), Singapura (11) dan Jerman (5), sementara bakinya sebanyak 39 adalah usaha sama terutama dengan syarikat Jepun dan Singapura. Daripada 203 IPC yang diluluskan, 113 menyediakan perkhidmatan kepada industri E&E, diikuti dengan industri kimia dan petrokimia (27), jentera dan peralatan perindustrian (16), tekstil (9) dan perabot (7).

Pusat Pengedaran Serantau

Hanya terdapat satu projek pusat pengedaran serantau (RDC) dengan cadangan perbelanjaan perniagaan RM2.1 juta diluluskan pada 2007, iaitu kepada syarikat India, yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pemasaran dan pengedaran bagi peralatan perlombongan dan pembinaan di rantau Asia Pasifik.

Sebanyak 18 RDC telah diluluskan semenjak 2003 dengan jumlah jualan terkumpul sebanyak RM3.4 bilion dan perbelanjaan perniagaan tahunan sebanyak RM285.7 juta. RDC tersebut sebahagian besarnya dari Jerman, United Kingdom, Switzerland, Belgium, Finland dan Perancis. Sehingga kini, sejumlah 441 peluang pekerjaan diwujudkan oleh RDC ini.

Pejabat Serantau dan Perwakilan

Pejabat serantau (RO) dan pejabat perwakilan (RE) menyediakan perkhidmatan kepada ibu pejabat mereka atau prinsipal di luar negara yang melibatkan aktiviti penyelarasan untuk syarikat sekutu, anak syarikat dan agen di Malaysia dan serantau. Ini termasuk pengumpulan maklumat dan menjalankan kajian kemungkinan berkaitan pelaburan, penyumberan dan peluang perniagaan.

Pada 2007, sejumlah 49 RO dan 84 RE diluluskan, berbanding 41 RO dan 94 RE pada 2006. Jumlah perbelanjaan perniagaan pejabat tersebut dianggarkan sebanyak RM85.4 juta setahun, berbanding RM73.1 juta pada 2006. Sebahagian besar daripada pejabat ini adalah dari Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong SAR dan Australia. Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 642 RO dan 1,430 RE telah diluluskan.

Selain itu, sejumlah 21 RE bagi bank dan institusi kewangan asing dari Amerika Syarikat, Perancis dan Switzerland telah ditubuhkan di Malaysia.

Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan sokongan termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, sumber tenaga boleh diperbaharui, pusat perkhidmatan utiliti bersepadu dan kemudahan rantaian penyejukan untuk produk makanan yang merupakan rangkaian penting dalam rantaian nilai perindustrian.

Pada 2007, sejumlah 86 projek dengan pelaburan RM6.2 bilion telah diluluskan, berbanding 30 projek bernilai RM318.8 juta pada 2006. Peningkatan pelaburan ini telah disumbangkan oleh pertambahan bilangan dan nilai pelaburan dalam bidang logistik bersepadu dan tenaga boleh diperbaharui.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Tenaga boleh diperbaharui telah dikenal pasti sebagai sumber penting tenaga masa hadapan dan merupakan sumber tenaga kelima terbesar Malaysia selepas arang batu, minyak, gas

Jadual 6.3
Pelaburan Diluluskan dalam Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan Sokongan	2007		2006	
	Bilangan	RM juta	Bilangan	RM juta
Jumlah	**86**	**6,184.9**	**30**	**318.8**
Tenaga Boleh Diperbaharui	14	4,476.7	8	208.7
Perkhidmatan Logistik Bersepadu	8	1,298.4	1	9.8
Penyelidikan Dan Pembangunan	62	398.7	21	100.3
Perkhidmatan Sokongan Pasaran Bersepadu	2	11.1	nil	nil

Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: nil - sifar

asli dan hidro. Ini termasuk tenaga boleh diperbaharui daripada biomas, solar, mini-hidro dan sisa buangan perbandaran. Tenaga boleh diperbaharui daripada biomas dan tenaga solar menyumbang 90 peratus daripada tenaga boleh diperbaharui.

Pada 2007, sejumlah 10 projek tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan Taraf Perintis (PS) atau Elaun Cukai Pelaburan (ITA), melibatkan pelaburan RM338.5 juta, berbanding lapan projek dengan pelaburan RM194.4 juta pada 2006. Projek-projek ini mempunyai kapasiti pengeluaran tenaga elektrik sebanyak 24 *megawatts* (MW) dan 115 tan tenaga wap menggunakan 1.3 juta tan biomas setahun. Daripada projek diluluskan tersebut, lima adalah untuk penjanaan elektrik dan lima lagi untuk menghasilkan tenaga wap.

Bagi aktiviti penjimatan/kecekapan tenaga, empat projek telah diluluskan insentif PS/ITA dengan jumlah pelaburan RM4.1 bilion. Kesemua projek yang diluluskan adalah aktiviti penjimatan/kecekapan tenaga untuk kegunaan sendiri.

Sehingga akhir 2007, 41 projek milik rakyat Malaysia telah diluluskan insentif PS/ITA untuk menghasilkan tenaga boleh diperbaharui. Jumlah pelaburan dalam projek tersebut bernilai RM877.8 juta. Projek yang diluluskan ini berupaya menjana 176.7MW elektrik, 1,043.4 tan tenaga wap, 150.7 *giga joules* haba dan 1,000 *refrigerant* tan air dingin (*chilled water*), menggunakan 7.2 juta tan biomas setahun. Sumber biomas adalah daripada kelapa sawit, kayu, tebu dan bahan buangan perbandaran. Daripada 41 projek yang diluluskan, 18 telah beroperasi di mana 11 di Semenanjung Malaysia dan tujuh di Sabah.

Bagi aktiviti penjimatan/kecekapan tenaga, sembilan projek, kesemuanya milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan RM109.3 juta telah diluluskan insentif PS/ITA. Daripada projek yang diluluskan, tujuh adalah projek penyedia perkhidmatan penjimatan/kecekapan tenaga dengan pelaburan RM4.8 juta, manakala dua (RM104.5 juta) adalah untuk penjimatan/kecekapan tenaga bagi kegunaan sendiri. Projek-projek tersebut, apabila dilaksanakan akan berupaya menjimatkan 385MW elektrik setahun.

Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menyokong penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga termasuk:

- pelancaran program SURIA 1,000 – yang membolehkan pemasangan *solar building integrated photovoltaic* (BIVP); dan

- menyokong Mekanisma Pembangunan Kebersihan (CDM), yang dibangunkan melalui Protokol Kyoto dalam mempromosikan pembangunan mapan untuk negara membangun. Syarikat di negara membangun yang berjaya mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau (GHG) di bawah CDM diberikan sijil Pengesahan Pengurangan Emisi (CER) yang boleh didagangkan dengan negara membangun.

Dalam mempromosi dan membangunkan sumber tenaga hijau, satu insentif khas telah diberikan dalam bentuk PS dengan pengecualian penuh cukai selama 10 tahun atau ITA 100 peratus untuk tempoh lima tahun bagi tenaga boleh diperbaharui dan projek kecekapan atau penjimatan tenaga.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu
Perkhidmatan logistik bersepadu (ILS) merangkumi penghantaran, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian perolehan dan pembekalan secara bersepadu.

Pada 2007, lapan syarikat logistik telah diluluskan insentif ILS untuk projek pelbagaian dan pembesaran bernilai RM1.3 bilion, yang mana 99 peratus adalah pelaburan tempatan. Sejumlah 1,157 peluang pekerjaan juga diwujudkan. Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 20 syarikat telah diluluskan insentif ILS dengan cadangan pelaburan RM4.1 bilion. Daripada jumlah ini, empat adalah projek baru dan 16 lagi adalah projek pembesaran.

Insentif ILS buat pertama kalinya telah diperkenalkan pada tahun 2002 bagi menggalakkan penyedia perkhidmatan logistik untuk menyepadukan aktiviti-aktiviti mereka dan menjadi Perkhidmatan Logistik Pihak Ketiga. Promosi untuk sektor ini juga adalah selaras dengan visi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hub logistik di rantau ini.

Penyelidikan dan Pembangunan
Penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk reka bentuk perindustrian (pembangunan produk dan proses termasuk reka bentuk dan prototaip) dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh syarikat reka bentuk, syarikat kontrak R&D, syarikat R&D, institusi R&D yang diluluskan dan syarikat penyelidikan. Pada tahun 2007, pelaburan R&D yang diluluskan bernilai RM398.7 juta dengan 62 projek, yang mana RM386.2 juta daripadanya adalah pelaburan domestik dan RM12.5 juta adalah pelaburan asing. Projek R&D yang diluluskan adalah:

- tujuh projek bernilai RM18.9 juta dengan insentif PS/ITA, melibatkan pelaburan dalam bidang industri sains hayat berkaitan nanoteknologi dan produk penjagaan rambut dan kulit; industri jentera dan kelengkapan, E&E serta ICT.

- 55 projek R&D dengan pelaburan RM379.8 juta dengan kemudahan kewangan merangkumi:

  - 45 projek dengan pelaburan RM368.9 juta di bawah Tabung Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF); dan

  - 10 projek dengan pelaburan RM10.9 juta di bawah Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan (MGS) Koridor Raya Multimedia (MGC).

Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 98 projek R&D melibatkan pelaburan RM1.4 bilion diluluskan insentif PS/ITA. Pelaburan asing dalam projek R&D ini berjumlah RM927.7 juta, sementara pelaburan domestik berjumlah RM423.1 juta. Pelaburan R&D sebahagian besarnya dalam industri:

- E&E;
- kimia dan produk kimia;
- pengilangan mesin;
- kelengkapan pengangkutan;
- tekstil dan produk tekstil; dan
- produk plastik.

Sebanyak 3,044 peluang pekerjaan telah diwujudkan melalui projek tersebut.

Perkhidmatan Sokongan Pasaran Bersepadu
Perkhidmatan Sokongan Pasaran Bersepadu (IMS) merangkumi aktiviti penjenamaan, penyelidikan pasaran dan pengurusan hubungan pelanggan.

Pada 2007, dua projek dengan pelaburan RM11.1 juta telah diluluskan. Kedua-dua projek tersebut adalah berpangkalan di Malaysia dan terlibat dalam aktiviti sokongan pasaran untuk jenama tempatan dan asing. Sehingga 31 Disember 2007, lima syarikat dengan jumlah pelaburan RM11.6 juta telah diluluskan insentif IMS.

Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Syarikat Berstatus Koridor Raya Multimedia
Sehingga 31 Disember 2007, sejumlah 1,994 syarikat telah diluluskan status Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perbadanan

Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. Daripada jumlah ini, 1,477 adalah milik majoriti rakyat Malaysia, 464 milik majoriti rakyat asing dan 53 dengan milik bersama. Syarikat ini dibahagikan kepada enam kategori teknologi utama, iaitu:

- multimedia kreatif;
- perniagaan berasaskan internet (IBB);
- perkhidmatan perkongsian bersama dan penyumberan luar (SSO);
- aplikasi perisian dan *mobility embedded hardware and software*; dan
- institusi pengajian tinggi (IHL) dan inkubator.

Daripada 1,994 syarikat yang diluluskan status MSC, sehingga ini, sebanyak 1,594 atau 80 peratus sedang beroperasi.

Carta 6.3:
Kelulusan Syarikat Berstatus MSC mengikut Kelompok Teknologi (Sehingga 31 Disember 2007)



Sumber: Perbadanan Pembangunan Multimedia

Sejumlah 266 syarikat telah dianugerahkan status MSC pada tahun 2007, dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM3.7 bilion, berbanding 307 syarikat dengan pelaburan yang diluluskan berjumlah RM2.9 bilion pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM2.4 bilion (64.9 peratus) sementara pelaburan asing berjumlah RM1.3 bilion (35.1 peratus) pada tahun 2007.

Sejumlah 192 syarikat atau 72.1 peratus daripada 266 syarikat yang dianugerahkan status MSC pada tahun 2007, adalah milik penuh rakyat Malaysia, 61 adalah milik penuh rakyat asing, manakala bakinya sebanyak 13 adalah projek usaha sama.

Kajian Impak Tahunan MSC Malaysia 2007 menunjukkan perbelanjaan syarikat yang mengambil bahagian dalam kajian adalah berjumlah RM7.1 bilion. Ini merupakan peningkatan 9.1 peratus, berbanding RM6.5 bilion yang dilaporkan dalam Kajian Impak Tahunan MSC Malaysia 2006. Jumlah jualan syarikat ini pada 2007 dilaporkan berjumlah RM12.1 bilion.

Perkhidmatan Lain

Hartanah (Perumahan)
Hartanah merangkumi industri perumahan (tidak termasuk bangunan komersil) di Semenanjung Malaysia. Ia adalah subsektor perkhidmatan terbesar dari segi pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2007. Sejumlah 1,004 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan RM21.6 bilion, berbanding RM18 bilion pada 2006. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik adalah sebanyak RM19.9 bilion.

Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan permintaan untuk hartanah kediaman pada tahun 2007 termasuk kenaikan pendapatan rakyat, permintaan yang tinggi oleh pembeli asing, kekukuhan pasaran saham tempatan dan dasar-dasar yang bersesuaian, termasuk usaha Kerajaan untuk memansuhkan cukai keuntungan harta tanah *(real property gains tax - RPGT)* dan mengurangkan kerenah birokrasi bagi pembeli asing.

Pengangkutan
Sektor pengangkutan merangkumi pengangkutan laut, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya.

Pada 2007, sejumlah 56 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM16.7 bilion, berbanding 58 projek dengan pelaburan RM11.6 bilion pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM12.2 bilion, sementara pelaburan asing berjumlah RM4.5 bilion.

Pelaburan diluluskan pada 2007 sebahagian besarnya dalam sektor penerbangan, penyelenggaraan dan pembinaan lebuh raya yang masing-masing bernilai RM9.2 bilion dan RM5.1 bilion. Pelaburan ini adalah bagi pembelian pesawat dan naik taraf lebuh raya. Pelaksanaan projek lebuh raya di selatan dan utara Malaysia adalah bertujuan untuk meningkatkan rangkaian perhubungan pengangkutan di Malaysia.

Perkhidmatan Kewangan

Perkhidmatan kewangan sebahagian besarnya merangkumi perbankan, pasaran modal (pembrokeran, pengurusan dana, penasihat pelaburan dan modal teroka) dan insuran. Pada 2007, sejumlah 53 projek dengan pelaburan RM1.3 bilion telah diluluskan, berbanding RM7 bilion pada 2006. Pelaburan domestik pada 2007 berjumlah RM853.7 juta, sementara pelaburan asing berjumlah RM444.3 juta.

Subsektor perbankan telah menarik pelaburan terbesar dengan RM794.1 juta, diikuti pasaran modal dengan pelaburan RM475.1 juta, dan insuran bernilai RM28.8 juta.

Jadual 6.4
Pelaburan Diluluskan dalam Subsektor Perkhidmatan Kewangan

Aktiviti	2007		2006	
	Bilangan	RM juta	Bilangan	RM juta
Jumlah	**53**	**1,298.0**	**78**	**6,982.0**
Perbankan	14	794.1	22	3,376.7
Pasaran Modal	30	475.1	33	2,751.3
Insuran	9	28.8	23	854.0

Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaburan dalam perbankan termasuk pembesaran dan pelbagaian projek untuk bank pesisir dan luar pesisir, sementara pelaburan dalam pasaran modal adalah terutama dalam pembrokeran bernilai RM449.7 juta dan modal teroka bernilai RM11.4 juta. Pelaburan dalam insuran terdiri daripada insuran luar pesisir (RM28.8 juta). Malaysia mengambil inisiatif untuk meliberalisasikan sektor kewangan dan juga mempromosikan perbankan Islam kepada pelabur asing. Kehadiran bank dari Timur Tengah menunjukkan komitmen Malaysia mempromosikan perbankan Islam bukan sahaja tertumpu dalam negara tetapi juga di rantau ini.

Tenaga

Sektor tenaga merangkumi pengeluar kuasa bebas dan penjanaan, transmisi dan pengedaran tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Bhd., Syarikat SESCO Berhad dan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Pada 2007, pelaburan dalam penjanaan, transmisi dan pengedaran tenaga elektrik berjumlah RM5.5 bilion, kesemuanya adalah pelaburan domestik. Pada 2006, pelaburan dalam sektor ini berjumlah RM4.6 bilion.

Telekomunikasi

Subsektor telekomunikasi merangkumi kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan applikasi termasuk perkhidmatan aplikasi perisian dan penyiaran. Pada 2007, lapan lesen persendirian diluluskan dalam subsektor ini dengan jumlah pelaburan RM3.9 bilion, di mana kesemuanya merupakan pelaburan domestik. Sebagai perbandingan, 13 lesen individu dengan jumlah pelaburan RM4.8 bilion, yang juga merupakan pelaburan domestik diluluskan pada tahun 2006.

Perdagangan Pengedaran

Subsektor perdagangan pengedaran merangkumi:

- Projek dengan penyertaan asing dalam perdagangan borong dan runcit;
- *Hypermarket*/pasar raya, gedung perniagaan dan jualan langsung;
- Projek yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum, 1974; dan
- Francais.

Sejumlah 591 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM2.9 bilion pada 2007. Pelaburan

domestik berjumlah RM948 juta, sementara pelaburan asing berjumlah RM2 bilion.

Perkembangan penting pada tahun 2007 termasuk kelulusan:

- 39 projek baru dan pembesaran *hypermarket* dan pasar raya dengan jumlah pelaburan RM2.2 bilion;
- lapan gedung membeli-belah dengan jumlah pelaburan RM410 juta;
- 220 projek dalam perdagangan pemborongan dan peruncitan dengan jumlah pelaburan RM152.4 juta;
- 33 projek jualan langsung dengan jumlah pelaburan RM53.5 juta;
- 201 projek di bawah Akta Pembangunan Petroleum dengan jumlah pelaburan RM42.3 juta, melibatkan pembinaan stesen minyak, pemborong gas petroleum cecair (LPG) dan pengangkutan produk petroleum; dan
- 90 projek francais dengan jumlah pelaburan RM29.5 juta.

Hotel dan Pelancongan

Sejumlah 51 projek dengan pelaburan RM1.3 bilion dalam subsektor hotel dan pelancongan telah diluluskan, berbanding 79 projek bernilai RM2.4 bilion pada 2006. Pelaburan domestik berjumlah RM1.2 bilion sementara pelaburan asing berjumlah RM122.7 juta. Pelaburan bagi tahun 2007 adalah bagi projek baru dan pembesaran hotel, tempat peranginan percutian, taman tema dan pusat konvensyen.

Pelaburan domestik bagi projek hotel berjumlah RM1.1 bilion, sementara pelaburan asing berjumlah RM121.7 juta. Daripada 46 projek hotel yang diluluskan, 34 projek telah diberikan insentif pelaburan.

Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Pada 2007, kelulusan telah diberikan kepada lapan institusi penjagaan kesihatan swasta (termasuk hospital, rumah bersalin, pusat penjagaan kesihatan dan pusat pakar perubatan) melibatkan jumlah pelaburan RM1 bilion, kesemuanya adalah pelaburan domestik. Pelaburan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan pada 2006 berjumlah RM155.5 juta bagi 16 projek.

Pelaburan domestik dalam sektor ini membolehkan Malaysia mempromosikan industri penjagaan kesihatan, terutama dalam pelancongan kesihatan dan rawatan kepakaran perubatan lain. Kos kesihatan di Malaysia adalah rendah jika dibandingkan di antara negara membangun yang lain. Pertumbuhan industri penjagaan kesihatan swasta adalah disebabkan permintaan tinggi daripada pesakit tempatan selaras dengan peningkatan tahap pendapatan.

Perkhidmatan Pendidikan

Perkhidmatan pendidikan merangkumi kolej swasta dan universiti, pusat kemahiran dan institusi pendidikan swasta. Pada 2007, sejumlah 123 projek telah diberikan kelulusan untuk menubuhkan institusi pendidikan, melibatkan pelaburan RM347.9 juta yang melepasi pelaburan bagi tahun 2006 iaitu sebanyak RM75.1 juta dengan 60 projek. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik adalah RM292.9 juta.

Pelaburan dalam perkhidmatan pendidikan adalah terutama dalam kolej/universiti swasta, bernilai RM221 juta, diikuti oleh pusat kemahiran (RM122.6 juta) dan institusi

Jadual 6.5
Pelaburan Diluluskan bagi Projek Hotel dan Pelancongan

Aktiviti	2007		2006	
	Bilangan	RM juta	Bilangan	RM juta
Jumlah	**51**	**1,311.8**	**79**	**2,431.0**
Projek Hotel	46	1,180.7	56	1,748.0
Projek Pelancongan	5	131.1	23	683.0

Disediakan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

pendidikan swasta (RM4.3 juta). Pusat pengajian tinggi yang ditubuhkan di Malaysia menyediakan modal insan yang diperlukan untuk pertumbuhan negara.

PERDAGANGAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Perdagangan Malaysia dalam perkhidmatan terus mencatatkan pertumbuhan pada tahun 2007. Jumlah perdagangan dalam perkhidmatan komersil meningkat 15.9 peratus kepada RM192.2 bilion pada 2007, daripada RM165.8 bilion pada 2006. Eksport perkhidmatan meningkat 21.5 peratus kepada RM96.8 bilion pada 2007 berbanding RM79.6 bilion pada 2006. Ketiga-tiga kategori utama eksport, iaitu perjalanan, pengangkutan dan perkhidmatan lain mencatatkan pertumbuhan positif. Import bagi perkhidmatan komersil merekodkan pertumbuhan 10.8 peratus kepada RM95.4 bilion. Import dalam ketiga-tiga sektor utama juga mencatatkan pertumbuhan positif.

Perdagangan dalam perkhidmatan merekodkan lebihan dagangan pertama pada tahun 2007, bernilai RM1.4 bilion, berbanding dengan defisit RM6.5 bilion pada 2006. Lebihan dagangan ini menunjukkan peningkatan kukuh dalam pertumbuhan dan nilai eksport. Ini sebahagiannya disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor pengangkutan sebanyak 56.1 peratus, terutama dalam segmen pengangkutan udara dan laut.

Jadual 6.6
Eksport dan Import Perkhidmatan Bukan Kerajaan

Subsektor	2007 RM bilion	2006 RM bilion	Perubahan (%)
Jumlah Perdagangan	**192.2**	**165.8**	**15.9**
Eksport	**96.8**	**79.6**	**21.5**
Perjalanan	44.3	38.2	15.9
Pengangkutan	24.2	15.5	56.1
Perkhidmatan Lain	28.3	25.9	9.2
Import	**95.4**	**86.1**	**10.8**
Perjalanan	18.0	14.7	22.3
Pengangkutan	37.7	35.1	7.3
Perkhidmatan Lain	39.7	36.3	9.4
Imbangan Perdagangan	**1.4**	**(6.5)**	**n.a**

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Nota: n.a – tidak berkaitan

Perjalanan
Eksport perkhidmatan perjalanan yang merangkumi pelancongan, kesihatan dan pendidikan, mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 15.9 peratus, bernilai RM44.3 bilion pada tahun 2007. Import perkhidmatan perjalanan meningkat 22.2 peratus kepada RM18 bilion daripada RM14.7 bilion pada 2006. Lebihan dagangan dalam sektor perkhidmatan perjalanan mencatatkan pertumbuhan 12 peratus kepada RM26.3 bilion pada tahun 2007 berbanding RM23.5 bilion pada 2006.

Peningkatan dalam eksport perkhidmatan perjalanan adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan yang diperolehi daripada kemasukan pelancong asing sebanyak 15.8 peratus kepada RM43.5 bilion berbanding RM37.6 bilion pada 2006. Jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia pada 2007 berjumlah 20.9 juta, peningkatan sebanyak 19.4 peratus berbanding 17.5 juta pada 2006.

Usaha-usaha mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2007 telah menyumbang kepada kenaikan kemasukan pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2007. Berdasarkan Laporan Daya Saing Industri Pelancongan dan Perjalanan dalam 2007, Malaysia menduduki tempat kedua dalam destinasi harga paling berdaya saing. Purata penginapan pelancong di Malaysia adalah selama enam hari dengan perbelanjaan RM350.70 sehari. Pelancong ASEAN merupakan komponen yang paling ramai iaitu 79 peratus daripada jumlah pelancong ke Malaysia.

Eksport dalam subsektor pendidikan mencatatkan pertumbuhan 22.1 peratus pada tahun 2007 kepada RM669.6 juta. Bilangan pelajar asing yang melanjutkan pelajaran peringkat tinggi di institusi swasta dan awam meningkat 7.8 peratus kepada 47,849 pelajar daripada 44,390 pelajar pada 2006. Import subsektor pendidikan meningkat 13.6 peratus kepada RM4.6 bilion berbanding RM4.1 bilion pada 2006. Adalah dianggarkan 53,866 pelajar Malaysia sedang belajar di luar negara,

dengan Australia sebagai penerima utama pelajar Malaysia diikuti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Eksport perkhidmatan penjagaan kesihatan mencatatkan pertumbuhan tertinggi dalam perkhidmatan perjalanan dengan peningkatan 24.5 peratus kepada RM137.2 juta daripada RM110.2 juta pada 2006. Pada tahun 2007, dianggarkan 341,288 pesakit asing mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta Malaysia. Walau bagaimanapun, import perkhidmatan penjagaan kesihatan berkurangan sebanyak 28.9 peratus kepada RM57.7 juta daripada RM81.1 juta pada 2006.

Pengangkutan

Perkhidmatan pengangkutan udara dan laut merupakan dua komponen eksport utama sektor pengangkutan. Eksport perkhidmatan pengangkutan meningkat 56.1 peratus kepada RM24.2 bilion, berbanding RM15.5 bilion pada tahun 2006. Import bagi perkhidmatan pengangkutan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.3 peratus kepada RM37.7 bilion, berbanding RM35.1 bilion pada 2006. Sektor pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih rendah iaitu RM13.5 bilion, pengurangan sebanyak 31.1 peratus daripada defisit, berbanding RM19.6 bilion pada 2006. Sektor pengangkutan terus berada pada tahap defisit disebabkan oleh pergantungan terhadap penyedia perkhidmatan asing, khususnya dalam pengangkutan barangan untuk pasaran eksport.

Eksport perkhidmatan pengangkutan laut mencatatkan pertumbuhan 19.1 peratus kepada RM8.4 bilion berbanding RM7.1 bilion pada tahun 2006. Import perkhidmatan pengangkutan laut meningkat 5.4 peratus kepada RM32.6 bilion berbanding RM30.9 bilion pada 2006. Peningkatan terhadap pengimportan pengangkutan laut turut disumbangkan oleh pertumbuhan perdagangan Malaysia sebanyak 3.7 peratus.

Eksport pengangkutan udara mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 86.9 peratus pada 2007 kepada RM15.8 bilion berbanding RM8.4 bilion pada 2006. Prestasi tersebut disebabkan oleh penerimaan yang tinggi daripada pelancong asing yang menggunakan perkhidmatan udara. Pengenalan kepada pengangkutan udara tambang murah *(low-cost carriers)* dan perluasan destinasi serta perjalanan dekat *(short route)* mewujudkan asas yang lebih baik bagi pengeksportan subsektor pengangkutan udara.

Perkhidmatan Lain

Perkhidmatan lain merangkumi:

- komunikasi;
- pembinaan;
- perkhidmatan kewangan;
- insuran;
- yuran dan royalti;
- komputer dan maklumat;
- perkhidmatan perniagaan lain; dan
- perkhidmatan kebudayaan dan pandang dengar.

Eksport perkhidmatan lain mencatatkan peningkatan 9.2 peratus kepada RM28.3 bilion pada 2007, berbanding RM25.9 bilion pada 2006. Antara subsektor yang mengalami peningkatan adalah penerimaan royalti dan yuran lesen sebanyak 30.9 peratus, diikuti dengan eksport perkhidmatan komputer dan maklumat sebanyak 27.1 peratus, dan kedua-dua perkhidmatan rekreasi dan pandang dengar, serta pembinaan dan perkhidmatan pemasangan sebanyak 23.9 peratus.

Import perkhidmatan lain meningkat 9.4 peratus kepada RM39.7 bilion, berbanding RM36.3 bilion pada tahun 2006. Peningkatan import disebabkan kenaikan dalam aktiviti perkhidmatan kewangan sebanyak 69 peratus, perkhidmatan operasi pajakan sebanyak 21.5 peratus, dan pembinaan dan perkhidmatan pemasangan sebanyak 21.4 peratus.

Perkhidmatan Pembinaan

Perkhidmatan pembinaan telah dikenal pasti sebagai subsektor untuk dimajukan dalam IMP3. Pembinaan dibahagikan kepada dua kategori:

- kerja pembinaan am seperti pembinaan dan kejuruteraan sivil; dan

- kerja pembinaan khusus seperti pertukangan kayu, penyaman udara, kerja mekanikal dan elektrikal.

Pada 2007, jumlah perdagangan bagi perkhidmatan pembinaan meningkat 18.4 peratus kepada RM7.6 bilion, berbanding RM6.2 bilion pada 2006. Ekport meningkat 23.9 peratus kepada RM4.7 bilion daripada RM3.8 bilion pada tahun 2006, manakala import meningkat 21.4 peratus kepada RM5.8 bilion daripada RM4.8 bilion pada tahun 2006.

Penurunan bilangan projek infrastruktur besar tempatan menyebabkan syarikat Malaysia menumpukan pasaran mereka di luar Malaysia. Pada tahun 2007, syarikat pembinaan Malaysia melaksanakan 33 projek di luar negara bernilai RM12.8 bilion.

Sepuluh negara utama bagi eksport perkhidmatan pembinaan sehingga akhir Disember 2007 adalah:

Bil.	Negara	Bilangan Projek	Nilai (RM bilion)
1.	Arab Saudi	8	22.4
2.	India	72	15.4
3.	Emiriyah Arab Bersatu	32	9.8
4.	Republik Rakyat China	33	3.8
5.	Qatar	9	3.3
6.	Sudan	20	2.9
7.	Thailand	39	2.6
8.	Bahrain	9	2.2
9.	Laos	1	2.1
10.	Afrika Selatan	3	1.8

Sumber: Lembaga Industri Pembinaan Malaysia

Projek yang dilaksanakan di negara-negara tersebut termasuk:

- empangan hidroelektrik;
- jambatan;
- jalan raya dan lebuh raya;
- lapangan terbang;
- loji kumbahan dan rawatan air;
- projek pengairan dan janakuasa tenaga bebas; dan
- projek pembangunan hartanah termasuk perumahan, hotel, kediaman mewah dan riadah.

Pelan Induk Industri Pembinaan (CIMP) telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 31 Disember 2007. CIMP merupakan pelan komprehensif yang menetapkan hala tuju industri pembinaan Malaysia bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. Pelan tersebut juga bertujuan memberi hala tuju yang jelas mengenai visi, misi, faktor kritikal kejayaan, penyataan arah strategi, cadangan dan pelan tindakan bagi industri pembinaan Malaysia kepada pihak berkepentingan industri.

PERKEMBANGAN LAIN

Institusi bagi Meningkatkan Pembangunan dalam Sektor Perkhidmatan

Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) dan Majlis Logistik Malaysia (MLC) telah ditubuhkan pada Januari 2007 bagi membangun serta mempromosi sektor perkhidmatan.

MSDC ditubuhkan untuk menyelia dan menyelaras pertumbuhan dan pembangunan subsektor perkhidmatan berikut:

- perkhidmatan perniagaan dan profesional;
- perdagangan pengedaran;
- pembinaan;
- perkhidmatan kesihatan;
- perkhidmatan pelancongan; dan
- pendidikan dan latihan.

Bagi membantu MSDC melaksanakan program kerjanya, enam Kumpulan Fokus telah ditubuhkan merangkumi subsektor yang telah disasarkan. Kumpulan Fokus ini diterajui oleh sektor swasta. Antara isu yang telah dbincangkan oleh Majlis tersebut adalah:

- program bagi meningkatkan peruntukan perkhidmatan dalam sektor pelancongan untuk mendorong peningkatan kemasukan pelancong asing ke Malaysia;
- kenaikan mendadak harga besi dan keluli yang menjejaskan industri pembinaan negara;
- kekurangan tenaga kerja mahir yang memberi kesan kepada semua segmen

dalam subsektor perkhidmatan yang dikenal pasti dan keperluan program pembangunan sumber manusia yang komprehensif;

- penyelarasan oleh agensi Kerajaan tertentu dan sektor swasta semasa menjalankan projek promosi antarabangsa terutama dalam subsektor pendidikan dan kesihatan;
- peraturan berkaitan penubuhan perkhidmatan perdagangan pengedaran dalam negara; dan
- keperluan untuk meneliti liberalisasi secara progresif memandangkan arus globalisasi dan pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang sedang dirunding oleh pihak Kerajaan.

MLC ditubuhkan untuk menyelaraskan pertumbuhan serta pembangunan subsektor perkhidmatan berikut:

- pengangkutan maritim;
- pengangkutan darat;
- pengangkutan udara; dan
- pengurusan logisitik bersepadu dan pengurusan rantaian bekalan.

Lima Kumpulan Fokus telah ditubuhkan di bawah MLC bagi melaksanakan program pembangunan. Antara isu yang sedang ditangani oleh Majlis tersebut adalah:

- penyeragaman keperluan perlesenan bagi aktiviti agen penghantaran (*forwarding agent*) dari segi ekuiti dan tenaga kerja;
- pengenalan standard bagi industri logistik merangkumi keselamatan dan penjagaan keselamatan;
- latihan dan pembangunan kerjaya dalam industri logistik bagi meningkatkan profil industri tersebut;
- impak berkaitan caj logistik terhadap daya saing pekapal;
- *ASEAN Roadmap for integration of the logistics industry*; dan
- menangani isu Dasar Kabotaj.

Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dalam IMP3 untuk sektor perkhidmatan, inisiatif berikut telah diambil:

- MITI telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan bagi mengawasi kemajuan subsektor perkhidmatan serta menyelaras aspek pembangunan sektor perkhidmatan bersama kementerian dan agensi yang bertanggungjawab.
- MIDA telah diberikan tugas sebagai *single window* bagi mempromosi aktiviti pelaburan dan mempermudahkan pembangunan subsektor perkhidmatan terpilih di Malaysia. Dua bahagian telah diwujudkan, iaitu Bahagian Logistik dan Operasi Serantau dan Bahagian Perniagaan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Lain bagi menjalankan tanggungjawab tersebut.
- MATRADE telah mewujudkan Seksyen Pembangunan Strategi Perniagaan bertujuan memperluaskan asas atau skop eksport Malaysia, termasuk eksport perkhidmatan ke pelbagai pasaran eksport.

Dana Eksport Perkhidmatan

Dana Eksport Perkhidmatan Profesional (*PSEF*) telah dilancarkan pada 28 September 2006 dengan peruntukan sebanyak RM150 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada permulaan, skop liputan PSEF dihadkan kepada bidaan antarabangsa bagi kajian dan projek. Skop dana tersebut kemudiannya diperluaskan untuk meliputi aktiviti promosi dan PSEF, seterusnya ditukar nama kepada Dana Eksport Perkhidmatan (*SEF*) pada September 2007.

PROSPEK

Selaras dengan perkembangan sasaran ekonomi Malaysia, sektor perkhidmatan dijangka mengalami pertumbuhan pada tahun 2008, walaupun dengan kadar yang kurang memberangsangkan berbanding 2007 disebabkan kemungkinan kelembaban ekonomi dunia. Namun, sektor ini akan terus berperanan penting menyokong sektor

perkilangan dan perdagangan antarabangsa serta menjadi penyumbang utama kepada KDNK Malaysia.

Usaha untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan pada 2008 melalui ASEAN (Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan), WTO (Perjanjian Am mengenai Perdagangan dalam Perkhidmatan) dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan serantau bukan sahaja akan membuka pasaran kepada pelabur asing dalam sektor perkhidmatan tertentu, malahan akan turut memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan tempatan memasuki pasaran antarabangsa. Melalui liberalisasi progresif, pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan dijangka akan meningkat pada 2008. Syarikat tempatan yang mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan kompetitif, contohnya dalam industri pembinaan, akan terus meningkatkan usaha dalam mendapatkan projek antarabangsa.

Perdagangan dalam perkhidmatan dijangka akan berkembang dengan usaha yang berterusan oleh Malaysia bagi meningkatkan keupayaan mengeksport bagi sektor perkhidmatan. Inisiatif pihak swasta, akan dilengkap dengan dorongan Kerajaan melalui SEF, misi perdagangan khas dan penyertaan dalam pameran dan pertunjukan antarabangsa. Subsektor perkhidmatan yang akan meningkatkan sumbangan hasil eksport negara, termasuk subsektor pelancongan, perkhidmatan pendidikan dan pengangkutan. Perkhidmatan kejuruteraan minyak dan gas juga akan terus mengalami peningkatan berikutan aktiviti eksplorasi minyak dan gas disebabkan oleh kenaikan harga pasaran minyak mentah dunia.

Kotak 6 .1: Liberalisasi Perkhidmatan

Arah-aliran ekonomi bagi negara maju dan negara membangun menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan menjadi semakin penting dalam ekonomi dunia. Peratusan sumbangan sektor perkhidmatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negara maju telah meningkat daripada 65 peratus pada tahun 1990 kepada 72 peratus pada tahun 2007 dan bagi negara membangun pula, ia meningkat daripada 45 peratus kepada 52 peratus.

Eksport global bagi perkhidmatan komersial (tidak termasuk perkhidmatan Kerajaan) pada tahun 2007 bernilai AS$3.3 trillion, meningkat 17.8 peratus daripada AS$2.8 trillion pada 2006. Eksport perkhidmatan oleh negara membangun meningkat pada kadar 8 peratus setahun, berbanding 6 peratus bagi negara maju untuk tempoh 1990 hingga 2007. Kepentingan sektor perkhidmatan bagi negara membangun telah terbukti apabila syer eksport perkhidmatan global telah meningkat kepada 29 peratus daripada 18 peratus pada tahun 1990. Sektor perkhidmatan menyumbang kepada lebih 70 peratus guna tenaga bagi negara maju dan 35 peratus bagi negara membangun. Asas ekonomi bagi sektor perkhidmatan global telah mengalami perubahan yang agak ketara sejak beberapa tahun yang lepas.

Ciri-ciri struktur ekonomi bagi kebanyakan negara maju adalah penguasaan dalam sektor perkhidmatan dalam penjanaan kekayaan, eksport dan guna tenaga. Negara membangun juga sedar akan potensi sektor ini dan menumpukan segala sumber dalam pembangunan sektor perkhidmatan, walaupun masih terdapat ketidakseimbangan dalam pembangunan sektor ini di kalangan negara tersebut. Hampir 75 peratus daripada jumlah eksport perkhidmatan dari negara membangun, berasal dari 10 negara iaitu Republik Rakyat China, Hong Kong SAR, India, Singapura, Republik Korea, Taiwan, Thailand, Turki, Malaysia dan Brazil.

Malaysia sedang menghala ke arah status negara maju. Walaupun sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK agak tinggi, sebanyak 46.7 peratus pada tahun 2007, namun ia masih belum mencapai potensi sepenuh yang ada. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) serta Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), yang dilancarkan pada tahun 2006 telah mengenal pasti sektor perkhidmatan sebagai salah satu sumber baru bagi pertumbuhan ekonomi negara. IMP3 mengunjur sumbangan

sektor perkhidmatan kepada KDNK akan meningkat kepada 59.7 peratus menjelang tahun 2020. Bagi mencapai sasaran ini, adalah dianggarkan bahawa perkhidmatan bukan Kerajaan perlu berkembang pada kadar tahunan 7.5 peratus, dengan purata pelaburan tahunan RM45.9 bilion dalam tempoh 15 tahun pelaksanaan IMP3.

Usaha membangunkan sektor perkhidmatan di Malaysia akan terjejas sekiranya penyedia perkhidmatan hanya menghadkan diri mereka kepada pasaran tempatan. Pasaran tempatan adalah terlalu kecil bagi syarikat mencapai pertumbuhan dan mengembangkan perniagaan mereka. Dengan hanya menumpukan kepada pasaran tempatan, penambahbaikan produktiviti serta daya saing akan terjejas. Industri berorientasikan pasaran domestik tidak akan dapat menjana peluang pekerjaan yang mencukupi bagi menampung peningkatan bilangan pekerja mahir yang terdapat dalam negara. Negara akan kehilangan peluang yang ada bagi menjana kekayaan, iaitu yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi mapan. Oleh itu, adalah penting bagi industri perkhidmatan memperkukuhkan kedudukannya di pasaran tempatan dan pada masa yang sama mencari peluang di pasaran antarabangsa.

Sektor perkhidmatan akan turut meraih faedah melalui penglibatan dengan pelabur asing. Pelaburan asing membuka peluang bagi usaha sama di pasaran tempatan dan bekerjasama di pasaran antarabangsa, di mana ahli perniagaan Malaysia lebih arif mengenai pasaran seperti di ASEAN. Pelabur asing membawa bersama mereka cara kerja terbaik dan proses baru termasuk penggunaan teknologi terkini. Hasil daripada pemindahan teknologi ini, ia akan dapat mempertingkatkan daya saing penyedia perkhidmatan tempatan. Pelabur asing juga dapat meningkatkan kapasiti tambahan dalam negara dan mengisikan jurang perkhidmatan yang tidak disediakan oleh pelabur tempatan, dan dengan itu dapat memperkukuhkan sektor tersebut untuk mengambil peluang di pasaran antarabangsa.

Pelaburan dalam sektor perkhidmatan di Malaysia telah melebihi sasaran tahunan RM45.9 bilion pada tahun 2006 dan 2007. Pelaburan berjumlah RM65.4 bilion telah direkodkan dalam sektor ini pada tahun 2007, berbanding sebanyak RM55.5 bilion pada 2006. Sebahagian besar pelaburan dalam sektor ini merupakan pelaburan tempatan memandangkan 16.5 peratus adalah pelaburan asing pada tahun 2007. Eksport perkhidmatan meningkat 31 peratus kepada RM96.8 bilion pada tahun 2007, berbanding RM73.7 bilion pada 2006.

Malaysia perlu mengikuti langkah yang diambil oleh sektor perkilangan bagi memajukan sepenuhnya potensi dalam sektor perkhidmatan sebagai satu sumber pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia memperolehi manfaat daripada usaha liberalisasi dalam perdagangan barangan melalui pelbagai pusingan rundingan perdagangan di bawah Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan seterusnya melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Langkah ini telah membuka peluang pasaran bagi produk Malaysia melalui pengurangan tarif, pemansuhan peraturan dan halangan bukan peraturan kepada perdagangan. Pendekatan yang sama perlu diambil oleh Malaysia untuk memajukan potensinya sebagai pengeksport perkhidmatan.

Liberalisasi sektor perkhidmatan akan dilaksanakan di Malaysia secara progresif, termasuk tawaran untuk meliberalisasikan sektor terpilih di Malaysia dan di pasaran rakan perdagangan. Sebelum mengambil komitmen untuk meliberalisasi, adalah penting bagi industri perkhidmatan tempatan memiliki kapasiti dan keupayaan untuk bersaing, bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi juga di pasaran antarabangsa. Bagi mencapai matlamat ini, pihak Kerajaan dan industri telah mengenal pasti subsektor perkhidmatan yang berdaya saing untuk dipromosi dan diperkukuhkan kapasiti serta membantu menjadikan subsektor ini sedia untuk dieksport.

Liberalisasi perkhidmatan pada masa kini sedang giat dijalankan melalui rundingan dalam ASEAN, WTO dan rundingan FTA dua hala dan serantau. Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kepentingan penyedia perkhidmatan negara terpelihara adalah termasuk:

- konsultasi dengan subsektor yang berkaitan dan badan pengawal selia;
- hanya sektor perkhidmatan yang disifatkan berdaya saing secara domestik akan ditawarkan;
- pembukaan pasaran tempatan secara progresif;

- tawaran disertakan dengan inisiatif pembangunan kapasiti oleh Kerajaan dan rakan perdagangan asing;

- rangka peraturan tempatan diperkukuhkan bagi memastikan tiada persaingan yang tidak adil dari penyedia perkhidmatan asing;

- Perjanjian Pengiktirafan Bersama (*Mutual Recognition Agreements*) dilaksanakan bagi memastikan hanya profesional yang diiktiraf akan dibenarkan untuk memberi perkhidmatan mereka di negara terlibat; dan

- misi perdagangan khas dan penyertaan dalam pameran dan pertunjukan antarabangsa bagi industri perkhidmatan dianjurkan untuk memberi peluang kepada pemberi perkhidmatan Malaysia memperolehi faedah daripada peluang yang ada.

Dalam menghadapi suasana persaingan yang kompetitif, langkah ke hadapan bagi industri perkhidmatan negara adalah untuk berusaha menjadi syarikat bertaraf antarabangsa yang mampu bersaing dengan yang terbaik. Sekiranya Malaysia ingin negara asing membuka pasarannya bagi sektor perkhidmatan, maka Malaysia juga perlu bersedia menerima permintaan yang sama dari rakan perdagangannya. Oleh demikian, liberalisasi adalah proses secara dua hala yang harus menguntungkan kedua-dua pihak yang terlibat. Terdapat manfaat yang boleh diperolehi dalam liberalisasi sektor perkhidmatan secara progresif ini, sekiranya sektor perkhidmatan Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan dengan memberi maklum balas dan menyertai secara aktif dalam rundingan perdagangan.

Bab 7 PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA

TINJAUAN

Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) merangkumi 99.2 peratus daripada keseluruhan syarikat di Malaysia berdasarkan kepada Bancian Pertubuhan Syarikat 2005 oleh Jabatan Perangkaan. Pada 2007, EKS dalam sektor perkilangan telah menyumbang sebanyak 30.7 peratus kepada jumlah keseluruhan pengeluaran sektor perkilangan, 26.3 peratus kepada nilai ditambah dan 31.6 peratus kepada peluang pekerjaan. Berbanding dengan 2006, sumbangan kepada keseluruhan pengeluaran sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 6.9 peratus, diikuti oleh peningkatan nilai ditambah sebanyak 8.2 peratus dan peningkatan kepada peluang pekerjaan sebanyak 2.7 peratus.

Jadual 7.1:
Sumbangan EKS terhadap Sektor Perkilangan

Petunjuk	2007	2006	Peningkatan (%)
Keseluruhan Pengeluaran			
Nilai (RM juta)	94,356	88,265	6.9
Sumbangan kepada Sektor Perkilangan (%)	30.7	29.3	
Nilai Ditambah			
Nilai (RM juta)	19,251	17,798	8.2
Sumbangan kepada Sektor Perkilangan (%)	26.3	25.7	
Peluang Pekerjaan	413,397	402,497	2.7
Sumbangan kepada Sektor Perkilangan (%)	31.6	31.2	

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia
Disediakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia

Peningkatan pengeluaran EKS sebahagian besarnya adalah daripada subsektor makanan dan minuman (32.4 peratus), diikuti oleh kimia dan produk kimia (17.1 peratus) dan produk logam (12.5 peratus). Tiga subsektor utama menyumbang kepada nilai ditambah ialah makanan dan minuman sebanyak 21.7 peratus, kimia dan produk kimia (19.2 peratus) dan produk logam (12.9 peratus).

Subsektor makanan dan minuman merupakan majikan terbesar dan menyumbang kepada 18.9 peratus daripada keseluruhan gunatenaga EKS. Ini diikuti oleh subsektor produk logam sebanyak 13 peratus serta subsektor produk getah dan plastik sebanyak 12.8 peratus.

Pada 2007, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai program sokongan dan pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan EKS. Selain itu, skop bantuan di bawah program-program sedia ada telah diperluaskan kepada EKS dalam sektor perkhidmatan.

Pada 2007, sejumlah 16 program pembangunan dan sokongan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dengan peruntukan berjumlah RM74.1 juta. Program-program ini memfokus kepada pembangunan rantaian industri, penerokaan pasaran, peningkatan kemahiran, penerapan teknologi serta penyediaan khidmat nasihat. SMIDEC juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi dari luar negara seperti Jepun, Republik Korea, Taiwan dan Thailand dalam melaksanakan program pembangunan kapasiti dan inisiatif penerokaan pasaran.

Bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai program-program pembangunan dan bantuan kewangan yang disediakan untuk EKS, pelbagai program capaian telah dilaksanakan pada 2007. Sejumlah 218 akitiviti promosi telah dijalankan di seluruh negara dan berjaya menarik sebanyak 219,904 penyertaan. Usaha ini telah meningkatkan jumlah permohonan yang diterima di bawah skim bantuan kewangan kepada 3,907 pada 2007 berbanding 2,923 pada 2006. Ini membawa kepada peningkatan nilai kelulusan dalam 2007 di mana, sebanyak RM209.3 juta geran dan pinjaman telah diluluskan.

INISIATIF DASAR DALAM PEMBANGUNAN EKS

Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan (NSDC), badan tertinggi dalam penggubalan dasar untuk pembangunan EKS telah menggariskan inisiatif-inisiatif utama untuk meningkatkan sokongan terhadap pembangunan EKS. Strategi-strategi dan program-program baru yang diperkenalkan pada 2007 ialah:

- menubuhkan Agensi Penyelaras Pusat untuk EKS (SMECCA), yang akan berfungsi sebagai agensi tunggal Kerajaan khusus bagi menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program-program EKS oleh kementerian dan agensi yang berkaitan;

- untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemasaran EKS yang akan mengabungkan pelaksanaan aktiviti promosi eksport oleh pelbagai kementerian dan agensi. Dengan mengenal pasti agensi utama bagi setiap aktiviti promosi eksport, penyertaan EKS dalam aktiviti-aktiviti tersebut akan menjadi lebih berkesan;

- menubuhkan pangkalan data Rangkaian Penasihat Perniagaan EKS (SME-NET) yang mengandungi profil dan maklumat perhubungan Penasihat Perniagaan EKS. Syarikat EKS boleh mendapatkan maklumat berkaitan melalui sesi rundingan dengan pelbagai agensi Kerajaan, bank perdagangan dan institusi kewangan; dan

- untuk meningkatkan promosi pembiayaan mikro sedia ada, logo pembiayaan mikro kebangsaan telah dilancarkan. Skim pembiayaan mikro ini boleh didapati melalui Bank Simpanan Nasional serta Bank Rakyat dan bagi memudahcara akses kepada pembiayaan mikro, di mana ia tidak memerlukan cagaran, dokumen permohonan pinjaman yang minimum dan proses kelulusan yang singkat.

NSDC telah meluluskan Pelan Tindakan Pembangunan EKS 2007 yang mendokumenkan secara tahunan program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Sejak pelaksanaan Pelan Tindakan Rangka Kerja Pengurusan pada 2005, ia memudahkan penyelarasan perancangan dasar EKS, pelaksanaannya serta memantau hasil dan pencapaian program-program EKS. Sejumlah RM3.7 bilion telah diperuntukan untuk 189 program yang memfokus kepada:

- memperkukuh keupayaan EKS dalam semua sektor;

- menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang keusahawanan; dan

- menggalakkan pembangunan EKS dalam sektor K-Industri.

Sebanyak lima teras strategik telah digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga untuk memperkukuhkan lagi pembangunan EKS. Teras strategik ini kemudian dibahagi kepada 25 strategi untuk pelaksanaan dan diselaras serta dipantau oleh Jawatankuasa Pembangunan EKS yang dipengerusikan SMIDEC. Pembangunan-pembangunan yang signifikan pada 2007 termasuk:

- pengenalan *SME Competitive Rating for Enhancement* (SCORE) sebagai kaedah bagi mengukur prestasi EKS dan menentukan jenis-jenis program bantuan untuk membangunkan syarikat;

- penubuhan Pusat Rujukan Inovasi EKS Kebangsaan di mana ia adalah satu forum yang menyediakan platform untuk usahawan, institusi penyelidikan, pembiaya kewangan dan agensi Kerajaan yang berkaitan untuk bertemu dan berbincang mengenai inisiatif-inisiatif dan program-program bagi membangunkan EKS yang inovatif; dan

- penggubalan kursus latihan khas untuk subsektor logistik yang merangkumi program-program sijil dan diploma bagi lepasan sekolah oleh *Selangor Freight Forwarders and Logistics Association* (SFFLA) dan SMIDEC.

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

Program-program pembangunan yang dirangka dan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk menangani isu-isu operasi yang dihadapi oleh EKS termasuk akses kepada pasaran, keupayaan teknologi yang rendah, kualiti produk yang rendah, kebolehdapatan pekerja mahir dan akses kepada pembiayaan. Untuk menangani isu-isu ini, program pembangunan yang dilaksanakan pada 2007 memberi fokus kepada:

- meningkatkan program rantaian industri;
- memudahkan pembangunan pasaran domestik dan asing;
- meningkatkan pembangunan enterpris melalui penerapan pensijilan produk dan kualiti;
- menyokong pembangunan modal insan;
- menggalakkan penggunaan teknologi sebagai pemudah dalam pengurusan pengeluaran, logistik dan pemasaran; dan
- capaian untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan kepada EKS.

Program Rantaian Industri

Di bawah Program Rantaian Industri (ILP), EKS dihubungkan sebagai pembekal produk dan perkhidmatan kepada syarikat besar dan multinasional (MNC). Terdapat dua komponen utama dalam program ini iaitu mewujudkan rantaian dalam pasaran tempatan dan antarabangsa serta meningkatkan keupayaan EKS untuk memenuhi keperluan khusus sesuatu pasaran. Program ini telah berjaya mewujudkan rantaian bagi EKS dalam subsektor makanan dan minuman, komponen peralatan automotif, kimia dan produk kimia, serta produk elektrik dan elektronik.

Pada 2007, jumlah jualan melalui rantaian-rantaian ini adalah sebanyak RM321.2 juta, mengatasi jumlah jualan tahunan untuk 10 tahun yang lepas. Sehingga Disember 2007, sebanyak 722 EKS yang dihubungkan kepada syarikat besar dan MNC, menjana jualan terkumpul berjumlah RM772.9 juta. Peningkatan yang signifikan ini telah disumbangkan oleh misi-misi projek khas yang dianjurkan oleh SMIDEC serta jalinan kerjasama dengan entiti penyelidikan dan pembangunan asing.

Program Pembangunan Pasaran

Pameran tahunan EKS, SMIDEX 2007 yang menjadi platform kepada EKS untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, telah dianjurkan pada bulan Jun 2007. SMIDEX 2007 telah menarik seramai 7,192 pelawat perdagangan, peningkatan sebanyak 9.2 peratus berbanding SMIDEX 2006. Jualan berjumlah RM59.9 juta telah dicatatkan berbanding RM19.2 juta pada 2006.

Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) SME Conference and Expo 2007 telah dianjurkan buat julung kalinya pada Disember 2007 di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada komitmen Malaysia di bawah inisiatif pembangunan IMT-GT. Program ini telah menyumbang ke arah memupuk kerjasama yang erat dan membina rangkaian perniagaan di kalangan EKS Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Pameran ini disertai oleh EKS yang terlibat dalam subsektor produk dan perkhidmatan halal, produk pengguna dan kraftangan. Sebanyak 96 syarikat termasuk 27 daripada Thailand dan lapan daripada Indonesia menyertai pameran tersebut.

Semasa Program ini berlangsung, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara SMIDEC dan Perbadanan Pembangunan Halal, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan JAKIM, bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama dalam pembangunan industri halal. Satu lagi Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara SMIDEC, JAKIM dan sebuah entiti swasta bertujuan untuk memudahkan akses pasaran melalui rantaian kedai halal yang khusus.

Sebagai usaha untuk membantu EKS menembusi pasaran asing, tiga Misi Projek Khas (SPM) telah diadakan ke Qingdao,

Republik Rakyat China, Taiwan dan Bangkok, Thailand. Sebanyak 46 EKS menyertai misi-misi tersebut. Selain mempamerkan produk dan perkhidmatan, EKS Malaysia juga menyertai sesi pemadanan perniagaan yang telah menjana jualan sebanyak RM119 juta.

Pembangunan Enterpris

Kekuatan dan kelemahan sesebuah syarikat perlu dikenal pasti untuk membolehkan cadangan program-program peningkatan kapasiti yang bersesuaian bagi enterpris dibangunkan. Bagi mengukur keupayaan syarikat, SMIDEC telah memperkenalkan *SME Competitive Rating for Enhancement* (SCORE).

Sejak SCORE diperkenalkan, sejumlah 528 syarikat pengeluaran telah dinilai. Penilaian awal menunjukkan beberapa kelemahan termasuk kekurangan dari segi sistem kualiti, keupayaan teknikal dan kewangan serta aktiviti-aktiviti berkaitan inovasi.

Penilaian tersebut menunjukkan bahawa cabaran utama dalam mempertingkatkan daya saing EKS adalah dari segi kepatuhan kepada persijilan kualiti antarabangsa. Pada 2007, Geran Bersamaan untuk Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti merekodkan sebanyak 497 kelulusan berjumlah RM25.2 juta berbanding hanya 257 kelulusan berjumlah RM10.3 juta pada 2006. Kelulusan-kelulusan tersebut adalah untuk:

- pensijilan MS ISO 14001 bagi memelihara persekitaran (147 projek);
- Titik Kawalan Kritikal dan Analisis Bahaya (HACCP) (72 projek);
- ISO 22000 iaitu piawaian keselamatan makanan (67 projek); dan
- ISO/TS 16949 bagi subsektor automotif (54 projek).

Di bawah Projek Kumpulan untuk Perolehan Sistem Pengurusan Kualiti Automotif yang dibiayai oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), peserta diberi bantuan untuk mendapatkan pensijilan ISO/TS16949. Sebanyak 19 EKS di dalam subsektor peralatan dan komponen automotif telah mendapat manfaat daripada program ini.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan sisa lebihan dan meningkatkan penyelenggaraan pencegahan dalam sub sektor peralatan dan komponen automotif, Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif di bawah *Malaysia Japan Automotive Industries Cooperation* telah dilaksanakan. Peserta program ini diberi bantuan untuk meningkatkan produktiviti melalui penerapan *Lean Production System* (LPS). Sehingga akhir 2007, sebanyak 19 pembekal dalam sub sektor automotif mendapat manfaat daripada program ini dan penambahbaikan yang dicatatkan oleh peserta adalah:

- peningkatan produktiviti sebanyak 30 peratus hingga 200 peratus;
- pengurangan kerosakan luar jangka mesin dan peralatan dari 4 ke 2 hari; dan
- pengurangan dalam kadar buangan dari 5 peratus kepada 2 peratus.

SMIDEC bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Terengganu, Melaka dan Pulau Pinang dalam melaksanakan Program-program Peningkatan Keupayaan untuk EKS dengan memberi bantuan secara bersepadu kepada EKS yang mengambil bahagian bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti produktiviti mereka. Program ini disokong oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, Pusat Khidmat Perusahaan Kecil dan Sederhana Melaka dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang. Pada 2007, sebanyak 70 kelulusan di bawah program ini yang berjumlah RM7.5 juta telah dicatatkan berbanding hanya 13 kelulusan berjumlah RM1.4 juta pada 2006. Program ini menyediakan bantuan untuk menambahbaik produk, proses, pensijilan dan sistem pengurusan kualiti, reka bentuk dan mempertingkatkan kualiti pembungkusan produk, akses ke pasaran dan juga khidmat nasihat.

Program Peningkatan Kemahiran
Kerajaan melalui SMIDEC menyediakan bantuan kepada syarikat untuk melatih pekerja-pekerja melalui Program Peningkatan Kemahiran. Program ini dilaksanakan melalui penyediaan kemahiran teknikal dan kemahiran pengurusan yang ditawarkan oleh 23 Pusat Pembangunan Kemahiran (SDC) dan 12 Pusat Latihan Profesional (PTP). Bantuan diberi dalam bentuk geran pembiayaan 50 peratus daripada yuran kursus. Sebanyak 3,965 pekerja telah dilatih pada 2007.

Program Penerapan Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Serta Teknologi
Penggunaan teknologi yang bersesuaian dalam operasi dan proses pengeluaran adalah amat penting untuk EKS bergerak ke atas dalam rantaian nilai. Selari dengan kehendak ini, SMIDEC menawarkan dua skim geran dan pinjaman sebagai promosi untuk EKS menggunakan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi iaitu:

- Geran Bersamaan untuk Peningkatan Produk dan Proses; dan
- Pinjaman Mudah untuk Penerapan Aplikasi ICT.

Pada 2007, sebanyak 236 permohonan untuk kedua-dua skim iaitu geran dan pinjaman berjumlah RM40.1 juta telah diluluskan, berbanding 117 kelulusan berjumlah RM24.1 juta pada 2006.

Pada Jun 2007, Pameran Inovasi Teknologi telah dianjurkan buat pertama kali serentak dengan 'SMIDEX 2007' di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. EKS menunjukkan minat untuk meneruskan projek-projek penyelidikan telah siap untuk dikomersil yang dipamerkan di Pameran tersebut. Sehingga 2007, sebuah projek penyelidikan telah dikomersialkan melalui kerjasama di antara sebuah EKS dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), manakala tiga projek masih dalam proses pengkomersilan oleh dua EKS dan satu lagi sedang dalam proses penilaian.

SMIDEC, dengan kerjasama satu syarikat swasta dari United Kingdom (UK), telah memulakan program *'Nurturing Globally Competitive SMEs through Innovation'* bagi mencapai strategi-strategi Rancangan Malaysia Kesembilan. Program ini bertujuan membangun, memupuk dan melatih EKS Malaysia dalam sektor teknologi maklumat untuk mengkomersialkan produk dan perkhidmatan mereka.

Sejak dilaksanakan pada 2006, sebanyak 324 EKS telah menyertai Peringkat 1 iaitu pengenalpastian peluang dan spesifikasi reka bentuk telah dihubungkan dengan syarikat UK ini bagi mengkomersilkan penyelidikan mereka dalam bidang proses perniagaan berkaitan perolehan luaran, serta ICT. Inisiatif ini telah membantu EKS untuk mendapatkan kontrak jualan bernilai RM110 juta.

Program Penanda Arasan
SMIDEC dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melaksanakan Program Penanda Arasan bagi memberi peluang EKS menilai kedudukan mereka berbanding syarikat-syarikat lain di samping penerapan amalan terbaik. Pada 2007, Komuniti Amalan-amalan (CoPs) bagi perkhidmatan profesional dan subsektor logistik telah diwujudkan sebagai tambahan kepada CoPs sedia ada untuk pemenang Enterpris 50, penerima geran, EKS dalam bidang peruncitan dan usahawan wanita.

Enterpris 50
Program Anugerah Enterpris 50 merupakan acara tahunan untuk mengiktiraf pencapaian syarikat tempatan yang telah mencapai kecemerlangan dalam aspek pengurusan dan operasi perniagaan. Syarikat yang dicalonkan dinilai dan ditanda aras berdasarkan keupayaan kewangan, operasi dan pengurusan syarikat secara keseluruhan. Daripada jumlah 143 pencalonan yang diterima pada 2007, sebanyak 125 pencalonan terdiri daripada EKS. Enam daripada 10 pemenang anugerah Enterpris 50 pada 2007 terdiri daripada EKS berbanding hanya dua pemenang pada 2006.

Program Capaian
Pada 2007, Kerajaan terus giat menganjurkan aktiviti-aktiviti promosi seperti seminar, bengkel, pameran dan taklimat. Sebanyak

tiga seminar yang bertujuan untuk memberi maklumat mengenai jenis bantuan dan insentif yang boleh diperolehi oleh EKS telah dianjurkan di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kedah, dan berjaya menarik 3,193 peserta. Sebanyak 48 bengkel teknikal dan taklimat telah dijalankan di pelbagai negeri pada 2007. Maklumat spesifik seperti bantuan kewangan dan kemahiran pengurusan telah dimaklum dan diedarkan kepada 15,546 peserta.

Pusat Maklumat dan Nasihat EKS

SMIDEC menyediakan maklumat relevan berkaitan dengan pembangunan EKS menerusi pusat maklumat maya di *www.smidec.gov.my.* Selain itu, ia juga menyokong aplikasi dan pendaftaran syarikat *online*. Pada 2007, laman web tersebut merekodkan 201,792 lawatan, di mana 532 syarikat memohon bantuan kewangan dan 2,866 syarikat telah mendaftar *online*.

Sesi Khidmat Nasihat Perniagaan (BAS) yang dijalankan setiap hari di SMIDEC memberikan khidmat nasihat secara individu kepada EKS berkenaan dengan program bantuan dan pembangunan oleh Kerajaan. Pada 2007, sebanyak 4,332 syarikat telah mengikuti sesi BAS berbanding hanya 2,922 syarikat pada 2006. Selain daripada laman web dan sesi BAS, EKS juga boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Bantuan Kerajaan menerusi talian bebas tol Info-Line (1-300-88-1801).

KERJASAMA SERANTAU

Program-Program EKS di bawah ASEAN

Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) (2008-2015) berperanan sebagai panduan kepada ASEAN dalam mencapai AEC menjelang 2015. Salah satu petunjuk utama berkaitan dengan pembangunan EKS adalah penubuhan fasiliti kewangan EKS di setiap Negara Anggota ASEAN (2010-2011). Malaysia dan Brunei Darussalam akan mengetuai pelaksanaan projek tersebut di bawah Kumpulan Kerja EKS ASEAN (SMEWG) yang dijangka siap pada 2011.

Pada Januari 2007, SIMDEC dengan kerjasama MPC dan *Association for Overseas Technical Scholarship*, Jepun (AOTS) telah menganjurkan program *'Benchmarking for Best Practices in Total Quality Management for Enhancing the Growth and Competitiveness of SMEs in ASEAN'*. Seramai 23 peserta telah berkongsi pengalaman dan satu rangka kerja telah diformulasi berdasarkan keperluan negara-negara yang menyertainya .

Pada 19 September 2007, Malaysia telah menganjurkan Bengkel mengenai 'Aktiviti Projek Automotif ASEAN'. Sepanjang bengkel ini berlangsung, Persatuan Pengeluar dan Pengilang Automotif (AMA) telah menjalankan satu kajian bagi mengenal pasti keperluan subkontrak EKS dan untuk menilai keupayaan EKS dalam memenuhi kehendak pembekal. Sebagai langkah susulan, Bengkel Pakar Serantau-Projek Automotif EKS ASEAN telah diadakan pada 13-14 Disember 2007 di Bangkok, Thailand. Peserta bengkel tersebut telah didedahkan kepada peraturan-peraturan dan spesifikasi AMA untuk dipenuhi oleh pembekal. Semua peraturan tersebut perlu dimasukkan dalam pengauditan sistem pengurusan dan produk serta pemeriksaan tapak sebelum syarikat-syarikat tersebut layak diluluskan menjadi pembekal.

Memandangkan keperluan dan kehendak enterpris mikro berbeza berbanding EKS, Malaysia telah menyertai Bengkel Dasar ASEAN-Jepun berkaitan 'Pembangunan EKS (Pembiayaan Mikro dan Enterpris Kecil)' yang diadakan dari 6-7 Februari 2007 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Bengkel tersebut mendedahkan kepada peserta-peserta mengenai kaedah-kaedah penilaian kertas cadangan projek untuk menilai syarikat-syarikat yang tidak mempunyai rekod perniagaan yang teratur.

Program-program EKS di bawah APEC

Melalui penyertaan dalam pelbagai program peningkatan kapasiti di bawah APEC, Malaysia mendapat manfaat dari segi menambah pengalaman bagi menyokong pengwujudan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk pertumbuhan EKS. Manfaat lain termasuk menentukan strategi untuk mempercepatkan pengantarabangsaan, mewujudkan EKS yang berdikari, meningkatkan

akses pasaran menerusi e-dagang dan membina kapasiti berkaitan dasar inovasi EKS. Program-program ini termasuk:

- *APEC Capability-Building Seminar on Ease of Doing Business: Starting a Business* pada 7 Mac 2007 di Hobart, Australia;

- *APEC Seminar on Best Practices for SME's Internationalisation* dari 24-26 Julai 2007 di Santiago, Chile;

- *APEC 'One Village One Product' (OVOP) Training Workshop on E-Commerce* dari 20-24 Ogos, 2007 di Taiwan;

- *The Second APEC OVOP Seminar* dari 24-25 Oktober 2007 di Fukuoka dan Oita, Jepun; dan

- *APEC SME Innovation Leader Workshop* 2007 dari 6-15 November 2007 di Republik Korea.

Asia-Europe Meetings (ASEM) SME Ministerial Meeting

'Asia-Europe Meetings (ASEM) SME Ministerial Meeting' diadakan pertama kali dari 30-31 Oktober 2007 di Beijing, Republik Rakyat China dengan jumlah penyertaan sebanyak 45 Negara Anggota. *'Beijing Declaration on Strengthening Cooperation among ASEM Members on SMEs'* telah diluluskan untuk menggalakkan pembangunan EKS dengan memperkukuh kerjasama ekonomi dan perdagangan, meningkatkan keupayaan inovasi dan menambah peluang pekerjaan bagi mencapai keselesaan sosial. Menteri-menteri bersetuju ke atas penubuhan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan untuk mengkordinasi perancangan kerja masa hadapan.

Program EKS di bawah Pertubuhan Negara-negara Islam

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) telah diadakan bagi pegawai-pegawai daripada agensi-agensi bertanggungjawab ke atas pembangunan EKS di Negara-negara Anggota Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dari 19-27 Mac 2007. Peserta dari 19 Negara-negara Anggota OIC termasuk dari Algeria, Indonesia, Maghribi dan Palestin telah mengikuti program ini. Program latihan ini dirangka dengan tujuan untuk berkongsi maklumat tentang dasar, strategi dan insentif Malaysia dalam pembangunan EKS, menggalakkan pertukaran pengalaman berkaitan amalan terbaik di kalangan peserta dan untuk mewujudkan rangkaian antara SMIDEC dan agensi-agensi bertanggungjawab ke atas pembangunan EKS di Negara-negara Anggota OIC.

Program latihan bagi usahawan wanita di kalangan Negara-negara Anggota OIC telah diadakan dari 29 Mei-8 Jun 2007 di Kuala Lumpur. Peserta dari 16 negara termasuk Bosnia dan Herzegovina, Djibouti, Kyrgystan, Maldives dan Syria telah menyertai program ini. Program latihan ini dijadikan sebagai platform untuk menyampaikan maklumat tentang amalan terbaik perniagaan kepada usahawan-usahawan wanita. Peserta-peserta turut menyertai Konvensyen SME, pameran dan sesi pemadanan perniagaan sepanjang SMIDEX 2007.

Program Hubungan Dua Hala

Program Latihan bagi Pengurus-pengurus EKS yang dianjurkan secara tahunan telah diadakan dengan kerjasama *Small Business Corporation* (SBC), Republik Korea sejak 1998. Program ini memberi pendedahan mengenai amalan pentadbiran perniagaan terbaik di Republik Korea, mengukuhkan kerjasama di antara EKS Malaysia dan Republik Korea serta menggalakkan rangkaian perniagaan. Sehingga 2007, seramai 165 pengurus EKS telah menyertai program. Sesi pemadanan perniagaan telah diperkenalkan pada 2007, melibatkan 14 EKS Malaysia dan 31 syarikat rakyat Korea dan merekodkan potensi jualan sebanyak RM8.1 juta.

Pada 18 Julai 2007, SMIDEC menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SBC dari Republik Korea dan *Organisation for Small and Medium Enterprises and Regional Innovation, Japan* (SMRJ). Fokus MoU ini adalah untuk menjalin kerjasama dalam membangunkan EKS melalui perkongsian kemahiran dan pengetahuan serta

mewujudkan rangkaian perniagaan, rantaian industri, program penempatan dan lain-lain kerjasama teknikal.

PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN

Pada 2007, SMIDEC membelanjakan sebanyak RM213.7 juta daripada RM463 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) bagi bantuan kewangan. Daripada jumlah ini, RM146.1 juta adalah di bawah skim pinjaman mudah manakala RM67.6 juta adalah geran bagi skim-skim lain.

Skim Pinjaman Mudah

SMIDEC menyediakan tiga skim pinjaman mudah iaitu Pinjaman Mudah Untuk EKS (SLSME), Pinjaman Mudah Untuk Penempatan Semula Kilang (SLFR) dan Pinjaman Mudah Untuk Penerapan ICT (SLICT). Pada 2007, sebanyak 191 permohonan diluluskan berjumlah RM125.7 juta, berbanding 148 kelulusan bernilai RM64.5 juta pada 2006.

EKS di Selangor merekodkan jumlah kelulusan tertinggi, iaitu 44 kelulusan berjumlah RM32 juta. Ini diikuti oleh Johor dan Pulau

Carta 7.2:
Kelulusan Skim Pinjaman Mudah mengikut Subsektor, 2007



Sumber: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad

Carta 7.1:
Kelulusan Skim Pinjaman Mudah mengikut Negeri, 2007



Sumber: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad

Carta 7.3:
Kelulusan Skim Pinjaman Mudah, 2006-2007



Sumber: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad

Pinang dengan 43 dan 23 kelulusan, masing-masing mencatatkan jumlah RM28.5 juta dan RM17.2 juta.

Jumlah kelulusan tertinggi dicatatkan oleh subsektor produk logam fabrikasi dengan 40 kelulusan bernilai RM22.8 juta, diikuti oleh subsektor makanan dan minuman (23 kelulusan, RM18.4 juta) dan produk plastik, (22 kelulusan, RM13.3 juta). Dari segi nilai, subsektor makanan dan minuman mencatatkan peningkatan yang lebih 100 peratus, berbanding RM9 juta pada 2006.

Skim SLSME menerima permohonan tertinggi kerana ia menyediakan pembiayaan bagi modal kerja, perlaksanaan projek dan pembelian aset tetap. Pada 2007, SLSME mencatat 168 kelulusan bernilai RM104.2 juta, berbanding 2006 dengan 140 kelulusan bernilai RM61.1 juta.

Pada 2007, SMIDEC telah melonggarkan kriteria Skim SLFR, di mana pemohon-pemohon tidak perlu memberhentikan operasi di lokasi sedia ada sebelum berpindah ke tempat yang baru. Fleksibiliti ini telah menarik lebih banyak permohonan dan pada 2007, 12 kelulusan bernilai RM18.1 juta telah diluluskan, berbanding dengan empat kelulusan pada 2006.

Promosi yang berterusan bagi SLICT untuk sektor perkhidmatan juga menyumbang kepada penambahan jumlah permohonan skim tersebut. Pada akhir 2007, 11 kelulusan bernilai RM3.4 juta dicatatkan berbanding dengan empat kelulusan pada 2006.

Skim Geran

Pada 2007, sebanyak 3,501 projek bernilai RM116 juta telah diluluskan berbanding 2,331 projek pada 2006. Kelulusan tertinggi dicatatkan bagi skim Geran Pembangunan Pasaran dengan 2,196 projek yang merupakan 62.7 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan. Antara penerima geran ini adalah EKS daripada subsektor makanan dan minuman, produk logam fabrikasi dan perkhidmatan berkaitan dengan IT. Ini diikuti dengan 510 kelulusan di bawah Geran Bersamaan untuk Permulaan Perniagaan bernilai RM18.6 juta dan 240 kelulusan di bawah Geran Bersamaan untuk Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti bernilai RM14.3 juta.

Pada 2007, Geran Bersamaan untuk Permulaan Perniagaan mencatatkan peningkatan yang signifikan dari segi permohonan kerana pertambahan skop skim tersebut. Sebelum ini, cuma EKS yang beroperasi kurang daripada enam bulan sahaja yang layak untuk memohon. Bagaimanapun pada 2007, syarat ini telah dipinda dengan memasukkan EKS yang beroperasi kurang daripada 12 bulan.

Dari segi kelulusan mengikut negeri, Selangor mencatatkan kelulusan tertinggi pada 2007 dengan 1,587 projek (RM 44.4 juta), diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 502 projek (RM 17.3 juta) dan Pulau Pinang dengan 361 projek (RM 17 juta).

Subsektor makanan dan minuman kekal sebagai penerima skim geran yang tertinggi

Carta 7.4:
Kelulusan Skim Geran mengikut Negeri, 2007



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

Carta 7.5:
Kelulusan Skim Geran mengikut Sektor, 2007



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

dengan jumlah 795 projek yang diluluskan bernilai RM30.9 juta berbanding 2006 dengan 484 kelulusan bernilai RM14.3 juta. Ini diikuti subsektor kayu & produk kayu dengan 412 kelulusan bernilai RM7.8 juta dan subsektor farmaseutikal dengan 303 kelulusan bernilai RM6.8 juta.

Dalam usaha membantu EKS yang terjejas oleh banjir pada akhir 2006 di Johor, Geran Bantuan Khas untuk EKS yang Menjadi Mangsa Banjir telah dilancarkan oleh Kerajaan pada Januari 2007. Di bawah program ini, EKS diberi bantuan dalam bentuk geran sehingga 80 peratus untuk tujuan pembelian mesin dan peralatan. Pada akhir 2007, sebanyak 236 daripada 296 permohonan yang diterima diluluskan dengan nilai RM8.3 juta.

PROSPEK

Pada 2008, sebanyak 198 program pembangunan dengan peruntukan diluluskan bernilai RM4.5 billion khusus untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada EKS akan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi. Program-program ini bertujuan untuk memperkukuhkan kapasiti

Carta 7.6:
Kelulusan Skim Geran, 2006-2007



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

dan keupayaan, menguatkan sokongan infrastruktur serta memudahkan akses kepada pembiayaan.

Pelantikan SMIDEC sebagai SMECCA akan menyumbang kepada penyelarasan yang lebih baik dalam melaksanakan program-program pembangunan EKS oleh pelbagai kementerian dan agensi. Dengan penubuhan agensi ini, aktiviti capaian dan promosi yang lebih luas bagi program-program pembangunan EKS dapat dilaksanakan, seterusnya memberi lebih manfaat kepada EKS. Kesudahannya, ini akan menyumbang kepada penggunaan sumber yang optimum dalam membantu pertumbuhan EKS.

Kotak 7.1 : SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE)

PENGENALAN

EKS di Malaysia merangkumi 99.2 peratus daripada keseluruhan pertubuhan perniagaan di negara ini[1]. Berdasarkan peratusan ini, EKS layak dikategorikan sebagai tulang belakang ekonomi serta enjin pembangunan Malaysia. Adalah penting bagi Kerajaan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk memanfaatkan potensi sektor ini. Sehubungan itu, adalah perlu bagi mengenal pasti EKS yang berkebolehan dengan menggunakan sistem yang lebih sesuai.

***SME COMPETITIVE RATING FOR ENHANCEMENT* (SCORE)**

SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE) telah diperkenalkan pada bulan Julai 2007 sebagai alat penilaian untuk mengenal pasti bidang-bidang kekuatan dan kelemahan di kalangan EKS. Melalui SCORE, SMIDEC boleh mengenal pasti EKS yang berpotensi diberi bantuan untuk memperbaiki kelemahan mereka. EKS yang menyertai dikategorikan berdasarkan tahap keupayaan dan kapasiti mereka. Sehubungan itu, setiap syarikat diberikan satu pelan pembangunan yang khusus dan menyeluruh oleh SMIDEC.

[1] *Banci Pertubuhan dan Enterprise, Jabatan Perangkaan Malaysia*

Penilaian

Penilaian menggunakan SCORE dibuat berdasarkan tujuh parameter yang menekankan aspek keupayaan operasi dan pengurusan sesebuah syarikat. Di peringkat awal, SCORE dihasilkan berpandukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan operasi dan proses perkilangan dengan memberi penekanan kepada keupayaan teknikal, kapasiti pengeluaran, dan aktiviti berkaitan inovasi. Walau bagaimanapun, sistem penilaian SCORE telah dipanjangkan untuk merangkumi EKS di dalam subsektor peruncitan. Dengan kerjasama dari Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, SMIDEC telah memperbaiki dan menambah kriteria penilaian supaya bersesuaian dengan EKS di dalam subsektor peruncitan. Parameter yang digunakan untuk kedua-dua sektor dan sub-sektor adalah:

- Keupayaan teknikal;
- Kapasiti pengeluaran;
- Inovasi;
- Prestasi Perniagaan;
- Prestasi kewangan;
- Pematuhan kepada peraturan;
- Keupayaan pengurusan;
- Pengurusan operasi;
- Pengurusan stok; dan
- Keupayaan pemasaran.

Rajah 1:
Parameter SCORE bagi Sektor Pembuatan dan Subsektor Peruncitan



Sistem *Star Rating*

EKS yang dinilai dikategorikan berdasarkan 0 hingga 5 bintang yang menunjukkan tahap kapasiti dan keupayaan yang berbeza bagi setiap syarikat. Daripada penilaian yang dibuat, satu '*radar diagram*' akan dihasilkan untuk menunjukkan kekuatan dan kelemahan sesebuah syarikat. Berdasarkan analisa tersebut, SMIDEC akan mengeluarkan satu pelan bantuan bersesuaian dan menyeluruh merangkumi bantuan sokongan kewangan dan skim geran yang akan ditawarkan oleh SMIDEC.

Pelan bantuan integrasi disyorkan kepada EKS yang dikategorikan di antara 0 hingga 3 bintang bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan berasaskan kepada kelemahan yang dikenal pasti melalui SCORE. EKS yang bertaraf sebagai 4 dan 5 bintang dianggap sebagai telah bersedia untuk menjadi syarikat pengeksport dan disyorkan kepada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) untuk menyertai misi perdagangan di luar negara atau disyorkan kepada MNCs dan syarikat besar di bawah program pembekal global. Sehingga Februari 2008, sebanyak 31 EKS telah disyorkan kepada pasaraya besar sebagai pembekal.

Rajah 2:
Interpretasi Sistem *Star Rating*

Bil. Bintang	Interpretasi
0-bintang	Operasi asas, proses secara manual dan pertumbuhan purata yang negatif
1-bintang	Proses secara manual, sistem pengurusan kualiti yang diamalkan adalah minimum dan pertumbuhan purata yang negatif
2-bintang	Proses separa-automatik, persijilan asas, aktiviti peningkatan produk dan proses yang minimum, purata pertumbuhan yang minimum
3-bintang	Automasi secara aktif, pengamalan sistem pengurusan kualiti yang baik, melaksanakan penambahbaikan produk dan proses, mendaftarkan hak cipta, bersedia untuk memenuhi persijilan untuk mengeksport
4-bintang	Automasi sepenuhnya, berpotensi tinggi untuk mengeksport, pelaburan yang tinggi dalam peningkatan produk dan proses, mempunyai persijilan untuk mengeksport seperti *CE Marking*, GMP, HACCP
5-bintang	Mempunyai jenama dan pembungkusan yang baik, telah mengeksport, mempunyai persijilan yang memenuhi keperluan negara pengimport

Rajah 3:
Contoh *"Radar Diagram"* bagi Penilaian SCORE

Rajah 3.1: Syarikat 0-Bintang



Rajah 3.2: Syarikat 1-Bintang



Rajah 3.3: Syarikat 2-Bintang



Rajah 3.4: Syarikat 3-Bintang



Rajah 3.5: Syarikat 4-Bintang



Kotak 7.2 : Pusat Rujukan Inovasi EKS Kebangsaan

PENGENALAN

Kedua-dua Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) memberi penekanan kepada pembangunan EKS yang inovatif. Di dalam usaha untuk merealisasikan dasar tersebut, Pusat Rujukan Inovasi EKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh SMIDEC telah ditubuhkan pada Disember 2006. Pusat Rujukan ini menyediakan satu platform kerjasama antara persatuan industri, usahawan, institusi penyelidikan, pembiaya kewangan (termasuk kapitalis perniagaan) dan agensi Kerajaan yang berkaitan bagi membincangkan inisiatif dan program untuk menyokong pembangunan EKS yang inovatif. Selain itu, Pusat Rujukan ini juga memainkan peranan penting sebagai penyelaras bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh universiti dan institusi penyelidikan adalah bertujuan untuk menyokong keperluan industri serta memberi faedah kepada EKS.

SKOP KERJA

Pusat Rujukan Inovasi EKS Kebangsaan telah mengenal pasti dan bersetuju untuk memfokuskan kerja kepada empat bidang utama seperti berikut:

- pertukaran maklumat mengenai hasil kajian bagi aktiviti R&D serta reka bentuk dan pembangunan (D&D) yang dijalankan di institusi penyelidikan;
- pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai arah aliran pengeluaran dan proses teknologi semasa serta amalan terbaik;
- membantu mengkomersialkan hasil R&D daripada EKS melalui program kesedaran dan penyediaan bantuan kewangan secara usaha sama dengan institusi kewangan, pasaran kapital serta Agensi Kerajaan; dan
- pemantauan kadar pengkomersialan hasil R&D dan penyediaan bantuan kewangan.

INISIATIF UTAMA YANG TELAH DILAKSANAKAN

Pangkalan Data Teknologi

Satu Pangkalan Data Teknologi telah ditubuhkan dengan usaha sama Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC). Terdapat sebanyak 276 hasil penyelidikan yang sedia untuk dikomersilkan di dalam pangkalan data tersebut. Hasil penyelidikan ini akan disesuaikan dengan bantuan kewangan yang sedia ada untuk memudahcara proses pengkomersilan oleh EKS.

Selain itu, SMIDEC dan MASTIC juga akan bekerjasama untuk menubuhkan profil penyelidik di laman web SMIDEC. Pangkalan data ini bertujuan menyediakan EKS dengan maklumat tentang tenaga pakar yang boleh dirujuk untuk mendapatkan khidmat nasihat. Kedua-dua Pangkalan Data dan profil penyelidik tersebut boleh didapati dari laman web SMIDEC di www.smidec.gov.my, di bawah tajuk 'TECHMART'.

Program *Technology Foresight*

Kajian *technology foresight* yang dilakukan oleh berbagai-bagai agensi Kerajaan akan disatukan untuk mengenal pasti jurang di dalam maklumat teknologi. Maklumat dari Program ini disebarkan kepada EKS untuk memaklumkan mereka tentang perkembangan teknologi terkini, termasuk *technology mapping* di dalam beberapa subsektor industri.

Pada masa kini, tiga Pelan Hala Tuju Teknologi untuk tiga sektor dan subsektor lengkap dengan pelan tindakan dan program telah disiapkan. Pelan Hala Tuju tersebut adalah:

- Program *Technology Foresight* untuk industri elektrik dan elektronik;
- Pelan Hala Tuju ICT; dan
- Pelan Hala Tuju Bioteknologi

Pameran Inovasi Teknologi

Satu Pameran Inovasi Teknologi telah dianjurkan bersempena SMIDEX 2007 dari 6 – 8 Jun 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Daripada jumlah 53 projek penyelidikan sedia untuk dikomersilkan yang dipamerkan semasa acara tersebut, 22 projek berjaya menarik perhatian EKS. Projek-projek berkenaan akan disesuaikan dengan bantuan kewangan sedia ada untuk membantu EKS. Sehingga kini, satu projek telah dikomersilkan oleh sebuah EKS dan FELDA.

Bab 8

PRODUKTIVITI DALAM SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN

TINJAUAN

Malaysia mencatat pertumbuhan produktiviti yang secara relatifnya tinggi, meningkat 4.2 peratus kepada RM48,133[1] pada 2007, berbanding 3.7 peratus pada 2006. Pertumbuhan ini didorong oleh iklim perniagaan domestik yang positif dan dasar kerajaan yang mesra perniagaan.

Carta 8.1:
Pertumbuhan Produktiviti Malaysia, 2003-2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia

Sektor-sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan produktiviti antara 1.5 peratus hingga 5.7 peratus. Produktiviti sektor perkhidmatan meningkat 5 peratus, diterajui oleh sektor pengangkutan yang meningkat 5.7 peratus, diikuti oleh sektor perniagaan dan perdagangan (5.5 peratus) dan sektor kewangan (4.9 peratus). Prestasi sektor perkilangan terus meningkat dengan pertumbuhan produktiviti 2.7 peratus. Sektor pembinaan menunjukkan pemulihan pada 2007 dengan produktiviti meningkat 1.5 peratus, berbanding 0.5 peratus pada 2006.

Bagi tempoh 1998-2007, ekonomi negara mencatat pertumbuhan purata tahunan produktiviti faktor menyeluruh (TFP) 1.6 peratus, menyumbang 32.1 peratus kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pertumbuhan TFP ini didorong oleh pendidikan dan latihan (38.8 peratus), intensiti permintaan (19.2 peratus), penstrukturan semula ekonomi (18 peratus), struktur modal (15.2 peratus) dan kecekapan teknikal (8.9 peratus).

Carta 8.2:
Pertumbuhan Produktiviti mengikut Sektor Ekonomi, 2007



Pengiraan berdasarkan: Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia

*Nota: * Perkhidmatan lain merangkumi perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian, produk perkhidmatan swasta yang tidak berorientasikan keuntungan kepada isi rumah serta perkhidmatan domestik untuk isi rumah. Antara aktiviti yang disenaraikan di bawah subsektor ini ialah kumbahan dan pembuangan sisa, aktiviti organisasi kepentingan ahli yang tertumpu kepada pembangunan dan kemajuan sesuatu jenis perniagaan atau perdagangan dan penyediaan perkhidmatan persendirian.*

[1] *Nilai keluaran yang dihasilkan oleh seorang pekerja*

Carta 8.3 :
Tahap Produktivi mengikut Sektor Ekonomi, 2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia

Bagi tempoh 2003-2007, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan purata tahunan TFP 2.1 peratus, menyokong pertumbuhan KDNK 5.9 peratus. Pertumbuhan purata tahunan TFP yang tinggi dalam tempoh berkenaan menunjukkan ekonomi negara terus berkembang untuk mencapai sasaran pertumbuhan TFP 2.2 peratus menjelang tahun 2010.

Pertumbuhan TFP memerlukan pelaburan dalam pendidikan dan latihan, teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), terutama teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dan produktiviti dalam pengeluaran produk baru serta meningkatkan kualiti perkhidmatan.

PERBANDINGAN PRESTASI PRODUKTIVITI ANTARABANGSA

Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan

Pada 2007, negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) terus mencapai tahap produktiviti yang tinggi didorong oleh kepelbagaian struktur ekonomi, penggunaan teknologi yang canggih, tahap inovasi yang lebih tinggi dan aktiviti R&D yang lebih intensif. Jepun mencapai tahap produktiviti AS$81,100, sementara Amerika Syarikat (AS), UK dan Jerman masing-masing mencapai tahap produktiviti AS$79,837, AS$55,155 dan AS$52,312. Tahap produktiviti Malaysia pada tahun 2007 ialah AS$12,661.

Walau bagaimanapun, dari segi pertumbuhan produktiviti, Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik iaitu pada 4.2 peratus. Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan sebahagian negara OECD seperti Republik Korea (3.6 peratus), UK (2.6 peratus), Jepun (1.5 peratus), AS (1.1 peratus) dan Jerman (1 peratus). Terdapat negara-negara OECD yang mencatatkan pertumbuhan produktiviti di bawah paras 1 peratus termasuk Perancis (0.9 peratus), Sweden (0.8 peratus), Itali (0.5 peratus), Norway (0.4 peratus) dan Kanada (0.3 peratus).

Asia

Di kalangan negara-negara Asia, Malaysia terus merekod pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi pada tahun 2007, berbanding negara seperti Thailand (AS$4,750), Filipina (AS$3,185), Republik Rakyat China (AS$2,963) dan India (AS$1,470). Walau bagaimanapun, tahap produktiviti adalah lebih tinggi bagi

Jadual 8.1:
Tahap Produktiviti dan Pertumbuhan Relatif Negara Terpilih, 2007

Negara	Tahap Produktiviti (pada Harga Tetap Tahun 2000 AS$)	Pertumbuhan Produktiviti (%)
Jepun	81,100	1.5
Norway	79,829	0.4
AS	78,837	1.1
Hong Kong SAR	67,374	3.2
Ireland	65,635	2.1
Sweden	64,239	0.8
Denmark	62,775	-0.4
Finland	59,981	2.1
Perancis	58,651	0.8
UK	55,155	2.6
Jerman	52,312	0.9
Kanada	50,176	0.3
Singapura	48,638	-0.9
Australia	47,363	1.5
Taiwan	39,948	3.3
New Zealand	39,447	1.7
Republik Korea	29,985	3.6
Malaysia	**12,661**	**4.2**
Thailand	4,750	3.1
Filipina	3,185	5.1
Republik Rakyat China	2,963	10.6
Indonesia	2,392	3.8
India	1,470	5.4

Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, pelbagai siri
OECD Economic Outlook, December 2007, Vol. 82
Country Data, The Economist Intelligence Unit
Market Indicators and Forecast, Economic Intelligence Unit

Hong Kong SAR (AS$67,374), Singapura (AS$48,638), dan Taiwan (AS$39,948).

Pada 2007, dari segi pertumbuhan produktiviti, Malaysia mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi berbanding Indonesia (3.8 peratus), Taiwan (3.3 peratus), Hong Kong SAR (3.2 peratus), Thailand (3.1 peratus) dan Singapura (-0.9 peratus). Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih tinggi direkod oleh Republik Rakyat China pada 10.6 peratus, India (5.4 peratus) dan Filipina (5.1 peratus). Pertumbuhan produktiviti yang tinggi dicapai oleh Republik Rakyat China dan India adalah hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat, disokong oleh pertambahan aliran masuk pelaburan langsung asing dan pengembangan aktiviti ekonomi.

Pertumbuhan produktiviti yang dicapai oleh Malaysia menyumbang kepada pengekalan daya saing kos buruh. Kos untuk menghasilkan seunit produk dan perkhidmatan di Malaysia berkurangan 0.7 peratus pada 2007, berbanding negara lain yang mencatatkan kadar kos pengeluaran yang lebih tinggi. Negara-negara ini termasuk Republik Rakyat China, yang mencatat peningkatan 13.2 peratus dalam unit kos buruh, Hong Kong SAR (2.8 peratus), Australia (2.8 peratus), Norway (2.2 peratus), AS (1.9 peratus) dan UK (1.7 peratus).

Carta 8.4:
Pertumbuhan Produktiviti bagi Malaysia dan Negara OECD Terpilih, 2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, pelbagai siri
OECD Economic Outlook, December 2007, Vol. 82
Country Data, Economist Intelligence Unit
Market Indicators and Forecast, Economic Intelligence Unit

Carta 8.5:
Pertumbuhan Produktiviti bagi Malaysia dan Negara Asia Terpilih, 2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, pelbagai siri
OECD Economic Outlook, December 2007,Vol. 82
Country Data, The Economist Intelligence Unit
Market Indicators and Forecast, The Economic Intelligence Unit

PRESTASI PRODUKTIVITI SEKTOR PERKILANGAN

Pada 2007, produktiviti[2] sektor perkilangan meningkat 8 peratus, berbanding 6.8 peratus pada 2006. Antara subsektor yang mencatatkan pertumbuhan yang tinggi ialah besi dan keluli, kimia, elektrik dan elektronik (E&E), serta makanan diproses dan minuman[3]. Subsektor besi dan keluli mencatatkan pertumbuhan produktiviti 13.3 peratus pada tahun 2007 (2006: 27.1 peratus). Peningkatan ini didorong oleh nilai pengeluaran yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan dalam aktiviti pembinaan.

Produktiviti dalam subsektor kimia meningkat 10.5 peratus. Industri di bawah subsektor kimia yang menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang tinggi ialah industri kimia asas disebabkan pengeluaran gas perindustrian yang lebih tinggi berikutan peningkatan aktiviti dalam industri perkilangan domestik dan permintaan luaran yang meningkat.

Pada 2007, tahap produktiviti bagi industri E&E meningkat 9.4 peratus (2006: 5.5 peratus)

Carta 8.6:
Pertumbuhan Produktiviti bagi Subsektor Perkilangan, 2007



Pengiraan berdasarkan: Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

[2] *Nilai ditambah setiap buruh (Nominal)*
[3] *Makanan diproses dan minuman tidak termasuk pengilangan makanan haiwan*

Carta 8.7:
Perubahan dalam Unit Kos Buruh bagi Subsektor Perkilangan, 2007



Pengiraan berdasarkan: Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia
Nota: (-) tanda menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam unit kos buruh

Carta 8.8 :
Pertumbuhan Kos Buruh Setiap Pekerja bagi Subsektor Perkilangan, 2007



Pengiraan berdasarkan: Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

kepada RM100,539 berbanding RM91,930 pada 2006. Pencapaian produktiviti yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh penggunaan proses pengilangan yang lebih maju, khususnya dalam subsektor semikonduktor.

Subsektor makanan diproses dan minuman merekod pertumbuhan produktiviti 8.7 peratus pada 2007, berbanding 5.3 peratus pada 2006. Pertumbuhan ini didorong oleh output yang tinggi dalam pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan, serta produk tenusu dan bijirin. Pelaburan modal yang tinggi dibuat dalam industri ini bagi memastikan penggunaan teknologi yang canggih dan perubahan dalam citarasa pengguna.

Kos daya saing buruh bagi sektor perkilangan diukur dengan tiga petunjuk, iaitu produktiviti, kos buruh setiap pekerja dan unit kos buruh. Untuk kekal berdaya saing, pertumbuhan produktiviti mesti lebih tinggi daripada pertumbuhan kos buruh setiap pekerja bagi mengurangkan unit kos buruh output. Pada 2007, kesemua subsektor perkilangan mengekalkan daya saing kos buruh kecuali subsektor produk getah. Daya saing sektor perkilangan mencatatkan penambahbaikan 5.7 peratus dalam unit kos buruh.

Kos buruh purata setiap buruh bagi sektor perkilangan meningkat 3.9 peratus pada 2007, berbanding dengan 2.1 peratus pada 2006. Antara subsektor yang mencatatkan kadar upah yang lebih tinggi adalah kimia (8 peratus), besi dan keluli (6.7 peratus), peralatan pengangkutan (5.9 peratus), makanan diproses dan minuman (5.1 peratus), produk galian bukan logam (4.7 peratus), kayu dan produk kayu (4.1 peratus), serta mesin dan peralatan (4.1 peratus). Peningkatan kos buruh setiap pekerja dalam subsektor ini didorong oleh peningkatan buruh yang mahir dan upah yang tinggi, hasil daripada usaha yang berterusan dalam meningkatkan pembangunan kapasiti dan menambah baik kemahiran buruh dalam bidang rekaan dan kejuruteraan.

PRODUKTIVITI FAKTOR MENYELURUH SEKTOR PERKILANGAN

Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) mengukur tahap peningkatan dalam aspek kualitatif kegunaan input buruh dan modal serta tahap kecekapan penggunaan input ini. Pertumbuhan dalam TFP menggambarkan peningkatan kemahiran, sistem pengurusan yang lebih baik, penggunaan teknologi moden dan penambahbaikan dalam kaedah pengeluaran serta peralihan kepada industri dan proses nilai ditambah yang lebih tinggi.

TFP dalam sektor perkilangan berkembang 3 peratus dalam tempoh 2002-2007. Pertumbuhan ini disumbang oleh kualiti buruh, struktur modal, intensiti permintaan dan kemajuan teknikal. Kualiti buruh menyumbang 41.1 peratus kepada pertumbuhan TFP dalam tempoh 2002-2007, sementara struktur modal menyumbang 37.6 peratus.

Carta 8.9 :
Sumber Pertumbuhan TFP dalam Sektor Perkilangan, 2002-2007



Pengiraan berdasarkan: Kaji Selidik Tahunan Perkilangan dan Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Di kalangan subsektor, pertumbuhan TFP bagi kimia, E&E, produk galian bukan logam, besi dan keluli, peralatan pengangkutan dan perabot adalah lebih tinggi daripada purata sektor perkilangan 3 peratus. Pertumbuhan TFP yang tinggi dalam subsektor kimia iaitu 3.8 peratus pada 2007 adalah didorong oleh pelaburan yang tinggi dalam ICT, latihan dan pembangunan sumber manusia, peningkatan dalam penggunaan teknologi dan proses pengeluaran.

Carta 8.10 :
Pertumbuhan TFP bagi Subsektor Perkilangan, 2002-2007



Pengiraan berdasarkan: Kaji Selidik Tahunan Perkilangan dan Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Pada 2007, subsektor E&E merekod pertumbuhan TFP 3.5 peratus, terutamanya berpunca daripada penggunaan kaedah operasi terkini, disokong oleh tenaga kerja yang mahir. Penggunaan teknologi yang baru muncul seperti nanoteknologi, sistem *micro-electromechanical*, fotonik, teknologi *wireless* dan teknologi paparan termaju telah meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pertumbuhan TFP.

Subsektor produk galian bukan logam serta besi dan keluli mencatatkan pertumbuhan TFP 3.2 peratus pada 2007. Ini adalah hasil daripada operasi berintensifkan modal dan guna tenaga yang berkemahiran tinggi, yang mana telah menyumbang secara kolektif kepada peningkatan prestasi TFP subsektor tersebut.

PRESTASI PRODUKTIVITI SEKTOR PERKHIDMATAN

Produktiviti dalam sektor perkhidmatan[4] berkembang 5 peratus kepada tahap RM54,229 pada 2007 berbanding RM51,653 pada 2006. Subsektor yang merekod pertumbuhan produktiviti yang tinggi termasuk pengangkutan, perdagangan, kewangan dan utiliti.

Subsektor pengangkutan mencatatkan pertumbuhan produktiviti 5.7 peratus kepada RM67,557 pada 2007 daripada RM63,941 pada 2006. Pertumbuhan ini disebabkan oleh peningkatan mantap dalam pengangkutan udara, laut dan persisiran pantai, serta pengembangan dalam aktiviti berkaitan

[4] *Sektor perkhidmatan terdiri daripada lima subsektor iaitu pengangkutan (pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi); kewangan (kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan); perniagaan dan perdagangan (borong, runcit, perhotelan dan restoran); utiliti (perkhidmatan elektrik, gas dan air); dan perkhidmatan lain (perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian)*

Carta 8.11:
Pertumbuhan Produktiviti bagi Sektor Perkhidmatan, 2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

Carta 8.12:
Tahap Produktiviti bagi Sektor Perkhidmatan, 2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

perdagangan dan perkhidmatan komunikasi. Memandangkan kebanyakan aktiviti perdagangan menggunakan pengangkutan laut, pengendalian kontena di pelabuhan utama bertambah dengan mendadak. Peningkatan aktiviti di pelabuhan didorong oleh perdagangan luar yang kukuh dan ketibaan syarikat perkapalan gergasi. Selain itu, industri pengangkutan udara kekal kukuh disebabkan oleh peningkatan dalam pengendalian kargo dan penumpang.

Subsektor perniagaan dan perdagangan mencapai tahap produktiviti RM38,362 pada 2007, dengan pertumbuhan 5.5 peratus daripada RM36,355 pada 2006. Subsektor ini telah mendapat faedah daripada peningkatan permintaan peribadi yang didorong oleh penambahan kuasa beli dan permintaan domestik yang tinggi daripada pedagang borong dan runcit. Pertumbuhan ini juga turut disokong oleh peningkatan ketibaan dan perbelanjaan pelancong ekoran daripada aktiviti promosi dan acara antarabangsa yang dianjurkan sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007.

Pada 2007, produktiviti subsektor kewangan meningkat 4.9 peratus kepada RM119,243 berbanding RM113,714 pada 2006. Subsektor ini mendapat manfaat daripada aktiviti pinjaman yang bertambah dan peningkatan hasil daripada yuran produk Islamik dan konvensional. Pertumbuhan ini juga didorong oleh aktiviti insuran yang meningkat seperti insuran perubatan dan kesihatan serta produk berkaitan pelaburan daripada segmen insuran hayat.

Subsektor utiliti mencatatkan pertumbuhan produktiviti 3.9 peratus kepada RM156,413 pada 2007 daripada RM150,599 pada 2006. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan aktiviti dan kenaikan permintaan untuk bekalan elektrik dan air daripada segmen industri, komersial dan isi rumah.

PRODUKTIVITI FAKTOR MENYELURUH SEKTOR PERKHIDMATAN

Bagi tempoh 2003-2007, sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan TFP 1.5 peratus. TFP menyumbang 21.6 peratus kepada pertumbuhan

output sebanyak 7.1 peratus. Subsektor yang merekod pertumbuhan TFP tertinggi adalah subsektor utiliti dan kewangan.

Subsektor utiliti mencatatkan pertumbuhan TFP 2 peratus, menyumbang 38.5 peratus kepada pertumbuhan output sebanyak 5.3 peratus. Pertumbuhan TFP ini adalah didorong oleh penggunaan stesen jana kuasa sedia ada dengan cekap dan pelaburan dalam kelengkapan modal berteknologi tinggi.

Subsektor kewangan merekod pertumbuhan TFP 2 peratus, menyumbang 27.2 peratus kepada pertumbuhan output sebanyak 7.3 peratus. Pertumbuhan TFP ini didorong oleh kecekapan pengurusan dan keberkesanan institusi kewangan dalam meningkatkan keberkesanan operasi dan penyampaian perkhidmatan.

Carta 8.13:
Pertumbuhan TFP bagi Subsektor Perkhidmatan, 2003-2007



Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia Unit Perancang Ekonomi, Malaysia Jabatan Perangkaan, Malaysia

Subsektor perniagaan dan perdagangan mencatat pertumbuhan TFP 1.7 peratus, menyumbang 27.1 peratus kepada pertumbuhan output sebanyak 6.4 peratus. Peningkatan pertumbuhan TFP ini disokong oleh kecekapan penyampaian perkhidmatan serta peningkatan penggunaan aplikasi ICT secara meluas, terutama dalam segmen peruncitan dan pemborongan. Sumbangan buruh secara relatif adalah tinggi dalam subsektor ini kerana keperluan perniagaan memerlukan perkhidmatan khusus untuk pelanggan seperti dalam industri perhotelan.

Bagi subsektor pengangkutan, TFP berkembang sebanyak 1.6 peratus, menyumbang 21.7 peratus kepada pertumbuhan output sebanyak 7.3 peratus. Peningkatan prestasi bagi perkhidmatan pengangkutan adalah disokong oleh integrasi perkhidmatan pengangkutan, buruh yang mahir dan berpengetahuan, kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan teknologi serta peningkatan dalam pelaburan modal.

PROSPEK

Pada 2008, Malaysia dijangka dapat mencapai pertumbuhan produktiviti melebihi 4.3 peratus. Pertumbuhan ini memerlukan penekanan terhadap pelaksanaan inisiatif peningkatan produktiviti seperti integrasi proses kerja, penggunaan teknologi tinggi, penambahbaikan dalam sistem pengurusan, peningkatan keupayaan sumber manusia serta memupuk kreativiti dan inovasi di setiap peringkat.

Sektor perkilangan dijangka mencapai pertumbuhan produktiviti lebih daripada 3 peratus. Pertumbuhan bagi sektor ini akan dipacu oleh pasaran domestik dan pemulihan pasaran eksport terutama bagi produk E&E. Di samping itu, sektor perkhidmatan (merangkumi subsektor perniagaan dan perdagangan, pengangkutan dan kewangan), dijangka mencatatkan pertumbuhan produktiviti lebih daripada 4.3 peratus. Produktiviti bagi sektor pengangkutan dijangka meningkat lebih daripada 5 peratus, manakala subsektor kewangan dan perniagaan dan perdagangan masing-masing akan meningkat lebih daripada 4.9 peratus dan 4.7 peratus.

Sektor pertanian dijangka akan mencapai pertumbuhan produktiviti lebih daripada 3.1 peratus yang didorong oleh harga komoditi yang tinggi serta peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Peningkatan harga komoditi yang lebih tinggi dan peningkatan aktiviti hiliran pertanian dijangka dapat meningkatkan produktiviti sektor pertanian. Keutamaan dalam aktiviti bioteknologi, program pembiakan ternakan, pembangunan akuakultur

dan perladangan intensif buah-buahan dan sayur-sayuran akan terus diberi penekanan.

Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan produktiviti 3.1 peratus. Permintaan daripada pembangunan kediaman dan perniagaan, pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, serta pembangunan pelbagai koridor wilayah akan menyumbang kepada prestasi sektor ini.

Kotak 8.1 : Pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh yang Lebih Tinggi ke Arah Daya Saing

Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) ialah ukuran keberkesanan input ekonomi seperti modal, tenaga kerja, bahan-bahan atau perkhidmatan perantara dan tenaga untuk digunakan dalam proses pengeluaran. Ia melibatkan kaedah peningkatan output tanpa pertambahan yang selaras dalam kuantiti input. Peningkatan dalam output dapat dicapai melalui kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber tersebut. Di samping itu, TFP juga ditingkatkan melalui latihan dan pendidikan, penggunaan teknologi terkini, penambahbaikan dalam sistem pengurusan dan organisasi, inovasi, kreativiti, dan pengurangan dalam kos menjalankan perniagaan.

Di peringkat firma, output yang lebih tinggi boleh dicapai melalui peningkatan dalam input seperti pengambilan lebih ramai pekerja dan pelaburan dalam aset. Walau bagaimanapun, dengan berasaskan input sahaja pendekatan ini tidak akan dapat bertahan dalam jangka panjang. Pendekatan yang lebih baik ke arah pertumbuhan output ialah pendekatan berasaskan TFP. Pendekatan ini mendorong penggunaan input dengan lebih cekap dan berkesan melalui tenik pengurusan yang lebih baik, teknologi terkini dan inovasi, tenaga kerja yang berkemahiran dengan minda dan sikap yang positif.

Tumpuan kepada pertumbuhan dan strategi TFP akan meningkatkan daya saing dan mendorong kepada peningkatan keseluruhan dalam prestasi ekonomi. Ini akan digambarkan dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pencapaian taraf kehidupan yang lebih tinggi.

Rajah 1:
Rangka Kerja Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP)



Sumber utama dalam pertumbuhan TFP adalah seperti perspektif berikut:

Latihan dan Pendidikan: Pelaburan dalam modal insan akan meningkatkan kapasiti dan keupayaan tenaga kerja. Secara amnya, pekerja yang dilatih dengan baik dan berpengetahuan adalah lebih produktif dan menyumbang kepada pertumbuhan TFP. Pekerja ini lebih mudah menyesuaikan diri dan masa pembelajaran yang lebih pendek terutama dalam mengendalikan teknologi terkini. Latihan berterusan dan latihan semula pekerja bukan sahaja mendorong kepada perubahan sikap malah turut memberi pendedahan kepada mereka tentang perspektif baru dalam persekitaran organisasi dan perniagaan.

Struktur Modal: Pelaburan dalam teknologi pengeluaran baru adalah perlu untuk menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan. Ia dapat meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos pengeluaran. Ia juga akan membolehkan industri menyusun semula perniagaan mereka bagi operasi yang lebih baik, kecekapan pengeluaran dan kewangan, dan memberi peluang kepada pengembangan perniagaan.

Penstrukturan Semula Ekonomi: Penstrukturan semula ekonomi melibatkan pergerakan sumber dalaman dan antara sektor ekonomi dari sektor dan industri yang kurang produktif kepada sektor yang lebih produktif. Peruntukan semula sumber tersebut kepada industri dan sektor yang lebih produktif akan membawa kepada penggunaan sumber dengan lebih cekap dan berkesan serta menyumbang kepada pertumbuhan TFP yang lebih tinggi.

Intensiti Permintaan: Peningkatan permintaan dari dalam dan luar negara untuk produk dan perkhidmatan membawa kepada penggunaan yang lebih tinggi terhadap kemampuan yang sedia ada. Kapasiti penggunaan dan permintaan yang lebih tinggi dan dibantu oleh peningkatan dalam produktiviti dan kualiti produk dan perkhidmatan akan menyumbang kepada daya saing eksport Malaysia dan TFP lebih tinggi.

Kemajuan Teknikal: Petunjuk kepada kemajuan teknikal adalah termasuk keberkesanan dan kecekapan penggunaan teknologi yang sesuai, inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), sikap kerja yang positif, sistem pengurusan dan organisasi dan teknik yang cekap, pengurusan rantaian bekalan dan amalan terbaik. Kemajuan teknikal akan mendorong produk dan perkhidmatan yang lebih bernilai ditambah tinggi dan kreativiti, inovasi, dan minda positif yang diorientasikan ke arah pengumpulan maklumat bagi meningkatkan pertumbuhan TFP dan daya saing mesti terus diterapkan.

Pelaksanaan inisiatif Produktiviti dan Kualiti (P&Q) di peringkat firma dapat menyumbang ke arah peningkatan pertumbuhan TFP. Penyemaian budaya P&Q di peringkat organisasi termasuk penambahbaikan proses kerja melalui aktiviti penandaarasan. Penandaarasan ialah satu proses yang sistematik dan berterusan bagi mengenal pasti, mempelajari, mengadaptasi dan melaksanakan amalan terbaik sama ada yang diperolehi daripada dalam organisasi, serta mengadaptasi dan mengaplikasi amalan terbaik daripada organisasi lain untuk pencapaian optima. Amalan-amalan terbaik ini akan membolehkan firma meningkatkan pencapaian dalam proses pengurusan, mengenal pasti standard kualiti dan perkhidmatan berimpak tinggi, serta memberi fokus kepada kreativiti dan inovasi bagi memastikan persekitaran berdaya saing.

Melalui penandaarasan, perkara berikut dapat dicapai:

- industri akan dapat menanda aras dan membuat perbandingan dengan organisasi terbaik atau organisasi bertaraf dunia;
- membangunkan pendekatan sistematik untuk memantau prestasi dan merangka strategi peningkatan baru; dan
- mengenal pasti bidang perniagaan untuk meningkatkan prestasi.

Strategi pertumbuhan baru yang diberi penekanan dalam pertumbuhan TFP adalah penting untuk mengekalkan daya saing Malaysia. Di peringkat nasional, produk yang bermutu tinggi, perkhidmatan yang cemerlang, kos pengeluaran lebih rendah, dan kepuasan pelanggan boleh dicapai dengan peningkatan TFP yang mana akan meningkatkan daya saing. Di peringkat industri, TFP akan

meningkatkan daya saing firma sekiranya mereka dapat menghasilkan output yang lebih tinggi dengan kadar input yang lebih rendah serta menawarkan produk dan perkhidmatan pada harga kompetitif. Di peringkat firma, strategi TFP membolehkan firma mengekalkan daya saing melalui pengurangan dalam pembaziran dan penurunan dalam kos menjalankan perniagaan. Akhir sekali, pekerja juga akan mendapat manfaat melalui inisiatif TFP seperti upah yang lebih tinggi, faedah pekerjaan yang lebih baik, persekitaran tempat kerja yang lebih kondusif, dan pengkayaan pekerjaan.

Bab 9 PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA

TINJAUAN

Tahun 2007 bermula dengan maklumat positif berikutan keputusan Majlis Am Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) untuk menyambung semula Rundingan Doha pada Februari 2007. Keputusan ini diambil hasil pertemuan tidak rasmi antara Menteri-Menteri yang bertanggungjawab kepada urusan perdagangan dari beberapa negara termasuk Malaysia, untuk mempertimbangkan cara-cara menyambung semula Rundingan Doha. Terdapat beberapa perkara yang telah dipersetujui oleh negara-negara anggota utama semenjak rundingan Doha disambung semula. Hasilnya, Pengerusi-pengerusi Kumpulan Perunding untuk Barangan Pertanian dan Akses Pasaran Barangan Bukan Pertanian (NAMA) telah membentangkan garis panduan dan draf modaliti untuk mempertingkat akses pasaran di dalam bidang masing-masing pada Julai 2007.

Berikutan rundingan intensif mengenai draf modaliti tersebut, Pengerusi-pengerusi Kumpulan Perunding berkenaan telah bersetuju mengeluarkan semakan semula modaliti bagi Barangan Pertanian dan NAMA pada Februari 2008. Ini bertujuan untuk memuktamad rundingan mengenai modaliti kedua-dua bidang bagi membolehkan negara-negara Ahli mengemuka jadual komitmen masing-masing menjelang akhir 2008, apabila Rundingan Doha dijangka dapat dimuktamadkan.

PERTANIAN

Fokus utama rundingan adalah pada tiga tonggak sektor barangan pertanian iaitu pembukaan pasaran, subsidi domestik dan persaingan eksport. Walaupun telah terdapat persetujuan bersama mengenai beberapa perkara, masih wujud perbezaan ketara mengenai kuantum pengurangan tarif bagi akses pasaran dan pengurangan subsidi yang mengganggu perdagangan bagi subsidi domestik.

Akses Pasaran

Bagi memudah cara akses pasaran yang lebih luas untuk kemasukkan barangan pertanian, rundingan tertumpu kepada mengenal pasti:

- formula pengurangan kuantum tarif yang dikenakan terhadap barangan pertanian berdasarkan pendekatan empat peringkat (*four-tier*) yang juga dikenali sebagai Formula Pengurangan Berperingkat (*Tiered Reduction Formula* – TRF);

- kriteria pemilihan Barangan Istimewa (*Special Products* - SPs) dan kuantum pengurangan tarif bagi SP yang dikenakan pengurangan tarif lebih rendah berbanding pengurangan di bawah TRF untuk semua barangan. SP hanya dibenarkan kepada negara-negara membangun sahaja;

- kriteria pemilihan Barangan Sensitif (*Sensitive Products* – SePs) yang dikenakan pengurangan tarif lebih rendah berbanding pengurangan tarif di bawah TRF. Walau bagaimanapun, kadar kuota tarif (*Tariff Rate Quota* –TRQ) bagi Barangan Sensitif ini perlu ditambah; dan

- Mekanisme Perlindung Khas (*Special Safeguard Mechanism* – SSM), suatu mekanisme perlindung khas untuk melindungi pengeluar domestik daripada peningkatan volum mendadak atau kejatuhan harga yang menjunam akibat pembukaan akses pasaran barangan pertanian.

Dalam isu TRF, Persidangan Keenam Menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Hong Kong telah bersetuju dengan pendekatan empat peringkat bagi negara maju, seperti berikut:

Peringkat	Tarif Terikat (%)	Peratusan Penurunan (%)
1	Bawah 20	48-52
2	Antara 21 - 50	55-60
3	Antara 51 - 75	62-65
4	76 dan ke atas	66-73

Rundingan tertumpu kepada butiran terperinci bagi had setiap peringkat, kuantum pengurangan yang dikenakan pada setiap peringkat dan fleksibiliti yang diberikan kepada negara-negara membangun. Kebanyakan negara membangun mahu negara-negara maju untuk melaksanakan peratus pengurangan yang lebih tinggi di peringkat teratas. Walaupun Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) telah menyatakan kesediaan untuk menerima pengurangan yang lebih besar di dalam regim tarif masing-masing, mereka hanya akan berbuat demikian jika terdapat pertukaran konsesi di dalam isu-isu lain di bawah rundingan Barangan Pertanian. Malaysia menyokong pengurangan yang lebih besar bagi membolehkan peningkatan akses pasaran untuk Barangan Pertanian dari Malaysia.

Rundingan Barangan Istimewa (SPs) fokus kepada isu pemilihan dan kuantum pengurangan tarif. Tiada persetujuan dicapai di kalangan Ahli terutamanya AS, EU dan Kumpulan 33[1] (G33) mengenai cadangan peratusan garis tarif pertanian yang dikhususkan untuk SPs. Walau pun G33 mahukan SPs dikecuali daripada pengurangan tarif, kebanyakan Ahli termasuk EU, AS dan Malaysia menghendaki supaya SPs dikenakan pengurangan tarif yang minimum.

Bagi Barangan Sensitif (SePs), rundingan terus fokus kepada pemilihan SePs melalui pilihan-pilihan berikut:

- negara-negara maju boleh memilih sehingga:
  - 4 atau 6 peratus dari jumlah garis tarif bercukai; dan
  - 6 atau 8 peratus dari jumlah garis tarif bercukai, tertakluk kepada penambahan TRQ, bagi barangan yang jumlah garis tarif di peringkat teratas melebihi 30 peratus;
- negara-negara membangun dibenarkan menetap satu pertiga lebih banyak jumlah garis tarif sebagai SePs berbanding, jumlah negara-negara maju;
- barangan yang mengambil pengurangan tarif yang lebih rendah berbanding TRF (penyimpangan), perlu membuat penambahan TRQ:
  - satu pertiga penyimpangan dari pengurangan TRF akan dikenakan penambahan TRQ antara 3 atau 5 peratus;
  - satu perdua penyimpangan dari pengurangan TRF akan dikenakan penambahan TRQ antara 3.5 atau 5.5 peratus; dan
  - dua pertiga penyimpangan dari pengurangan TRF akan dikenakan penambahan TRQ antara 4 atau 6 peratus.

Pengiraan tambahan TRQ masih belum diselesaikan dengan dua pilihan dalam pertimbangan Ahli-ahli, iaitu sama ada berdasarkan garis sensitif yang ditetapkan pada aras 8 atau 9 digit, atau keseluruhan garis barangan pada aras 6 digit.

Perbincangan juga berterusan mengenai isu SSM. Ahli-ahli mempertimbangkan sama ada untuk menerima pakai peningkatan kuantiti dan/atau harga import secara mendadak sebagai titik mula (*trigger point*) untuk pengaktifan SSM. Butiran terperinci mengenai pemilihan barangan, pelaksanaan modaliti dan remedi terus dibincangkan dan tiada sebarang persetujuan dicapai.

Sokongan Domestik

EU dan AS iaitu negara-negara yang mempunyai sokongan domestik yang tertinggi, bersetuju dengan cadangan Pengerusi Kumpulan Rundingan Pertanian untuk mengurangkan tahap sokongan domestik secara menyeluruh. Cadangan Pengerusi mengenai formula pengurangan berperingkat bagi mengurangkan aras sokongan domestik yang mengganggu perdagangan secara menyeluruh (OTDS) adalah seperti berikut:

[1] *Anggota G33: Antigua and Barbuda, Barbados, Belize, Benin, Botswana, Republik Rakyat China, Congo, Cote d'Ivore, Cuba, Republik Dominican, Grenada, Guyana, Honduras, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Republik Korea, Mauritius, Madagascar, Mongolia, Mozambique, Nicaragua, Nigeria, Pakistan, Panama, Peru, Filipina, St Kitts and Nevis, St Lucia, St Vincent and Grenadines, Senegal, Sri Lanka, Suriname,Tanzania,Trinidad and Tobago, Turki, Uganda, Venezuela ,Zambia, Zimbabwe.*

Peringkat	OTDS	Pengurangan
Peringkat teratas (EC)	Lebih daripada AS$60 bilion	75 atau 85 peratus
Peringkat tengah (AS dan Jepun)	Antara AS$10 dan AS$60 bilion	66 atau 73 peratus
Peringkat terendah (lain-lain)	Kurang daripada AS$10 bilion	50 atau 60 peratus

Kumpulan Cairns[2], G20[3] dan G33 mahukan pengurangan yang lebih besar ke atas perbelanjaan sebenar EC dan AS, yang mana lebih tinggi daripada cadangan oleh Pengerusi Kumpulan Rundingan. Pengurangan ini mampu meningkatkan tahap daya saing eksport barangan pertanian tanpa subsidi dari Malaysia berbanding barangan yang pernah diberi subsidi tinggi.

Persaingan Eksport

Pada Persidangan Peringkat Menteri di Hong Kong, Ahli-ahli bersetuju supaya negara maju memansuhkan kesemua bentuk subsidi eksport termasuk kredit eksport menjelang 2013 dan untuk negara membangun, 2018.

Sebagai tambahan, negara-negara maju juga bersetuju pembiayaan eksport (*export financing support*), yang merangkumi kredit eksport, jaminan kredit eksport dan program-program insuran perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- tempoh pembayaran balik maksimum sebanyak 180 hari berkuatkuasa mulai tarikh pelaksanaan Perjanjian Doha atau pada hujung 2010, yang mana lebih awal. Bagi Ahli-ahli negara membangun, tempoh pelaksanaan adalah tiga tahun dari tarikh pelaksanaan atau menjelang penghujung 2013; dan

- Boleh membiayai sendiri dalam tempoh empat atau lima tahun dari tarikh permulaan di mana bantuan pembiayaan dapat menampung kos operasi program dan tidak mengalami kerugian. Bagi Ahli-ahli negara membangun, tempoh dipersetujui adalah enam atau tujuh setengah tahun dari tarikh permulaan program.

AKSES PASARAN BARANGAN BUKAN PERTANIAN

Pada 2007, rundingan akses pasaran barangan bukan pertanian (NAMA) terus membincangkan elemen-elemen utama modaliti, terutama aras pengurangan tarif dan tahap fleksibiliti untuk Ahli-ahli negara membangun. Elemen-elemen tersebut berkait rapat dengan prinsip '*Less Than Full Reciprocity*' (LTFR), yang memerlukan tahap komitmen yang lebih tinggi oleh Ahli-ahli negara maju berbanding Ahli-ahli negara membangun.

Walaupun konsep LTFR telah diterima oleh Ahli-ahli, pelbagai interpretasi mengenai pelaksanaannya telah membawa kepada pandangan berbeza di antara Ahli-ahli negara maju dan negara membangun mengenai aras pengurangan tarif yang perlu dilaksanakan.

Berikutan daripada draf awal modaliti yang dikeluarkan pada 17 Julai 2007, Pengerusi Kumpulan Perunding NAMA mengedarkan semakan semula draf modaliti 8 Februari 2008 untuk mengurangkan perbezaan dalam usaha mencapai persetujuan terhadap modaliti pada hujung Julai 2008.

Pengurangan Tarif

Dalam Perjanjian Rangka Kerja Julai 2004, Ahli-ahli WTO telah bersetuju dengan penggunaan formula yang dikenali sebagai formula Swiss, untuk mengurangkan kadar tarif terikat bagi barangan industri. Rundingan kini berkisar kepada pemilihan koefisien untuk digunakan dalam formula ini. Koefisien yang lebih rendah akan menyebabkan pengurangan tarif yang lebih besar sementara koefisien yang lebih tinggi akan menyebabkan pengurangan yang lebih kecil. Di dalam teks draf modaliti, Pengerusi mencadangkan koefisien di antara lapan hingga sembilan untuk Ahli-ahli negara maju dan 19 hingga 23 untuk Ahli-ahli negara membangun.

[2] *Anggota Kumpulan Cairns: Argentina, Australia, Bolivia, Brazil, Kanada, Chile, Colombia, Costa Rica, Guatemala, Indonesia, Malaysia, New Zealand,, Pakistan, Paraguay, Peru, Filipina, Afrika Selatan, Thailand, Uruguay.*

[3] *Anggota G20: Bulgaria, Iceland, Israel, Jepun, Republik Korea, Liechtenstein, Mauritius, Norway, Switzerland, Taiwan, Argentina, Bolivia, Brazil, Chile, Republik Rakyat China, Colombia, Costa Rica, Cuba, Ecuador, Mesir, El Salvador, Guatemala, India, Mexico, Nigeria, Pakistan, Paraguay, Peru, Filipina, Afrika Selatan, Thailand, Venezuela.*

Kebanyakan Ahli-ahli negara membangun terutamanya sub-kumpulan yang dikenali sebagai NAMA 11 (Argentina, Venezuela, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Filipina, Namibia, Tunisia dan Afrika Selatan) menyatakan bantahan keras terhadap koefisien yang dicadangkan. Mereka berpendapat bahawa cadangan tersebut tidak mematuhi prinsip LTFR memandangkan beban pengurangan tarif ke atas Ahli-ahli negara membangun akan lebih besar daripada Ahli-ahli negara maju.

Ini disebabkan perbezaan di dalam struktur tarif di antara Ahli-ahli negara maju dan Ahli-ahli negara membangun di mana duti purata di negara maju secara amnya adalah lebih rendah berbanding di negara membangun. Cadangan balas NAMA 11 adalah supaya terdapat jurang perbezaan sekurang-kurangnya 25 mata di antara julat koefisien Ahli-ahli negara maju dengan Ahli-ahli negara membangun. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli negara maju membantah sebarang kenaikan nilai koefisien kerana mereka berpendapat cadangan julat koefisien oleh Pengerusi adalah memadai untuk menangani kebimbangan ahli-ahli negara-negara membangun.

Malaysia berpendapat Ahli-ahli negara maju harus mengguna pakai koefisien yang lebih rendah daripada koefisien yang dicadangkan oleh Pengerusi memandangkan hasil kuantum pengurangan tarif untuk negara-negara maju menggunakan koefisien yang dicadang akan menyamai kuantum pengurangan tarif bagi negara-negara membangun.

Fleksibiliti Dalam Pengurangan Tarif

Dalam Perjanjian Rangka Kerja Julai 2004 Ahli-ahli WTO bersetuju supaya Ahli-ahli negara membangun diberi beberapa fleksibiliti di dalam melaksana komitmen pengurangan tarif sama ada dengan membenarkan pengecualian sesetengah bahagian jumlah garis tarif daripada sebarang pengurangan tarif; atau pengurangan tarif pada kadar yang lebih rendah dari formula yang dipersetujui kepada sesetengah bahagian jumlah baris tarif. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli masih belum bersetuju ke atas tahap fleksibiliti yang akan diberi.

Di dalam teks semakan semula modaliti, Pengerusi Kumpulan Perunding NAMA mencadangkan bahawa had fleksibiliti dibuka semula untuk perbincangan dan sebarang keputusan akan tertakluk kepada persetujuan ke atas paras koefisien yang akan dipersetujui. Cadangan ini adalah hasil dari permohonan beberapa negara membangun supaya cadangan fleksibiliti semasa diperluaskan lagi. Permohonan untuk fleksibiliti tambahan telah dibuat oleh NAMA 11, Ahli-ahli *Latin American Southern Cone Common Market* (MERCUSOR), Kesatuan Kastam Afrika Selatan, Venezuela dan Filipina.

Di dalam teks modaliti Julai 2007, terdapat tiga fleksibiliti yang boleh dipersetujui:

- 5 peratus garis tarif dikecualikan daripada pengurangan tarif, tertakluk kepada nilai import bagi garis tarif tersebut tidak melebihi 5 peratus jumlah nilai import; atau

- 10 peratus garis tarif dikurangkan pada kadar separuh daripada potongan formula, tertakluk kepada nilai import bagi garis tarif tersebut tidak melebihi 10 peratus jumlah nilai import; atau

- pilihan untuk meningkatkan koefisien dengan tambahan tiga mata sekiranya kedua-dua fleksibiliti tersebut tidak digunakan.

Ramai Ahli, termasuk Malaysia berpendapat bahawa membenarkan terlalu banyak fleksibiliti akan lebih merumitkan rundingan kerana Ahli-ahli berkemungkinan membuat interpretasi baru ke atas tahap fleksibiliti yang akan diberikan. Malaysia berpendapat bahawa cadangan fleksibiliti yang terkandung di dalam teks Julai 2007 dikekalkan.

PERKHIDMATAN

Berikutan persetujuan yang dicapai pada Persidangan Menteri-menteri di Hong Kong, pendekatan plurilateral ke atas rundingan akses pasaran telah diterima, di samping pendekatan tradisional rundingan permintaan-tawaran dua hala. Pendekatan tersebut fokus kepada

mengenal pasti sektor dan mode penawaran yang penting bagi Ahli. Kumpulan-kumpulan ahli yang mempunyai kepentingan bersama di dalam sektor tertentu akan merunding dengan Ahli-ahli lain di mana permintaan telah dikemukakan.

Pada 2007, rundingan bagi 21 kumpulan plurilateral telah diadakan. Rundingan plurilateral melibatkan kumpulan Ahli-ahli yang mengenal pasti objektif masing-masing di dalam sesuatu sektor atau mode penawaran untuk pembukaan pasaran dan mengemukakan permintaan kolektif tersebut kepada kumpulan lain. Malaysia telah membuat permintaan di dalam dua sektor, iaitu perkhidmatan berkaitan komputer dan pendidikan dan menerima permintaan di dalam 16 kumpulan:

- bekalan merentasi sempadan (Mode 1) dan penggunaan perkhidmatan di luar negara (Mode 2);
- kehadiran komersil (Mode 3) dan pergerakan natural persons (Mode 4);
- pengecualian Layanan Negara Teristimewa (MFN);
- pos dan kurier;
- perundangan;
- audiovisual;
- pengangkutan maritim;
- tenaga;
- arkitek dan kejuruteraan;
- pembinaan;
- telekomunikasi;
- kewangan;
- pengedaran;
- alam sekitar; dan
- logistik.

Sejak Rundingan Doha disambung semula, rundingan tertumpu kepada penambahbaikan tawaran akses pasaran oleh negara-negara Ahli. Malaysia kini sedang memuktamadkan Draf Semakan Kedua Tawaran Sektor Perkhidmatan.

Rundingan juga tertumpu kepada:

- peruntukan-peruntukan Langkah Pelindung Kecemasan (Artikel X – Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan – GATS);
- Subsidi (Artikel XV – GATS);
- Perolehan Kerajaan (Artikel XIII – GATS); dan
- penggubalan disiplin untuk peraturan domestik.

Langkah Pelindung Kecemasan

Langkah Pelindung Kecemasan (ESM) membenarkan penggantungan sementara akses pasaran, layanan nasional dan/atau apa-apa komitmen tambahan di dalam sektor perkhidmatan semasa berlaku masalah imbangan pembayaran yang serius dan kesulitan kewangan luaran. Bagi Malaysia dan beberapa negara ASEAN yang sependapat, ESM adalah penting bagi memastikan terdapat peruntukan di dalam menangani sebarang impak yang timbul akibat liberalisasi.

Pada Oktober 2007, negara-negara ASEAN seperti Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand dan Viet Nam telah membentang kertas perbincangan bagi mewujudkan peraturan penggunaan ESM. Perbincangan fokus kepada persoalan teknikal dan prosedur mengenai pelaksanaan ESM. Negara-negara Anggota ASEAN terus membincangkan mengenai pentingnya ESM walaupun terdapat pandangan yang berbeza di kalangan beberapa negara maju.

Subsidi

Artikel XV GATS memperuntukkan untuk perundingan bagi menangani kesan-kesan subsidi yang menjejas perdagangan. Ia juga memberi peruntukkan bagi pertukaran maklumat mengenai subsidi di kalangan Ahli-ahli. Pada Mac 2007, Hong Kong SAR dan Mexico telah membentang kertas cadangan bagi mempercepatkan perbincangan mengenai subsidi. Perbincangan focus kepada pertukaran maklumat mengenai subsidi dan membangunkan definisi bagi subsidi dalam perdagangan perkhidmatan. Kebanyakan Ahli terutama negara-negara membangun masih meragui keperluan mewujudkan disiplin-disiplin tersebut memandangkan perdagangan perkhidmatan di negara-negara berkenaan masih di peringkat permulaan dan penilaian kesan-kesan subsidi adalah sukar.

Perolehan Kerajaan
Perolehan perkhidmatan oleh Kerajaan adalah penting dan mungkin melibatkan sekatan ke atas pembekal perkhidmatan asing. Pada masa ini, GATS tidak memperuntukkan sebarang disiplin bagi pengecualian ke atas penyertaan asing atau margin keutamaan yang berpihak kepada pembekal domestik. Perbincangan mengenai perolehan Kerajaan (GP) di dalam sektor perkhidmatan ditumpukan kepada pengwujudan disiplin-disiplin yang meliputi akses pasaran, yang masih sensitif kepada negara-negara membangun. Ahli-ahli negara membangun terus memberi tekanan bahawa mandat rundingan bagi GP di dalam sektor perkhidmatan tidak meliputi akses pasaran.

Peraturan Domestik
Walaupun peraturan domestik bukan bertujuan memberi perlindungan, ianya mungkin mengakibatkan halangan perdagangan yang serius. Majlis Perdagangan dalam Perkhidmatan telah diberikan mandat untuk membangunkan disiplin yang perlu bagi mengelakkan peraturan domestik dijadikan halangan kepada perdagangan.

Pada April 2007, satu teks semakan semula mengenai peraturan domestik telah dikeluarkan oleh Pengerusi Kumpulan Kerja mengenai Peraturan GATS. Rundingan kini tertumpu kepada memuktamad disiplin-disiplin mengenai keperluan kelayakan dan prosedur, standard teknikal dan prosedur perlesenan. Peraturan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan ketelusan serta menghapuskan halangan perdagangan dalam perkhidmatan, terutama di dalam sektor perkhidmatan profesional.

FASILITASI PERDAGANGAN

Rundingan fasilitasi perdagangan pada 2007 terus menunjukkan kemajuan mengenai isu-isu berkaitan pergerakan barangan melintasi sempadan termasuk *advance ruling*, pengurusan risiko dan kebebasan transit serta mengurangkan kerenah birokrasi dan halangan kepada pergerakan barangan.

Persidangan Menteri-menteri Keenam telah memberi mandat bagi membuat penjelasan dan penambahbaikan ke atas peraturan-peraturan mengenai:

- kebebasan transit barangan (Artikel V – Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), 1994);
- *fee* dan tatacara berkaitan dengan import dan eksport (Artikel VIII – GATT, 1994); dan
- penerbitan dan pentadbiran peraturan perdagangan (Artikel X – GATT, 1994).

Ahli-ahli telah berunding secara intensif dan mengadakan perbincangan teknikal ke atas banyak draf teks yang menggariskan cadangan meliputi:

- elemen ketiga- tiga artikel GATT;
- rangka kerja Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) serta bantuan teknikal;
- bina upaya bagi negara-negara membangun dan kurang membangun (LDCs).

Pembangunan peraturan pelbagai hala mengenai *advance ruling* akan membenarkan pedagang memperolehi keputusan muktamad daripada pihak kastam sebelum urusan import/eksport barangan. Peraturan terhadap pengurusan risiko akan memerlukan pengurangan pemeriksaan fizikal ke atas barangan dan membenarkan pelepasan segera bagi barangan berisiko rendah. Cadangan untuk mewujudkan rejim transit perjalanan bebas-kuota dengan caj sama rata bagi pengusaha pengangkutan nasional dan asing tanpa mengira tempasal barangan, akan dapat mengelakkan diskriminasi perjalanan dan caj transit yang dikenakan sesetengah Ahli.

Walaupun terdapat kemajuan berterusan di dalam rundingan, tiada draf perjanjian keseluruhan untuk fasilitasi perdagangan sehingga kini memandangkan Ahli-ahli masih mempertimbangkan skop dan obligasi yang terkandung di dalam draf teks tersebut. Bagi memastikan hasil keputusan rundingan dan obligasi yang telah dicadangkan di dalam perjanjian baru boleh dilaksanakan, langkah mengenal pasti keutamaan dan keperluan fasilitasi perdagangan ahli-ahli, aspek pembangunan dan implikasi kos sedang dijalankan. Rundingan dalam perkara ini adalah penting kerana ahli-ahli tidak dikehendaki mengimplementasi komitmen baru kecuali mereka telah menerima bantuan teknikal

mencukupi yang diperlukan untuk melaksana obligasi-obligasi baru.

Negara-negara maju utama terus mendesak agar kesemua cadangan yang dibentangkan dalam bentuk teks hendaklah dimasukkan ke dalam perjanjian yang baru. Sebaliknya, negara-negara membangun masih ragu sama ada ianya dapat dicapai kerana pelaksanaan beberapa cadangan, terutama perwujudan *single window* dan pengurusan risiko memerlukan sistem berdasarkan teknologi maklumat yang canggih yang mana memerlukan pelaburan yang tinggi dan latihan.

Malaysia sentiasa menegaskan bahawa sebarang komitmen baru di dalam WTO hendaklah tidak membebankan negara-negara membangun. Malaysia terus menekankan kebimbangannya mengenai:

- definisi trafik dalam transit memandangkan beberapa elemen di dalam cadangan teks memerlukan penjelasan lebih lanjut;
- tiada diskriminasi ke atas bentuk pengangkutan dan laluan kerana isu-isu mengenai kepentingan nasional perlu diambil kira;
- tempoh di antara penerbitan baru atau pindaan *fee* dan caj dengan tarikh kuat kuasa kerana sistem dikebanyakkan negara tidak memperuntukan prior publication bagi undang-undang dan peraturan baru; dan
- keperluan notifikasi dan konsultasi awal serta membenarkan sesuatu tempoh sebelum mempersetujui peraturan perdagangan baru, rang undang-undang dan akta memandangkan terdapat perbezaan dalam mekanisma konsultasi masing-masing.

Layanan Istimewa dan Berbeza di bawah Kemudahan Perdagangan

Pada 2007, rundingan mengenai S&D terhadap bantuan teknikal dan bina upaya telah memasuki fasa baru. Satu kertas cadangan oleh *Core Group* (antara lain terdiri daripada Bangladesh, Mesir, India, Indonesia, Kenya, Malaysia, Filipina dan Rwanda) telah diterima secara meluas dan disokong oleh Kumpulan Negara-negara Afrika iaitu sekumpulan Negara-negara Afrika, Caribbean dan Negara-negara Pasifik termasuk LDCs.

Cadangan *Core Group* adalah untuk Ahli-ahli negara membangun mengambil dua tahap komitmen, iaitu suatu set komitmen mudah (*minimal set*), yang ditentukan oleh setiap Kerajaan untuk dilaksanakan pada masa perjanjian berkuat kuasa; serta set komitmen jangka panjang yang akan dilaksanakan selepas tempoh peralihan telah ditetapkan. Cadangan tempoh peralihan haruslah cukup panjang bagi membolehkan negara-negara merancang dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi mengimplimentasi komitmen masing masing. Cadangan ini menghadapi kritikan hebat oleh EU dan Switzerland serta beberapa negara membangun kerana ia mengandungi banyak pengecualian di dalam melaksanakan perjanjian pelbagai hala fasilitasi perdagangan yang akan datang. EU, Switzerland dan beberapa negara membangun lain menghendaki Ahli-ahli menyatakan tindakan yang tidak dapat dilaksanakan dan yang memerlukan bantuan teknikal dan bina upaya. Semua tindakan yang tidak dinyatakan akan diambil kira sebagai boleh dilaksanakan.

Bantuan Teknikal dan Bina Upaya

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Pertubuhan Kastam Dunia (WCO) dan Bank Dunia terus memberikan bantuan teknikal dan program bina upaya untuk ahli-ahli negara membangun. Program bantuan teknikal dan bina upaya meliputi ujian penilaian untuk keperluan kebangsaan dan bengkel serantau.

Malaysia terbabit secara aktif dalam rundingan fasilitasi perdagangan dan akan terus menyokong cadangan-cadangan untuk memantapkan keberkesanan prosedur berkaitan perdagangan merentasi sempadan nasional. Satu perjanjian pelbagai hala yang ditambah baik akan memberi manfaat kepada negara-negara ahli terutama dari segi penurunan kos serta mempertingkat keberkesanan ketelusan keboleh jangkaan peraturan berkaitan import dan eksport.

LAYANAN ISTIMEWA DAN BERBEZA

Terdapat peruntukan Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) dalam kebanyakan perjanjian WTO, yang memberi layanan lebih baik kepada negara-negara membangun berbanding Ahli WTO yang lain. Jawatankuasa Perdagangan dan Pembangunan dalam Sesi Khas (CTDSS) telah ditugaskan untuk mengurus pelaksanaan peruntukan-peruntukan berkenaan layanan S&D.

Pada 2007, rundingan CTDSS tertumpu kepada:

- melengkapkan kajian semula ke atas semua cadangan spesifik yang tertangguh; dan
- menyelaras usaha-usaha dengan badan-badan di bawah WTO yang lain mengenai layanan S&D.

Mandat Agenda Pembangunan Doha (Doha Development Agenda DDA) membolehkan kajian semula peruntukan-peruntukan berkenaan di dalam mana-mana perjanjian WTO diperkukuhkan serta menjadikannya lebih efektif dan dapat dioperasikan dengan:

- mengenal pasti peruntukan-peruntukan S&D mandatori;
- penilaian terhadap implikasi peruntukan S&D yang tidak terikat dijadikan komitmen mandatori; dan
- pemeriksaan semula langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan peruntukan oleh LDCs.

Enam belas cadangan spesifik yang berkaitan dengan layanan S&D sedang dipertimbangkan buat masa kini. Ini termasuk:

- Bantuan Kerajaan kepada Pembangunan Ekonomi (Artikel XVIII – GATT, 1994);
- Perjanjian Sanitari dan Fitosanitari (SPS) (Artikel 10.2 dan 10.3 tentang layanan S&D); dan
- Pelesenan Import Bukan Automatik (Artikel 3.5 dari Perjanjian Pelesenan Import).

Mengenai pewujudan mekanisme untuk memantau pelaksanaan peruntukan layanan S&D, tiada kemajuan dicapai mengenai fleksibiliti tambahan layanan S&D untuk negara-negara membangun dan mengenai obligasi mandatori oleh negara-negara maju agar layanan S&D tertentu dipanjangkan kepada negara-negara membangun.

LDCs terus memohon lebih fleksibiliti daripada yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian Pusingan Uruguay. Walau bagaimanapun, negara-negara maju masih tidak responsif terhadap permintaan tersebut kerana bimbang dengan tahap layanan S&D yang perlu diberikan kepada negara-negara membangun.

Pada 2005, negara-negara maju WTO telah bersetuju untuk menyediakan akses pasaran Tanpa-Duti Tanpa-Kuota (DFQF) kepada sekurang-kurangnya 97 peratus barangan yang diimport daripada LDCs. LDCs telah mencadangkan agar negara-negara maju dan negara-negara membangun untuk meluaskan DFQF kepada 100 peratus barangan yang diimport daripada LDCs. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara-negara maju dan negara-negara membangun tidak bersetuju untuk membincangkan semula isu liputan barangan.

Malaysia terus menekankan kepentingan S&D kepada negara-negara membangun dan menyokong usaha-usaha menjadikan peruntukan S&D lebih tepat, efektif dan mampu dilaksanakan. Malaysia juga bersetuju bahawa pemantauan peruntukan layanan S&D adalah perlu bagi meningkatkan keberkesanannya. Namun demikian, mekanisme tersebut tidak seharusnya menjurus ke arah layanan berbeza di kalangan negara-negara membangun oleh negara-negara maju atau menjustifikasi sebarang penafian layanan S&D. Malaysia seterusnya bersetuju agar negara-negara membangun memberikan DFQF sekiranya mereka telah mengisytiharkan bahawa mereka mampu untuk berbuat demikian. Sehingga kini, lebih 98 peratus barangan import Malaysia daripada LDCs adalah tanpa duti dan tanpa kuota.

ASPEK-ASPEK PERDAGANGAN BERKAITAN HARTA INTELEK

Pada 2007, Majlis WTO mengenai Aspek-aspek Perdagangan berkaitan Harta Intelek

(TRIPs) meneruskan rundingan dalam isu-isu berikut:

- menilai kemungkinan meminda Perjanjian TRIPs dengan memasukkan peruntukan dari Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD) sebagai pra-syarat untuk permohonan paten;
- ratifikasi Ahli-ahli WTO terhadap pindaan Perjanjian TRIPs, lanjutan daripada Deklarasi TRIPs dan Kesihatan Awam 2001; dan
- Penguatkuasaan obligasi TRIPs oleh Ahli-ahli WTO.

TRIPs dan CBD

Negara-negara pencadang seperti India, Brazil dan negara-negara kaya dengan kepelbagaian biologinya terus memandu perbincangan di Majlis TRIPs agar tertumpu kepada kemungkinan meminda Perjanjian TRIPs dengan menambah artikel baru yang memerlukan pemohon paten untuk:

- memaklumkan punca dan negara asal sumber, sama ada genetik atau biologi, dan pengetahuan tradisi yang digunakan di dalam ciptaan mereka;
- menunjukkan bukti persetujuan terdahulu yang telah dicapai; dan
- memperincikan butiran rancangan perkongsian faedah yang adil dan sama rata.

Malaysia terus menyokong cadangan berkaitan perlindungan penggunaan sumber biologi selagi ianya konsisten dengan peruntukan CBD dan bertujuan melindungi kedaulatan negara dan hak negara terbabit ke atas sumber-sumber tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan berbeza mengenai pindaan Perjanjian TRIPs tersebut kerana sesetengah negara-negara mendakwa bahawa ada pilihan lain yang boleh digunakan bagi melindungi kepentingan sumber dan pengetahuan tradisi negara-negara terbabit seperti keperluan pengisytiharan sumber di bawah undang-undang paten kebangsaan dan perjanjian kontrak untuk melaksanakan perkongsian bersama. Rundingan ke atas isu ini perlu berakhir dengan keputusan yang seimbang, yang mana selain dapat menggalakkan ciptaan baru ianya juga perlu melindungi hak negara terhadap sumber biologinya.

Pelesenan Wajib

Deklarasi Doha mengenai Perjanjian TRIPs dan Kesihatan Awam 2001 telah menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan akses ubat-ubatan dan barangan penjagaan kesihatan pada kos yang berpatutan, di samping melindungi hak harta intelek pemilik paten syarikat farmaseutikal. Bagi memastikan langkah ini dimasukkan dalam Perjanjian TRIPs, dua pertiga daripada negara-negara WTO perlu memaklumkan penerimaan terhadap Protokol untuk Meminda Perjanjian TRIPs.

Pindaan tersebut membolehkan Ahli- ahli WTO yang kapasiti pengeluarannya tidak mencukupi atau tiada pengeluaran langsung, untuk mendapatkan barangan farmaseutikal daripada negara ketiga melalui pelesenan wajib. Ini bermakna barangan perubatan yang dihasilkan melalui pelesenan wajib kini boleh diimport dan dieksport, bertentangan dengan Artikel 31(f) di dalam Perjanjian TRIPs yang hanya membenarkan barangan yang dihasilkan di bawah pelesenan wajib dibekalkan khususnya untuk pasaran domestik.

Negara-negara seperti AS, Switzerland, El Salvador, Republik Korea, Norway, India, Filipina, Jepun, Australia, Singapura, Hong Kong SAR, Republik Rakyat China, EU dan Belanda telah menyatakan penerimaan mereka. Malaysia pula masih dalam proses meratifikasi protokol tersebut.

Penguatkuasaan Sempadan

Perjanjian TRIPs memberikan fleksibiliti kepada negara-negara Ahli untuk menentukan langkah penguatkuasaan yang sesuai, dirujuk sebagai penguatkuasaan di sempadan untuk menghalang kemasukan barang import yang melanggar hak harta intelek. AS, mencadangkan pada 2006, agar Majlis TRIPs mengkaji penguatkuasaan di sempadan yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli WTO selaras dengan obligasi Perjanjian TRIPs mereka. Cadangan tersebut terus dibangkang oleh

kebanyakan Ahli termasuk Malaysia yang menganggap bahawa isu-isu penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa negara-negara WTO dan tidak perlu dibincangkan di dalam Majlis untuk TRIPs.

PERDAGANGAN DAN ALAM SEKITAR

Rundingan diteruskan dengan tumpuan kepada tiga cadangan pendekatan untuk mengurangkan atau menghapuskan tarif dan halangan bukan tarif ke atas barangan dan perkhidmatan berkaitan alam sekitar:

- penyenaraian barangan alam sekitar;
- penjadualan projek-projek alam sekitar; dan
- gabungan kedua-dua pendekatan di atas.

Kemajuan yang dicapai adalah minima kerana negara-negara Ahli memiliki perbezaan pendapat yang berterusan mengenai skop dan definisi barangan berkaitan alam sekitar. Sebelum ini, negara-negara Ahli mencapai kesefahaman bahawa skop rundingan adalah terhad kepada barangan industri untuk kegunaan alam sekitar. Pada Oktober 2007, sesetengah negara-negara membangun mencadangkan barangan pertanian dimasukkan dalam senarai barangan alam sekitar dengan alasan bahawa barangan pertanian tersebut dihasilkan di dalam kaedah mesra alam dan secara mapan.

Perbezaan pendapat masih kekal mengenai definisi barangan alam sekitar. Sesetengah Ahli lebih cenderung terhadap kriteria kegunaan terakhir iaitu barangan alam sekitar tersebut digunakan untuk tujuan alam sekitar yang spesifik. Ahli-ahli yang lain pula menyokong definisi proses pengeluaran iaitu barangan yang dikeluarkan dengan kaedah mesra alam atau kurang mencemar alam sekitar pada suatu peringkat kitaran hidupnya berbanding dengan barangan alternatif yang mempunyai tujuan yang sama.

PERATURAN

Dalam usaha untuk memastikan rundingan seiring dengan perkembangan rundingan di sektor barangan pertanian dan NAMA, Pengerusi Kumpulan Perunding Peraturan (NGR) pada 30 November 2007 telah mengedarkan Draf Teks Bersepadu Pengerusi mengenai Perjanjian Anti-lambakan, Subsidi dan Langkah Timbal balas yang bertujuan untuk menunjukkan kemajuan yang telah dicapai di dalam rundingan anti-lambakan dan subsidi. Draf teks turut memuatkan cadangan pindaan ke atas Perjanjian-perjanjian tersebut dan memperkenalkan displin subsidi perikanan.

Secara keseluruhannya, negara-negara ahli berpendapat bahawa draf teks berkenaan adalah tidak seimbang kerana terdapat banyak cadangan yang telah dikemukakan oleh negara-negara ahli tidak diambil kira, sebaliknya terdapat beberapa peruntukan yang tidak pernah dibincangkan di dalam NGR telah dimasukkan ke dalam draf teks. Perkara yang diperdebatkan adalah cadangan untuk memperkenalkan metodologi pensifaran (*zeroing*) di dalam pengiraan margin lambakan.

Dalam penyiasatan anti-lambakan, pihak berkuasa akan menentukan margin lambakan iaitu jumlah harga tempatan pengeksport (nilai normal) melebihi nilai eksport semasa perbandingan kedua-dua harga dilakukan. Pensifaran adalah amalan mengenakan nilai sifar pada margin lambakan apabila nilai normal adalah kurang daripada harga yang dikenakan di pasaran pengimport. Ini boleh meningkatkan margin lambakan atau mewujudkan margin walaupun tidak sebenarnya ia tidak wujud.

Draf teks juga mengandungi cadangan-cadangan bagi mengukuhkan peraturan anti-lambakan dengan:

- melarang negara-negara WTO daripada mengekalkan duti anti-lambakan melebihi 10 tahun;
- memerlukan pihak berkuasa mengambil kira pandangan kumpulan pengguna di samping industri pemetisyen sebelum memutuskan sebarang langkah anti-lambakan bagi barangan yang pada kebiasaannya dijual di peringkat runcit;
- mewujudkan mekanisme untuk semakan berkala terhadap dasar dan amalan anti-lambakan Ahli-ahli ; dan
- membenarkan Ahli-ahli meluaskan langkah anti-lambakan bagi mengelakkan

pemintasan. Ini akan digunakan terhadap kes di mana pengeksport di bawah arahan tersebut didapati cuba untuk mengelak pembayaran duti dengan menghantar barangan secara tidak siap dan separuh siap ke negara ketiga untuk dipasang sebelum tiba ke destinasi akhir atau penghantaran barangan dalam bentuk yang telah diubah suai.

Bagi subsidi pula, draf teks mencadangkan di antara lain memasukkan subsidi berikut sebagai subsidi yang boleh diambil tindakan (tidak dilarang tetapi mungkin dicabar):

- subsidi meliputi kerugian operasi di dalam industri selain subsidi tidak berulang yang diberikan sekali sahaja bagi tujuan pengstrukturan semula;
- pemaafan hutang langsung (*direct debt forgiveness*); dan
- subsidi untuk barangan yang terpilih dengan nilai yang melebihi 5 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai.

Bagi subsidi perikanan, draf teks mencadangkan disiplin baru bagi subsidi dalam sektor perikanan yang akan melarang pemberian subsidi melibatkan bantuan kewangan oleh Kerajaan untuk:

- membeli, membina, membaiki atau memulih kapal-kapal nelayan;
- memindah kapal-kapal nelayan ke negara-negara ketiga;
- menanggung kos operasi kapal-kapal nelayan;
- menyedia kemudahan pelabuhan bagi aktiviti-aktiviti berkaitan tangkapan ikan;
- menyedia tambahan pendapatan untuk para nelayan;
- menyedia sokongan harga bagi produk ikan; dan
- mendapatkan hak kemasukan ke kawasan penangkapan ikan.

Draf teks mencadangkan layanan S&D untuk Ahli negara-negara membangun dan LDCs. Peruntukan S&D tersebut membenarkan LDCs terus memberi subsidi tanpa sebarang syarat. Negara-negara membangun pula dibenarkan untuk terus memberikan subsidi perikanan tertentu dengan syarat telah mewujudkan sistem pengurusan perikanan untuk mengelakkan penangkapan berlebihan. Di antara subsidi yang dibenarkan adalah:

- untuk nelayan berskala kecil di dalam kawasan perairan negara;
- sebagai tambahan pendapatan dan sokongan harga untuk para nelayan dan barangan perikanan; dan
- untuk infrastruktur pelabuhan.

PEMAHAMAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Pada 2007, Malaysia menjadi penaja bersama kertas Pemahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU) yang mencadangkan layanan S&D terhadap perkara-perkara seperti berikut:

- kos litigasi yang mana Panel dan Badan Rayuan (*Appellate Body*) akan memutuskan kos yang berpatutan dan mengarahkan negara-negara maju membayar balik kos yang ditanggung oleh negara-negara membangun dalam pertikaian di antara negara maju dan negara membangun;
- *cross-retaliation* yang mana negara-negara membangun dibenarkan untuk mengenakan tindakan ke atas mana-mana sektor terhadap negara-negara maju yang gagal melaksanakan keputusan dan saranan DSU; dan
- memberi pertimbangan khas untuk negara membangun melalui inisiatif seperti bersetuju untuk mengadakan rundingan di negara-negara membangun bagi menjimatkan kos dan membenarkan masa tambahan bagi menyediakan hujah-hujah dalam pertikaian yang melibatkan negara-negara maju.

Pada 2007, kes-kes DSU yang utama:

- kes-kes terhadap AS di atas amalan pensifaran, yang dibawa oleh EU, Equador dan Jepun dalam pertikaian yg berasingan:
  - Panel dan Badan Rayuan mendapati amalan AS yang secara selektif menggunakan kaedah pensifaran untuk mengira duti anti-lambakan adalah tidak selaras dengan peraturan-peraturan WTO;

- AS telah melaporkan tidak akan menggunakan amalan pensifaran apabila mengira margin lambakan ke atas *weighted average* kepada asas *weighted average* di dalam penyiasatan asal.
- AS selepas itu mencadangkan kepada Kumpulan Rundingan Peraturan supaya memasukkan amalan pensifaran di dalam proses memperjelaskan Perjanjian Anti-Lambakan.

• EU telah mengemukakan kes terhadap Brazil kerana larangan import tayar celup:
  - EU mendakwa bahawa polisi Brazil yang membenarkan import tayar celup daripada rakan perdagangan MERCUSOR, di mana pada masa yang sama melarang import daripada negara-negara lain adalah melanggar peraturan WTO.
  - Brazil menjustifikasikan larangan tersebut atas alasan alam sekitar, bahaya kebakaran dan kesihatan.
  - Panel dan Badan Rayuan bersetuju bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Brazil adalah tidak bercanggah dengan Artikel XX GATT.

KEMASUKAN KE PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA

Untuk menjadi Ahli WTO, sebuah ekonomi perlu menyertai Perjanjian-perjanjian WTO. Ahli-ahli baru juga perlu mengadakan rundingan mengenai terma-terma secara dua hala dan juga pelbagai hala dengan setiap Ahli-ahli WTO lain. Ahli-ahli baru perlu memanjangkan hasil rundingan dua halanya kepada semua Ahli WTO, dan melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan serta pembaharuan institusi yang perlu bagi memenuhi obligasi-obligasi WTO.

Pada 2007, sejumlah 28 negara terlibat di dalam proses kemasukan ke dalam WTO. Negara-negara tersebut adalah Afghanistan, Algeria, Andorra, Azerbaijan, Bahamas, Belarus, Bhutan, Bosnia Herzegovina, Ethiopia, Iran, Iraq, Kazakhstan, Laos, Lebanon, Libya, Montenegro, Persekutuan Rusia, Samoa, Sao Tome and Principe, Serbia, Seychelles, Sudan, Tajikistan, Ukraine, Uzbekistán, Kesatuan Comoros, Vanuatu dan Yaman.

SEMAKAN SEMULA DASAR PERDAGANGAN

Semakan Semula Dasar Perdagangan adalah sebahagian daripada usaha WTO untuk meningkatkan kepatuhan semua Ahli terhadap peraturan, disiplin dan komitmen di bawah perjanjian perdagangan pelbagai hala. Sehingga penghujung 2007, sebanyak 248 semakan semula telah dibuat merangkumi 133 daripada 151 buah negara-negara WTO, mewakili 97 peratus syer perdagangan dunia.

Pada 2007, sejumlah 18 negara telah melalui proses semakan semula dasar perdagangan. Negara-negara tersebut adalah Argentina, Australia, Cameroon dan Gabon, Kanada, Chad, Republik Afrika Tengah, Costa Rica, Kesatuan Eropah, India, Indonesia, Jepun, Bahrain, Macau, Organisation of Eastern Caribbean States (OECS), Panama, Peru, Thailand dan Turkey.

Malaysia kali terakhir melalui proses semakan semula dasar perdagangan pada 2006 dan semakan seterusnya akan diadakan pada 2010.

BANTUAN TEKNIKAL

Pada 2007, Malaysia mengambil bahagian di dalam 13 program teknikal berkaitan NAMA, TRIPs dan kesihatan awam, perolehan kerajaan, harta intelek dan teknologi maklumat.

Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada tiga program bantuan teknikal dengan kerjasama Sekretariat WTO, iaitu:

• Bengkel Serantau Mengenai Kemahiran Rundingan Perdagangan, di Kuala Lumpur dari 26 Februari hingga 2 Mac 2007;

• Bengkel Serantau Mengenai Halangan Teknikal terhadap Perdagangan, di Kuala Lumpur dari 20 hingga 22 November 2007; dan

• Bengkel Kebangsaan Mengenai Halangan Teknikal terhadap Perdagangan, di Kuala Lumpur pada 23 November 2007.

Program-program tersebut telah dihadiri oleh para pegawai Kerajaan daripada ekonomi Asia-Pasifik seperti Kemboja, Republik Rakyat China, Indonesia, Hong Kong SAR, Republik Korea, Laos, Macau, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam. Selain meningkatkan pengetahuan teknikal peserta mengenai perkara khusus WTO, program-program bantuan teknikal juga dapat memberi manfaat tambahan dengan mengeratkan rangkaian perhubungan di antara pegawai-pegawai yang terlibat di dalam kerja-kerja berkaitan WTO terutama sekali di kalangan negara-negara membangun.

PROSPEK

Terdapat komitmen oleh Negara-negara WTO bagi memuktamadkan Pusingan Doha pada hujung 2008. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyelesaikan modaliti-modaliti dalam Pertanian dan NAMA sebelum akhir Mei 2008 bagi membolehkan Pusingan Doha dimuktamadkan pada penghujung tahun.

Peraturan pelbagai hala adalah satu-satunya cara bagi menjamin kesemua ahli WTO mengamalkan peraturan standard yang sama dalam perdagangan antarabangsa, seterusnya memastikan keadilan dalam sistem perdagangan. Tanpa disiplin yang kukuh dalam sistem perdagangan pelbagai hala, sebagai mana ditetapkan di dalam peraturan-peraturan WTO, ahli-ahli WTO akan mengambil tindakan-tindakan unilateral yang akan memudaratkan bagi mengekalkan perlindungan domestiknya. Walaupun Malaysia sedang aktif berunding beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), WTO akan terus diutamakan dan relevan kepada Malaysia.

Pusingan Doha yang berjaya adalah penting untuk menjaga kepentingan ekonomi kecil dalam sistem perdagangan antarabangsa. Dengan layanan S&D sebagai hasil substantif daripada Pusingan Doha, sistem perdagangan pelbagai hala ini akan membantu memudah dan meningkatkan kemasukan ekonomi-ekonomi kecil ini ke dalam pasaran lebih besar di negara maju dan membangun.

Bagi mencapai dimensi pembangunan di dalam Pusingan Doha, Ahli-ahli utama WTO perlu memberi komitmen untuk mengurangkan pengeluaran yang mengganggu perdagangan dan bantuan eksport serta subsidi secara lebih efektif. Ahli-ahli utama WTO juga harus memberi sumbangan kepada dana WTO yang akan membantu negara-negara membangun, terutamanya LDCs, untuk mengukuhkan pengeluaran kapasiti dan sokongan institusi. Ini bagi memastikan negara-negara membangun mampu untuk memanfaatkan faedah-faedah sistem perdagangan pelbagai hala, terutamanya melalui inisiatif seperti agenda bantuan untuk perdagangan (*Aid for Trade*).

Negara-negara maju harus melaksanakan komitmen mereka dengan segera untuk memberikan akses pasaran secara DFQF kepada LDCs, dengan negara-negara membangun mengisytiharkan mereka mampu melaksanakan komitmen ini turut memberikan layanan yang sama sebagai sokongan terhadap inisiatif ini. Hasil Pusingan Doha akan memastikan peruntukan-peruntukan S&D yang lebih kukuh agar lebih tepat, efektif dan berhasil.

Bab 10 KERJASAMA EKONOMI ASEAN

TINJAUAN

Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of South East of Asian Nations* – ASEAN) sedang mempertingkatkan keutuhan dan integrasi di kalangan Negara Anggota. Untuk merealisasikan matlamat penubuhan Komuniti ASEAN pada 2015, dua dokumen penting telah diterima dan ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 di Singapura pada November 2007. Dua dokumen tersebut adalah:

- Piagam ASEAN; dan
- Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Piagam ASEAN memperkukuhkan ASEAN sebagai satu organisasi yang berpegang kepada peraturan serta berstruktur mantap untuk membolehkan ASEAN menghadapi cabaran-cabaran politik dan ekonomi serta ASEAN kekal relevan dalam arus perubahan global. Piagam ASEAN akan menyaksikan semua penduduk di rantau ini bersama-sama terlibat dalam proses pembangunan Komuniti ASEAN.

Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) mengukuhkan pentingnya kerjasama dan integrasi ekonomi sebagai tonggak utama dalam pembangunan rantau ini sepanjang dekad yang akan datang. Pelan Tindakan AEC membentangkan langkah-langkah umum dan spesifik yang merangkumi liberalisasi ekonomi, pemudahcaraan dan kerjasama dengan jadual masa serta sasaran yang jelas yang menjurus kepada penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2015.

Pada 2007, Negara Anggota ASEAN meneruskan inisiatif-inisiatif liberalisasi berjadual masing-masing menerusi pemansuhan halangan-halangan perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan. Tarif ke atas barangan terus dikurangkan dan dihapuskan. Pakej Keenam liberalisasi perkhidmatan yang merangkumi 70 subsektor telahpun disempurnakan. Rejim pelaburan serantau juga terus diperbaiki. Dalam hal ini, ASEAN sedang menggubal Perjanjian Pelaburan Komprehensif yang baru yang lebih menarik untuk pelabur-pelabur dari dalam dan luar ASEAN.

Langkah-langkah liberalisasi ini antara lainnya telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang positif bagi Negara Anggota ASEAN, iaitu 5 hingga 7 peratus pada 2006. ASEAN menikmati peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) bernilai AS$52.4 bilion pada 2006, melebihi jumlah AS$41.1 bilion yang dicatatkan pada 2005. Jumlah perdagangan luar ASEAN juga meningkat kepada AS$1.4 trilion, melebihi nilai AS$924.8 bilion yang dicatatkan pada 2005.

Selaras dengan proses integrasi ekonomi dalaman, ASEAN juga telah mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan hubungan dengan rakan-rakan dialognya. Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea telah dilaksanakan pada Jun 2007. Dengan pelaksanaan Perjanjian ini, Republik Korea menghapuskan serta-merta duti import ke atas 70 peratus produk yang didagangkan antara ASEAN dan Republik Korea. Negara ini merupakan negara Asia Timur kedua yang melaksanakan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan ASEAN selepas pelaksanaan FTA ASEAN-China pada 2005. Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN-Korea telah dilaksanakan pada 2007.

Satu lagi pencapaian signifikan bagi ASEAN pada tahun 2007 adalah muktamadnya rundingan penubuhan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP). Pelaksanaan AJCEP pada akhir 2008 akan melengkapkan usaha ASEAN untuk mempertingkatkan integrasi serantau melalui FTA dengan tiga ekonomi Asia Timur iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Ini akan memacu pembangunan

Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN Campur Tiga yang akan memperkukuhkan integrasi ekonomi antara ASEAN dan ketiga-tiga ekonomi Asia Timur. Selain itu, ASEAN juga telah mencapai kemajuan dalam rundingan FTA dengan India, Australia dan New Zealand.

ASEAN terus mengeratkan hubungan dengan rakan-rakan dialognya bagi melengkapkan inisiatif-inisiatif yang diambil bagi memantapkan ketahanan ekonomi dalaman ASEAN.

PERDAGANGAN

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

Skim Tarif Keutamaan Sama Rata

Selaras dengan komitmen Negara Anggota ASEAN di bawah Skim Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT), tarif terus dikurangkan dan dimansuhkan pada 2007. Tiada komitmen baru akan diambil oleh ASEAN-6 (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) bagi pakej Skim CEPT 2008. Walau bagaimanapun, selain daripada produk yang disenaraikan dalam Senarai Sensitif dan Senarai Amat Sensitif, Negara-negara Anggota tersebut dikehendaki untuk memansuhkan duti ke atas semua produk sebelum 1 Januari 2010.

Komitmen oleh Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam (CLMV) adalah berbeza bagi setiap pakej Skim CEPT 2008 yang merangkumi:

- pemansuhan duti bagi pakej pertama produk-produk Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA)/Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT);
- pemindahan ansuran keenam daripada Senarai Sensitif kepada Senarai Kemasukan (IL) – (Laos dan Myanmar);
- pengurangan duti kepada 0-5 peratus bagi semua produk dalam Trek Normal (NT) – (Laos dan Myanmar); dan
- pemansuhan duti ke atas 60 peratus bagi semua produk di dalam Senarai Kemasukan (Laos dan Myanmar).

Kadar purata bagi CEPT untuk ASEAN-6 telah berkurang kepada 1.59 peratus daripada 1.74 peratus kerana Negara-negara Anggota telah mengurang dan memansuhkan duti seperti yang dijadualkan. Kadar purata bagi CEPT untuk CLMV juga telah berkurang kepada 4.44 peratus daripada 4.65 peratus. Secara keseluruhan, kadar purata CEPT bagi ASEAN-10 pada 2007 adalah 2.73 peratus berbanding 2.82 peratus pada 2006.

Jadual 10.1
Pakej CEPT 2008 untuk CLMV

Negara Anggota	Komitmen Semasa
Kemboja	• pemansuhan duti bagi 105 produk dari pakej pertama produk-produk ICT pada Mac 2008 • pemindahan 83 barangan daripada Senarai Pengeculian Am (GEL) kepada IL pada Mac 2008
Laos	• 67 peratus barangan Senarai Kemasukan telah berada pada tarif sifar • pemansuhan duti bagi 678 produk dari pakej pertama produk-produk ICT • pemindahan 464 barangan daripada GEL kepada IL pada Ogos 2008
Myanmar	• pemansuhan duti bagi pakej pertama produk-produk ICT pada Jun 2008 • 60 peratus barangan IL telah berada pada tarif sifar pada Jun 2008 • enakmen perundangan bagi pakej CEPT 2008 dijangka akan dikeluarkan pada Jun 2008
Viet Nam	• pemansuhan duti bagi baki 17 produk dari pakej pertama produk-produk ICT pada Jun 2008 • pemindahan 181 barangan daripada GEL kepada IL pada Jun 2008 • enakmen perundangan bagi pakej CEPT 2008 dijangka akan dikeluarkan pada Jun 2008

Jadual 10.2:
Kadar Purata CEPT

Negara Anggota	2007		2006	
	Bilangan Garis Tarif	Kadar Purata (%)	Bilangan Garis Tarif	Kadar Purata (%)
Brunei Darussalam	10,598	2.37	9,924	1.18
Indonesia	8,619	1.66	11,028	1.93
Malaysia	12,474	1.04	12,471	2.30
Filipina	11,445	2.42	11,045	2.37
Singapura	10,705	0.00	10,705	0.00
Thailand	8,301	2.29	11,030	2.47
ASEAN-6	62,142	1.59	66,203	1.74
Kemboja	10,454	8.23	8,007	8.82
Laos	10,023	1.80	10,023	4.04
Myanmar	10,611	3.47	10,521	4.20
Viet Nam	10,523	4.16	10,342	2.49
CLMV	41,611	4.44	38,893	4.65
ASEAN-10	**103,753**	**2.73**	**105,096**	**2.82**

Sumber: Sekretariat ASEAN

Jadual 10.3:
Bilangan Garis Tarif bagi Pakej CEPT 2007

Negara Anggota	Bilangan Garis Tarif				Peratusan			
	IL	GEL	SL/HSL	Jumlah	IL	GEL	SL/HSL	Jumlah
Brunei Darussalam[1]	10,598	104	-	**10,702**	99.03	0.97	-	**100**
Indonesia (AHTN 2007)	8,620	96	16	**8,732**	98.72	1.10	0.18	**100**
Malaysia	12,504	89	-	**12,593**	99.29	0.71	-	**100**
Filipina	11,444	27	19	**11,490**	99.60	0.23	0.17	**100**
Singapura	10,705	-	-	**10,705**	100.00	-	-	**100**
Thailand (AHTN 2007)	8,301	-	-	**8,301**	100.00	-	-	**100**
ASEAN-6	62,172	316	35	**62,523**	99.44	0.51	0.06	**100**
Kemboja [2]	10,454	181	54	**10,689**	97.80	1.69	0.51	**100**
Laos	10,023	464	203	**10,690**	93.76	4.34	1.90	**100**
Myanmar	10,611	51	27	**10,689**	99.27	0.48	0.25	**100**
Vietnam	10,523	166	-	**10,689**	98.45	1.55	-	**100**
CLMV	41,611	862	284	**42,757**	97.32	2.02	0.66	**100**
ASEAN 10	103,783	1,178	319	**105,280**	98.58	1.12	0.30	**100**

Sumber: Sekretariat ASEAN
Nota: [1] Produk GE telah dimasukkan dengan kadar andaian CEPT = MFN
[2] Bahagian terakhir untuk Senarai Pengecualian Sementara (TEL) telah dimasukkan dengan kadar andaian CEPT = MFN
IL – Senarai Kemasukan,
TEL – Senarai Pengecualian Sementara
GEL – Senarai Pengecualian Am,
SL – Senarai Sensitif
HSL – Senarai Amat Sensitif

Filipina dan Thailand telah mengeluarkan enakmen perundangan masing-masing bagi pemansuhan duti ke atas produk Sektor Integrasi Keutamaan untuk memenuhi sasaran pemansuhan duti bagi 80 peratus garis tarif pada Februari 2008. Pada 2007, Thailand telah memberikan konsesi CEPT ke atas eksport bagi kenderaan automotif lengkap dipasang (CBU) dari Malaysia. Brunei Darussalam telah memansuhkan tarif layanan negara teristimewa (MFN) bagi CBU yang sebelum ini tersenarai di dalam senarai pengecualian.

Peraturan Tempasal

Peraturan Tempasal (RoO) dan Prosedur Persijilan Operasi (OCP) telah ditambah baik untuk mempertingkatkan penggunaan Skim CEPT di kalangan Negara Anggota ASEAN.

Untuk menikmati kadar duti tarif CEPT, pengeksport dan pengeluar ASEAN sekarang ini mempunyai pilihan untuk menggunakan RoO yang lebih mudah iaitu, sama ada 40 peratus nilai kandungan serantau mengikut peraturan semasa atau peraturan produk spesifik (PSR) yang bersesuaian.

Langkah-langkah sedang diambil untuk memansuhkan halangan-halangan bukan tarif yang terus menyekat perdagangan intra-ASEAN. Senarai halangan bukan tarif di kalangan Negara Anggota ASEAN telah dikumpul dan dimuatkan ke laman web Sekretariat ASEAN. Halangan-halangan ini telah diklasifikasi mengikut kategori khusus untuk memudahkan penyemakan oleh Negara-negara Anggota yang lain. Halangan bukan tarif yang menyekat perdagangan akan dimansuhkan secara berperingkat seperti berikut:

Negara	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
ASEAN-5	2008	2009	2010
Filipina	2010	2011	2012
CLMV	2013	2014	2015 atau 2018

Malaysia sentiasa menyemak semula pelbagai langkah kawalan yang telah dilaksanakan. Mulai 1 Januari 2008, Malaysia telah memansuhkan penggunaan lesen import ke atas 29 produk yang meliputi trak pengangkut, kren dan jentera berat.

Nomenklatur Tarif Sama Rata ASEAN 2007

Nomenklatur Tarif Sama Rata ASEAN (AHTN) bertujuan untuk memudahkan perdagangan intra-ASEAN melalui penyeragaman struktur tarif bagi Negara Anggota ASEAN pada tahap 8 digit. Fleksibiliti telah diberikan kepada Negara Anggota dalam mengekalkan AHTN pada tahap 10 digit, dan kembali ke tahap 10 digit menjelang 2011. ASEAN dijangka akan turut mengguna pakai AHTN dalam urusan perdagangan luar ASEAN menjelang 2011. AHTN 2007 bagi Malaysia adalah pada tahap 10 digit untuk kemudahan industri.

Malaysia menukar penggunaan struktur tarif ATHN 2002 kepada AHTN 2007 mulai 1 April 2008. Ini adalah selaras dengan usaha Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) untuk menukar struktur klasifikasi di bawah Sistem Nomenklatur Sama Rata (HS). Negara Anggota ASEAN yang lain telah melaksanakan atau sedang dalam proses melaksanakan AHTN versi 2007.

Semakan Semula CEPT dan Perjanjian serta Protokol yang Berkaitan

CEPT dan Perjanjian berkaitan yang sedia ada sedang disemak semula untuk mewujudkan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN yang baru dan berpandangan jauh. Perjanjian tersebut akan menggabungkan pelbagai keputusan peringkat menteri serta memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang juga mengambil kira beberapa perjanjian yang telah dimuktamadkan dengan beberapa rakan dagang.

Perdagangan Intra-ASEAN

Negara Anggota ASEAN terus meraih manfaat dari pengurangan dan pemansuhan duti untuk mengembangkan perdagangan intra-ASEAN. Pada tahun 2007, keseluruhan perdagangan ASEAN berjumlah AS$1,636 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 22 peratus daripada AS$1,341.5 bilion bagi 2006. Perdagangan intra-ASEAN menyumbangkan sebanyak

Jadual 10.4
Perdagangan Intra-ASEAN

Negara Anggota	Eksport				Import			
	2007 (AS$ juta)	2006 (AS$ juta)	Perubahan		2007 (AS$ juta)	2006 (AS$ juta)	Perubahan	
			AS$ juta	%			AS$ juta	%
Jumlah	**209,374.4**	**186,855.8**	**22,518.6**	**10.8**	**177,114.4**	**164,766.3**	**12,348.1**	**7.0**
Brunei Darussalam	1,595.4[1]	1,865.7	-270.29	-16.9	835.2[1]	802.0	33.2	4.0
Kemboja	240.4	235.4	5.0	2.1	1,121.1	991.2	130.0	11.6
Indonesia	16,298.0[1]	13,739.5	2,558.51	15.7	16,748.4[1]	19,379.0	-2,630.6	-15.7
Malaysia	47,049.5	43,484.3	3,565.2	7.6	37,327.1	33,255.6	4,071.5	10.9
Laos	310.1	290.0	20.1	6.9	532.2	501.0	31.2	5.9
Myanmar	2,948.3[1]	2,149.7	798.61	27.1	962.7[1]	1,174.6	-211.9	-22.0
Filipina	7,237.7[2]	8,192.2	-954.48	-13.2	11,734.5[2]	10,218.3	1,516.2	12.9
Singapura	93,359.3	83,802.0	9,557.3	10.2	66,058.2	62,301.0	3,757.2	5.7
Thailand	32,522.4	26,883.0	5,639.4	17.3	25,070.3	23,598.8	1,471.5	5.9
Viet Nam	7,813.3	6,214.0	1,599.3	20.5	15,889.2	12,544.8	3,344.4	21.0

Sumber : Sekretariat ASEAN dan Pejabat MITI ASEAN yang berkenaan
Nota : [1]Statistik adalah dari tempoh Januari-September 2007
[2]Statistik adalah dari tempoh Januari -November 2007

23.6 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan ASEAN.

Pada 2007, perdagangan intra-ASEAN meningkat sebanyak 9.9 peratus kepada AS$386.5 bilion daripada AS$352.8 bilion pada 2006. Eksport intra-ASEAN meningkat sebanyak 10.8 peratus kepada AS$225.1 bilion pada 2007 berbanding AS$186.8 bilion pada 2006. Myanmar telah mencatatkan peningkatan eksport intra-ASEAN yang tertinggi sebanyak 27.1 peratus diikuti oleh Viet Nam dengan 20.5 peratus.

Import intra-ASEAN pada 2007 adalah bernilai AS$177.1 bilion, peningkatan sebanyak 7 peratus daripada AS$164.8 bilion pada 2006.

PELABURAN

Kawasan Pelaburan ASEAN

Untuk lebih memantapkan suasana pelaburan ASEAN, Ketua-ketua Negara ASEAN menyokong keputusan Menteri-menteri Ekonomi untuk mengkaji semula Perjanjian Rangka Kerja Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) kepada Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA). Keputusan tersebut adalah tepat pada masanya untuk menarik aliran FDI global yang semakin meningkat serta memastikan daya saing ASEAN dapat dikekalkan.

Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA)

ACIA adalah berdasarkan kepada Perjanjian AIA yang sedia ada. Prinsip-prinsip utamanya termasuk:

- berpandangan jauh, memperkukuh, menambah baik dan berteras kepada Perjanjian Rangka Kerja Kawasan Pelaburan ASEAN 1998 serta Perjanjian Promosi dan Perlindungan Pelaburan ASEAN 1987;
- komitmen untuk memenuhi obligasi masing-masing di bawah Perjanjian AIA;
- memasukkan elemen-elemen penggalakan dan kesedaran mengenai pelaburan, fasilitasi pelaburan, perlindungan pelaburan serta liberalisasi pelaburan;
- faedah-faedah untuk dinikmati oleh pelabur-pelabur ASEAN dan pelabur-pelabur asing yang berpengkalan dalam ASEAN;
- layanan istimewa serta lain-lain fleksibiliti kepada Negara Anggota ASEAN berdasarkan kepada tahap kemajuan dan sensitiviti sektor masing-masing;
- layanan timbal-balas untuk memperolehi konsesi, di mana perlu; dan
- mengekalkan layanan keutamaan di kalangan Negara Anggota ASEAN.

Selain dari semakan semula Perjanjian AIA, ASEAN meneruskan usaha mempromosikan pelaburan melalui program-program fasilitasi dan kerjasama. Pada 2007, ASEAN memulakan konsultasi dengan Jepun untuk berkongsi dan bertukar maklumat mengenai promosi FDI kepada pelabur-pelabur Jepun serta mewujudkan langkah-langkah dan strategi bagi meningkatkan daya saing ASEAN untuk menarik FDI.

Satu forum Pelaburan ASEAN telah diadakan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada Ogos 2007 di Makati City, Filipina, untuk mempromosikan pelaburan di ASEAN. Di samping itu, pemadanan perniagaan, lawatan ke beberapa syarikat dan kawasan perindustrian serta taman teknologi maklumat (IT) turut diadakan.

Selain itu, *'Statistics on Foreign Direct Investment in ASEAN, Eighth Edition 2006'* telah diterbitkan dalam bentuk CD-ROM. Penerbitan ini membantu para pelabur dan penggubal dasar untuk lebih memahami kemajuan FDI di ASEAN. Malaysia juga telah menerbitkan brosur yang menggariskan ASEAN sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik dengan tagline *'ASEAN Your Regional Partner to Global Markets'*.

Aliran Masuk Pelaburan ke ASEAN

Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pelaburan di bawah ASEAN, kemasukan FDI ke ASEAN telah meningkat sebanyak 27.5 peratus kepada AS$52.4 bilion pada 2006 dari AS$41.1 bilion pada 2005. Peningkatan FDI menunjukkan ASEAN kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan para pelabur. Pengaliran masuk FDI yang utama adalah ke Singapura dengan 45.9 peratus syer daripada jumlah FDI ke rantau ini, diikuti oleh Thailand (20.5 peratus), Malaysia (11.6 peratus), Indonesia (10.6 peratus) dan Viet Nam (4.5 peratus).

Pada 2006, sumber-sumber utama pelaburan di ASEAN adalah dari Jepun (AS$10.8 bilion), United Kingdom (AS$6.7 billion), Singapura (AS$4.5 billion), Amerika Syarikat (AS) (AS$3.9 bilion) dan Belanda (AS$2.9 bilion),

Jadual 10.5:
Aliran Pelaburan Intra-ASEAN, 2006

Sumber Negara Anggota	Negara Tuan Rumah										
	Brunei Darussalam	Kemboja	Indonesia	Laos	Malaysia	Myanmar	Filipina	Singapura	Thailand	Viet Nam	Jumlah
	(AS$ Juta)										
Jumlah	**9.7**	**155.5**	**1,524.5**	**10.6**	**467.8**	**27.8**	**(95.6)**	**1,137.7**	**2,822.1**	**181.9**	**6,242.1**
Singapura	1.6	14.3	1,328.4	-	474.5	-	(77.6)	-	2,659.7	100.2	4,501.2
Malaysia	**7.6**	**26.2**	**195.2**	**-**	**-**	**-**	**0.34**	**276.7**	**156.9**	**29.4**	**692.3**
Indonesia	0.2	-	-	-	(13.1)	2.6	(0.01)	695.6	(2.4)	1.0	683.8
Filipina	0.3	-	0.2	-	0.6	-	-	134.9	2.2	-	138.3
Thailand	0.04	110.8	2.2	7.8	5.9	25.2	(18.2)	(24.0)	-	45.4	155.1
Brunei Darussalam	-	-	(1.5)	-	-	-	-	10.5	3.7	3.0	15.6
Myanmar	-	-	-	-	(0.08)	-	-	36.9	0.3	-	37.2
Viet Nam	-	4.3	-	2.8	-	-	(0.09)	7.0	(0.2)	-	13.7
Kemboja	-	-	-	-	-	-	-	0.1	1.9	-	2.1
Laos	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2.9	2.9

Sumber: Pengkalan Data FDI, Sekretariat ASEAN

Nota: (1) Data dikumpulkan dari Bank Pusat dan Pejabat Statistik Pusat, Negara Anggota ASEAN. Jika tidak dinyatakan, data statistik adalah termasuk ekuiti dan pinjamanan antara syarikat.

(2) Data bagi Kemboja adalah anggaran.

(3) Data bagi Brunei Darussalam, Kemboja, Malaysia, Myanmar, Singapura dan Viet Nam adalah termasuk pulangan pelaburan semula.

(4) Data pulangan pelaburan semula bagi Filipina dan data pinjaman antara syarikat bagi Singapura dari negara pemberi tidak dimasukkan.

(5) ( ) menyatakan aliran bersih keluar yang merangkumi pemindahan ke luar pelaburan ekuiti dan pembayaran balik pinjaman antara syarikat.

di mana jumlahnya merupakan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan FDI di ASEAN. Sektor utama yang menarik pelaburan pada 2006 merupakan sektor-sektor perkhidmatan (perkhidmatan bantuan kewangan, perdagangan dan perniagaan, pembinaan, hartanah serta lain-lain perkhidmatan) yang menyumbang 54.2 peratus kepada jumlah keseluruhan kemasukan FDI dan pelaburan dalam sektor pembuatan menyumbang 30.3 peratus.

Aliran Keluar Pelaburan ASEAN

Aliran keluar pelaburan ASEAN telah meningkat sebanyak 37.8 peratus kepada AS$19.1 bilion pada 2006 daripada AS$11.9 bilion pada 2005. Sebahagian besar pelaburan keluar adalah dari Singapura dan Malaysia, masing-masing dengan kadar 45.2 peratus dan 31.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan keluar ASEAN.

Jumlah pelaburan keluar bagi Malaysia pada 2006 telah meningkat ke AS$6 bilion, daripada AS$3 bilion bagi 2005. Destinasi pelaburan utama adalah ke Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas (Hong Kong SAR), Republik Rakyat China dan Singapura. Pelaburan Malaysia ke ASEAN telah mencatatkan 11 peratus daripada jumlah aliran keluar pelaburan.

Pelaburan Intra-ASEAN

Pelaburan intra-ASEAN berjumlah AS$6.2 bilion pada 2006, peningkatan sebanyak 66 peratus daripada AS$3.8 bilion pada 2005. Pelaburan ini melebihi 12 peratus daripada jumlah aliran masuk FDI ke ASEAN. Peningkatan dalam pelaburan intra-ASEAN jelas menunjukan peningkatan integrasi ekonomi-ekonomi ASEAN.

Singapura kekal sebagai pelabur keluar intra-ASEAN yang utama dengan 72.1 peratus syer bernilai AS$4.5 bilion, diikuti oleh Malaysia (AS$692.3 juta), Indonesia (AS$683.8 juta) dan Thailand (AS$155.1 juta). Aliran keluar intra-ASEAN bagi Malaysia pada 2006 adalah ke Singapura, Thailand dan Viet Nam, diikuti oleh Kemboja dan Brunei Darussalam.

Thailand merupakan penerima pelaburan intra-ASEAN tertinggi dengan jumlah AS$2.8 bilion diikuti oleh Indonesia (AS$1.5 bilion) dan Singapura (AS$1.1 bilion). Jumlah pelaburan intra-ASEAN ke Malaysia adalah AS$467.8 juta pada 2006.

PERKHIDMATAN

Sejak 1995, Malaysia telah meliberalisasikan 70 subsektor perkhidmatan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN. Pada 2007, Malaysia telah menambah baik tawaran serta membuat tawaran baru untuk diliberalisasikan sebagai komitmen untuk Pakej Keenam. Penambahbaikan tersebut membenarkan pegangan ekuiti ASEAN yang lebih tinggi. Sektor-sektor baru yang ditawarkan pada 2007 adalah Pusat Perolehan Antarabangsa, Pusat Pengedaran Serantau dan Pengurusan Air Kumbahan. Dengan penambahbaikan tersebut, Malaysia kini membenarkan pegangan 100 peratus ekuiti ASEAN dalam sektor-sektor tersebut kecuali Pengurusan Air Kumbahan di mana tahap pegangan ekuiti ASEAN dihadkan pada tahap 30 peratus.

Modaliti ASEAN yang telah dipersetujui dalam memansuhkan sebahagian besar halangan-halangan dalam perdagangan perkhidmatan menjelang 2010 bagi sektor-sektor keutamaan; dan 2015 bagi sektor perkhidmatan yang lain dalam ASEAN adalah:

i. liberalisasi dilaksana menerusi pusingan bagi setiap dua tahun sehingga 2015; iaitu 2008, 2010, 2012, 2014 dan 2015.

ii. mensasarkan bilangan minimum subsektor baru untuk dijadualkan bagi setiap pusingan seperti berikut: 10 subsektor dalam 2010, 20 bagi 2012, 20 bagi 2014 dan tujuh dalam 2015, berdasarkan klasifikasi perdagangan perkhidmatan Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) W/120 Pertubuhan Perdagangan Dunia.

iii. komitmen-komitmen bagi setiap pusingan akan dijadualkan mengikut parameter berikut:

- Mode 1 dan 2 – '*None*' (tiada halangan) dengan pengecualian di atas sebab-sebab peraturan *bona fide* (contohnya keselamatan awam) dengan syarat dipersetujui oleh

semua Negara Anggota atas dasar *case-by-case*;

- Mode 3 - penglibatan ekuiti asing:

	Peratus	Tempoh masa
4 Sektor Perkhidmatan Keutamaan	tidak kurang dari 51 peratus	menjelang 2008
	70 peratus	menjelang 2010
Perkhidmatan Logistik	tidak kurang dari 49 peratus	menjelang 2008
	51 peratus	menjelang 2010
	70 peratus	menjelang 2013
Sektor-sektor perkhidmatan yang lain	tidak kurang dari 49 peratus	menjelang 2008
	51 peratus	menjelang 2010
	70 peratus	menjelang 2015

Nota: Mode 1 - Bekalan Merentasi Sempadan
Pembekal perkhidmatan tidak berada dalam Negara Anggota tetapi perkhidmatan dibekalkan dalam Negara Anggota dari Negara Anggota yang lain. Contohnya, melalui internet.

Mode 2 - Penggunaan Perkhidmatan di Luar Negara
Pengguna mendapatkan perkhidmatan di luar Negara Anggota. Contohnya, pelancong Malaysia pergi bercuti ke Singapura dan menikmati perkhidmatan yang dibekalkan di Singapura.

Mode 3 - Kehadiran Komersial
Perkhidmatan dibekalkan melalui sebuah syarikat yang diperbadankan di Negara Anggota berkenaan.

Mode 4 - Kehadiran Individu Sebenar (Natural Person)
Perkhidmatan dibekalkan oleh individu sebenar. Contohnya, perkhidmatan yang diberikan oleh seorang doktor.

ASEAN juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan halangan dan sekatan kepada akses pasaran untuk mengembangkan perdagangan perkhidmatan intra-ASEAN.

ASEAN turut membangunkan peraturan pengiktirafan bersama (MRAs) untuk memudahcara pergerakan intra-ASEAN bagi tenaga pekerja profesional. MRAs yang dimuktamadkan dalam 2007 adalah MRA Perkhidmatan Arkitek dan Rangka Kerja MRA untuk Kelulusan Juru Ukur. Dengan termeterainya MRA berkenaan, ASEAN telah memuktamadkan empat MRAs, termasuk MRA Perkhidmatan Kejuruteraan dan MRA Perkhidmatan Kejururawatan. Rangka Kerja MRA untuk Perkhidmatan Perakaunan, MRA bagi Pengamal Perubatan dan MRA bagi Perkhidmatan Pergigian sedang dalam rundingan.

Perkhidmatan Logistik

Menyedari pentingnya perkhidmatan logistik dalam memudahkan perniagaan, ASEAN telah mengadakan satu inisiatif untuk menambah baik integrasi perkhidmatan logistik. Perkhidmatan ini telah dikenal pasti sebagai sektor keutamaan ke-12 untuk dipercepatkan liberalisasi dan integrasinya. Satu Pelan Hala Tuju bagi Integrasi Sektor Logistik telah dipersetujui untuk memastikan sektor-sektor yang dikenal pasti akan diliberalisasi mengikut jadual dan memastikan langkah-langkah dilaksana dengan bersepadu.

KERJASAMA SEKTORAL

Pertanian

Kerjasama ASEAN dalam sektor-sektor makanan, pertanian dan perhutanan adalah penting dalam menjamin kedapatan bekalan makanan, memperkukuh kedudukan bersama ASEAN di persada antarabangsa dan mempercepatkan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN. Lebih penting lagi, ia akan menyumbang kepada peningkatan daya saing jangka panjang bagi barangan makanan, pertanian dan perhutanan ASEAN. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai inisiatif dalam kerjasama pertanian termasuk pembangunan kapasiti, penggunaan teknologi moden serta penggunaan standard dan amalan antarabangsa telah dilaksanakan oleh ASEAN sepanjang tahun 2007 dalam bidang-bidang ternakan, tanaman kontan, perikanan dan perhutanan.

Kerjasama dalam Pertanian

Dalam bidang kerjasama pertanian, negara-negara ASEAN Campur Tiga (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) telah bersetuju untuk menyambung pelaksanaan projek perintis Sistem Pengurusan Simpanan Kecemasan Beras Asia Timur (EAERR) sehingga Februari 2009. Projek perintis ini telah memberikan pengalaman yang bernilai dalam memenuhi keperluan kemanusiaan semasa kecemasan dan bencana alam.

Pada 2007, ASEAN juga telah mempersetujui Had-had Sisa Maksima Seragam ASEAN (MRLs) untuk 16 racun perosak dan telah bersetuju mengguna pakai standard seperti berikut:

- Standard Seragam ASEAN untuk Betik, Limau Bali dan Rambutan; dan

- Standard ASEAN bagi Vaksin Hidup untuk Bronkitis Berjangkit (kajian semula) dan Vaksin Tidak Aktif untuk Bronkitis Berjangkit.

Panduan untuk Perikanan juga telah dipersetujui iaitu panduan keselamatan bertajuk '*A Guide to the Identification and Control of Food Safety Hazards in the Production of Fish and Fisheries Products in the ASEAN Region*' dan '*Guidelines on Development of Standard Operating Procedures for Health Certification and Quarantine Measures for the Responsible Movement of Live Food Finfish*'.

Pada 2007, ASEAN telah bersetuju untuk mengakreditasi semula Makmal Ujian Assay bagi Ubatan Haiwan di Gunung Sindur, Bogor, Indonesia sebagai Makmal Ujian Vaksin Haiwan untuk sembilan vaksin khusus haiwan untuk jangka masa tiga tahun. Penubuhan pakatan ASEAN Shrimp Alliance (ASA) untuk memantapkan kebolehan ASEAN bertindak balas terhadap cabaran-cabaran perdagangan antarabangsa mengenai udang dan produk berasaskan udang juga dipersetujui.

Perhutanan

Sejak pelancaran Penguatkuasaan dan Pemantauan Undang-undang Perhutanan Asia Timur (EA-FLEG) pada 2006, kerjasama ASEAN dalam membanteras pembalakan dan perdagangan haram hasil hutan telah diperkukuh dan diinstitusikan. Ia telah berkembang menjadi satu mekanisme serantau yang melibatkan kerajaan, perniagaan, masyarakat sivil dan rakan-rakan global ASEAN yang lain.

Dalam mematuhi kehendak laporan perhutanan antarabangsa ke arah pencapaian pengurusan hutan mapan, ASEAN telah mengguna pakai standard berikut pada 2007:

- Kriteria dan Indikator ASEAN bagi Pengurusan Mapan Hutan Tropika;

- Format Pemantauan, Penilaian dan Laporan bagi Pengurusan Hutan Mapan di ASEAN; dan

- Panduan untuk Pelaksanaan Panel Antara Kerajaan bagi Perhutanan/Forum Antara Kerajaan bagi Usul Tindakan mengenai Perhutanan ASEAN.

Kesihatan Haiwan

Langkah-langkah sedang dilaksanakan selaras dengan Rangka Kerja Serantau ASEAN bagi Pengawalan dan Penghapusan *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) (2006-2008). Ini termasuklah:

- pengukuhan usaha sama dengan agensi antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia (ADB), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Dunia (OIE);

- penubuhan sistem pemantauan dan amaran terhadap penyakit;

- perkongsian maklumat bagi meningkatkan kesedaran awam; dan

- penggubalan satu pelan kesediaan menghadapi kecemasan.

ASEAN juga telah bersetuju menubuhkan Rangkaian ASEAN bagi Pusat Kesihatan Haiwan Akuatik (ANAAHC) antara agensi-agensi dan makmal-makmal kesihatan haiwan akuatik kebangsaan untuk membangunkan keupayaan diagnostik dan persijilan Negara Anggota ASEAN untuk mengeksport haiwan akuatik hidup.

Menyedari pentingnya isu-isu berkaitan perdagangan dalam aktiviti kerjasama, negara-negara ASEAN Campur Tiga akan terus mengukuhkan fasilitasi perdagangan dan akses pasaran di masa hadapan.

Pengangkutan

Jaringan pengangkutan yang cekap, selamat dan bersepadu dalam ASEAN adalah penting bagi merealisasikan sepenuhnya potensi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN. Ia juga penting dalam memperkuat daya tarikannya sebagai pusat pengeluaran, destinasi pelancongan dan

pelaburan tunggal serta untuk merapatkan jurang pembangunan di kalangan Negara Anggota.

Langkah-langkah serta tindakan telah diambil bagi mempertingkatkan kerjasama serantau dalam mengukuhkan sektor perkhidmatan pengangkutan dan logistik, mempermudah integrasi pengangkutan dan pelancongan, mempromosi hubungan infrastruktur bagi pengangkutan multi-modal serta memperluas peluang-peluang liberalisasi dalam sektor pengangkutan udara, maritim dan darat.

Pelan Hala Tuju ASEAN bagi Pengangkutan Maritim yang Bersepadu dan Kompetitif telah dipersetujui semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) yang Ke-13 pada 1 November 2007. Ia bertujuan untuk mempromosi dan mengukuh perkhidmatan pengangkutan maritim intra-ASEAN melalui pembentukan rangka kerja bagi pembangunan liberalisasi persekitaran yang progresif, penyelarasan standard serta membangunkan kapasiti sumber manusia dan institusi.

Selaras dengan Pelan Hala Tuju ASEAN bagi Integrasi Sektor Perjalanan Udara (RIATS), Negara Anggota ASEAN telah menyatakan komitmen terhadap liberalisasi perkhidmatan udara di ASEAN. Sehubungan itu, Negara Anggota ASEAN telah bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Pelbagai Hala ASEAN dalam Liberalisasi Penuh Perkhidmatan Pengangkutan Udara dan Perjanjian Pelbagai Hala bagi Perkhidmatan Pengangkutan Udara, termasuk Protokol Pelaksanaan masing-masing, agar dapat dilaksanakan menjelang Disember 2008.

Menteri-menteri Pengangkutan bagi Negara-negara Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) telah menandatangani dua memorandum persefahaman pada 2007, iaitu Memorandum Persefahaman dalam Penubuhan dan Mempromosi Hubungan Melalui Laut yang Cekap dan Bersepadu serta Memorandum Persefahaman mengenai Pergerakan Lintas Sempadan bagi Bas dan Kenderaan Komersil. Kedua-dua memorandum ini menandakan kemajuan yang ketara dalam pembangunan rangkaian pengangkutan di rantau BIMP-EAGA dan kepada integrasi ASEAN.

Kewangan

Di bawah Pelan Hala Tuju '*Financial and Monetary Integration of ASEAN*', pelbagai kemajuan telah dicapai dalam pembangunan pasaran modal, liberalisasi perkhidmatan kewangan, liberalisasi akaun modal dan kerjasama mata wang.

Bagi membangunkan pasaran modal, Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan satu portal bon ASEAN yang akan menjadi platform maklumat pusat mengenai pasaran-pasaran bon di ASEAN. Ini merupakan langkah permulaan ke arah memperkukuh hubungan pasaran bon, memandangkan semakin banyak pasaran bon ASEAN melaksanakan platform perdagangan e-bon. Mekanisme dialog antara peserta-peserta penting pasaran akan turut diperkukuhkan sebagai usaha mengikuti perkembangan pasaran modal dan memastikan pasaran ASEAN terus responsif kepada keperluan-keperluan pengeluar, pelabur dan perantara kewangan.

Aktiviti-aktiviti liberalisasi akaun modal meliputi pengukuhan program bina upaya dan pertukaran pendapat serta pengalaman oleh Negara Anggota mengenai liberalisasi akaun modal. Selain itu, Pelan Hala Tuju Liberalisasi Akaun Modal juga telah dikaji semula supaya konsisten dengan jadual masa penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015.

Bagi kerjasama insurans, ASEAN telah meningkatkan usaha memperbaiki maklumat yang disalur kepada ASEAN *Unified Form of Statistics* dan mematuhi prinsip-prinsip asas International Association of Insurance Supervisors (IAIS). Skim Kad Biru bagi insurans motosikal akan dilaksanakan sebaik sahaja kesemua protokol di bawah ASEAN *Framework Agreement on the Facilitation of Goods in Transit* ditandatangani.

Sesi latihan mengenai pemantauan kewangan dan ekonomi serantau telah dijalankan oleh ADB dengan kerjasama Sekretariat ASEAN antara Ogos-September 2006 dan Februari-Mac

2007 di bawah Proses Pengawasan ASEAN. ADB turut menawarkan bantuan teknikal dan program latihan serantau mengenai Sistem-sistem Amaran Awal sebagai program kerja untuk Kumpulan Kerja Teknikal ASEAN Campur Tiga bagi Pemantauan Ekonomi dan Kewangan.

Malaysia telah mencadangkan penubuhan satu Pasukan Petugas Tertinggi mengenai Mekanisme Pembiayaan Infrastruktur ASEAN (AIFM) dan supaya AIFM menjadi tema utama bagi Seminar Pelaburan Menteri-menteri Kewangan ASEAN yang dijadual diadakan pada September 2008. Tujuan AIFM adalah untuk mengurangkan kos keseluruhan pembiayaan infrastruktur melalui penyatuan kadar faedah dana awam dan swasta.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

ASEAN telah menandatangani 'Deklarasi Siem Reap bagi Meningkatkan Akses Universal Perkhidmatan ICT di ASEAN'. Deklarasi ini menggariskan tindakan dan langkah-langkah bagi memastikan komuniti luar bandar dan kawasan pedalaman mampu mendapat akses perkhidmatan ICT sama rata serta turut mempromosi tanggungjawab sosial pihak berkepentingan yang releven di dalam masyarakat bermaklumat.

Dana ICT ASEAN yang telah ditubuhkan pada 2005, terus maju dengan sumbangan tahunan yang kedua daripada Negara-negara Anggota. Penyaluran pertama dana tersebut telah dipersetujui untuk menyokong pelaksanaan 11 projek dan inisiatif utama dalam struktur informasi ASEAN, e-dagang dan fasilitasi perdagangan, e-masyarakat dan bina upaya ICT, akses universal, jurang digital dan e-kerajaan. ASEAN Computer Emergency Response Teams (CERTs) telah melaksanakan ASEAN Cybersecurity Incidence Drills (ACID II) pada Julai 2007 yang melibatkan penyertaan Rakan Dialog ASEAN seperti Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, India, Jepun dan Republik Korea.

Komitmen dan sokongan berterusan daripada Rakan Dialog ASEAN seperti Jepun, Republik Rakyat China, Republik Korea dan India telah meningkat keupayaan industri ICT, mengurangkan jurang digital dan mempromosi polisi serta amalan ICT untuk mewujudkan masyarakat berasas pengetahuan. Dalam 2007, ASEAN dengan kerjasama Rakan Dialog telah mempersetujui:

- Pelan Kerja ASEAN-China bagi 2007-2008 yang meliputi kerjasama dalam komunikasi luar bandar, keselamatan rangkaian, pembangunan sumber manusia, bina upaya dan standard bagi komunikasi.

- perlanjutan Memorandum Persefahaman bagi Kerjasama ICT ASEAN-China untuk tempoh 2007-2012; dan

- Pelan Kerja ICT ASEAN-Jepun bagi 2007-2009 untuk menangani isu-isu penting menubuhkan Masyarakat Bermaklumat di ASEAN.

Pelancongan

Pada 2007, ASEAN telah mencatatkan peningkatan melebihi 8 peratus jumlah ketibaan pelancong, menjadikan jumlahnya melebihi 60 juta pelancong berbanding 56 juta pada 2006. Pelancong intra-ASEAN kekal sebagai penyumbang utama iaitu 43 peratus daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong. Sebagai sektor keutamaan, Pelan Hala Tuju bagi Integrasi Pelancongan telah dipercepatkan bagi memperkukuh daya tarikan ASEAN sebagai destinasi tunggal.

Forum Pelaburan Pelancongan ASEAN (AITF) Kedua yang diadakan pada 21-22 September 2007 di Bali, Indonesia telah mencadangkan supaya ASEAN mempromosi pelancongan pelbagai negara dengan fokus kepada pelancongan kluster serta koridor kebudayaan berdasarkan persamaan warisan, sejarah dan kebudayaan.

Inisiatif-inisiatif yang diadakan bagi meningkat bina upaya di dalam sektor pelancongan merangkumi Peraturan Pengiktirafan Bersama bagi Profesional Pelancongan antara Negara-negara Anggota ASEAN, Bina Upaya bagi Pelancongan ASEAN dan Pembangunan Projek-projek Kurikulum Umum Pelancongan ASEAN telah dimuktamad. MRA tersebut akan dilaksanakan pada Disember 2008. Ini

akan memudahcara pergerakan profesional pelancongan di rantau ini.

Bagi mempromosi pelancongan kapal persiaran, Kumpulan Kerja ASEAN bagi Pelancongan Kapal Persiaran telah menyertai beberapa acara di peringkat antarabangsa seperti pelancaran laman web ASEAN Cruise di Seatrade, Miami pada Mac 2007 dan *The People's Republic of China International Travel Mart* 2007 di Kunming. Skop pelancongan kapal persiaran juga telah dikembang meliputi persiaran sungai serantau oleh Kumpulan Kerja tersebut.

Kerjasama antara pelancongan dan pengangkutan adalah penting bagi memudahcara pergerakan pelancong di rantau ini. Penyempurnaan Perjanjian Pelbagaihala bagi Perkhidmatan Udara ASEAN akan meningkatkan pelancongan ke rantau ASEAN dan intra-ASEAN. Menteri-menteri Pelancongan ASEAN telah mempersetujui Pelan Hala Tuju bagi Integrasi Sektor Pengangkutan Udara diperluas dalam melaksana dasar open skies pada 2015 sebagai sebahagian daripada Pasaran Tunggal Pengangkutan Udara ASEAN.

LANGKAH PEMUDAHAN

Standard

Pada 2007, usaha telah digiatkan bagi menamatkan Garis Panduan untuk Peraturan Asas bagi Tanda Pematuhan ASEAN serta Perjanjian Penggunaan Tanda Pematuhan ASEAN. Tindakan juga sedang diambil oleh ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality untuk menggubal garis panduan Amalan Pelaksanaan Peraturan Baik.

Sejak termeterai MRA Elektrikal dan Elektronik ASEAN (ASEAN EE MRA) oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada April 2003, semua Negara Anggota ASEAN telah membuat notifikasi mengenai penglibatan dalam pengiktirafan laporan ujian dan lapan negara telahpun menerima taraf pensijilan. Pada masa ini, terdapat satu Badan Pensijilan dan 13 Makmal Ujian yang tersenarai di dalam ASEAN EE MRA.

Satu Pelan Tindakan lima tahun telah diwujudkan bagi melaksana Perjanjian Rejim Kawal Selia Peralatan Elektrik dan Elektronik ASEAN yang telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 9 Disember 2005 di Kuala Lumpur. Di samping itu, 98 standard teknikal dalam sektor elektrik telah dikenal pasti untuk diseragam pada 2008.

Dalam bidang kosmetik, garis panduan teknikal bagi menyokong pelaksanaan Perjanjian Skim Kawal Selia Kosmetik Seragam ASEAN telah diwujudkan. Ia merangkumi:

- lapan kaedah ujian seragam;
- 14 modul latihan bagi Amalan Perkilangan Baik Kosmetik ASEAN;
- modul latihan bagi keselamatan dan keberkesanan produk;
- garis panduan penilaian keselamatan;
- Templat Pemberitahuan dan Garis Panduan Pemberitahuan;
- Garis Panduan Tuntutan;
- Fail Maklumat Produk; dan
- Sistem Amaran Serantau bagi Produk Kosmetik yang Tidak Selamat.

Dosir Teknikal Umum ASEAN (ACTD) merangkumi maklumat pentadbiran, kualiti, keselamatan serta keberkesanan dan Keperluan Umum Teknikal ASEAN (ATCRs) yang meliputi kualiti, keselamatan dan keberkesanan telah dibangunkan untuk sektor farmaseutikal supaya dilaksana menjelang penghujung 2008. Penyeragaman bagi keperluan meletak tanda untuk sektor farmaseutikal juga telah disiapkan. Satu MRA sektoral mengenai Pemeriksaan Amalan Pengeluaran Baik (GMP) juga sedang dibangunkan dan dijangka akan dipersetujui oleh Menteri-menteri pada penghujung 2008.

ASEAN Common Submission Dossier Template (ACSDT) for Medical Devices telah dibangunkan dan pelaksanaan perintis bagi ACSDT ini sedang berjalan.

MRA bagi *Bioavailability* dan *Bioequivalence* juga sedang dikaji. Sehingga kini, Sistem Amaran Pasca Pemasaran (PMA) bagi produk farmaseutikal serantau yang rosak dan tidak selamat telah dipersetujui bagi meningkat kerjasama antara pihak berkuasa kawal selia farmaseutikal ASEAN.

Dalam bidang Perubatan Tradisional dan Makanan Kesihatan Tambahan, penyeragaman definisi dan terminologi perubatan tradisional telah disempurnakan. Selain itu, penyeragaman bagi Makanan Kesihatan Tambahan sedang dijalankan.

Garis panduan bagi penyiasatan import-eksport dan sistem pensijilan yang seragam bagi makanan teriradiasi, diperkuat dan organik sedang dibangunkan. Garis panduan tersebut berasas kepada pelbagai aspek seperti keselamatan makanan, pelabelan, pendaftaran, halal dan juga keperluan spesifik bagi penilaian organisme yang diubahsuai secara genetik (GMO), keperluan siasatan di lokasi, kuarantin dan pengesanan.

Langkah-langkah juga diambil bagi memantau pelaksanaan Keperluan Umum Kawalan Makanan ASEAN yang merangkumi:

- Prinsip Umum ASEAN bagi Sistem Kawalan Makanan;
- Prinsip dan Keperluan Umum ASEAN bagi Pelabelan Makanan Sedia Bungkus; dan
- Prinsip dan Keperluan Umum ASEAN bagi Kebersihan Makanan.

Satu senarai produk bagi barang makanan siap, termasuk produk berisiko rendah telah diwujudkan untuk tujuan penyeragaman di antara Negara-negara Anggota ASEAN.

Kastam

Dalam bidang kerjasama Kastam, usaha-usaha telah diambil bagi melaksanakan langkah-langkah yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pembangunan Kastam 2005-2010. Tumpuan spesifik telah diberi kepada pelaksanaan AHTN 2007 dan juga pemodenan teknik-teknik Kastam bagi fasilitasi perdagangan dalam 2007.

ASEAN telah memuktamadkan dan mempersetujui Corrigendum AHTN 2007/1 serta Nota Tambahan 2007/1. Beberapa Negara Anggota ASEAN, termasuk Kemboja, Indonesia, Myanmar, Filipina dan Thailand telah mengguna pakai AHTN 2007. Negara-negara ini turut menggunakan AHTN bagi perdagangan luar dan dalaman ASEAN mereka. Malaysia telah mewartakan untuk melaksanakan AHTN pada April 2008.

Tindakan-tindakan juga diambil pada 2007 untuk mempermudah dan menyeragam prosedur kastam serta untuk mengguna pakai langkah-langkah fasilitasi perdagangan bagi rantaian bekalan bersepadu ASEAN. Di antaranya termasuk pembangunan prosedur kastam mengenai pra-ketibaan dan advance ruling (klasifikasi tarif, pentaksiran kastam dan penentuan tempasal). Pelaksanaan Model Pemprosesan Kargo ASEAN juga telah mencapai kemajuan yang substantif.

Usaha-usaha masih diteruskan oleh Pentadbiran Kastam ASEAN ke arah penyeragaman bagi parameter maklumat, format data dan proses perniagaan. Pentadbiran Kastam serantau juga meneruskan penggunaan ICT dalam pemprosesan pelepasan kastam serta penubuhan e-Kastam. Sebahagian besar Pentadbiran Kastam ASEAN kini mempunyai sistem berkomputer Kastam untuk mengendalikan pelepasan kargo serta pengawalan Kastam.

KERJASAMA DALAM RANTAU ASEAN

Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand

Pada Januari 2007, inisiatif kerjasama sub-wilayah Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) telah mempersetujui satu Pelan Hala Tuju baru yang memfokus semula inisiatif-inisiatif kerjasama sepanjang 2007-2011. Pelan Hala Tuju IMT-GT mengenal pasti empat koridor rangkaian ekonomi (ECC) sebagai teras untuk memperkukuh rangkaian serantau untuk menyokong peningkatan perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Ini adalah:

- Koridor Ekonomi Songkhla-Pulau Pinang-Medan yang diperluas;

- Koridor Ekonomi Selat Melaka;
- Koridor Ekonomi Banda Acheh-Medan-Pekanbaru-Palembang; dan
- Koridor Ekonomi Melaka-Dumai.

Pendekatan menerusi penubuhan koridor ekonomi telah dikenal pasti sebagai strategi teras dalam mempertingkatkan pembangunan IMT-GT. Justeru, pembangunan koridor-koridor ekonomi tersebut telah diisytiharkan sebagai Projek Flagship IMT-GT.

Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan pada 2007 untuk mempromosi pembangunan sub-wilayah di bawah IMT-GT termasuk Ekspo dan Persidangan EKS IMT-GT dari 5-9 Disember 2007 di Pulau Pinang. Ia telah dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Malaysia. Sejumlah 96 syarikat dari ketiga-tiga negara berkenaan telah mengambil bahagian dalam Ekspo tersebut. Satu Persidangan EKS di mana pakar-pakar membentangkan kertas kerja mengenai peluang dan langkah yang boleh mengukuh perniagaan EKS turut dijalankan. Sesi pemadanan perniagaan juga telah diadakan semasa Persidangan tersebut.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan:

- pelancaran Tahun Melawat IMT-GT 2008 dan penganjuran Pesta Pelancongan Antarabangsa IMT-GT di Haadyai, Thailand;
- Seminar Perdagangan dan Pelaburan Industri Pertanian dan Asas Tani di Medan, Indonesia pada November 2007;
- Ekspo dan Seminar IMT-GT Mengenai Perikanan di Batam, Indonesia pada November 2007;
- Ekspo Halal IMT-GT pada 23-25 Februari 2007 di Wilayah Krabi, Thailand;
- Bengkel mengenai Penambahbaikan Mekanisme Penyampaian IMT-GT di Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan masing-masing pada 10 Disember 2007 dan 21 Januari 2008.

Satu lagi pencapaian yang penting adalah penubuhan Pusat Kerjasama Sub-wilayah IMT-GT dalam 2007 sebagai sekretariat yang menyelaras inisiatif-inisiatif IMT-GT yang berlokasi di Selangor, Malaysia.

Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina

Kemajuan signifikan dalam pembangunan sub-wilayah BIMP-EAGA adalah termeterainya Memorandum Peluasan Hubungan Udara pada Januari 2007. Memorandum tersebut merupakan satu perkembangan penting bagi rantau ASEAN, yang antara lain memperuntukkan pemberian hak kebebasan lalu lintas kelima (FFTR) kepada tujuh lapangan terbang dalam EAGA. Sehubungan itu, tambahan lima lapangan terbang di bawah FFTR telah diumumkan oleh Menteri-menteri Pengangkutan IMT-GT. Bagi Malaysia, FFTR tersebut adalah Kota Kinabalu, Sabah; Kuching dan Miri di Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Penerbangan Kuching-Bandar Seri Begawan telah mula beroperasi mulai 1 Disember 2007.

Dua perjanjian pengangkutan lain turut ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan sewaktu Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN di Singapura pada 2 November 2007. Perjanjian pertama adalah untuk mewujud dan mempromosi laluan laut yang efisien dan bersepadu serta 33 buah pelabuhan terpilih sebagai gerbang laluan BIMP-EAGA. Antara lain, perjanjian tersebut juga memperuntukkan:

- pelaksanaan langkah-langkah bersama untuk mempromosi dan menyokong perdagangan dan pelancongan maritim intra-ASEAN;
- pemudahcara kemasukan operator perkapalan dan pelabur; dan
- pemberian hak-hak eksklusif sementara bagi perkhidmatan perintis perkapalan.

Perjanjian kedua adalah mengenai pergerakan lintas sempadan bagi bas dan pengangkutan perdagangan yang merangkumi pengangkutan penumpang di antara wilayah-wilayah Negara Anggota dan di dalam transit melalui wilayah

Negara Anggota yang lain. Fasa permulaan pelaksanaan perjanjian ini akan dijalankan bagi Pulau Borneo.

Inisiatif-initiatif sejajar telah bermula bagi memastikan pergerakan barangan dan manusia yang cekap merentasi sempadan EAGA. Pintu masuk rakan utama telah dipilih, iaitu:

(i) Sandakan, Malaysia-Zamboanga, Filipina;

(ii) Labuan, Malaysia-Muara, Brunei;

(iii) Tebedu, Malaysia-Entikong, Indonesia; dan

(iv) General Santos, Filipina-Bitung, Indonesia.

Pada 2007, Konsortium Operator Pelancongan dan Agen Pelancongan BIMP-EAGA telah ditubuhkan untuk memudahkan pembangunan pakej-pakej pelancongan dan lawatan ke wilayah EAGA ini. Kejayaan pelaksanaan '*Third BIMP-EAGA Travel Exchange*' (Travex) merupakan kemuncak kepada aktiviti sektor pelancongan pada 2007. Empat Negara Anggota Forum Pertubuhan Pelancongan Asia Timur iaitu Republik Korea, Republik Rakyat China, Australia dan Jepun telah mengambil bahagian dalam program tersebut. Travex juga merupakan acara di mana brosur dan bahan-bahan promosi pelancongan serta video pelancongan BIMP-EAGA telah dilancarkan.

Pembangunan rantaian nilai sub-wilayah ini telah diusahakan bagi komoditi-komoditi utama BIMP-EAGA iaitu kelapa sawit, rumpai laut dan makanan halal. Satu siri konsultasi dan dialog antara semua pihak berkepentingan telah diadakan untuk mempromosi pembelian-pembelian oleh pengusaha-pengusaha swasta dalam mewujudkan rantaian nilai berkenaan. Sebagaimana diarah oleh Sidang Kemuncak Ketiga BIMP-EAGA, satu kajian awal untuk meneroka kemungkinan mewujudkan dana pembangunan sektor swasta telah dimulakan dengan bantuan daripada ADB.

Pelan Tindakan Sektor Tenaga BIMP-EAGA yang menyaran kepada pembangunan dan implementasi berperingkat bagi projek-projek utama tenaga adalah konsisten dan saling melengkapi pelan tindakan tenaga ASEAN. Pelan ini merangkumi pembangunan tenaga konvensional dan tenaga yang boleh diperbaharui. Pembiayaan kajian kemungkinan projek penyambungan tenaga antara Kalimantan Barat dan Sarawak telah diperolehi dan dijangka akan bermula sebelum akhir 2008. Antara lain, kajian berkenaan akan meneliti parameter-parameter yang boleh diguna pakai untuk perdagangan tenaga dan akan memudahkan proses merangka perjanjian pembelian tenaga antara Kalimantan Barat, Indonesia dan Sarawak, Malaysia.

Dua inisiatif baru telah diterapkan oleh BIMP-EAGA pada 2007 untuk mempertingkatkan pelaksanaan pembangunan pelan hala tuju dan untuk menggalakkan pergerakan lintas sempadan bagi manusia, barangan, perkhidmatan dan maklumat. Inisiatif pertama adalah menerima pakai konsep koridor ekonomi. Dua koridor ekonomi telah dikenal pasti untuk keutamaan pembangunan:

- Koridor Ekonomi Borneo Barat yang meliputi Kalimantan Barat di Indonesia, Sarawak, Sabah dan Labuan di Malaysia; dan

- Koridor Sulu Besar-Sulawesi.

Inisiatif kedua adalah Program Alam Sekitar Wilayah (REP) BIMP-EAGA yang bertujuan untuk menyokong keberkesanan pengurusan dan pembangunan mapan sumber-sumber bersama hutan dan marin. Fokus REP adalah 'Heart of Borneo' dan lautan Sulu-Sulawesi.

Pada 2008, kerajaan-kerajaan BIMP-EAGA akan menjalankan Kajian Separuh Penggal bagi Pelan Hala Tuju Pembangunan BIMP-EAGA (2006-2010). Langkah-langkah khusus akan diambil untuk melaksanakan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN untuk Fasilitasi Barangan Dalam Transit di wilayah BIMP-EAGA menjelang 2008.

Kerjasama Pembangunan ASEAN-Lembangan Mekong

Mesyuarat Kesembilan Menteri-menteri bagi Kerjasama Pembangunan ASEAN-Lembangan Mekong (AMBDC) telah diadakan pada 27 Ogos 2007 di Manila, Filipina. Memandangkan pembiayaan tetap menjadi

halangan, satu inisiatif untuk mengkordinasi, menyelaras, dan mensinergi peluang-peluang pembiayaan dengan badan sektoral ASEAN yang releven di mana, projek-projek AMBDC boleh dilaksanakan bersama dengan projek-projek berpotensi yang berkaitan, telah dipertimbangkan.

Malaysia telah menganjurkan program latihan '*Human Resource Development Remote Sensing and Geographic Information System for Forestry Personnel for CLMV*' pada 13-24 Ogos 2007 di Kuala Lumpur dengan pembiayaan ASEAN Foundation. Malaysia juga telah mencadangkan untuk menganjurkan kursus '*Training in Database Management for Hydrogeologists*' di Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam pada 2009.

Kemajuan pembangunan projek Landasan Keretapi Singapura-Kunming (SKRL) adalah memuaskan. Beberapa kajian kemungkinan telah dibuat dan Negara Anggota adalah dalam proses memperolehi pembiayaan bagi memulakan pembinaan rangkaian yang belum dibina (*missing links*). Mesyuarat Kumpulan Kerja Khas SKRL Kesembilan pada 19 Oktober 2007 di Singapura telah bersetuju supaya Malaysia menganjurkan satu Persidangan SKRL dan Seminar Pelaburan. Seminar tersebut akan diadakan semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja Khas SKRL Ke-10 pada 2008. Malaysia adalah pengerusi tetap bagi Kumpulan Kerja Khas SKRL tersebut.

HUBUNGAN SERANTAU DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOG

ASEAN Campur Tiga

Tahun 2007 menandakan Ulang Tahun Ke-10 kerjasama ASEAN Campur Tiga (APT). Ketua-ketua Negara APT, semasa Sidang Kemuncak APT Ke-11 di Singapura telah menekankan bahawa APT mempunyai peranan yang penting dalam rekabentuk serantau yang sedang berkembang dan akan terus menyokong usaha-usaha integrasi dan pembangunan masyarakat ASEAN. Bagi memperkukuhkan lagi kerjasama APT, Sidang Kemuncak tersebut juga telah meluluskan dua dokumen utama, iaitu Kenyataan Bersama Kedua mengenai Kerjasama Asia Timur dan Pelan Kerja Kerjasama APT (2007-2017).

Pelan Kerja Kerjasama APT ini telah digubal sebagai pelan induk bagi memantapkan hubungan dan kerjasama APT secara menyeluruh dan memberikan faedah bersama dalam semua bidang bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Bagi memudahkan pelaksanaan projek-projek kerjasama dan Pelan Kerja tersebut, Ketua-ketua Negara APT turut meluluskan cadangan penubuhan segera Dana Kerjasama APT.

Kajian fasa kedua mengenai penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur yang melibatkan negara-negara APT sedang dimuktamadkan. Di peringkat sektor swasta, langkah-langkah telah diambil bagi mengukuhkan Majlis Perniagaan Asia Timur. Majlis berkenaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan urusetia tetap supaya dapat menyelaras aktiviti-aktiviti sektor swasta dengan lebih berkesan. Malaysia telah menawarkan diri untuk menempatkan urusetia tetap tersebut di Kuala Lumpur.

Sidang Kemuncak Asia Timur

Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ketiga yang diadakan pada 21 November 2007 meneruskan perbincangan mengenai isu-isu strategik rantau Asia Timur, khususnya mengenai tenaga, alam sekitar, perubahan cuaca, pembangunan mapan serta hala tuju rantau Asia Timur di masa hadapan.

Dengan termeterai Deklarasi Cebu mengenai Keselamatan Tenaga Asia Timur pada Januari 2007, Menteri-menteri Tenaga Asia Timur telah bersidang buat kali pertama pada 22 September 2007 dan mengusulkan bidang-bidang kerjasama tenaga di masa hadapan untuk meliputi:

- formulasi objektif dan pelan tindakan tenaga yang efisien;
- pengukuhan kerjasama dalam bidang biobahan api (*biofuel*) serantau, termasuk formulasi prinsip-prinsip bagi biobahan api serta menyokong kerjasama dalam pembangunan penandaaras rujukan bagi biobahan api; dan
- promosi integrasi pasaran tenaga.

Bagi memperkukuh kerjasama sektor tenaga serantau, ASEAN akan mengkaji bidang-bidang lain seperti;

- menggalak penggunaan teknologi mesra alam dan berkarbon rendah;
- meningkat penyelidikan dan pembangunan untuk menggalak pemindahan teknologi;
- menyedia bantuan teknikal dan kewangan serta meningkatkan pelaksanaan mekanisme pembangunan bersih; dan
- membangun mekanisme perdagangan karbon.

Sidang Kemuncak juga bersetuju untuk menubuhkan Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA). Institut ini ditempatkan secara sementara di Sekretariat ASEAN semasa butiran mengenai lokasi tetapnya diputuskan.

Ketua-ketua Negara juga mengalu-alukan cadangan Jepun untuk mewujudkan satu inisiatif kerjasama alam sekitar 'Ke Arah Asia Timur yang Mapan', dengan sumbangan melebihi AS$2 bilion bagi tempoh lima tahun akan datang untuk melaksanakan langkah-langkah anti pencemaran dan beberapa cadangan utama.

Kajian kemungkinan mengenai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif masih dijalankan untuk mengenal pasti usaha-usaha untuk mengeratkan lagi kerjasama ekonomi antara ASEAN dengan negara-negara Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand.

ASEAN-China

Kemajuan yang baik telah dicapai dalam peningkatan hubungan ekonomi ASEAN-China terutamanya dalam bidang perdagangan, pertanian, pengangkutan dan pelancongan serta dalam pembangunan sub-serantau BIMP-EAGA. Pelaksanaan FTA ASEAN-China bagi Barangan telah membawa kepada peningkatan perdagangan dua hala di antara ASEAN dan Republik Rakyat China kepada AS$160.8 billion pada 2006 dari AS$130.4 billion pada 2005.

Untuk memantapkan hubungan perdagangan di antara sektor swasta, Republik Rakyat China telah menganjurkan Ekspo ASEAN-China Keempat di Nanning pada Oktober 2007. Sejumlah 128 syarikat Malaysia serta agensi kerajaan menyertai pameran tahunan tersebut dan melalui penyertaan mereka, syarikat-syarikat ini mengambil peluang di bawah FTA ASEAN-China untuk mengembangkan pasaran bagi produk mereka di Republik Rakyat China. Selain daripada pameran tersebut, aktiviti lain yang diadakan termasuk Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-China, Forum Pembangunan Pelabuhan ASEAN-China dan Forum Kerjasama Perhutanan ASEAN-China.

Untuk meningkatkan perdagangan dalam sektor perkhidmatan, ASEAN dan Republik Rakyat China telah melaksana Pakej Komitmen Pertama pada Julai 2007. Tawaran komitmen Malaysia meliputi sektor telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, pendidikan, kesihatan dan pelancongan. Sektor yang ditawarkan oleh Republik Rakyat China ialah pengkomputeran dan perkhidmatan berkaitan komputer, pembinaan, pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan perkhidmatan alam sekitar. Rundingan untuk pakej komitmen kedua bagi sektor perkhidmatan sedang berjalan dan dijangka dimuktamad menjelang 2008.

ASEAN dan Republik Rakyat China sedang berusaha untuk memuktamad rundingan bagi perjanjian dalam bidang pelaburan yang akan melengkapkan perjanjian perdagangan barangan dan perkhidmatan. Tindakan juga sedang diambil untuk memuktamad Memorandum Persefahaman bagi bidang Hak Harta Intelek.

Beberapa memorandum persefahaman atau rangka kerja kerjasama turut dimuktamad pada 2007:

- Memorandum Persefahaman di antara ASEAN dan Republik Rakyat China untuk Meningkatkan Kerjasama dalam bidang Sanitari dan Fitosanitari;

- Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Pertanian, Republik Rakyat China dan Sekretariat ASEAN;

- Pelan Tindakan bagi Pelaksanaan Deklarasi Beijing mengenai Perkongsian Kerjasama ICT untuk Pembangunan Umum; dan

- Rangka Kerja Kerjasama di antara BIMP-EAGA dan Republik Rakyat China.

Beberapa aktiviti turut diadakan bagi meningkatkan kerjasama di antara ASEAN dan Republik Rakyat China. Ini merangkumi:

- Persidangan Menteri-menteri berkenaan Penyeliaan Kualiti, Pemeriksaan dan Undang-undang Kuarantin ASEAN-China;

- Bengkel ICT ASEAN-China dalam bidang Pembangunan Capaian Jalur Lebar dan Aplikasi;

- Pusat Pelancongan Antarabangsa China yang melibatkan negara-negara ASEAN;

- Seminar Kastam ASEAN-China mengenai Rangka Kerja Standard Pertubuhan Kastam Sedunia bagi Memperkukuh dan Memudahcara Perdagangan Global;

- Bengkel Dasar Pengangkutan/Perancangan Strategik ASEAN-China; dan

- Forum Kerjasama Sains dan Teknologi ASEAN-China dalam Pembangunan dan Penggunaan Tenaga Biomas.

ASEAN-Jepun

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan Jepun (AJCEP) telah ditandatangani pada bulan April 2008. Perjanjian AJCEP yang meliputi komitmen mengenai perdagangan barangan, perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi akan memperkukuh hubungan ekonomi ASEAN dan Jepun serta mewujudkan pasaran yang lebih besar dan bermanfaat dengan lebih banyak peluang kepada kedua-dua pihak. AJCEP melengkapi perjanjian-perjanjian perkongsian ekonomi dua hala yang ditandatangani antara Negara-negara Anggota ASEAN secara individu dengan Jepun. Ia merupakan FTA serantau ketiga oleh ASEAN selepas memuktamad perjanjian dengan Republik Rakyat China dan Republik Korea. Jepun telah bersetuju memberi sumbangan sebanyak AS$52 juta untuk projek-projek berkaitan pelaksanaan Perjanjian AJCEP.

Jumlah perdagangan ASEAN dengan Jepun telah meningkat kepada AS$161.8 bilion pada 2006 dari AS$154.6 bilion pada 2005. Pelaburan Jepun di rantau ASEAN meningkat kepada AS$10.8 bilion pada 2006 dari AS$7.2 bilion pada 2005. Jepun juga telah menjalankan satu tinjauan yang melibatkan pelabur-pelabur Jepun di ASEAN bagi mempermudahkan usaha-usaha ASEAN ke arah mewujudkan suasana pelaburan yang dinamik di rantau ini. Perbincangan mengenai keputusan tinjauan ini sedang diadakan dengan pelabur-pelabur Jepun bagi mencadangkan dasar-dasar ke arah mewujudkan satu Suasana Pelaburan Umum ASEAN.

Di bawah 'Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Industri antara Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, (METI) Jepun' (AMEICC), sebanyak 45 projek melibatkan seminar dan bengkel, penghantaran pakar dan latihan pembangunan sumber manusia telah dilaksanakan pada 2007. Aktiviti-aktiviti ini adalah berkaitan dengan bidang-bidang automotif, ICT, EKS, kimia, elektronik pengguna, statistik serta tekstil dan pakaian.

ASEAN-Korea

Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea mula dilaksanakan pada Jun 2007. ASEAN (kecuali Thailand) dan Republik Korea telah melaksanakan komitmen pengurangan dan pemansuhan duti import untuk mewujudkan sebuah kawasan perdagangan bebas menjelang 2010.

Liberalisasi tarif dilaksanakan melalui dua trek, iaitu Trek Biasa dan Trek Sensitif. Di bawah Trek Biasa, Republik Korea telah memansuhkan duti import ke atas 70 peratus produk-produk bermula Jun 2007. Sementara ASEAN sebagai rakan negara membangun

telah mengurangkan duti ke paras 0-5 peratus bagi 50 peratus produk-produk di bawah Trek Biasa.

Pelaksanaan FTA ini memberi dorongan kepada perkembangan perdagangan ASEAN dan Republik Korea yang mencecah AS$52.8 bilion pada 2006. Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN-Korea yang dimeterai pada 21 November 2007 mengesahkan komitmen ASEAN dan Republik Korea ke arah integrasi ekonomi yang lebih kukuh. Di bawah Perjanjian tersebut, ASEAN dan Republik Korea akan saling memberi tawaran liberalisasi sektor perkhidmatan yang lebih tinggi berbanding komitmen di bawah GATS, WTO.

Malaysia telah membuat komitmen liberalisasi dalam sektor perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan berkaitan komputer, telekomunikasi, pembinaan, pengedaran, pendidikan, alam sekitar, kewangan, pelancongan dan pengangkutan. Komitmen liberalisasi termasuk membenarkan Korea menubuhkan kehadiran komersial di Malaysia melalui pemilikan ekuiti yang lebih tinggi.

Republik Korea juga membuat tawaran dalam sektor perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan berkaitan komputer, penyelidikan dan pembangunan, telekomunikasi, pembinaan, pengedaran, pendidikan, alam sekitar, kewangan, pelancongan dan pengangkutan.

Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN-Korea membuka peluang dan akses pasaran yang lebih besar bagi pembekal perkhidmatan Malaysia di Republik Korea. Malaysia dijangka akan mendapat manfaat daripada kerjasama yang dipertingkatkan dalam sektor-sektor yang kompetetif bagi Malaysia dan Republik Korea. Sektor-sektor berkenaan adalah pembinaan, kejuruteraan, maritim dan ICT.

Memorandum Persefahaman Penubuhan Pusat Perdagangan, Pelaburan, Pelancongan dan Kebudayaan ASEAN-Korea telah ditandatangani pada November 2007. Pusat tersebut akan berperanan penting dalam mengeratkan kerjasama terutamanya kerjasama ekonomi selaras dengan objektif Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Korea.

Sebahagian daripada inisiatif FTA tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2007, iaitu:

- Program Bina Upaya mengenai Rundingan FTA;
- Program Latihan Eksekutif bagi EKS ASEAN;
- Jaringan Kerjasama EKS ASEAN-Korea;
- Lawatan ke Republik Korea oleh Pegawai-pegawai alam sekitar ASEAN; dan
- Bengkel mengenai Fasilitasi Perkhidmatan Penyiaran Perdagangan dalam Ekonomi Digital.

Sebanyak 10 projek mengenai latihan dan bina upaya telah dikenal pasti untuk pelaksanaan merangkumi bidang sistem pengujian dan pensijilan peralatan teknologi maklumat, harta intelek, pembangunan pewarnaan dan kemasan bagi tekstil, sistem penyampaian khidmat nasihat pertanian, standard dan peraturan teknologi, serta pengurusan pasca penuaian.

ASEAN-India

ASEAN telah mencapai persetujuan mengenai modaliti dalam rundingan FTA Barangan dengan India. Secara keseluruhannya, modaliti tersebut meliputi pemansuhan duti ke atas 71 peratus produk menjelang Disember 2011 dan tambahan sebanyak 9 peratus dari garis tarif menjelang 2015. Kedua-dua pihak turut bersetuju untuk mengurangkan duti sebanyak 5 peratus ke atas anggaran sebanyak 10 peratus produk Trek Sensitif menjelang 2015. Kemboja, Laos, Myanmar, Viet Nam dan Filipina telah diberikan tempoh masa yang lebih panjang untuk mengurang dan memansuh duti yang dikenakan ke atas produk-produk di bawah Trek Biasa dan Trek Sensitif. Untuk menjaga sensitiviti, kedua-dua pihak turut bersetuju untuk mengekalkan Senarai Pengecualian, dengan syarat nilai dagangan bagi produk-produk Senarai tersebut tidak melebihi 5 peratus dari segi jumlah nilai import dari India dan sebaliknya. Proses rundingan FTA ini masih lagi berjalan.

ASEAN-Australia dan New Zealand

Rundingan antara ASEAN, Australia dan New Zealand sedang berlangsung bagi memuktamad perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif meliputi bidang-bidang utama termasuk barangan, perkhidmatan, pelaburan, standard dan pematuhan, sanitari dan fitosanitari serta prosedur kastam, selain daripada kerjasama ekonomi.

Australia dan New Zealand telah menganjurkan beberapa bengkel dan seminar semasa proses rundingan untuk meningkatkan kefahaman bagi isu-isu berkaitan rundingan yang meliputi:

- Seminar Perkhidmatan;
- Bengkel Syarat Tempasal;
- Bengkel Hak Harta Intelek;
- Bengkel Pelaburan;
- Bengkel Dasar Persaingan dan Perdagangan;
- Bengkel *Advance Ruling;*
- Bengkel *Two Annex Approach to Scheduling Reservation;*
- Bengkel Analisa Tarif dan Data Perdagangan; dan
- Bengkel Mini mengenai *Wellington Approach* dalam Penjadualan *Reservations*.

ASEAN-Kesatuan Eropah

Rundingan FTA ASEAN-EU telah dilancarkan secara rasmi oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Pesuruhjaya Perdagangan Kesatuan Eropah pada 4 Mei 2007. Ia telah dipersetujui bahawa rundingan ini akan menggunakan pendekatan region-to-region dengan mengambil kira tahap pembangunan dan kapasiti antara Negara Anggota ASEAN secara individu. Satu Jawatankuasa Bersama telah ditubuhkan bagi membincangkan butiran mengenai modaliti, program kerja dan jadual masa rundingan berkenaan.

Kesatuan Eropah meneruskan pelaksanakan beberapa aktiviti kerjasama di bawah pelbagai inisiatif ASEAN-EU, termasuk:

- Inisiatif Perdagangan Rentas Rantau ASEAN-EU (TREATI);
- Program Kerjasama Serantau ASEAN-EU mengenai Standard, Kualiti dan Penilaian Pematuhan;
- Program Kerjasama Tenaga ASEAN-Suruhanjaya Eropah/Kemudahan Tenaga EU-ASEAN (EURASEF); dan
- Program Kerjasama Hak Harta Intelek ASEAN-Suruhanjaya Eropah (ECAP II).

Kesatuan Eropah telah memperkenalkan *Instrument for Development Cooperation* (DCI) for Asia bagi membiayai inisiatif-inisiatif kerjasama tersebut termasuk TREATI yang meliputi tempoh 2007-2013.

ASEAN-Amerika Syarikat

Hubungan ASEAN-AS terus diperkukuh dalam konteks Peraturan Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-AS (TIFA) yang ditandatangani pada 25 Ogos 2006. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan dalam tahun 2007 termasuk satu tinjauan mengenai kesediaan Negara Anggota ASEAN untuk melaksanakan *ASEAN Single Window* (ASW) dan masalah yang dihadapi dalam merangka langkah yang sesuai yang boleh diambil dalam melaksanakan ASW.

Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Haiwan dan Tumbuh-tumbuhan (APHIS) di bawah Jabatan Pertanian Amerika Syarikat turut menganjurkan satu seminar mengenai kuarantin dan teriradiasi tumbuh-tumbuhan. Seminar ini bertujuan memberi sokongan kepada Negara Anggota ASEAN yang mencari peluang pasaran baru untuk mengeksport buah-buahan tropika ke Amerika Syarikat. APHIS juga telah menandatangani *Framework Equivalency*

Work Plans (FEWPs) dengan Laos, Malaysia, Filipina dan Viet Nam.

Inisiatif lain yang dilaksanakan di bawah TIFA termasuklah pembangunan laman web bagi suasana pelaburan serantau, pangkalan data untuk sektor perkhidmatan ASEAN serta pengumpulan maklumat mengenai halangan-halangan terhadap perdagangan perkhidmatan.

Bagi mengukuhkan kerjasama antara sektor awam dan swasta, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan Perbincangan Meja Bulat Sektor Swasta ASEAN dan Amerika Syarikat bersempena Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang akan diadakan pada Ogos 2008 di Singapura.

PROSPEK

Banyak kemajuan telah dicapai oleh ASEAN dalam usahanya mempromosi integrasi ekonomi serantau. Penekanan pada 2008 dan tahun-tahun akan datang adalah untuk melaksana komitmen-komitmen yang telah dibuat dalam Pelan Tindakan AEC dan jadual strategiknya dalam jangka masa yang disasarkan, dan pada masa yang sama, ASEAN terus mengukuhkan hubungan dengan rakan-rakan dialognya. Adalah kritikal bagi ASEAN merealisasi wawasan untuk membentuk kawasan perdagangan bebas untuk barangan, perkhidmatan dan pelaburan dalam mengukuh pertumbuhannya serta terus kekal sebagai destinasi yang menarik bagi FDI.

Kotak 10.1 : Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)

Integrasi ekonomi dalam ASEAN akan terus dipergiatkan dalam tempoh tujuh tahun terdekat untuk mencapai matlamat penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015. Bagi memastikan integrasi serantau berjalan lancar dan dapat dicapai dalam jangka masa yang dijadualkan, satu Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN telah dirangka.

Deklarasi Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN telah ditandatangani oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura pada 20 November 2007. Ia mengesahkan komitmen kolektif di peringkat tertinggi ASEAN ke arah mempergiat dan memperkukuh integrasi ekonomi serantau.

Pelaksanaan Pelan Tindakan AEC akan memantapkan daya saing dan kekuatan ekonomi rantau ini. AEC merupakan satu daripada tiga tonggak dalam mencapai Komuniti ASEAN yang bersepadu. Dua tonggak yang lain ialah tonggak keselamatan dan sosio-kebudayaan.

Pelan Tindakan AEC merupakan satu dokumen komprehensif yang menggaris tugasan dan komitmen beserta sasaran dan jadual masa yang jelas bagi pelaksanaan oleh Negara Anggota ASEAN, ke arah mencapai pasaran serantau yang sekata dan bersepadu.

Objektif utama Komuniti Ekonomi ASEAN adalah untuk mewujudkan sebuah:

- pasaran dan pusat pengeluaran tunggal melalui aliran dagangan, perkhidmatan, pelaburan, tenaga kerja mahir dan modal yang lebih bebas;
- rantau ekonomi berdaya saing tinggi;
- rantau yang mempunyai pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- rantau berintegrasi penuh dengan ekonomi global.

Untuk mewujudkan satu pasaran dan pusat pengeluaran tunggal, negara-negara ASEAN akan memansuhkan halangan-halangan tarif dan halangan perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan yang lain. Usaha-usaha ini akan dilengkapi oleh aliran modal dan pekerja mahir yang lebih bebas.

Tarif untuk perdagangan intra-ASEAN telah dimansuhkan secara progresif sejak 1993 dan proses tersebut akan disempurnakan menjelang 2010 untuk ASEAN-6 dan 2015 untuk CLMV. Keutamaan di bawah Pelan Tindakan AEC adalah untuk memansuhkan halangan bukan tarif yang terus menyekat perdagangan walaupun tarif telah dimansuhkan.

Liberalisasi perdagangan yang dijalankan telah menguntungkan ASEAN. Perdagangan intra-ASEAN telah mencapai AS$352 bilion, atau 25 peratus daripada jumlah perdagangan keseluruhan ASEAN sementara perdagangan luar ASEAN mencecah AS$1.4 trilion. Rantau ini tetap menjadi destinasi pelaburan langsung asing (FDI) dan aliran FDI ke rantau ini meningkat sebanyak 28 peratus dengan mencatat AS$52.4 bilion pada 2006.

Sejak 1995, perdagangan bagi sektor perkhidmatan telah diliberalisasikan secara progresif untuk melengkapkan pemansuhan tarif bagi sektor barangan. Pelan Tindakan untuk perdagangan sektor perkhidmatan telah menetapkan proses liberalisasi dilaksanakan menerusi lima pusingan rundingan, di mana kesemua halangan kepada perdagangan 128 sub-sektor perkhidmatan (berdasarkan klasifikasi GATS/W120 WTO) akan dimansuhkan secara progresif. Selain daripada liberalisasi pegangan ekuiti, liberalisasi sektor perkhidmatan juga melibatkan pemansuhan sebahagian besar daripada halangan-halangan akses pasaran dan layanan sama rata dalam perdagangan perkhidmatan. Ini dapat dicapai menjelang 2015.

Pelan Tindakan AEC turut merangkumi inisiatif baru dalam langkah-langkah pelaburan di bawah Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) ke arah mempercepatkan penubuhan rejim pelaburan yang bebas dan terbuka. ACIA akan ditandaaras kepada amalan terbaik antarabangsa yang merangkumi liberalisasi pelaburan, promosi dan kesedaran, fasilitasi pelaburan serta perlindungan pelaburan.

Tindakan juga sedang diambil untuk mengukuh pasaran modal ASEAN. Liberalisasi pergerakan modal dalam ASEAN akan dijalankan secara konsisten dan mematuhi agenda nasional Negara Anggota serta kesediaaan ekonomi masing-masing.

Untuk memastikan aliran pekerja mahir yang lebih bebas, inisiatif sedang dijalankan di bawah Pelan Tindakan AEC untuk memuktamadkan MRA bidang profesional utama. Sehingga kini, ASEAN telah mengadakan MRAs bagi perkhidmatan kejuruteraan, perkhidmatan kejururawatan, juruukur dan perkhidmatan arkitek.

Di bawah Pelan Tindakan AEC, ASEAN sedang meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang seperti hak harta intelek, dasar persaingan dan perlindungan pengguna. Peningkatan kerjasama dalam bidang-bidang tersebut adalah perlu untuk mengekalkan pertumbuhan dan daya saing ASEAN.

Pelan Tindakan AEC mewujudkan pendekatan lebih berlandaskan peraturan kepada integrasi ekonomi. Satu kad pemarkahan pelaksanaan akan diguna untuk memastikan pematuhan kepada komitmen-komitmen. ASEAN sedar bahawa pematuhan komitmen yang telah dibuat adalah kritikal untuk mengekalkan momentum pertumbuhan serantau. Jurang pelaksanaan komitmen sedia ada juga sedang ditangani dengan kadar segera di bawah Pelan Tindakan AEC.

Fokus Pelan Tindakan AEC adalah juga untuk memastikan semua Negara Anggota dan sub-wilayah dalam ASEAN akan berpeluang menikmati pembangunan dan faedah yang saksama hasil daripada integrasi serantau. Bagi mencapai hasrat ini, AEC menggaris pelan strategik untuk meningkat daya saing EKS serta merapat jurang pembangunan dalam ASEAN.

Pemantapan EKS ASEAN adalah berdasarkan Pelan Tindakan Dasar ASEAN untuk Pembangunan EKS (APBSD) 2004-2014 yang merangkumi program kerja strategik, langkah-langkah dasar dan pencapaian indikatif. Usaha-usaha sedang dijalankan melalui '*Initiative for ASEAN Integration*'

sebagai satu platform untuk mengenal pasti dan melaksanakan program-program bantuan teknikal serta bina upaya bagi sektor awam dan swasta di Negara Anggota ASEAN, khususnya untuk CLMV serta sub-wilayah IMT-GT dan BIMP-EAGA. Ini bagi membolehkan EKS menjadi rakan kongsi yang setaraf dalam pembangunan pengeluaran dan rangkaian pengedaran serantau.

Pencapaian objektif-objektif AEC akan menjadikan ASEAN satu rantau yang lebih dinamik dan mampu bersaing di dalam rantaian pengedaran global serta kekal menjadi lokasi yang menarik bagi FDI. Dalam hal ini, ASEAN akan berusaha ke arah mengekalkan konsep '*ASEAN Centrality*' dalam hubungan ekonomi luarnya, khususnya di dalam rundingan mewujudkan kawasan perdagangan bebas serta perjanjian ekonomi komprehensif dengan Rakan-rakan Dialog.

Kotak 10.2 : Pelan Tindakan EKS ASEAN

Kumpulan Kerja EKS ASEAN (ASEAN SMEWG) telah ditubuhkan di bawah bidang kuasa Menteri-menteri Ekonomi ASEAN untuk mewujudkan satu platform bagi perkongsian pendapat, pandangan dan maklumat mengenai pembangunan EKS. Kumpulan Kerja tersebut berfungsi sebagai satu rangkaian perhubungan bagi agensi-agensi berkaitan EKS untuk berkongsi idea. Rangkaian ini disokong dengan usaha-usaha pengukuhan EKS menerusi program bina upaya yang bertujuan untuk meningkatkan daya saing.

Salah satu inisiatif penting SMEWG ASEAN adalah pewujudan Pelan Tindakan Dasar ASEAN untuk Pembangunan EKS 2004-2014. Pelan Tindakan ini menggariskan rangka kerja pembangunan EKS dalam rantau ASEAN. Ia bertujuan untuk memacu pembangunan EKS dan mempertingkatkan kerjasama serta usaha-usaha integrasi EKS serantau.

Teras Pelan Tindakan tersebut merangkumi pemupukan budaya keusahawanan, penggalakkan inovasi serta meningkatkan kerjasama antara EKS di rantau ini. Khususnya, Pelan Tindakan tersebut memberi fokus kepada:

- bina upaya dalam pengurusan dan struktur organisasi EKS dengan matlamat untuk menjadikan mereka lebih berdikari;
- keupayaan EKS untuk menanda aras;
- menggalakkan *sub-contracting* antara firma serta lain-lain jaringan kerjasama;
- mempertingkat akses EKS kepada e-dagang dan kewangan; dan
- memantap persekitaran polisi dan mempromosi perkongsian sinergi antara pihak berkepentingan sektor awam dan swasta untuk pembangunan EKS.

Komitmen Malaysia di bawah Pelan Tindakan tersebut termasuk:

- '*Development of a Multi-Media Self-Reliant System Toolkit Package*' oleh Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) Berhad;
- '*Benchmarking for Best Practices in TQM for Enhancing the Growth and Competitiveness of SMEs in ASEAN*' oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- Latihan Keusahawanan untuk *Franchisee* di ASEAN oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Bab 11 PERKEMBANGAN DALAM KUMPULAN SERANTAU

TINJAUAN

Pada 2007, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam memelihara dan memperkukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburannya, serta kerjasama teknikal dan ekonomi, melalui pelbagai kumpulan serantau. Malaysia adalah ahli kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Kumpulan Lapan Negara-Negara Membangun (D-8), Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (*United Nations Conference on Trade and Development* - UNCTAD) dan Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC). Pengukuhan hubungan dan penglibatan aktif dalam organisasi-organisasi serantau ini telah membolehkan Malaysia mengecapi perlbagai faedah globalisasi.

APEC telah meneruskan usaha ke arah merealisasikan perdagangan dan pelaburan lebih bebas dan terbuka di kalangan ekonomi-ekonomi APEC. Ini telah dilaksanakan melalui usaha berterusan dalam membangunkan persekitaran perniagaan yang selamat dan menguntungkan, mempertingkatkan keselamatan manusia dan menghalang ancaman kepada pembangunan mapan.

Malaysia adalah Pengerusi OIC dari 2003 hingga Mac 2008. Di bawah teraju Malaysia, penekanan yang lebih tinggi telah diberi bagi merealisasikan kerjasama ekonomi dan integrasi OIC melalui:

- mempercepatkan liberalisasi perdagangan di kalangan anggota OIC untuk memperluas dan mempelbagaikan lagi perdagangan melalui ratifikasi Protokol mengenai Skim Keutamaan Tarif atau PRETAS oleh anggotanya; dan

- perkongsian ekonomi melalui program-program bina upaya di kalangan negara-negara OIC, diterajui oleh Malaysia untuk membina keupayaan dalam projek-projek yang berbentuk komersil dan menjana pendapatan, terutama di negara-negara berpendapatan rendah.

Sejajar dengan komitmen untuk menggalakkan lagi perdagangan intra-OIC, Malaysia meneruskan penglibatannya yang aktif dalam Perjanjian Keutamaan Perdagangan D-8 (D-8 PTA), yang bertujuan untuk secara beransur-ansur mengurangkan tarif dan lain-lain halangan di kalangan anggotanya.

KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK

Pada 2007, APEC telah menguna pakai tema 'Memperkukuhkan Komuniti, Membina Masa Depan yang Berdaya Tahan', yang memberi fokus kepada pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala, keselamatan tenaga, fasilitasi perdagangan (termasuk isu di sebalik sempadan), menambah baik persekitaran perniagaan yang selamat dan menguntungkan serta memperkukuhkan APEC melalui reformasi APEC.

Mesyuarat Menteri–menteri APEC Ke-19 (AMM) dan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC Ke-15 (AELM) telah diadakan pada 5 - 9 September 2007 di Sydney, Australia. Semasa Mesyuarat AELM Ke-15, Pemimpin-pemimpin telah memberi mandat supaya APEC terus memberi fokus mengenai pertumbuhan ekonomi dan perdagangan di rantau Pasifik.

Pandangan Malaysia telah diambil kira di dalam perkara-perkara utama yang telah diberi mandat oleh Pemimpin-pemimpin APEC dalam mesyuarat AELM 2007. Ini termasuk sokongan berterusan terhadap sistem perdagangan pelbagai hala bagi merealisasikan kejayaan memuktamadkan rundingan Agenda Pembangunan Doha Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO DDA), meneruskan usaha ke arah inisiatif Integrasi Ekonomi Serantau (REI), Liberalisasi dan Fasilitasi Perdagangan dan

Pelaburan (TILF), reformasi struktur domestik serta memperkukuhkan APEC melalui usaha-usaha reformasi APEC.

Semasa mesyuarat AMM Ke-19, Menteri-menteri APEC telah mencadangkan langkah untuk:

- meneruskan sokongan kepada sistem perdagangan pelbagai hala melalui komitmen dan tindakan yang kukuh;

- meningkatkan fokus kepada agenda Menteri untuk mempromosi integrasi ekonomi serantau termasuk meneroka pilihan serta prospek berhubung Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP);

- memperkukuhkan peranan APEC di dalam menggalakkan Perjanjian Perdagangan Serantau/Perjanjian Perdagangan Bebas (RTAs/FTAs) yang berkualiti tinggi;

- meningkatkan fokus terhadap agenda perdagangan dan pelaburan dengan usaha berterusan melalui Pelan Tindakan Fasilitasi Perdagangan Kedua (TFAP II), Inisiatif Data *Privacy Pathfinder* dan rangka kerja Pelan Tindakan Fasilitasi Pelaburan (IFAP);

- memperbaiki persekitaran perniagaan dan mengukuhkan usaha APEC dalam reformasi struktur;

- menangani cabaran ke atas peningkatan permintaan tenaga di samping meminimumkan kesan alam sekitar. Ini termasuk usaha mengurangkan halangan perdagangan bagi barangan dan perkhidmatan berasaskan alam sekitar; dan

- menyediakan lebih banyak sumber, kapasiti dan keupayaan institusi serta keperluan kepada Sekretariat APEC.

Sokongan kepada Sistem Perdagangan Pelbagai Hala

Mesyuarat AELM Ke-15 mengeluarkan Kenyataan mengenai rundingan WTO untuk memberi tekanan agar hasil substantif dapat diperoleh ke atas semua aspek di dalam rundingan Doha. APEC telah menyeru untuk campur tangan politik, fleksibiliti serta semangat yang utuh bagi memuktamadkan rundingan Doha yang memasuki fasa terakhir pada 2008. Ekonomi-ekonomi APEC akan menyambung rundingan untuk membentuk persekitaran perdagangan yang lebih baik, mengurangkan halangan perdagangan serta mewujudkan persekitaran pasaran global yang lebih bebas, adil dan selamat untuk semua ekonomi APEC bersaing.

Integrasi Ekonomi Serantau

Bagi menggalakkan integrasi ekonomi serantau, ekonomi-ekonomi APEC bersetuju untuk mengurangkan halangan kepada perdagangan dan pelaburan melalui FTAs/RTAs; memperbaiki kecekapan ekonomi dan persekitaran perniagaan serantau, termasuk pasaran modal; dan memudahkan integrasi dalam sektor seperti pengangkutan, telekomunikasi, perlombongan dan tenaga.

Pelan Tindakan Individu

Pelan Tindakan Individu (IAP) merupakan laporan tahunan APEC yang mengambarkan tindakan dan perancangan bagi mencapai Matlamat Bogor[1]. Ekonomi APEC akan menetapkan garis masa dan matlamat, di mana pelaksanaan kepada perkara ini adalah secara sukarela dan tidak terikat. Terdapat 15 bidang yang dinyatakan di dalam Agenda Tindakan Osaka[2] iaitu tarif, langkah bukan tarif, perkhidmatan, pelaburan, standard dan pematuhan, prosedur Kastam, hak harta intelek, dasar persaingan, perolehan kerajaan, penilaian semula perundangan, obligasi WTO (termasuk peraturan tempasal), penyelesaian pertikaian, pergerakan ahli perniagaan dan pengumpulan maklumat serta analisis.

Malaysia telah mengemukakan laporan penuh IAP yang merangkumi usaha yang telah dilaksanakan dalam bidang yang dinyatakan dalam Agenda Tindakan Osaka. Sehingga kini, Malaysia telah melaporkan kemajuan dan penambahbaikan dalam semua bidang dan

[1] *Objektif utama Matlamat Bogor adalah untuk merealisasikan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka dalam rantau APEC menjelang 2010 bagi ekonomi maju dan menjelang 2020 bagi ekonomi membangun*

[2] *Agenda Tindakan Osaka mengandungi prinsip-prinsip tindakan am sebagai penggerak kepada Matlamat Bogor. Ini dikemaskini pada 2002 dan kekal sebagai pelan asas untuk perkembangan dalam APEC bagi perdagangan dan pelaburan.*

ini membuktikan komitmen serius Malaysia dalam mencapai Matlamat Bogor.

IAP 2007 bagi semua ekonomi APEC telah disahkan semasa mesyuarat AMM Ke-19. Maklumat lanjut boleh didapati menerusi laman web e-IAP, di www.apec-iap.org.

Fasilitasi Perdagangan

Pada 2007, APEC telah mengesahkan Pelan Tindakan Fasilitasi Perdagangan Kedua (TFAP II) untuk mengurangkan lagi kos transaksi sebanyak 5 peratus dalam tempoh 2007- 2010. Komponen utama TFAP II adalah mengemaskini dan menyediakan rangka tindakan di dalam empat bidang iaitu Prosedur Kastam, Pergerakan Perniagaan, Standard dan Pematuhan serta Perdagangan Elektronik. Antara tindakan dan langkah-langkah yang telah dikemaskini adalah:

- memperkembangkan program kerja liberalisasi dan fasilitasi pelaburan dengan kerjasama Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) serta organisasi antarabangsa yang berkaitan;

- perlindungan dan penguatkuasaan hak harta intelek (IPR) melalui pengesahan model garis panduan untuk kempen kesedaran awam yang lebih efektif dan juga untuk melindungi rantaian bekalan daripada barangan tiruan dan cetak rompak; dan

- Pelan Kerja Pembangunan Sektor Swasta pelbagai tahun bagi mengurangkan karenah birokrasi dan memperbaiki kualiti peraturan perniagaan bagi Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS).

Pelaburan

Bagi memperkukuhkan usaha di dalam bidang pelaburan, APEC bertindak membangunkan Pelan Tindakan Fasilitasi Pelaburan (IFAP). IFAP telah dicadangkan oleh Jepun, yang menganjurkan Seminar Pelaburan di Tokyo pada Mei 2006 bagi membincangkan prinsip-prinsip umum Pelan Tindakan ini. Cadangan terperinci dan usaha berterusan pelan ini dijangka akan dilaksanakan pada 2008.

Reformasi Struktur Domestik

Reformasi struktur domestik akan meningkatkan suasana pelaburan, menggalakkan integrasi ekonomi dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi berdaya tahan di rantau Asia Pasifik. Walau bagaimanapun, usaha ke arah reformasi struktur domestik perlu mengambil kira keperluan dan kepentingan setiap ekonomi APEC. Reformasi struktur merangkumi lima bahagian iaitu reformasi peraturan, dasar persaingan, pengurusan korporat, pengurusan sektor awam dan memperkukuhkan ekonomi dan infrastruktur perundangan.

Pemimpin-pemimpin APEC semasa mesyuarat AELM Ke-15 di Australia telah bersetuju untuk menyokong inisiatif-inisiatif reformasi struktur seperti:

- meningkatkan kecekapan pasaran domestik;

- memperkukuhkan daya tahan ekonomi APEC;

- mengekalkan kadar pertumbuhan yang kukuh melalui inisiatif reformasi struktur;

- memperkukuhkan perlindungan dan penguatkuasaan IPR, termasuk membanteras penjualan barangan tiruan dan cetak rompak;

- meningkatkan persekitaran pelaburan yang merangkumi liberalisasi sistem pelaburan, mengalakkan perlindungan ke atas pelaburan; dan reformasi domestik bagi memperkukuhkan institusi dan pasaran kewangan;

- menjalankan kajian ke atas perjanjian pelaburan dua hala dan elemen-elemen teras yang berkaitan dengan pelaburan bagi FTA yang sedia ada dengan matlamat membangunkan prinsip-prinsip asas perjanjian pelaburan;

- meneroka pelbagai pilihan bagi meluaskan asas institusi dan instrumen sedia ada berkaitan pasaran kewangan serantau, di samping mengenal pasti peranan penting yang dimainkan oleh perantara kewangan; dan

- meneruskan usaha untuk memerangi rasuah dan menggalakkan sistem pentadbiran yang baik dengan mengukuhkan kerjasama dalam mengekstradisi, pendakwaan, bantuan perundangan bersama dan dapatan semula hasil kegiatan rasuah.

Inisiatif reformasi struktur domestik turut tertumpu kepada sektor EKS yang merupakan penggerak utama pertumbuhan untuk semua ekonomi APEC. Bagi meningkatkan daya saing EKS dan juga pembangunan sektor swasta, Agenda Pembangunan Sektor Swasta telah dilancarkan pada 2007 oleh Kumpulan Kerja EKS di bawah APEC. Agenda ini adalah bagi mempromosikan amalan perniagaan dan peraturan yang lebih baik berpandukan kepada petunjuk *'World Bank's Ease of Doing Business'*.

Memastikan Keselamatan Perdagangan dan Memudahkan Pengaliran Perniagaan dan Barangan Menyeberangi Sempadan

Menangani Keganasan

Pada 2007, Pasukan Petugas bagi Menangani Keganasan (CTTF) telah mengesahkan tujuh langkah utama untuk memerangi aktiviti keganasan. Langkah-langkah tersebut adalah:

- Prinsip-prinsip Pertahanan Makanan APEC;

- Bengkel bagi Menangani Pembiayaan Kegiatan Keganasan. Dua bengkel untuk meningkatkan pemantauan ke atas transaksi yang melibatkan tujuan amal, organisasi bukan berorientasikan keuntungan dan sistem penghantaran wang alternatif telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 11-13 April 2007 dan di Melbourne, Australia dari 17-19 Julai 2007;

- Program Pemulihan Perdagangan APEC (TRP);

- Program Kawalan Kualiti Keselamatan Penerbangan;

- Penubuhan Pusat Perkembangan Perniagaan dan Pusat Maklumat Keselamatan Penerbangan (POC);

- Persidangan Keselamatan Perdagangan di Rantau APEC (STAR). Persidangan STAR Kelima (STAR V) telah diadakan pada 27-28 Jun 2007 di Sydney, Australia untuk mereka bentuk sistem keselamatan dengan mengambil kira strategi pengurusan risiko yang sesuai serta kos yang berpatutan bagi meningkatkan kecekapan perdagangan; dan

- Reformasi Pelan Tindakan APEC bagi Menangani Kegiatan Keganasan.

Keselamatan Tenaga

Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga Kelapan (EMM8) telah diadakan di Darwin, Australia pada 27-30 Mei 2007. Mesyuarat tersebut memberi fokus kepada isu keselamatan tenaga yang berhubung kait dengan kesejahteraan ekonomi, sosial dan alam sekitar sesebuah negara. Mesyuarat tersebut merumuskan bahawa bagi memenuhi keperluan tenaga yang semakin meningkat dengan mengekalkan impak alam sekitar yang minimum memerlukan kerjasama bagi meningkat kecekapan tenaga bersih dan keberkesanan teknologi berasaskan tenaga, mengalakkan pelaburan dalam tenaga tambahan dan fasilitasi perdagangan tenaga melintasi sempadan. Malaysia berpandangan bahawa perlaksanaan pelan tindakan berasaskan tenaga, kecekapan serta keselamatan tenaga harus bersifat sukarela, dilaksanakan secara progresif dengan mengambil kira keupayaan setiap ekonomi. APEC harus mengekalkan usaha untuk memperkukuhkan kerjasama tenaga dan perkongsian maklumat berhubung teknologi dan pengetahuan terutamanya mengenai bidang tenaga yang boleh diperbaharui, penggunaan secara cekap dan pembangunan bersama sumber tenaga.

Keselamatan Kesihatan

Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan APEC telah diadakan di Sydney, Australia dari 5-8 Jun 2007. Mesyuarat tersebut telah mengesahkan *APEC Functioning Economies in Times of Pandemic Guidelines* dan juga bersetuju dengan pendirian untuk membangunkan amalan-amalan terbaik serta meningkatkan kapasiti serantau dalam meminimumkan impak ancaman kesihatan.

Persediaan Menghadapi Bencana

Seminar Ketua-ketua Pegawai Eksekutif berhubung Pengurusan Kecemasan telah diadakan dari 20-23 Ogos 2007 di Cairns, Australia. Seminar dan Mesyuarat Pasukan Petugas Pengurusan Kecemasan (TFEP) menekankan komitmen berterusan APEC untuk meningkatkan persediaan menghadapi kecemasan, serta mengurangkan risiko terhadap kejadian bencana alam. Mesyuarat turut menekankan kepentingan rangkaian global, serantau dan ekonomi dalam usaha persediaan menghadapi kecemasan serta mengurangkan risiko bencana alam terhadap komuniti dan ekonomi APEC.

Anti-rasuah dan Ketulusan

Pada 2007, Pasukan Petugas Anti-Rasuah APEC telah membentuk empat langkah yang telah dipersetujui dan disahkan AELM dan AMM. Langkah-langkah tersebut adalah Kod Tata Kelakuan untuk Perniagaan; Prinsip Tata Kelakuan untuk Pegawai Awam; Pelengkap kepada Prinsip Anti-Rasuah untuk Sektor Awam dan Swasta; dan Tindakan Memerangi Rasuah melalui Penambahbaikan Kerjasama Perundangan Antarabangsa. Bengkel dan seminar berkenaan dengan anti-rasuah dan ketelusan yang dianjurkan oleh APEC pada 2007 termasuk:

- bengkel mengenai Perkongsian bersama di antara Sektor Awam-Swasta, 22 Januari 2007 di Canberra, Australia;
- Bengkel mengenai membina Integriti dalam Sektor Swasta dan Awam - Melaksanakan Prinsip Anti-Rasuah APEC, 22 Jun 2007 di Cairns, Australia;
- Bengkel Bina Upaya bagi Memerangi Rasuah berhubung *Money Laundering*, 20-22 Ogos 2007 di Bangkok, Thailand; dan
- Seminar bertajuk 'Memerangi Rasuah adalah Tanggungjawab Antarabangsa: Memperkukuhkan Mekanisma Kerjasama di Rantau Asia Pasifik', 29-31 Oktober 2007 di Lima, Peru. Di seminar tersebut, Malaysia telah membentangkan kertas kerja mengenai 'Strategi Anti-Rasuah yang Berkesan: Penyiasatan dan Pendakwaan Kes Rasuah Peringkat Atasan'.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia telah menganjurkan seminar bertajuk 'Kerjasama Awam-Swasta di dalam Memerangi Rasuah dan Memelihara Integriti' di Kuala Lumpur pada 2-3 November 2007 dengan penyertaan daripada Malaysia, Thailand, Viet Nam, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Kemboja dan Filipina.

Perubahan Iklim

Cabaran asas dan saling berkait di rantau APEC adalah pertumbuhan ekonomi, keselamatan tenaga dan perubahan iklim. Melalui tindakan menyeluruh dan bersepadu, APEC bertekad memastikan keperluan tenaga ekonomi-ekonomi rantau ini dapat dipenuhi, di samping turut menangani isu kualiti alam sekitar dan penurunan pelepasan gas rumah hijau.

Berasaskan prinsip *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC), APEC mencadangkan satu kerjasama antarabangsa untuk perubahan iklim pasca-2012 yang saksama dan berkesan yang mempunyai:

- perkongsian sasaran global yang saksama serta berkesan dari segi alam sekitar dan ekonomi;
- mencerminkan kepelbagaian situasi ekonomi dan sosial di kalangan ekonomi;
- konsisten dengan tanggungjawab bersama tetapi berlainan tugas dan kapasiti masing-masing;
- menyokong kerjasama fleksibel yang mempunyai pendekatan lebih luas, serta tindakan praktikal dan kerjasama antarabangsa secara menyeluruh bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perubahan iklim;
- meningkatkan kecekapan dan kepelbagaian sumber dan keperluan tenaga, termasuk tenaga yang boleh diperbaharui;
- menjalankan pengurusan hutan dan amalan penggunaan tanah secara mapan; dan

- adaptasi kepada kesan perubahan iklim harus disokong oleh komuniti antarabangsa, termasuk melalui pertukaran dasar yang berkenaan, pembiayaan, bina upaya dan peralihan teknologi.

Inisiatif-inisiatif ini dirangka untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan menyumbang ke arah penurunan pelepasan gas rumah hijau, selari dengan objektif dan prinsip-prinsip UNFCCC. Tanpa prejudis terhadap komitmen di dalam fora lain, APEC akan:

- berusaha ke arah aspirasi sasaran serantau APEC untuk penurunan intensiti tenaga sebanyak sekurang-kurangnya 25 peratus menjelang 2030 (menggunakan 2005 sebagai tahun asas);

- berusaha mencapai inspirasi sasaran serantau untuk meningkatkan liputan hutan sekurang-kurangnya 20 juta hektar bagi semua jenis hutan menjelang 2020;

- mewujudkan *Asia-Pacific Network for Energy Technology* (APNet) untuk mengeratkan kerjasama dalam kajian tenaga dalam perkara-perkara seperti tenaga bersih fosil dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui;

- mewujudkan *Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation* untuk meningkatkan kapasiti bina upaya dan memperkukuh perkongsian maklumat dalam sektor perhutanan; dan

- mengadakan lebih banyak usaha dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan alam sekitar, pengangkutan penerbangan, penggunaan tenaga alternatif dan rendah karbon, keselamatan tenaga, perlindungan sumber biologi marin dan keupayaan analisa polisi.

Kerjasama Ekonomi dan Teknikal serta Bina Upaya

Ekonomi APEC bekerjasama dalam bidang ekonomi dan teknikal serta bina upaya (ECOTECH) bagi mencapai pertumbuhan yang berterusan dan pembangunan yang saksama di rantau Asia Pasifik, sambil mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan ekonomi APEC serta meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial. Pada 2007, sejumlah 79 projek ECOTECH yang dibiayai APEC telah dilaksanakan. Malaysia telah melaksanakan lima projek di bawah pembiayaan APEC iaitu:

- Bina Upaya dalam Pemerhatian dan Diagnosis Serangga *Leafminer, Whiteflies, Thrips and Mealybug* bagi Ekonomi APEC yang Sedang Membangun untuk Meningkatkan Kemasukan Pasaran (Tahun Kedua) (22-25 Mei 2007);

- Sesi Bengkel yang juga Dialog mengenai Pembentukan Indikator Prestasi Utama dan Tanda Aras Prestasi/Produktiviti bagi Sistem Penggajian yang Berpandukan Prestasi (30-31 Julai 2007);

- Kursus Khas Bina Upaya untuk Pesuruhjaya Perdagangan (27-30 Ogos 2007);

- Persidangan APEC mengenai Penilaian Sebagai Alat untuk Perancangan Pendidikan: Amalan Terbaik untuk Menilai Program-program Pendidikan (29 Oktober - 1 November 2007); dan

- Simposium Liberalisasi Pasaran dan Hubungannya dengan Struktur Pasaran, Tatakelakuan dan Prestasi ke atas Industri Pemprosesan Makanan di dalam Ekonomi APEC (12-14 Disember 2007).

Malaysia akan melaksanakan empat lagi projek bina upaya di bawah pembiayaan APEC pada tahun 2008 iaitu:

- Latihan untuk Jurulatih Berkaitan Pendekatan bagi Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL);

- Memaksimumkan Penggunaan Teknologi Maklumat bagi Meningkatkan Pegangan Ekuiti dan Akses di kalangan Masyarakat Miskin dan Luar Bandar;

- Penyelidikan ke atas Impak Sistem Penggajian Berdasarkan Prestasi terhadap Produktiviti Industri Tempatan; dan

- Bengkel Pemahaman dan Pembentukan Pilihan Dalam Pengurusan Risiko untuk Akses Pasaran.

Malaysia terus menerima manfaat dari pelbagai program/aktiviti liberalasasi dan fasilitasi perdagangan dan pelaburan di bawah APEC. Di antara faedahnya termasuk:

- penyertaan dalam program bina upaya di bawah ECOTECH;

- mengurangkan lagi kos transaksi perdagangan TFAP II;

- menyediakan kemudahan untuk perbandingan dan penilaian dasar ekonomi-ekonomi APEC melalui laporan tahunan IAP serta IAP *Peer Review*;

- penyediaan maklumat berhubung isu perniagaan selain memberikan prespektif perniagaan bagi bidang-bidang yang melibatkan kerjasama di dalam APEC menerusi penglibatan sektor swasta dalam ABAC; dan

- memudahkan perjalanan ahli-ahli perniagaan melalui penggunaan Kad Perjalanan Perniagaan APEC (ABTC) yang diterima pakai di lapangan terbang antarabangsa di ekonomi-ekonomi APEC.

PERTUBUHAN PERSIDANGAN NEGARA ISLAM

Sesi Luar Biasa Ketiga Sidang Kemuncak Islam pada Disember 2005 di Mekah, Arab Saudi, telah menerima pakai Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC. Program ini telah mensasarkan kerjasama ekonomi, termasuk mengembangkan perdagangan intra-OIC sebanyak 20 peratus menjelang 2015. Pada 2005, perdagangan intra-OIC mencatat kenaikan sebanyak 15.5 peratus, berbanding dengan 14.5 peratus pada 2004[3] .

Sistem Keutamaan Perdagangan di kalangan Negara Anggota OIC (TPS-OIC) adalah satu instrumen penting untuk mempromosi perdagangan intra-OIC melalui pertukaran keutamaan perdagangan di kalangan negara-negara anggota. Keutamaan perdagangan ini termasuk tarif, para-tarif dan konsesi bukan tarif ke atas produk tertentu.

Perjanjian Rangka Kerja mengenai TPS-OIC telah berkuatkuasa pada 2002 setelah sepuluh negara anggota meratifikasinya. Sehingga Disember 2007, sejumlah 31 dari 57 negara anggota OIC telah menandatangani Perjanjian Rangka Kerja, di mana 20 negara telah meratifikasinya. Walau bagaimanapun, TPS-OIC tidak boleh dilaksanakan lagi kerana kedua-dua Protokol mengenai Skim Keutamaan Tarif (PRETAS) dan Peraturan Tempasal (RoO) TPS-OIC, masing-masing belum lagi diratifikasi oleh sekurang-kurangnya sepuluh negara anggota. TPS-OIC disasarkan untuk pelaksanaan pada 1 Januari 2009.

Rundingan-rundingan mengenai PRETAS untuk membincangkan modaliti perdagangan telah dimuktamadkan pada 2005. PRETAS memperuntukkan pengurangan tarif, para-tarif dan halangan bukan tarif. Ia juga memperuntukkan komitmen mempercepat pengurangan/penghapusan tarif secara sukarela di bawah Jadual Penurunan Tarif Trek Pantas Secara Sukarela. Sehingga kini, 11 negara anggota OIC telah menandatangani PRETAS tetapi hanya tiga negara anggota yang telah meratifikasinya, iaitu Malaysia, Jordan dan Pakistan.

Pada 2007, TPS-OIC RoO telah dimuktamatkan. Sehingga Disember 2007, sejumlah tujuh negara anggota iaitu Cameroon, Guinea, Jordan, Malaysia, Tunisia, Turki dan Emiriyah Arab Bersatu telah menandatangani TPS-OIC RoO. Pada masa sekarang, Malaysia dalam proses meratifikasikan TPS-OIC RoO.

Selain dari TPS-OIC, Malaysia juga terlibat aktif dan menyokong usaha-usaha untuk mempromosi pembangunan ekonomi di negara-negara anggota OIC. Pada 2007, Malaysia telah melaksanakan lapan projek bina upaya untuk negara anggota OIC, termasuk:

- Program Penyesuaian kepada pegawai-pegawai Agensi Pengalakan Pelaburan;

[3] *Statistik untuk perdagangan intra-OIC bagi tahun 2006 dan 2007 belum disiarkan lagi oleh Sekretariat OIC.*

- Perkongsian Pengalaman Malaysia dalam Promosi Perdagangan;

- Promosi Kecemerlangan dan Dayasaing Organisasi;

- Mempertingkatkan Pengetahuan dan Bina Upaya untuk Sumber Manusia.

- Program Latihan untuk Usahawan Wanita; dan

- Program Latihan untuk pegawai-pegawai Agensi Bertanggungjawab bagi Pembangunan EKS.

Malaysia juga melaksanakan program untuk mengurangkan kemiskinan dan memperkukuhkan pembangunan ekonomi di negara anggota OIC yang kurang membangun, yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam (IDB) sebagai pusat tumpuan dan penyumbang kewangan utama. Di bawah Fasa Pertama Program Pengurangan Kemiskinan, Malaysia telah melancarkan empat projek perintis di empat negara anggota OIC yang berpendapatan terendah. Hanya tiga projek telah dilaksanakan, iaitu:

- bina upaya dalam industri minyak sawit di Sierra Leone;

- eksploitasi sumber minyak dan mineral serta bina upaya dalam fungsi pentadbiran, perancangan dan pengurusan di Mauritania; dan

- pembangunan sektor perikanan di Bangladesh.

Empat projek di bawah Fasa Kedua Program Pengurangan Kemiskinan telah dicadangkan untuk pelaksanaan, iaitu;

- bina upaya dalam pemprosesan dan eksport produk mangga di Guinea;

- perikanan di Maldives;

- menambah baik persekitaran pelaburan di Jordan; dan

- perancangan dasar ekonomi di Yaman.

Keempat-empat projek tersebut kini sedang dipertimbangkan untuk pelaksanaan oleh IDB. Sebagai tambahan, projek-projek di Burkina Faso, Comoros, Palestin, Senegal dan Somalia telah dikenal pasti dan akan dipertimbang untuk pelaksanaan di bawah fasa berikutnya bergantung kepada kesediaan negara berkenaan.

Bagi memudahkan perdagangan dan pergerakan ahli perniagaan di kalangan OIC, Malaysia pada 11 Jun 2007, telah memberikan *Multiple Entry Visa* bagi tempoh tiga tahun kepada ahli perniagaan dan pelabur dari negara anggota OIC. Langkah ini akan mempertingkatkan perdagangan intra-OIC dan aktiviti ekonomi di kalangan negara anggota OIC.

Pada 2007, Malaysia juga menjadi tuan rumah beberapa acara OIC, termasuk:

- Forum Dunia Ekonomi Islam Ketiga dari 28 – 29 Jun 2007;

- Persidangan Antarabangsa mengenai Zakat pada 28 November 2007; dan

- Persidangan Menteri-Menteri Kesihatan OIC pada pada 12 – 15 Jun 2007.

Malaysia telah menyerahkan Jawatan Pengerusi OIC kepada Republik Senegal semasa Sidang Kemuncak OIC Ke-11 yang diadakan di Dakar, Republik Senegal pada 13 – 14 Mac 2008.

KUMPULAN LAPAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

Kumpulan Lapan Negara-Negara Membangun (D-8) adalah kumpulan negara membangun yang telah membentuk satu pakatan pembangunan ekonomi. Penubuhan D-8 telah diumumkan melalui Deklarasi Istanbul semasa Sidang Kemuncak Pertama Ketua-ketua Negara/Kerajaan pada 15 Jun 1997 dan anggotanya adalah Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.

Sesi Ke-24 Mesyuarat Suruhanjaya D-8 yang diadakan pada 2007 bersetuju dengan

draf Pelan Kerja bagi Kerjasama Ekonomi D-8 antara 2007 dan 2017. Pelan Kerja ini menyediakan garis panduan bagi perangkaan strategi, polisi dan langkah-langkah baru untuk disahkan oleh Pemimpin-pemimpin di Sidang Kemuncak D-8 Keenam yang dijadual akan diadakan pada Julai 2008 di Kuala Lumpur.

Memandangkan jumlah perdagangan global negara-negara D-8 telah meningkat sebanyak 32.9 peratus kepada US$1,006.9 bilion pada 2006, dari US$757.8 bilion pada 2005, ini berpotensi untuk perkembangan perdagangan secara berterusan di kalangan anggota D-8. Eksport global D-8 meningkat sebanyak 19 peratus kepada US$517.8 bilion daripada US$436 bilion pada 2005, manakala import berkembang sebanyak 52 peratus kepada US$489.2 bilion daripada US$321.8 bilion pada 2005.

Bagi memudahkan perdagangan antara negara-negara anggota, D-8 telah memulakan rundingan Perjanjian Perdagangan Keutamaan D-8 (D-8 PTA) pada 2005, yang mensasarkan pengurangan tarif dan lain-lain halangan secara beransur-ansur untuk mempertingkat perdagangan intra D-8. Negara anggota kini sedang dalam proses rundingan RoO bagi D-8 PTA (D-8 PTA RoO). Bagi mempercepatkan penyelesaian, Malaysia telah menganjurkan bengkel latihan mengenai D-8 PTA RoO untuk negara anggota D-8 pada 29 - 30 Oktober 2007 dengan bantuan daripada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD). Bengkel tersebut telah menyediakan maklumat mengenai pelbagai pilihan dalam merangka D-8 PTA RoO kepada perunding-perunding D-8.

Setakat ini, perundingan D-8 PTA RoO sedang dijalankan dan ia dijangka dimuktamatkan sebelum Sidang Kemuncak D-8 Keenam yang dijadualkan dari 3 – 7 Julai 2008 di Kuala Lumpur, Malaysia. Pada 2007, Malaysia menganjurkan Mesyuarat Ketiga Kumpulan Kerja Kerjasama Perindustrian (WGIC) untuk mengenal pasti dan melaksana projek-projek kerjasama perindustrian di kalangan negara anggota D-8 serta menangani isu-isu yang menjejaskan kerjasama perindustrian seperti berikut:

- Kerjasama Pengurusan Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Pelabuhan di kalangan D-8 oleh Malaysia;
- Tekstil, Besi dan Keluli serta Petrokimia oleh Mesir;
- Petrokimia, Automotif, Simen, Janakuasa Tenaga dan Kilang Besi oleh Iran;
- Automotif dan lain-lain sektor oleh Indonesia;
- Bahan Kimia dan Petrokimia oleh Pakistan; dan
- Sektor Automotif oleh Turki.

KUMPULAN SERANTAU YANG LAIN

Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD)

Sesi Ke-54 Lembaga Perdagangan dan Pembangunan (TDB) UNCTAD telah diadakan pada 1 - 11 Oktober 2007 di Geneva, Switzerland. Perbincangan mengenai perdagangan tertumpu kepada:

- langkah-langkah untuk meningkatkan perdagangan Selatan-Selatan melalui pengukuhan sistem maklumat perdagangan dan penyelesaian Rundingan Pusingan Ketiga Sistem Keutamaan Perdagangan Global (GSTP) untuk menyediakan akses pasaran barangan yang lebih baik;
- peranan negara-negara membangun yang baru muncul sebagai punca pelaburan yang penting bagi lain-lain negara membangun;
- langkah untuk meningkatkan perdagangan dalam perkhidmatan, terutama bagi negara-negara Afrika dan negara-negara kurang membangun (LDCs) melalui penubuhan peraturan yang kukuh dan rangka kerja berinstitusi; dan

- peranan Tabung untuk Perdagangan bagi melengkapkan inisiatif liberalisasi perdagangan, dan sebagai sumber untuk menyediakan bina upaya serta mempromosi pertumbuhan ekonomi, pekerjaan dan pengurangan kemiskinan dalam negara-negara membangun.

Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh UNCTAD TDB pada 2007 termasuk:

- program pembangunan untuk membantu negara-negara Afrika mengkaji semula dasar dalamannya bagi memenuhi komitmen antarabangsa;

- mengkaji semula kemajuan pelaksanaan bagi Program Tindakan untuk LDCs; dan

- kajian semula aktiviti kerjasama teknikal UNCTAD.

Persidangan UNCTAD

Persidangan UNCTAD Ke-12 dijadualkan dari 20 - 25 April 2008 di Accra, Ghana. Fokus persidangan termasuk:

- meningkatkan kaitan bagi pembangunan ekonomi mapan dan pengurangan kemiskinan dalam penghasilan dasar global;

- menangani isu utama perdagangan dan pembangunan serta realiti baru perdagangan dunia;

- meningkatkan persekitaran bagi mengukuhkan kapasiti pengeluaran serta aktiviti perdagangan dan pelaburan; dan

- mengukuh dan meningkatkan keberkesanan institusi UNCTAD.

Sistem Keutamaan Perdagangan Global

Sistem Keutamaan Perdagangan Global (GSTP) bertujuan untuk meningkatkan akses pasaran di kalangan negara-negara membangun. Ia telah dimulakan pada 1988 dengan penyertaan 43 negara yang menawarkan pengurangan duti ke atas 1,626 garis tarif.

Namun begitu, tidak seperti lain-lain Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) yang mempunyai liputan yang lebih luas, skop GSTP terhad kepada liberalisasi tarif untuk barangan dan kerjasama dalam menangani halangan bukan tarif yang menyekat perdagangan antara pihak yang menandatangi Perjanjian ini. Produk yang telah ditawarkan oleh negara anggota untuk liberalisasi juga tidak komprehensif dan tidak mampu memenuhi peningkatan eksport.

Sehingga kini, hanya 22 daripada 43 negara-negara GSTP, termasuk Malaysia, layak menerima faedah dari konsesi yang dirundingkan. Usaha-usaha lain yang diambil untuk terus mempromosi penggunaan Skim ini oleh negara anggota termasuk mengukuh dan mempermudahkan Peraturan Tempasal dan Prosedur Persijilan Operasi.

Ahli-ahli GSTP sedang berusaha bagi mencapai konsensus dalam modaliti untuk liberalisasi tarif menjelang Persidangan UNCTAD ke-12 dan memuktamadkan rundingan sebelum akhir 2008. Ini akan membolehkan Malaysia untuk mendapat faedah daripada pengembangan pasaran sedia ada, serta menembusi pasaran baru terutama di Afrika, Amerika Latin dan Kepulauan Caribbean.

Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau

Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC) bertujuan untuk mempermudahkan perdagangan dan pelaburan serta mempromosi perkongsian faedah ekonomi di kalangan 18 negara Lingkaran-Lautan Hindi. Setakat ini, negara anggota adalah Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Kenya, Madagascar, Malaysia, Mauritius, Mozambique, Oman, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Thailand, Emiriyah Arab Bersatu dan Yaman.

Mesyuarat Ketujuh Majlis Menteri-menteri IOR-ARC yang diadakan pada 7-8 Mac 2007 di Tehran, Iran mempertimbangkan pelbagai langkah untuk mempertingkatkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan dikalangan negara anggota. Dalam bidang perdagangan dan pelaburan, Mesyuarat telah bersetuju:

- keperluan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil Teknikal Majlis Perkapalan untuk

Pembangunan, Penambahbaikan dan Pengurusan Pelabuhan, Maritim dan Pengangkutan serta Insurans dan Insurans Semula;

- memperkukuh kerjasama dalam standard dan akreditasi;

- mendapat pandangan dari Bank-bank Pusat negara anggota berkenaan Peraturan Penerimaan dan Pembayaran;

